




MAHATHIR DAN AKHBAR



Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahatir Mohamad dikelilingi para pemberita di Bangunan Parlimen selepas menghadiri sidang parlimen pada tahun 1995

MAHATHIR DAN AKHBAR

MOHD SAFAR HASIM



UTUSAN PUBLICATIONS & DISTRIBUTORS SDN BHD

1996

Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd
No. 18 Jalan 6/91, Taman Shamelin Perkasa
56100 Cheras, Kuala Lumpur
Tel: 03 - 9856577/03 - 9852645
Fax: 03 - 9846554

© Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd
Terbitan Pertama 1996

Hak cipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin pemilik hak cipta terlebih dahulu.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-
dalam-Penerbitan

Mohd. Safar Hasim

Mahathir dan akhbar / Mohd. Safar Hasim

(Siri media dan komunikasi Utusan)

Bibliografi: ms. 223-224

Mengandungi indeks

ISBN 967 - 61 - 0563 - 5

1. Mahathir bin Mohamad, Dato' Seri, 1925- -- Views on the press.

2. Mahathir bin Mohamad, Dato' Seri, 1925- -- Views on freedom

of the press. 3. Mahathir bin Mohamad, Dato' Seri, 1925- -- Views

on mass media. 4. Mass media--Malaysia. 5. Freedom of the

press--Malaysia. I. Judul. II. Siri.

323.44509595

M

323.44509595

MSH

M 838362

Dicetak oleh

ZIZI PRESS SDN. BHD.

41, Persiaran Mewah, Bandar Tun Razak,

Cheras, 56000 Kuala Lumpur.

3 OCT 1996
Perpustakaan Negara
Malaysia

Pengantar

Jelas bahawa tiada yang mengatasi profesion wartawan begitu kerap sekali dikritik atau ditegur sapa dan diberi nasihat serta tunjuk ajar. Ini berlaku kerana media massa – cetak dan elektronik – tiap hari berinteraksi dengan rakyat melalui khalayak pembaca, penonton dan pendengar masing-masing. Bahkan kerana kesinambungannya ada akhbar yang tumbuh menjadi lembaga masyarakat.

Mereka bukan sekadar menyampaikan maklumat dan melaporkan kejayaan atau kegagalan, keberanian atau sebaliknya dan mencatatkan untung nasib bangsa, tetapi juga menyampaikan aspirasi, keluhan dan permasalahan rakyat untuk perhatian dan tindakan susulan pihak-pihak berwajib. Di samping itu mereka juga dikehendaki berfungsi untuk mencerdas atau mendewasakan rakyat dalam menghadapi dan menangani bersama perubahan dan cabaran.

Dunia wartawan ikut mempunyai penghuni pelbagai fahaman atau ideologi, ragam dan prasangka. Pun ada yang menjadi seperti Don Quixote dengan segala perilakunya. Ada yang sajiannya tidak segar manakala, umpamanya, mengira pendapatnya sendiri saja yang benar dan lantas tidak menurunkan fakta atau pandangan lain. Sedangkan bagi sesebuah akhbar, umpamanya, ia bukan lagi akhbar jika tidak kredibel.

Seratus tahun kelak, atau pada bila masa saja, jika dan manakala buku ini dikaji oleh ahli sejarah, para akademik pembaca biasa bahkan juga wartawan, mungkin akan timbul pertanyaan kenapa gerangan dimuatkan mesej dan pesanan dari Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad. Jawapannya antara lain ialah kerana pertaliannya dengan Wawasan 2020 yang ditujui dan memerlukan sambutan kerjasama dan keterikatan rakyat untuk mencapainya.

Ikut berperanan dalam proses perubahan itu ialah pihak media kerana menjadi jambatan komunikasi yang melalui nya kerajaan menyampaikan dasar-dasar dan seruan demokrasi, seruan, dan melalui nya juga rakyat menyahut.

Lain-lain pihak – parti-parti politik, Majlis Peguam kesatuan-kesatuan sekerja, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan pelbagai kelompok pendesak – turut menyampaikan pandangan atau keraguan mereka. Dalam konteks ini media menghayati kebebasan bersuara sambil mendokong tanggungjawab bahawa yang dilaporkan itu saksama, tepat dan tidak berat sebelah.

Perlunya laporan saksama memang kritikal. Bahaya laporan-laporan tidak seimbang, umpamanya, mengenai sesebuah negeri yang dikuasai oleh pihak lawan ialah bahawa negeri itu menjadi seperti *terra incognita*, sesuatu yang tidak dikenali. Lalu sikap dan tindakan-tindakan yang ditunjukkan terhadapnya tidak bertepatan dengan realiti.

Kadang kala dilupai juga oleh setengah pihak akan sifat masyarakat majmuk Malaysia dengan akhbar-akhbar pelbagai bahasa – Melayu, Inggeris, Cina dan India – dan oleh itu tambah tidak senada penekanan mereka mengenai segala sesuatu yang dilafaz, ditulis atau yang dilaksanakan. Yang dianggap penting bagi satu tidak semestinya demikian bagi yang lain dan sebaliknya juga.

Dalam menghadapi angin dan gelombang perubahan pihak

media perlu yakin akan masa depan negara, dan ikut memupuk keyakinan itu di kalangan pembaca, penonton dan pendengar masing-masing. Dengan itu juga mereka menangkis gambaran pesimis yang acapkali ditabur oleh, antara lainya, media asing.

Kaum wartawan dan sesetengah khalayak mereka sebenarnya sudah lama mengenali Dr. Mahathir, iaitu sebagai C.H.E. Det yang dari waktu penjajahan lagi telah menulis dalam akhbar mengenai pelbagai permasalahan dan keperluan rakyat. Beliau telah menulis sejak tahun 1947, antara lainnya mengenai wanita Melayu dan kebebasan, Melayu dan pelajaran tinggi, perhubungan di antara Raja-raja dan rakyat, kaum tani dan nelayan. Jelas dewasa ini bahawa ada persoalan-persoalan yang berlarutan.

Keperihatian beliau berterusan. Demikian juga halnya bagi profesion wartawan.

Mazlan Nordin

Ogos 1995

Pendahuluan

Dr. Mahathir Mohamad adalah satu-satunya pemimpin Malaysia yang berani mengatakan "tidak" kepada Barat. Beliau tidak menerima jemputan Presiden Clinton untuk menghadiri Persidangan APEC (Asia-Pacific Economic Cooperation) di Seattle, Washington. Perdana Menteri Australia, Paul Keating menyifatkan Dr. Mahathir sebagai *recalcitrant* kerana enggan menghadiri persidangan itu. Australia ialah penganjur kerjasama ekonomi itu. Dr. Mahathir juga mengambil tindakan terhadap Britain kerana akhbar di negara tersebut telah membuat laporan palsu terhadap para pemimpin Malaysia. Rakyat melihat tindakan Dr. Mahathir sebagai sesuatu yang boleh dibanggakan dan wajar. Para pemimpin negara membangun lain tidak boleh mengambil tindakan demikian kerana ekonomi mereka tidak cukup kukuh untuk bertindak demikian. Persetujuan rakyat terhadap tindakan Dr. Mahathir boleh dilihat daripada mandat besar yang diberikan dalam Pilihan raya Umum 1995, yang boleh dilihat sebagai penerimaan rakyat terhadap kepimpinan Dr. Mahathir.

Malaysia sedang menuju sebuah negara maju. Ekonomi Malaysia sedang berkembang pada kadar lebih 8 peratus setahun sejak tujuh tahun yang lalu. Orang yang bertang-

gungjawab mengemudi negara ke arah tersebut ialah Perdana Menteri Malaysia Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad. Sejak memasuki kerajaan, Dr. Mahathir telah berusaha dengan mengambil langkah-langkah yang sesuai supaya negara ini mencapai wawasan negara.

Beliau telah memastikan suasana negara sesuai untuk pembangunan, khususnya keamanan dan kestabilan negara. Beliau banyak menolak andaian-andaian yang dibawa oleh Barat. Misalnya, mengenai *unionism*, yang memberi kuasa kepada kesatuan untuk mendesak majikan melalui tindakan perusahaan bagi kenaikan gaji. Dr. Mahathir menolak andaian ini, sebaliknya beliau menekankan produktiviti, dan melalui peningkatan produktiviti hasil pendapatan pekerja akan meningkat. Ini telah dibuktikan.

Begitu juga dengan akhbar. Beliau menolak andaian Barat khususnya mengenai kebebasan akhbar. Beliau menyoal sama ada kebebasan akhbar itu hanya untuk kebebasan semata-mata atau kebebasan untuk kebaikan. Dalam banyak hal, pendirian beliau disokong oleh rakyat yang memberi beliau mandat baru yang paling besar dalam sejarah pilihan raya Malaysia, iaitu memenangi 162 kerusi daripada 192 kerusi Parlimen dalam Pilihan raya Umum 1995.

Buku ini adalah satu testimoni atau syahadah kepada pemikiran dan pandangan Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad mengenai akhbar. Banyak telah ditulis mengenai Dr. Mahathir khususnya mengenai politik dan pembangunan. Tetapi setakat ini belum ada yang ditulis mengenai minda Dr. Mahathir dan Akhbar.

Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad banyak membuat ucapan mengenai akhbar. Dalam ucapan-ucapan ini beliau mempertikaikan konsep akhbar sebagaimana yang diterima di Barat, sambil itu memberi pandangannya kenapa beliau mempunyai pandangan yang berlainan. Beliau merupakan

pemimpin Malaysia yang cukup *articulate* mengenai soal ini. Sebagaimana lazimnya, ada yang menyokong dan ada yang menentang pandangan beliau ini. Pandangan ini dikemukakan secara konsisten sejak 1979 iaitu bermula dengan ucapan di majlis perasmian seminar anjuran Persatuan Penulis Nasional (PENA). Pandangan Dr. Mahathir mungkin bermula lebih awal lagi.

Saya mendapati pandangan-pandangan ini harus diketahui dengan lebih meluas lagi, dan dalam bentuk yang lebih kekal dan mudah diperoleh. Bahan-bahan ucapan beliau ini mula saya kumpul sejak tahun 1983 ketika menjadi pelajar sarjana dalam bidang komunikasi di University of Minnesota, Amerika Syarikat. Antara bahan awal yang menarik perhatian saya ialah artikel yang beliau tulis dalam *New Straits Times* pada 9 Julai 1981 iaitu beberapa hari sebelum menjadi Perdana Menteri. Artikel ini cukup penting diteliti kerana ia meletakkan dengan jelas pemikiran Dr. Mahathir mengenai akhbar. Satu lagi ialah ucapan beliau ketika merasmikan Simposium Dasar Komunikasi Negara pada bulan Ogos 1983. Jika diteliti dengan baik wawasan yang kini lebih dikenali sebagai Wawasan 2020 pada asasnya sudah dinyatakan dalam ucapan di Simposium Dasar Komunikasi Negara. Pada ketika itu ia belum disebut sebagai wawasan hanya sekadar sebagai *vision* masa depan. Apabila peluang terbuka, saya turut menghadiri majlis-majlis berkaitan akhbar khusus untuk mendengar ucapan Dr. Mahathir.

Untuk melengkapkan kumpulan ucapan Dr. Mahathir ini saya telah membuat kajian di Arkib Negara Malaysia di mana teks ucapan beliau dalam bentuk asal diperoleh. Sebagai tambahan saya juga mendapat salinan teks ucapan daripada Jabatan Perdana Menteri sendiri. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Pegawai Khas Perdana Menteri Dato' Jalaludin Bahaudin, Setiausaha Akhbar Encik

Hashim Makaruddin, Encik Zakaria Abdul Wahab yang dari semasa ke semasa mengirim kepada saya salinan teks yang diminta. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada para pegawai di Arkib Negara yang memberi kemudahan mendapatkan salinan teks ucapan Dr. Mahathir.

Kajian yang lebih mendalam mungkin boleh dijalankan pada masa hadapan mengenai ucapan Dr. Mahathir. Ini hanyalah satu langkah pertama. Jika dilihat kegiatan Dr. Mahathir dalam bidang lain sudah ditulis dengan banyaknya. Pandangan beliau tentang akhbar nampak seperti terpinggir.

Sdr. Zainuddin Maidin, penulis buku *Mahathir di Sebalik Tabir* mengenali Dr. Mahathir secara dekat. Saya tidak kenal Dr. Mahathir sebegitu dekat. Saya hanya berpeluang menemu bual Dr. Mahathir sekali saja, iaitu ketika beliau dilantik menjadi Menteri Pelajaran bulan Oktober 1974. Saya telah diarahkan oleh Pengarang Berita Bernama, Encik Musa Scully supaya mendapatkan laporan mengenai Dr. Mahathir melapor diri di Kementerian Pelajaran, ketika itu di Federal House. Hanya saya dan seorang wartawan *Utusan Melayu* berjumpa Dr. Mahathir. Tidak ada apa-apa yang istimewa dengan pertemuan itu. Saya masih ingat bertanya Dr. Mahathir mengenai apa yang bakal dilakukan di kementerian. Beliau menjawab bahawa beliau mempunyai beberapa idea yang akan dijalankan. Beliau ingin mendapat penerangan daripada para pegawai mengenai kementerian itu sebelum melakukan apa-apa. Ini mungkin ada kaitan dengan cara tindakan yang diambalnya, iaitu berhati-hati tetapi tegas.

Saya rasa Dr. Mahathir adalah seorang manusia luar biasa. Beliau boleh menukar pandangan orang dengan sekelip mata saja, dari menentang kepada menyokong. Satu perkara yang saya masih ingat dengan segar bagaimana pada satu masa beliau telah dijemput menyertai suatu Debat Agung

di Universiti Malaya dalam tahun tujuh puluhan. Pada ketika itu Dr. Mahathir boleh dikatakan tidak disukai oleh pelajar. Apabila beliau bangun untuk memberi pandangannya, beliau telah diejek dan *boo* oleh para pelajar untuk beberapa minit. Dr. Mahathir hanya berdiam diri dengan tenang di depan rostrum tanpa berkata apa-apa. Beliau menunggu semua diam sebelum memulakan ucapan beliau. Saya tidak ingat lagi apa yang beliau katakan, tetapi yang pasti ialah pada satu peringkat, dewan yang sebelumnya bergema dengan ejekan dan *boo* telah bertukar menjadi sorakan menyokong beliau. Di akhir ucapannya para pelajar, yang sebelumnya mengejek dan *memboo* beliau, telah berdiri memberi *standing ovation*. Mereka bersorak menyokong beliau. Ini suatu kebolehan yang istimewa.

Dalam buku ini saya kumpulkan semua ucapan penting beliau yang berkaitan dengan akhbar, media dan komunikasi yang saya rasa boleh menolong seseorang memahami pandangan beliau. Sesetengah ucapannya menyentuh akhbar dalam konteks perkara-perkara lain. Saya tidak cuba melihat ucapannya dari segi retorik. Saya melihat ucapan ini dari segi nilai mukanya. Terpulanglah kepada para pembaca sekalian untuk menilainya. Walaupun dunia mungkin tidak setuju dengan pandangan-pandangan ini, dunia harus menerima bahawa pandangan ini dibuat bukan tanpa asas yang kukuh. Dunia harus menerima pandangan ini, dan dengan demikian tidak cuba memaksa pandangan Barat khususnya kepada negara-negara membangun seperti Malaysia.

Buku ini dibahagi kepada dua bahagian. Bahagian pertama ialah pengenalan dan bahagian kedua memuatkan ucapan dan artikel Dr. Mahathir. Bahagian pertama cuba memberi sedikit gambaran mengenai akhbar di Malaysia secara sepintas lalu. Ia juga memetik beberapa perkara

penting yang dibangkitkan oleh Dr. Mahathir dalam ucapannya. Seperkara yang tidak harus ditinggalkan ialah membaca semua ucapan Dr. Mahathir, kerana saya percaya banyak permata yang boleh diperoleh daripada membaca ucapan-ucapan tersebut.

Saya ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada YAB Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad kerana mengizinkan saya menggunakan kesemua 16 ucapan dan sebuah artikel akhbar yang tersiar dalam buku ini. Begitu juga kepada Pengarang Kumpulan New Straits Times Dato' Abdul Kadir Jasin yang disiarkan pertama kali dalam New Straits Times pada 9 Julai 1981.

Saya juga mengucapkan terima kasih pada Datuk Mazlan Nordin yang sudi memberi kata pengantar untuk buku ini.

*Jabatan Komunikasi
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi, Selangor, Malaysia*

Isi

Pengantar	v
Pendahuluan	ix
Bahagian Satu: Pengenalan	1
1 Akhbar Malaysia Sepintas Lalu	3
2 Pemperibumian Sistem Akhbar Malaysia	18
3 Minda Mahathir Mengenai Kebebasan dan Tanggungjawab Akhbar	32
Bahagian Dua: Minda Mahathir	63
4 Mencari Had Kebebasan Akhbar	65
5 Peranan Akhbar dalam Demokrasi	72
6 Dunia Ketiga Dilayan Buruk oleh Media Barat	89
7 Akhbar dan Perubahan Sikap	97
8 Mencapai Wawasan Negara Melalui Komunikasi	104
9 Integrasi Nasional Melalui Komunikasi	115
10 Kerjasama antara Kerajaan dan Media Massa	119
11 Elakkan Memberi Apa Saja yang Digemari oleh Pembaca	128

✓12	Semua Media Dunia Dikawal	134
✓13	Kebebasan Akhbar Bukanlah Mutlak	140
✓14	Kebebasan untuk Kebaikan atau Kebebasan untuk Kebebasan	154
15	Tanggungjawab Sosial Model Akhbar yang Terbaik	164
16	Perseteraan (<i>Adversary</i>) Bukan Ukuran Kredibiliti Akhbar	182
✓17	Akhbar Malaysia Bebas untuk Menyokong atau Mengkritik Kerajaan	187
18	Peranan Akhbar Cina	196
✓19	Penipuan Atas Nama Kebebasan Akhbar	201
20	<i>Big Brothers</i> Mengawal Media Antarabangsa	210
	Bibliografi	223
	Indeks	225

BAHAGIAN SATU PENGENALAN



1 Akhbar Malaysia Sepintas Lalu

Ada dua dokumen penting yang perlu dimiliki oleh pencetak dan penerbit akhbar dan majalah di negara ini, iaitu lesen untuk memiliki dan menyimpan mesin cetak dan permit untuk mencetak dan menerbitkan akhbar dan majalah. Selain itu ada peruntukan-peruntukan lain yang terkandung dalam Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, iaitu akta ibu dan akta pindaan yang perlu dipatuhi.

Keperluan lesen dan permit ini bukanlah baru. Ia adalah syarat lama. Ia boleh disusur galur dari sejak akhbar pertama *Prince of Wales Island Gazette* diterbitkan di Pulau Pinang pada tahun 1806 lagi. Syarat ini dikenakan kepada A.B. Bone, ketika beliau memohon untuk menubuhkan syarikat percetakan dan menerbit sebuah akhbar di Pulau Pinang. Bone ialah seorang usahawan yang dipercayai berbangsa Inggeris, yang pernah menjadi pencetak dan penerbit dua buah akhbar di Madras, India, sebelum beliau berhijrah ke Pulau Pinang.

Kerajaan *Prince of Wales Island* (Pulau Pinang) yang dipimpin oleh Gabenor Philip Dundas memberi kebenaran kepadanya dengan beberapa sekatan. Kelulusan yang diberikan oleh Mesyuarat Majlis, Fort Conwallis pada 30 Januari 1806 berbunyi seperti berikut:

Memutuskan bahawa Encik Bone dibenarkan menubuhkan sebuah percetakan, dan menerbit sebuah akhbar di bawah sekatan tertentu dan dengan demikian beliau diberikan suatu lesen untuk tujuan tersebut.¹

Sekatan yang dimaksudkan ialah akhbar tersebut ter-takluk kepada penapisan. Ini bermakna *proof sheet* akhbar itu perlu diserahkan kepada Setiausaha Kerajaan untuk disemak dan dibuang apa-apa perkara yang tidak disenangi oleh kerajaan. Penapisan ini berkuatkuasa sehingga 1833 apabila Residen Singapura S. G. Bonham menarik balik lang-kah tersebut.

Pada masa yang sama di India, khususnya di tiga presi-densi yang di bawah kuasa East India Company iaitu Bengal, Madras dan Bombay, undang-undang akhbar dikuatkuasa-kan di sana. Pada tahun 1830 Pulau Pinang, Singapura dan Melaka diletakkan terus di bawah pemerintahan presidensi Bengal. Ini bermakna undang-undang yang berkuat kuasa di India juga berkuat kuasa di ketiga-tiga negeri selat itu. Pada tahun 1835 sebuah undang-undang mengenai akhbar diluluskan untuk kesemua presidensi. Undang-undang ini memansuhkan semua undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa di ketiga-tiga presidensi. Undang-undang baru itu dari segi prinsipnya memberi kebebasan kepada akhbar, kerana sekatan yang dikenakan sebelumnya tidak diperlu-kan lagi. Bagaimanapun, mesin cetak perlu didaftar dengan kerajaan. Ia hanya menjadi kesalahan jika tidak mendaftar. Undang-undang ini dikuatkuasakan di Negeri-negeri Selat mulai September 1835.

Undang-undang ini berkuat kuasa sehingga 1920 apabila *Printing Press Ordinance* digubal dan dikuatkuasakan di Negeri-negeri Selat. Di bawah undang-undang ini, lesen diperlukan untuk mengguna dan menyimpan mesin cetak.

Langkah ini diambil sebagai usaha untuk mengawal akhbar Cina di Negeri-negeri Selat pada waktu itu yang dianggap sebagai keterlaluan. Peruntukan itu meletakkan kuasa menapis kandungan akhbar kepada pencetak, kerana tindakan menggantung pencetak bermakna menggantungkan akhbar terbabit. Ternyata kemudiannya langkah ini bukanlah langkah terbaik untuk mengawal akhbar kerana tindakan terus tidak boleh diambil terhadap akhbar. Bagaimanapun, dari saat ini bermulalah pelesenan mesin cetak. Undang-undang yang memerlukan mesin cetak dilesenkan digubal di Negeri-negeri Melayu Bersekutu tahun 1924. Undang-undang pelesenan ini seterusnya digubal juga di Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu, iaitu Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu dan Johor.

Undang-undang mengenai permit penerbitan digubal pada tahun 1939 apabila Negeri-negeri Selat diancam oleh propaganda Jepun. Peruntukan mengenai permit ini dimasukkan ke dalam undang-undang mesin cetak yang berkuat kuasa ketika itu. Apabila *British Military Administration* (BMA) mengambil alih pemerintahan daripada Jepun, undang-undang British yang berkuatkuasa sebelum Jepun menakluk British Malaya dikuatkuasakan semula. Kerajaan Malayan Union yang ditubuhkan selepas itu terus menguatkuasakan undang-undang sebelumnya, dan ini termasuk undang-undang berkaitan dengan akhbar.

Di bawah Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu yang ditubuhkan pada 1 Februari 1948, kuasa mengenai akhbar terletak di bawah kerajaan pusat. Terdapat undang-undang akhbar yang berasingan ketika itu, iaitu suatu undang-undang di Negeri-negeri Selat (Pulau Pinang dan Melaka), sebuah meliputi Negeri-negeri Melayu Bersekutu (Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang), dan manakala Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu setiap negerinya mempunyai satu

undang-undang tersendiri (Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu dan Johor). Undang-undang ini disatukan menjadikan enakmen Negeri-negeri Melayu Bersekutu sebagai asas dan memasukkan peruntukan mengenai permit penerbitan yang berkuat kuasa di Negeri-negeri Selat di dalamnya. Undang-undang mesin cetak 1948 ini yang dikenali sebagai Ordinan Mesin Cetak 1948 digubal apabila negara ini sedang menghadapi darurat ketika pihak komunis melancarkan pemberontakan bersenjata untuk menumbangkan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu.

Ordinan Mesin Cetak ini telah melalui beberapa pindaan. Pada tahun 1957 pindaan dibuat yang memerlukan permit pengedaran di Malaya bagi akhbar yang dicetak di Singapura, berikutan kemerdekaan Malaya. Selanjutnya, pindaan dibuat pada tahun 1974 yang memerlukan pegangan majoriti ekuiti dan modal tempatan bagi akhbar yang ditubuhkan di negara ini. Pada tahun 1984 sebuah undang-undang baru digubal yang dinamakan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 yang mengambil kira Akta Mesin Cetak 1948.

Bagaimanapun, dua peruntukan iaitu mengenai pelesenan mesin cetak dan permit untuk mencetak dan menerbitkan akhbar dikekalkan hingga ke hari ini.

Dalam zaman merdeka, kewujudan Akta Mesin Cetak khususnya kedua-dua peruntukan ini sering dipertikaikan oleh pihak yang tidak bersetuju dengannya khususnya parti-parti pembangkang dan pihak-pihak berminat. Pihak pembangkang mahu kerajaan menarik balik kedua-dua peruntukan itu kerana ia dikatakan menyekat kebebasan akhbar di negara ini. Namun pihak kerajaan tetap mempertahankannya dengan berhujah untuk memelihara kestabilan negara kerana Malaysia merupakan sebuah negara yang mengandungi pelbagai kaum.

Dalam menangani perkara ini kerajaan mungkin meng-

ambil pendirian bahawa pencegahan lebih baik daripada pengubatan. Tujuannya ialah untuk mengelak penerbitan yang boleh digunakan untuk tujuan subversif yang boleh memesonkan pendapat orang ramai untuk bertindak menentang kerajaan. Contohnya, ada penerbitan yang pernah digunakan oleh barisan hadapan komunis ataupun yang digunakan untuk mengutuk negara-negara jiran yang boleh menjejaskan hubungan diplomatik dan sebagainya.

Sehubungan dengan ini kerajaan pernah menolak permohonan Persatuan Aliran Kesedaran Negara (Aliran) untuk menerbitkan majalah bulanan dalam bahasa Malaysia. Pada ketika itu Aliran sudah pun mempunyai penerbitan dalam bahasa Inggeris. Aliran berhasrat menggunakan penerbitan itu untuk meluaskan penyebaran pandangannya di kalangan pembaca berbahasa Melayu. Kerajaan telah menolak permohonan itu. Aliran bertindak menyaman kerajaan di mahkamah. Walaupun Mahkamah Tinggi membenarkan permohonan Aliran tetapi Mahkamah Agung menolaknya. Dalam prosesnya kerajaan telah mengemaskan peruntukan dalam Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 yang menjadikan keputusan menteri menolak permohonan untuk permit penerbitan sebagai muktamad dan perkara penolakan itu tidak boleh dibawa ke mahkamah.

Bagaimanapun, Aliran diberi juga permit penerbitan apabila ia memohon semula. Malangnya bagi Aliran majalah yang dijangka mendapat sambutan rakyat Melayu khasnya terpaksa dihentikan selepas berjalan selama empat tahun kerana kekurangan sambutan.

Tidak dapat dipastikan kenapa majalah ini ataupun penerbitan sedemikian tidak mendapat sambutan. Yang pertama sekali mungkin orang tidak berminat membaca, atau orang ramai tidak berminat membaca artikel yang kritikal terhadap kerajaan. Atau pun bagi Aliran khususnya, ia sudah

mempunyai majalah dalam bahasa Inggeris – mungkin orang yang sama menjadi pembacanya.

Sebaliknya, dapat dilihat penerbitan lain sedang berkembang pesat dari segi pembaca. Kita dapat melihat semakin banyak syarikat penerbitan ditubuhkan. Jika pada suatu ketika dahulu cuma ada beberapa syarikat besar yang terlibat dalam penerbitan seperti New Straits Times Press Berhad, Utusan Melayu (M) Berhad, Star Publications (M) Berhad dan Nanyang Press (M) Bhd. Kini beberapa buah syarikat penerbitan lagi sedang berkembang pesat seperti Kumpulan Karangkrak, Creative Enterprise, Kumpulan Akhbar Watan dan Sin Chew Jit Poh. Syarikat penerbitan yang sudah begitu *established* seperti Berita Harian Sdn. Bhd. terus memperkukuhkan kuasa di pasaran dengan menerbit *Citra*, *Minda Pelajar* dan *Didik*. Utusan Melayu juga turut memperkenalkan majalah baru seperti *Pemikir* yang merupakan sebuah majalah intelektual.

Pertumbuhan Pesat Penerbitan

Apabila Dr. Mahathir mengambil alih jawatan Perdana Menteri Malaysia pada 16 Julai 1981, satu daripada dasar awal beliau ialah dasar liberalnya terhadap penerbitan. Dasar liberal itu yang dilaksanakan segera telah menyebabkan lebih banyak permit penerbitan dikeluarkan berbanding dengan sebelumnya. Pada asasnya Dr. Mahathir telah menggerakkan industri penerbitan akhbar dan majalah. Pada hari ini beratus-ratus majalah dalam pelbagai jenis diterbitkan. Jika dahulu penerbitan majalah merupakan majalah umum, kini lebih banyak majalah khusus diterbitkan.

Secara amnya, kini (1995) terdapat lebih banyak akhbar dan majalah di pasaran berbanding dengan tahun 1981 apabila Datu' Seri Dr. Mahathir Mohamad mengambil alih teraju pemerintahan negara. Lihat saja di kedai-kedai surat khabar,

berbagai-bagai jenis majalah dalam pelbagai bahasa dan dalam bentuk warna-warni yang amat menarik sekali. Pertumbuhan pesat majalah dan akhbar ini mungkin berkait rapat dengan perkembangan ekonomi negara ini. Tetapi tidak boleh dinafikan juga pertumbuhan ini ada kaitan dengan dasar kerajaan yang *pro-business*, yang ingin menggalakkan pertumbuhan perniagaan di negara ini. Dan tidak boleh dinafikan juga ia adalah hasil dasar liberal kerajaan tentang pemberian permit penerbitan.

Menurut Kementerian Dalam Negeri hingga akhir 1994 sebanyak 63 permit telah dikeluarkan untuk akhbar harian, 25 buah untuk akhbar mingguan dan 8 buah untuk akhbar parti politik.

Permit untuk akhbar harian dalam bahasa Cina paling banyak dikeluarkan iaitu sebanyak 33 buah, diikuti oleh bahasa Inggeris sebanyak 10 buah, bahasa Melayu 9 buah, bahasa Tamil 6 buah, dan pelbagai bahasa 6 buah. Bagaimanapun, untuk permit akhbar mingguan, bahasa Melayu mendahului dengan sebanyak 17 buah, diikuti oleh bahasa Inggeris 5, bahasa Cina 1, bahasa Tamil 1, dan pelbagai bahasa 1 (Sila lihat Jadual 1).

Selain itu sebanyak 1597 permit dikeluarkan untuk tiga kategori penerbitan iaitu majalah, buku panduan dan surat berita (Sila lihat Jadual 2). Daripada jumlah tersebut 957 buah permit adalah untuk majalah. Jumlah permit yang dikeluarkan untuk bahasa Inggeris mendahului dengan 401 buah, diikuti oleh bahasa Malaysia 155 buah, bahasa Cina 123 buah, bahasa Tamil 26 buah, lain-lain bahasa 3 buah. Sejumlah 249 buah terdiri daripada 249 buah.

Pada keseluruhannya sejumlah 3206 buah permit dikeluarkan sehingga 31 Disember 1995. Sebanyak 149 permit akhbar dan 1875 majalah dikeluarkan untuk penerbitan di

Jadual 1: Jumlah permit penerbitan yang dikeluarkan untuk akhbar harian dan mingguan serta akhbar parti politik sehingga 31 Disember 1994

AKHBAR HARIAN

Jumlah dalam bahasa Melayu	-	9
Jumlah dalam bahasa Inggeris	-	10
Jumlah dalam bahasa Cina	-	33
Jumlah dalam bahasa Tamil	-	6
Jumlah dalam pelbagai bahasa iaitu Melayu/Inggeris/Kadazan/Iban	-	6
Jumlah akhbar harian	-	63 naskhah

AKHBAR MINGGUAN

Jumlah dalam bahasa Melayu	-	17
Jumlah dalam bahasa Inggeris	-	5
Jumlah dalam bahasa Cina	-	1
Jumlah dalam bahasa Tamil	-	1
Jumlah dalam pelbagai bahasa iaitu Melayu/Inggeris/Kadazan/Iban	-	1
Jumlah akhbar harian	-	25 naskhah
Akhbar parti politik untuk sebaran ahli	-	8 naskhah

Sumber: Surat Kementerian Dalam Negeri bertarikh 9 Februari 1995 kepada penulis.

Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Manakala 11 buah akhbar dan 305 majalah yang diterbitkan di Singapura diberi permit untuk diedarkan di Malaysia (Sila lihat Jadual 3 di atas).

Banyaknya akhbar dan majalah serta penerbitan lain di

Jadual 2 : Jumlah permit penerbitan yang diluluskan selain surat khabar dan akhbar parti politik di bawah Seksyen 6(1) (a) sehingga 31.5.1994

Bahasa	Majalah	Buku Panduan	Surat Berita	Jumlah
Bahasa Malaysia	155	6	76	237
Bahasa Inggeris	401	63	172	636
Bahasa Cina	123	3	7	133
Bahasa Tamil	26	1	2	29
Campuran bahasa	249	21	283	553
Lain-lain bahasa	3	2	4	9
Jumlah	957	96	544	1597

Sumber: Surat Kementerian Dalam Negeri bertarikh 9 Februari 1995 kepada penulis

Jadual 3: Jumlah permit penerbitan sehingga 31 Disember 1994

	S. Malaysia	Sabah	Sarawak	Jumlah	Singapura
Surat khabar	96	23	30	149	11
Majalah	1826	20	29	1875	305
Surat berita	921	18	35	974	18
Buku panduan	195	3	10	208	15
Jumlah	3038	64	104	3206	349

Sumber: Surat Kementerian Dalam Negeri bertarikh 9 Februari 1995 kepada penulis

negara ini dilihat oleh kalangan tertentu sebagai hasil sikap liberal kerajaan. Ia dianggap sebagai bukti kerajaan mengamalkan kebebasan akhbar. Bagaimanapun, kalangan lain tidak bersetuju kerana terdapat keperluan pelesenan mesin cetak dan permit penerbitan. Yang sebenarnya kebebasan akhbar di negara ini wujud dalam lingkungan undang-undang. Sesetengah orang melihat keadaan ini sebagai satu kawalan. Namun demikian berdasarkan perkembangan sejarah, sukar untuk melihat apa yang dikatakan sebagai kawalan itu akan ditarik balik – sekurang-kurangnya dalam masa yang singkat. Dr. Mahathir sendiri, setelah mengkaji berbagai-bagai teori dan sistem akhbar di dunia, merasa model tanggungjawab sosial sebagai terbaik untuk Malaysia. Walau apa pun gelar yang diberikan kepada sistem akhbar Malaysia, adalah nyata ia sedang berkembang dan sedang mencari identitinya sendiri.

Beberapa Peristiwa Berkaitan Akhbar

Di bawah pentadbiran Dr. Mahathir, ada beberapa tindakan yang diambil yang oleh sesetengah pihak melihatnya sebagai tindakan keras terhadap akhbar, tetapi ada pihak lain, khususnya pihak kerajaan tindakan tersebut perlu dilakukan demi keselamatan negara. Pada awal pentadbiran Dr. Mahathir, dua orang wartawan iaitu Rakan kongsi urusan akhbar *Watan*, Datuk Aziz Ahmad dan wartawannya Halim Mahmood ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) pada bulan Oktober 1981. Pada bulan Oktober 1987, tiga buah akhbar iaitu *The Star*, *Watan* dan *Sin Chew Jit Poh* telah digantung penerbitannya bagi memelihara keselamatan negara, juga satu tindakan di bawah ISA. Wartawan luar negeri juga tidak terkecuali. Dua orang wartawan *The Asian Wall Street Journal*, John Berthelsen dan Rafael Pura telah dibatalkan visa mereka, manakala akhbar *The Asian Wall Street*

Journal digantung pengedaran mulai 27 September 1986. Tindakan terhadap mereka ini diambil kerana kerajaan mendapati mereka membuat laporan yang boleh menjejaskan negara dan penerbitannya dibuat begitu rupa ketika berlaku persidangan kewangan antarabangsa. Tindakan kerajaan ini kemudiannya dibatalkan oleh Mahkamah Agung.

Kerajaan juga tidak bertolak ansur dengan wartawan yang menyiarkan rahsia rasmi. Dua orang wartawan, seorang wartawan akhbar *New Straits Times*, Sabry Shariff dan seorang lagi wartawan *Far Eastern Economic Review*, James Clad, telah dihadapkan ke mahkamah atas tuduhan membocorkan rahsia rasmi, dan mereka didenda selepas mengaku bersalah. Kerajaan tidak berpuas hati dengan keputusan mahkamah itu, dan ini menyebabkan pindaan dibuat terhadap Akta Rahsia Rasmi yang memperuntukkan hukuman minimum satu tahun penjara bagi kesalahan membocorkan rahsia rasmi.

Di bawah pentadbiran Mahathir juga, langkah diambil untuk menseragamkan kuatkuasa undang-undang yang berkaitan dengan akhbar di Sabah dan Sarawak. Langkah ini diambil mulai 1 Julai 1983, apabila Kerajaan Persekutuan telah melanjutkan kuatkuasa Akta Mesin Cetak 1948 (Disemak 1971) dan Akta Kawalan Penerbitan Yang Diimport 1958 (Disemak 1972) ke Sabah dan Sarawak. Sebelum ini, kuasa terhadap penerbitan di Sabah dan Sarawak terletak di bawah pentadbiran negeri, yang mempunyai undang-undang sendiri mengenai mesin cetak dan penerbitan.

Di bawah pentadbirannya Dr. Mahathir telah mengambil beberapa langkah untuk mengemaskan undang-undang negara yang khususnya mempunyai kaitan dengan akhbar. Pada tahun 1984, beliau mewujudkan satu undang-undang baru berkaitan dengan mesin cetak dan penerbitan, yang hingga pada masa itu masih menggunakan Akta Mesin Cetak 1948, yang digubal pada tahun 1948 dan terus diguna-

kan dengan beberapa perubahan. Akta baru yang dikenali sebagai Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, menggabungkan dua akta iaitu Akta Mesin Cetak 1948 dan Akta Kawalan Penerbitan Yang Diimport 1958. Selain mengekalkan ciri-ciri utama kedua-dua akta itu, seperti peruntukan pelesenan mesin cetak dan permit penerbitan, akta baru ini juga memperuntukkan majalah antarabangsa yang hendak diedarkan di negara ini mesti mendapat permit pengedaran.

Selain itu, akta baru ini juga menghapuskan peruntukan dalam akta lalu yang membolehkan rayuan terhadap sesuatu keputusan menteri boleh dibuat kepada Yang di-Pertuan Agong. Di bawah akta baru ini soal pemberian permit adalah budi bicara mutlak menteri. Bagaimanapun, akta itu senyap mengenai kepada siapa rayuan boleh dibuat.

Pada tahun 1987, Persatuan Aliran Kesedaran Negara yang permohonannya untuk menerbit sebuah majalah bulanan dalam bahasa Melayu tidak mendapat jawapan daripada kerajaan, telah merayu kepada mahkamah. Mahkamah telah membenarkan permohonan itu. Kerajaan telah merayu terhadap keputusan itu. Ketika rayuan itu sedang berjalan, kerajaan telah meminda Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (pindaan 1987) untuk menjelaskan bahawa keputusan menteri adalah muktamad dan rayuan tidak boleh dibuat kepada mana-mana mahkamah. Keputusan Mahkamah Agung kemudiannya memberi kemenangan kepada kerajaan. Namun demikian apabila Aliran membuat permohonan baru, Kementerian Dalam Negeri meluluskan permohonan itu. Majalah bulanan Aliran hanya hidup selama empat tahun. Ia terpaksa dihentikan penerbitannya kerana tidak mendapat sambutan.

Tindakan paling keras yang diambil oleh Dr. Mahathir ialah apabila kerajaan mengambil tindakan perdagangan terhadap Britain selepas beberapa buah akhbar membuat

laporan palsu dan yang memburuk-burukkan beberapa orang pemimpin negara. Untuk beberapa bulan sebelum tindakan itu diambil, berita-berita buruk ini disiarkan dalam beberapa buah akhbar di Britain, khususnya yang berkaitan dengan Empangan Pergau di Kelantan. Kebanyakan berita tersebut mempertikaikan langkah kerajaan British menggunakan wang bantuan untuk pembinaan empangan tersebut, dan ini ada kaitan dengan langkah penjualan senjata kepada kerajaan Malaysia. Seiring dengan berita-berita itu, para pemimpin kerajaan dikaitkan sebagai mendapat faedah daripada bantuan itu. Kerajaan Malaysia cukup bersabar, bagaimanapun, kesabaran ini berakhir apabila akhbar *The Sunday Times*, London menyiarkan berita yang memberi gambaran menerima rasuah untuk meluluskan pembinaan kilang aluminium. Tindakan kerajaan ialah menghentikan sebarang kontrak baru kepada syarikat British. Langkah ini menjejaskan Britain dan Malaysia dari segi perdagangan. Tetapi demi maruah negara, tindakan keras ini diambil, dan akhirnya masalah ini selesai beberapa bulan kemudian. Pengarang *The Sunday Times* telah dipindahkan oleh pemilik akhbar itu, Rupert Murdoch, ke New York. Tindakan Malaysia itu menunjukkan kepada akhbar Britain bahawa Malaysia bukanlah sebuah negara *tinpot* (*leleh*).

Tindakan ini juga menaikkan imej Dr. Mahathir sebagai seorang pemimpin negara membangun yang sanggup mempertahankan negaranya dari diburuk-burukkan oleh akhbar-akhbar Barat, yang memandang rendah kepada negara membangun.

Rakyat Memilih Kebebasan dalam Lingkungan Undang-undang

Dalam pemerintahan yang mengamalkan sistem demokrasi rakyat diberi kuasa memilih kerajaan yang mereka kehendaki.

Saban kali pilihan raya diadakan, rakyat sentiasa memilih parti yang sama (Perikatan atau Barisan Nasional) untuk menerajui pemerintahan negara ini. Saban kali parti pembangkang menjadikan undang-undang berkaitan dengan akhbar sebagai isu pilihan raya. Namun kerajaan yang terus mengekalkan undang-undang akhbar yang disifatkan sebagai keras oleh pembangkang tetap dipilih. Memang benar kerajaan tidak dipilih atas isu kebebasan akhbar semata-mata, tetapi suatu *package* yang boleh diterima rakyat. Dalam hal ini rakyat memilih *package* yang mengandungi undang-undang akhbar yang dilihat oleh pihak pembangkang sebagai keras. Rakyat tidak memilih *package* oleh parti pembangkang yang ingin meminda undang-undang berkaitan dengan akhbar.

Sokongan padu rakyat terhadap Barisan Nasional untuk membentuk kerajaan di peringkat pusat terus padu malah mencatat sejarah dalam Pilihan raya Umum 1995 ini. Dalam pilihan raya itu Barisan Nasional memenangi 162 kerusi daripada 192 kerusi Parlimen yang dipertandingkan. Selain itu Barisan Nasional memperoleh undi popular berjumlah 65.1 peratus, berbanding dengan 53.4 peratus yang diperolehi dalam Pilihan raya Umum 1990. Orang yang paling banyak bertanggungjawab terhadap kemenangan ini ialah Dr. Mahathir. Sebahagian besar daripada pertambahan undi popular tersebut datangnya daripada pengundi Cina. Ini dapat dilihat daripada kemenangan besar calon-calon Cina dari MCA dan Gerakan. Pengundian ini adalah tanda orang Cina percaya kepada kepimpinan Dr. Mahathir yang membawa kemakmuran kepada negara ini, dan orang Cina tidak mahu melepaskan peluang kemakmuran ini. Jika dilihat dalam manifesto pilihan raya, Barisan Nasional tidak berjanji ia akan melonggarkan undang-undang berkaitan dengan akhbar dan lain-lain undang-undang yang disifatkan oleh parti-parti pembangkang sebagai *draconian* (menekan). Malah

Barisan Nasional mengatakan ia mahu terus mengekalkan keamanan dan kestabilan negara iaitu suasana yang perlu untuk mencapai kemakmuran dan pembangunan negara tanpa gangguan. Sebaliknya, parti-parti pembangkang ingin menghapuskan undang-undang berkenaan.

Kejayaan Barisan Nasional dalam Pilihan raya Umum 1995 ini adalah yang terbaik dalam sejarah pilihan raya tanahair. Malah bagi Dr. Mahathir pilihanraya 1995 menunjukkan populariti Barisan Nasional di bawah pimpinannya naik semula setelah turun dalam pilihan raya 1986 dan terus turun dalam pilihan raya 1990. Dalam pilihan raya 1982 undi popular yang diperoleh oleh Barisan Nasional juga baik, tetapi menurun selepas itu. Kemenangan terbaru ini tentunya menggembirakan Dr. Mahathir, yang mengambil alih jawatan Perdana Menteri pada 16 Julai 1981, yang sekali gus membuktikan bahawa dasar-dasar yang dibawa oleh Barisan Nasional dan Umno sebagai tulang belakang parti itu diterima oleh rakyat secara meluas.

Bab berikut cuba menggarap perkembangan yang sedang berlaku dalam sistem akhbar di Malaysia dan ini dilihat sebagai satu proses memperibumian sistem akhbar.

¹ Straits Settlements Records, G/34/13, Prince of Wales Island Public Consultation 2 Jan. – 31 Julai 1806. Catatan asalnya berbunyi seperti berikut: *Resolved that Mr. Bone be permitted to establish a Press, and publish a newspaper under certain restrictions and that he be accordingly granted a licence for that purpose.* (Mengambil keputusan bahawa Encik Bone dibenarkan mewujudkan sebuah akhbar dan menerbitkan sebuah akhbar di bawah sekatan-sekatan tertentu dan bahawa ia akan sewajarnya diberikan lesen untuk tujuan demikian).

2 Pemribumian Sistem Akhbar Malaysia*

Pengenalan

Sistem akhbar sesebuah negara dibentuk oleh keadaan negara berkenaan. Ia sudah semestinya berlandaskan sistem pemerintahan, politik, undang-undang, nilai, budaya dan sejarah negara itu. Selain itu, kepelbagaian kaum, agama, dan bahasa turut memainkan peranan penting dalam pembentukan sistem akhbar itu. Bab ini akan melihat bagaimana satu proses pemribumian sistem akhbar yang berlaku di negara ini.

Pada amnya terdapat akhbar bebas, akhbar yang tidak dimiliki oleh kerajaan yang bebas bersuara dan mengambil peranan berseteru dengan kerajaan. Terdapat juga akhbar rasmi, lazimnya yang dimiliki oleh kerajaan, yang menyokong serba-serbi yang dilakukan oleh kerajaan. Kemudian terdapat juga akhbar yang tidak dimiliki terus oleh kerajaan, mungkin oleh parti politik yang mendukung kerajaan, dan akhbar milik bebas yang menyokong aspirasi negara. Akhbar ini mungkin boleh dipanggil akhbar rakan. Artikel ini akan menyentuh mengenai perkembangan akhbar di Malaysia – bagaimana ia berubah dari akhbar yang agak berseteru kepada akhbar rakan. Proses ini boleh disebut sebagai

pemperibumian akhbar di Malaysia, yang pada amnya berbentuk Malaysia dari segi semangat, pandangan dan aspirasi. Pandangan ini bukanlah meliputi seluruh akhbar, atau akhbar, tetapi pada gambaran kese-luruhannya. Proses ini nampaknya sedang berterusan.

Akhbar diperkenalkan di Malaysia pada tahun 1806 oleh pengusaha British di Pulau Pinang, dan sekali gus memperkenalkan nilai-nilai Barat yang berkaitan dengan akhbar. Namun akhbar pertama ini tidaklah terkenal mempertahankan nilai seperti kebebasan akhbar atau memainkan peranan seteru kepada kerajaan kerana ia banyak bergantung kepada kerajaan untuk hidup. Tetapi akhbar-akhbar yang terkemudian, lebih memperlihatkan ciri-ciri ini. Sebaliknya, kerajaan kolonial British di Singapura dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu yang berhadapan dengan soal pentadbiran kerajaan yang berkesan telah memperkenalkan undang-undang yang memulakan sekatan terhadap kebebasan akhbar di Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu.

Di bawah pemerintahan kolonial, khususnya sebelum Perang Dunia Kedua, pada amnya akhbar boleh dianggap sebagai berseteru dengan kerajaan. Kebebasan akhbar boleh dikatakan wujud tertakluk kepada sekatan undang-undang. Transformasi dari keadaan berseteru ini kepada akhbar rakan ini melalui satu tempoh masa yang panjang. Perubahan ini khususnya berlaku dalam masa negara ini merdeka. Beberapa faktor, seperti politik, undang-undang, pemilikan akhbar, dan dasar kerajaan boleh dikaitkan dengan transformasi ini. Faktor-faktor ini menolong dalam mengubah fungsi akhbar dari yang berbentuk seteru kepada yang berbentuk rakan yang mencapai aspirasi negara. Rakan bermaksud akhbar berkongsi dalam aspirasi nasional dan mendukung kerajaan yang dipilih oleh rakyat secara demokrasi.

Dalam perspektif yang lebih luas, terdapat lebih harmoni

dari kontroversi antara akhbar dan kerajaan, lebih kefahaman berbanding dengan konflik, lebih kemesraan berbanding dengan permusuhan. Ini tidak bermakna akhbar telah hilang langsung taringnya. Apabila ada isu tertentu yang perlu kritikan, akhbar terutamanya akhbar utama, akan mengkritik. Keadaan ini adalah lebih sesuai kepada cara hidup Malaysia yang mempunyai pelbagai kaum, budaya, agama dan nilai.

Latar Belakang

Akhbar pertama di Malaysia ditubuhkan pada tahun 1806, di Pulau Pinang. Ia adalah sebuah akhbar berbahasa Inggeris yang diedar pada segelintir kakitangan East India Company yang memerintah Pulau Pinang ketika itu. Akhbar kedua ditubuhkan di Singapura pada tahun 1824 yang dipanggil *Singapore Chronicle*. Berikutnya beberapa buah akhbar lagi ditubuhkan, kebanyakannya tidak kekal lama. Akhbar yang paling lama ialah *The Straits Times* yang ditubuhkan pada tahun 1845. Akhbar ini kini diterbitkan di Malaysia sebagai *The New Straits Times* dan di Singapura sebagai *The Straits Times*. Akhbar berbahasa Melayu yang pertama diterbitkan di Singapura ialah *Jawi Peranakan* yang terbit pada tahun 1876. (Akhbar Melayu yang paling awal terbit di Sri Lanka). Akhbar *Jawi Peranakan* ini diterbitkan oleh peranakan India. Peranakan Sri Lanka-Cina juga menerbitkan akhbar Melayu. Malah merekalah yang mula menerbit akhbar Melayu bertulisan rumi. Syarikat akhbar yang dimiliki kepentingan British juga menyertai usaha menerbitkan akhbar dalam bahasa Melayu; *Utusan Melayu* yang ditubuhkan pada tahun 1917, dan ini dituruti kemudiannya oleh *Lembaga Melayu*. Akhbar Melayu yang tulen, yang diterbitkan oleh orang Melayu, dengan modal Melayu diterbitkan pada tahun 1939, iaitu akhbar asal *Utusan Melayu* yang dasar awalnya ialah memperjuangkan nusa, bangsa dan agama.

Akhbar pertama dalam bahasa Cina ialah akhbar *Lat Pau* yang ditubuhkan pada tahun 1881, manakala akhbar berbahasa Tamil terbit sekitar *Jawi Peranakan* oleh penerbit yang sama. Akhbar Cina kemudiannya memainkan peranan penting hingga menyebabkan undang-undang pelesenan mesin cetak diperkenalkan di Negeri-negeri Selat pada tahun 1920, dan kemudiannya pada tahun 1924 di Malaya. Apabila undang-undang ini diperkenalkan, mesin cetak yang mencetak akhbar berbahasa Inggeris dikecualikan daripada operasi undang-undang itu.

Pemprimumian Akhbar

Dalam mana-mana negara pun, akhbar adalah hanya sebahagian daripada negara berkenaan. Ini bermakna ia berfungsi sebagai sebahagian daripada seluruh sistem negara itu. Ia tidak boleh terasing daripada sistem negara berkenaan. Jika negara berkenaan mengamalkan sistem demokrasi yang seluruhnya bebas, akhbarnya juga turut sama bebas; sebaliknya jika negara itu mengamalkan sistem negara yang agak terkawal kebebasannya, akhbarnya juga turut terkawal kebebasannya. Daripada pandangan Barat, akhbar ialah kuasa keempat selepas badan perundangan, badan eksekutif dan badan perhakiman. Ini memberikan kesan kepada akhbar untuk bertindak sebagai periksa dan imbang (*check and balance*) terhadap kerajaan. Tetapi tiap negara berkemungkinan mempunyai cara yang berbeza bagaimana akhbarnya patut berfungsi. Misalnya, para sarjana bercakap mengenai sistem media sebagai meliputi sistem media dunia pertama, dunia kedua dan dunia ketiga. Dunia pertama ialah negara Barat, dunia kedua ialah negara komunis, dan dunia ketiga ialah negara-negara membangun. Gambarannya ialah dalam setiap dunia itu (pertama, kedua dan ketiga) wujud satu sistem akhbar yang sama atau hampir-hampir sama.

Dalam *Four Theories of the Press*, Siebert, Peterson dan Schramm bercakap mengenai teori Autoritarian, teori *libertarian*, tanggungjawab sosial dan teori Soviet-Komunis. Para pengkaji lain menambah teori baru atau mengubahsuaikan teori lama. Dalam kes Malaysia, tanggungjawab sosial dianggap sebagai label yang sesuai untuk sistem akhbar. Tetapi mungkin ada kalangan yang tidak bersetuju dengan label ini. Sebahagian besar rakyat negara ini menerima sistem itu, kerana rakyat sentiasa memilih parti yang sama dalam setiap pilihan raya umum sejak 1959. Paling baru ialah Pilihan raya Umum 1995 apabila Barisan Nasional memenangi 162 daripada 192 kerusi Parlimen. Parti-parti pembangkang meletakkan dalam manifesto mereka janji mereka untuk menghapuskan undang-undang akhbar dan lain-lain undang-undang yang dianggap sebagai keras bagi negara ini.

Sebagaimana diketahui, Malaysia adalah sebuah negara yang mengandungi pelbagai kaum. Ia mencapai kemerdekaan dari Britain pada tahun 1957, sebagai Persekutuan Tanah Melayu, dan mulai 1963 sebagai Malaysia apabila Sabah dan Sarawak bergabung di dalamnya. Sejak awal lagi matlamat kerajaan yang dipilih oleh rakyat bertujuan memberikan makna kepada kemerdekaan. (Perlu diingat juga bahawa kerajaan yang dibentuk oleh Tunku Abdul Rahman apabila mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 ialah sambungan kepada kerajaan yang dipilih oleh rakyat dalam pilihan raya umum 1955, ketika masih dijajah). Tiga pendekatan utama boleh dikenal pasti – pendekatan *free enterprise* di bawah Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman, pendekatan *enterprise* kawalan negara di bawah Perdana Menteri kedua Tun Abdul Razak dan Perdana Menteri ketiga Tun Hussein Onn, dan pendekatan *free enterprise* yang menekankan aspek sosial di bawah Perdana Menteri keempat Dr. Mahathir Mohamad. Pendekatan *free enterprise* yang dibawa oleh Tunku Abdul

Rahman Putra tidak sepenuhnya berjaya. Kekacauan kaum pada 13 Mei 1969 selepas pilihan raya umum diumumkan memaksa kerajaan melihat semula seluruh usaha pembinaan negara. Hasilnya, satu rombongan besar dilakukan terhadap pendekatan politik dan ekonomi. Dari segi politik percaturan politik disusun semula untuk mengurangkan pergeseran politik dengan mengambil parti-parti politik pembangkang ke dalam parti memerintah. Dari segi ekonomi hasilnya dilihat dalam Dasar Ekonomi Negara yang merupakan pendekatan *enterprise* kawalan negara terhadap pembangunan. Mulai saat itu banyaklah *enterprise* negara ditubuhkan. Di bawah Dr. Mahathir, dasar penswastaan dan Persyarikatan Malaysia yang dilancarkannya memulakan langkah melonggarkan penguasaan negara terhadap pemilikan syarikat-syarikat negara. Galakan seterusnya diberi melalui Dasar Pembangunan Negara dan meletakkan Wawasan 2020 sebagai sasaran pembangunan untuk menjadikan Malaysia mencapai status negara perindustrian.

Mendasari semua ini ialah kawalan politik, keselamatan negara dan kestabilan serta keharmonian masyarakat berbilang bangsa negara Malaysia. Dari segi sejarah, Portugis, Belanda, British, Jepun dan sekali lagi British datang memerintah negara ini, negara ini kepunyaan orang Melayu. Pada hakikatnya, raja-raja Melayu masih bertakhta di negeri-negeri mereka masing-masing, tetapi pemerintah sebenar ialah rakyat yang dipilih secara demokrasi melalui pilihanraya umum. Apabila negara ini mencapai kemerdekaan, orang Melayu telah berkongsi kuasa dengan kaum-kaum utama yang lain, iaitu Cina dan India, dan kaum bumiputera lain. Tetapi tulang belakang kerajaan Barisan Nasional di peringkat pusat ialah parti Umno, sebuah parti Melayu. Perasaan umum ialah bagi negara ini untuk terus stabil dan selamat *dominance* dari segi politik oleh orang Melayu adalah perlu

(K. Das, 1987). Kejadian 13 Mei, 1969 ialah akibat *dominance* ini tergugat.

Faktor-faktor yang Membawa kepada Transformasi

Pada amnya, suasana politik dan ekonomi memberi latar belakang yang perlu kepada transformasi sistem akhbar di Malaysia. Bagaimanapun, beberapa faktor boleh dikenal pasti sebagai memberi dorongan; iaitu undang-undang akhbar, pengambilan alih syarikat akhbar Utusan Melayu oleh Umno, penubuhan agensi berita nasional Malaysia, Bernama, kejadian 13 Mei 1969, dan dasar pemilikan majoriti akhbar-akhbar di Malaysia oleh kepentingan Malaysia.

Akhbar rakan adalah berasaskan Melayu. Daripada tahap awal lagi iaitu dari masa perjuangan untuk mencapai kemerdekaan, akhbar Melayu dan para pemimpin Melayu boleh dikatakan bekerjasama untuk mencapai satu objektif yang sama, iaitu membebaskan negara ini daripada belenggu penjajah. Akhbar adalah berseteru terhadap kerajaan kolonial tetapi merupakan rakan kepada kepimpinan Melayu. Hubungan ini berterusan hingga ke zaman merdeka kecuali pada satu tempoh masa yang singkat. Dalam masa merdeka, hubungan ini memupuk perkongsian aspirasi negara. Akhbar Inggeris, Cina dan India menyertai dalam memupuk aspirasi negara, dalam tahap yang berbeza. Seorang editor akhbar, Abdul Kadir Jasin menyifatkan ini sebagai satu keprihatinan akhbar terhadap agenda nasional (*Dewan Budaya*, Mei 1994). Manakala di Barat, akhbar mempunyai agenda yang berbeza daripada kerajaan dan ini mengakibatkan wujudnya hubungan yang berseteru.

Beberapa faktor lain menolong dalam mewujudkan perkongsian agenda nasional ini. Misalnya, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984. Akta ini mempunyai asal usulnya dalam tahun 1920 apabila kerajaan Negeri-negeri Selat pada

ketika itu memperkenalkan Ordinan Mesin Cetak untuk menyekat kebebasan yang berleluasa oleh akhbar Cina. Suatu peruntukan yang menjadi mercu tanda undang-undang itu ialah keperluan untuk mendapat lesen untuk memiliki dan menyimpan mesin cetak. Ordinan ini diperkukuhkan lagi pada tahun 1939 dengan memperkenalkan suatu peruntukan iaitu permit diperlukan untuk mencetak dan menerbitkan akhbar. Kedua-dua mercu tanda ini masih kekal digunakan hingga hari ini, walaupun undang-undang mesin cetak dan penerbitan telah melalui beberapa kali perubahan. Bersama dengan undang-undang lain, iaitu Akta Hasutan, Akta Rahsia Rasmi, Akta Keselamatan Dalam Negeri, dan sebagainya, meletakkan akhbar dalam lingkungan undang-undang. Kebebasan bersuara sebagaimana yang terkandung dalam Artikel 10 Perlembagaan Malaysia disesuaikan dengan adanya undang-undang tersebut.

Faktor yang lain ialah kejadian 13 Mei, 1969 yang memaksa para pemimpin Malaysia daripada pihak kerajaan dan pembangkang untuk melihat semula negara dan masalahnya dan punca kekacauan tersebut. Jawapannya ialah Dasar Ekonomi Baru, di mana negara menjadi cukup terlibat dalam kegiatan ekonomi, dan keduanya, penubuhan Barisan Nasional di mana beberapa buah parti politik menyertai parti pemerintah (Umno, MCA dan MIC) untuk membentuk gabungan yang lebih besar. Tujuan utama pembentukan Barisan Nasional ialah untuk mengurangkan pergeseran politik. Yang pentingnya ialah perpaduan nasional, dan usaha ini dipupuk di semua peringkat di seluruh negara.

Faktor seterusnya ialah pengambilan alih syarikat akhbar *Utusan Melayu* oleh Umno, yang berlaku pada tahun 1961. Beberapa sebab boleh dikemukakan berhubung dengan pengambilan alih itu. Harus diingat bahawa *Utusan Melayu* ditubuhkan dengan susah payahnya di Singapura pada tahun

1939. Selepas Perang Dunia Kedua akhbar ini memainkan peranan penting dalam perjuangan kemerdekaan. Selepas Malaya mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, akhbar ini berpindah ke Kuala Lumpur, membawa bersamanya ramai staf dari Singapura, dalam bahagian editorial dan cetak. Walaupun akhbar ini kecil dari segiedaran, *Utusan Melayu* dianggap sebagai akhbar yang berpengaruh berbanding dengan *Berita Harian*, yang dicetak dalam tulisan rumi. Tetapi kelemahan *Utusan Melayu* ialah kebebasannya. Walaupun akhbar ini berada di sebelah rakyat dan memainkan peranan seteru kepada kerajaan kolonial, akhbar ini terus memainkan peranan seteru selepas Malaya mencapai kemerdekaan. Ia menyoal kerajaan merdeka dari segi dasar dan usaha. Akhbar itu dilihat sebagai lebih simpatetik kepada pihak dan idea kiri. Umno mula mengumpul saham *Utusan Melayu* dan apabila ia memperoleh pegangan yang boleh menguasai, Umno meletakkan Ketua Penerangannya sebagai Pengarah Urusan dan Ketua Pengarang. Oleh kerana tidak dapat menerima perkembangan baru ini, staf *Utusan Melayu* telah melancarkan mogok kilat. Langkah ini dianggap mogok haram oleh kerajaan kerana pekerja tidak memberi notis dua minggu kepada majikan sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang.

Pemogokan itu berlangsung selama 90 hari. Ramai daripada kakitangan yang berasal dari Singapura digantikan, termasuk editor Said Zahari. Ini memberikan *Utusan Melayu* staf baru yang berasal dari Malaya. Dengan pengambilan alih itu, tugas *Utusan Melayu* ialah untuk memberi liputan yang baik terhadap Kerajaan dan Umno. *Utusan Melayu* dan kemudiannya *Utusan Malaysia* digunakan sepenuhnya dalam kempen pilihan raya untuk menyokong Umno.

Satu lagi faktor ialah dasar pemilikan majoriti ekuiti akhbar oleh rakyat Malaysia. Organisasi akhbar yang pertama

terlibat dengan dasar ini ialah The New Straits Times (Malaysia) Berhad dalam tahun 1972. Dalam proses ini 80 peratus daripada ekuiti organisasi akhbar itu dipindahkan ke dalam sebuah syarikat baru yang dinamakan The New Straits Times (Malaysia) Berhad. Baki 20 peratus dipegang oleh kepentingan Singapura yang kemudiannya dijual kepada kepentingan Malaysia. Pemindahan pemilikan ini berlaku apabila Dasar Ekonomi Baru baru saja dimulakan. Anehnya yang mencetuskan langkah ini ialah tindakan perindustrian, yang dilancarkan oleh pekerja The Straits Times di Singapura. Pekerja di Kuala Lumpur bersimpati dengan rakan mereka di Singapura dan melancarkan kerja ikut aturan. Pada ketika itu syarikat itu mengeluarkan edisi yang berasingan untuk Singapura dan Malaysia. Staf Malaysia telah menggesa Kerajaan Malaysia untuk mencelah dalam tindakan per-industrian mereka.

Berbeza dengan tindakan Umno terhadap *Utusan Melayu* pada tahun 1961, tindakan terhadap The Straits Times dibuat secara terbuka. Berbeza dengan tindakan Umno terhadap *Utusan Melayu* pada tahun 1961, tindakan terhadap The Straits Times dibuat secara terbuka. Keadaan pada tahun 1972 adalah berbeza. Kesatuan Wartawan Kebangsaan (NUJ) di bawah pimpinan Zainudin Maidin pada bulan Februari 1972 telah mengemukakan kepada kerajaan suatu memorandum mengenai pemilikan akhbar oleh orang asing. Ketua pemuda Umno Datuk Harun Idris menggesa Kerajaan Pusat supaya mengambil langkah segera memastikan sekurang-kurangnya 51 peratus daripada saham perusahaan akhbar di negara ini perlu dipegang oleh rakyat Malaysia sendiri untuk memastikan supaya "golongan orang yang membentuk fikiran rakyat di dalam perusahaan itu tidak menyogokan sesuatu yang asing dan bertentangan dengan kemahuan negara dalam akhbar-akhbar mereka." Datuk Harun menyatakan ini dalam ucapan perasmian Mesyuarat Agung Kesatuan

Kebangsaan Wartawan (NUJ) cawangan Utusan Melayu di Pejabat Utusan Melayu pada 4 Mac 1972.

Umno membawa perkara itu kepada perhimpunan agungnya pada tahun 1972. Gerakan Pemuda Umno meluluskan satu resolusi menggesa semua pemilik akhbar supaya terdiri daripada rakyat Malaysia termasuk semua staf (editorial dan pengurusan), dan akhbar yang tidak mencerminkan identiti Malaysia patut menukar sikap dan menghayati pembinaan identiti dan perpaduan nasional yang tulen. Perpindahan pemilikan berlaku dengan cepatnya, iaitu dua bulan selepas resolusi diluluskan oleh Umno. Dua tahun kemudian pada 31 Ogos 1974, tajuk akhbar *The Straits Times* digantikan dengan *New Straits Times* dengan janji ia mencerminkan *outlook* Malaysia seluruhnya.

Sebelum itu pada bulan Januari 1974, Akta Mesin Cetak 1948 telah dipinda oleh Parlimen untuk dimasukkan peruntukan pemilikan majoriti oleh Malaysia sebagai satu syarat pemberian permit penerbitan. Akhbar lain juga turut memindahkan pemilikan mereka termasuk Nanyang Siang Pau, yang menguntukkan 30 peratus sahamnya kepada Pernas. Coates & Dyer menyifatkan awal 1970-an sebagai tempoh yang penuh pancaroba dalam sejarah persuratkhabaran di Malaysia. *The early 1970s as most traumatic period in newspaper history in Malaysia.*

Satu lagi faktor yang menolong dalam tranformasi ini ialah penubuhan Bernama, pada tahun 1968. Agensi berita ini adalah satu usahasama antara kerajaan dan organisasi akhbar. Komposisi lembaga pengelolanya sama banyak antara kerajaan dan organisasi akhbar dan pengerusinya terdiri daripada individu bukan dari Kerajaan. Agensi berita ini membekalkan berita kepada semua pelanggan akhbar. Penubuhan Bernama dalam integrasi negara dari dua sudut. Pertamanya, ia membekalkan berita Semenanjung ke Sabah dan Sarawak dan sebaliknya. Keduanya, ia dapat mem-

bekalkan berita ke-pada akhbar Cina dan Tamil. Akhbar-akhbar ini, sebelum penubuhan Bernama jarang sekali memberi liputan muka depan kepada berita Kerajaan, mungkin kerana keupayaan stafnya untuk membuat liputan. Seorang bekas Ketua Pengarang Bernama, Ahmad Rejal Arbee berkata akhbar Cina banyak menggunakan berita luar negara di muka depannya, sebelum Bernama ditubuhkan. Tetapi dengan tertubuhnya Bernama lebih banyak berita nasional, terutamanya berita kerajaan dan berita yang berkaitan dengan parti politik kerajaan digunakan. Oleh yang demikian, Bernama telah menjadi sebagai jambatan antara kerajaan dan akhbar, dan dalam prosesnya rakyat mendapat kefahaman yang lebih jelas (dibandingkan dengan keadaan sebelumnya) mengenai dasar kerajaan.

The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad melalui satu perubahan besar baru-baru ini apabila empat orang eksekutifnya melaksanakan *Management Buy Out* (MBO) iaitu membeli kumpulan akhbar itu bersama dengan Sistem Televisyen Malaysia Berhad dengan harga RM800 juta. Keempat-empatnya memperoleh wang melalui pinjaman bank dan kemudiannya dipindahkan kepada sebuah syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur. Pada dasarnya nampak perubahan dalam pemilikan sokongan kepada kerajaan dan perkongsian yang wujud antara kerajaan dan akhbar tidak berubah.

Perbincangan di atas berprihatin khususnya dengan akhbar utama. Terdapat dua akhbar politik, iaitu *Harakah* dan *The Rocket*, yang sudah semestinya berbeza daripada akhbar utama. Tetapi kedua-dua akhbar ini kecil edarannya dan mempunyai impak yang kecil.

Kesimpulan

Bab ini melihat akhbar Malaysia secara sepintas lalu. Ia juga melihat transformasi yang sedang berlaku dalam sistem

akhbar di negara ini. Kesulitan untuk memahami akhbar di Malaysia mungkin berlaku jika ia dilihat berasaskan konsep Barat. Akhbar Melayu, bermula dengan *Utusan Melayu*, terlibat dalam perjuangan Kemerdekaan bersama dengan para pemimpin Umno. Pada hakikatnya, di peringkat awal akhbar-lah yang memberi dorongan dan daya kepimpinan untuk menyatukan orang Melayu. Kerjasama ini berterusan hingga hari ini. Bagaimanapun, kepimpinan politik lebih dimainkan oleh parti politik.

Negara ini telah mencapai pembangunan yang pesat sejak mencapai kemerdekaan. Kecuali peristiwa 13 Mei, 1969, ia tidak menghadapi masalah besar dalam zaman kemerdekaan. Tetapi sebelum kemerdekaan terdapat kebangkitan komunis yang lebih dikenali sebagai zaman darurat antara tahun 1948 hingga 1962. Tempoh ini akan diingat sebagai tempoh yang paling getir, tidak dikira zaman pemerintahan Jepun sebelumnya. Pada sebahagian masa kemerdekaan negara berada dalam keadaan aman, tenteram, dan wujud harmoni antara pelbagai kaum. Tidak dapat dinafikan akhbar Malaysia memainkan peranan ke arah keamanan, ketenteraman dan harmoni ini. Sedikit sebanyak wujud masalah dengan akhbar. Majoriti rakyat memahami keadaan ini.

Satu soalan yang mungkin ditanya ialah apakah implikasi akhbar rakan ini? Bagi orang yang membaca akhbar utama, kebanyakan mereka akan terdedah kepada berita yang *favourable* kepada kerajaan. Bagaimanapun jika dilihat kepada peningkatan jualan akhbar, terutama dalam bahasa Melayu dan Inggeris, bermakna semakin ramai ingin membaca akhbar tersebut. Mereka mempunyai pilihan untuk menolak akhbar-akhbar tersebut dan mencari akhbar yang tidak menyokong kerajaan, misalnya akhbar *Harakah*. Majalah yang semata-mata menghentam kerajaan tidak dapat bertahan lama di pasaran. Misalnya majalah *Aliran*, yang kini terpaksa ber-

henti penerbitannya kerana tiada pasaran. Majalah ini cukup kritikal terhadap kerajaan, dan *Aliran* terpaksa pergi ke Mahkamah untuk mendapatkan kebenaran mendapatkan lesennya. Ini mungkin kerana orang ramai cukup menyokong kerajaan. Sememangnya, dalam pilihan raya umum lalu, apabila soal kebebasan akhbar dibangkitkan sebagai suatu isu kempen pilihanraya, di mana parti pembangkang berjanji akan memansuhkan pelbagai undang-undang *draconian* yang menyekat kebebasan akhbar, rakyat tidak mengendahkan-nya dan terus memilih Kerajaan yang berjanji tidak akan menghapuskan undang-undang itu tetapi yang akan memberi tumpuan kepada pembangunan. Mungkin rakyat nampak malapetaka dalam kebebasan akhbar.

Bab berikut ini cuba melihat idea dan pandangan Dr. Mahathir mengenai beberapa perkara penting berkaitan dengan akhbar, seperti kebebasan akhbar, dan model apa yang sesuai bagi negara membangun seperti Malaysia.

* Bab ini dengan sedikit perubahan disiarkan dalam majalah *Pemikir*, terbitan Utusan Melayu (Malaysia) Berhad, Julai - Sept. 1995.

3 Minda Mahathir Mengenai Kebebasan dan Tanggungjawab Akhbar

Dr. Mahathir Mohamad banyak memperkatakan mengenai akhbar. Beliau begitu *articulate* menyampaikan pendapat dan pandangannya mengenai akhbar. Beliau menghujah tentang teori kebebasan akhbar sebagaimana yang difahami oleh Barat itu. Dengan alasan-alasannya yang jitu, beliau menolak kebebasan akhbar yang dibawa oleh Barat itu. Beliau memberi erti lain bagaimana kebebasan akhbar harus dilihat oleh negara membangun seperti Malaysia. Beliau melihat kebebasan akhbar dalam konteks tanggungjawab sosial. Ini bermakna negara berhak mengawal kebebasan akhbar dan kebebasan akhbar ini adalah dalam lingkungan undang-undang. Sudah tentu pandangan ini bercanggah dengan pandangan Barat, khususnya pandangan libertarian bahawa akhbar harus bebas daripada kawalan kerajaan. Dr. Mahathir juga melihat akhbar dan para wartawan mempunyai peranan penting untuk dimainkan.

Beliau mungkin merupakan Perdana Menteri Malaysia yang pertama dengan jelas cuba lari daripada pandangan kebebasan akhbar mengikut acuan Barat. Tidak dapat dinafikan pandangan Dr. Mahathir adalah kontroversial. Ada pihak yang menerima pandangannya dan ada pihak lain yang menolaknya. Pihak yang menolak pandangannya mungkin melihat Dr. Mahathir sebagai seorang ahli politik tentulah mempunyai sebab untuk mengutarakan pandangan demikian kerana ia memudahkan pemerintahan kerajaan. Namun demikian tidak dapat dinafikan apa yang lahir daripada pandangan Dr. Mahathir adalah hasil pengamatan beliau dan juga pengalamannya yang lama mengenai perjalanan akhbar, dan juga layanan yang beliau terima daripada akhbar Barat. Daripada semua ini Dr. Mahathir mendapati bahawa apa yang dikatakan oleh Barat adalah tidak benar, apa yang dikata dan apa yang diamal adalah berlainan sama sekali khususnya yang melibatkan negara membangun. Pandangan Dr. Mahathir harus juga dilihat sebagai sesuatu yang patut dan sesuai bagi negara ini yang mempunyai pelbagai kaum, agama dan bahasa.

Beliau sendiri mengenali akhbar sejak awal penglibatan politiknya. Beliau yang mula aktif dalam politik sejak tahun 1945 dengan menyertai berbagai-bagai organisasi antaranya Kesatuan Melayu Kedah, Saberkas, Kesatuan Pemuda Melayu Kedah dan akhir sekali Umno tidak sekadar menjadi pemerhati. Beliau telah meluahkan pendapatnya dalam akhbar. Artikel-artikel beliau disiarkan dalam akhbar *The Straits Times* dalam tahun 1949 yang menggunakan *by-line* Che D.E.T. Ini bermakna beliau sangat prihatin tentang peranan akhbar sejak awal lagi.

Para pemimpin negara sebelum ini ada juga memperkatakan mengenai kebebasan akhbar dalam ruang lingkup undang-undang. Dr. Mahathir juga bercakap tentang kebe-

basan akhbar sebagaimana para pemimpin terdahulu. Tetapi beliau pergi lebih mendalam dengan meneliti teori-teori yang berkaitan dengan akhbar dan sekali gus menolak teori-teori yang dianggapnya tidak sesuai dengan negara ini.

Dalam bab-bab berikut ini disertakan ucapan dan juga artikel Dr. Mahathir bermula dari tahun 1979. Ucapan-ucapan ini banyak menyentuh mengenai akhbar dari segi peranannya, dari segi kebebasan dan sebagainya. Di bawah ini diperturunkan pandangan-pandangan dengan penting Dr. Mahathir mengenai kebebasan dan tanggungjawab akhbar.

Kebebasan Akhbar

Dr. Mahathir banyak sekali memperkatakan mengenai kebebasan akhbar atau *freedom of the press*. Boleh dikatakan hampir setiap ucapannya yang berkaitan dengan akhbar menyentuh soal ini. Ada ucapan-ucapan yang tidak membincangkan khusus mengenai akhbar juga menyentuh mengenai perkara ini. Misalnya, ucapan-ucapan di arena antara bangsa, seperti di Bangsa-Bangsa Bersatu. Dr. Mahathir bukan sekadar meluahkan pendapatnya dalam ucapan, tetapi juga dalam artikel yang ditulisnya.

Pandangan beliau yang boleh dianggap berlainan dan berani ini pertama kali disampaikan ketika merasmikan suatu persidangan antarabangsa anjuran Persatuan Penulis Nasional (PENA) pada tahun 1979 iaitu ketika beliau menjadi Timbalan Perdana Menteri. Ketika orang lain melihat kebebasan akhbar sebagai sesuatu yang terletak di puncak kebebasan, Dr. Mahathir melihat kebebasan akhbar sebagai satu daripada kebebasan yang terdapat pada manusia. Menurutny, kebebasan akhbar samalah dengan lain-lain kebebasan – iaitu ia mempunyai hadnya – *limitnya*. Bagi orang lain, kebebasan akhbar tidak ada hadnya, khususnya kerajaan tidak boleh menghadkan kebebasan akhbar. Bagi

Dr. Mahathir, yang menjadi masalahnya ialah menentukan had ini (Sila lihat Bab 4) dan siapa yang harus menentukan had itu. Setakat manakah kebebasan ini boleh dibiarkan.

Dr. Mahathir sedar mengenai masalah menentukan had dan sempadan kebebasan akhbar. Katanya, yang nyata ialah tidak ada cara yang betul-betul berkesan dan masih tercari-cari. Sementara itu penyalahgunaan kebebasan surat khabar diteruskan dengan kesan yang buruk bagi orang awam dan negara yang baru membangun.

Jawapan siapa yang patut mempunyai kuasa menentukan sempadan dan had kebebasan akhbar, menurut Dr. Mahathir harus terletak kepada kerajaan yang dipilih oleh rakyat. Ini ditegaskan dalam artikelnya berkaitan dengan kebebasan akhbar yang disiarkan dalam akhbar *The New Straits Times*, seminggu sebelum beliau menjadi Perdana Menteri. Katanya, kerajaan berperwakilan yang dipilih secara popular mesti mempunyai hak untuk mengawal akhbar yang tidak bertanggungjawab untuk mengekalkan demokrasi (Sila lihat Bab 5).

Beliau menghujah bahawa tindakan sedemikian tidaklah sebegitu tidak demokratik sebagaimana bunyinya. Sebuah kerajaan terdiri daripada wakil rakyat yang dipilih tidak begitu bebas untuk menyalahgunakan autoritinya terhadap akhbar yang tidak bertanggungjawab. Ini kerana wakil rakyat tidaklah kekal tetapi terpaksa menghadapi pemilihan oleh rakyat secara berkala untuk mendapatkan mandat untuk memerintah. Jika rakyat tidak suka cara kerajaan menangani akhbar mereka boleh memilih untuk tidak memilih mereka semula. Kerasnya kerajaan mengawal akhbar boleh menjadi satu isu pilihan raya. Dengan cara ini rakyat boleh menentukan tahap kebebasan yang diberikan kepada akhbar (Sila lihat Bab 5).

Katanya, saranan yang kerajaan dipilih rakyat patut

mengawal akhbar dalam cara demokratik mungkin berbunyi tidak demokratik melainkan diingat kembali hujah awal bahawa akhbar bebas yang boleh merosakkan demokrasi. Akhbar yang tidak bertanggungjawab adalah satu *negation* (langkah ke belakang) kepada hak rakyat dalam sesuatu masyarakat demokratik. Jika akhbar gagal memahami ini ia patut diberitahu oleh rakyat melalui wakil rakyat yang dipilih.

Beliau melihat tindakan ini sama dengan pelaksanaan kebebasan bersuara dalam sebuah demokrasi. Hakikat bahawa fitnah dan mengapiakan supaya orang merusuh menentang undang-undang keamanan tidak menjadikan demokrasi tidak begitu bermakna. Terdapat had yang jelas kepada semua kebebasan dalam sesebuah demokrasi. Kebebasan akhbar patut juga mempunyai had berpatutan yang boleh dikuatkuasakan.

Penentuan tahap kebebasan akhbar semestinya berwenangan. Sekali lagi Parlimen boleh menentukan apakah tahapnya dan bagaimana undang-undang itu hendak diformulasikan. Setiap orang boleh menyatakan pendapatnya sebelum undang-undang diluluskan (Sila lihat Bab 5).

Dalam menjunjung kebebasan akhbar peranan potensi ini mesti diingati, selagi akhbar sedar mengenai dirinya yang mempunyai potensi untuk mengancam demokrasi dan secara baik menghadkan pelaksanaan haknya, ia patut dibenarkan berfungsi tanpa gangguan kerajaan. Tetapi apabila akhbar dengan jelas menyalahgunakan haknya dengan mengapi-apikan rakyat tanpa perlu, dalam keadaan itu kerajaan demokrasi patut mempunyai hak untuk mengawalannya (Sila lihat Bab 5).

Kepada Dr. Mahathir, kebebasan akhbar, sebagaimana dengan kebebasan yang dikaitkan dengan demokrasi, ialah suatu kebebasan yang membawa beban tanggungjawab.

Kegagalan untuk menghayati ini bermakna kegagalan untuk memahami apa itu demokrasi.

Kebebasan akhbar sekarang ini diterima sebagai suatu bahagian yang penting dalam demokrasi. Adalah agak betul penyebaran berita oleh akhbar tidak patut ditekan. Kerajaan telah dapat menguasai (*subjugate*) rakyatnya dengan menafikan berita. Untuk membenarkan kerajaan mengawal akhbar adalah sama dengan pemerintahan totalitarian. Oleh yang demikian sebarang kerajaan yang mengganggu dengan penyebaran berita hendaklah dianggap sebagai tidak demokratik. Seorang yang jumud dalam sebuah dunia yang sekarang ini menerima demokrasi sebagai suatu *article of faith*.

Demokrasi memberi rakyat hak dan kebebasan bertindak. Tetapi hak dan kebebasan bukanlah entiti bebas lepas. Ia mesti diiringi oleh suatu perasaan tanggungjawab.

Oleh yang demikian bagi sebuah demokrasi untuk berjaya rakyat mesti menghayati bukan saja hak mereka tetapi juga tanggungjawab mereka. Ini hanya boleh dicapai melalui suatu proses pendidikan formal dan tidak formal berkaitan demokrasi, sebagaimana yang kita semua tahu adalah suatu konsep asing.

Dalam bidang pendidikan tidak formal Kementerian Penerangan, agensi dan jabatan kerajaan mempunyai peranan yang besar untuk dimainkan. Adalah menjadi tugas kerajaan memberi bimbingan tanpa menukar sesebuah demokrasi menjadi sebuah demokrasi terpinpin. Garis antara sekadar membimbing dan menjadi demokrasi terpinpin adalah sukar untuk ditentukan. Terlalu sedikit bimbingan mungkin menyebabkan ketidakbertanggungjawaban, terlalu banyak pula boleh melemah (*negate*) demokrasi.

Sebaliknya rakyat mesti mengetahui adalah untuk kepentingan mereka untuk bertanggungjawab dalam melaksanakan kebebasan demokrasi. Mereka mesti mengetahui

tidak ada monopoli oleh sesiapa dalam menafsir dan melaksanakan demokrasi. Mereka mesti mengetahui yang demokrasi bermaksud untuk berkhidmat kepada rakyat. Pelaksanaan hak demokrasi sehingga rakyat berterusan mengalami ketidakstabilan, tidak selamat, perkembangan ekonomi yang rendah atau negatif nampaknya akan melemahkan objektif menjadi demokratik. Sebaliknya, dalam semua hal, bukanlah demokrasi yang patut disalahkan tetapi kegagalan untuk memahaminya, atau lebih buruk lagi, memutarbelitkan demokrasi oleh orang yang berkepentingan.

Mereka yang memahami cara perjalanan demokrasi dan hadnya dapat memperoleh faedah maksimum daripada sistem itu. Penerimaan secara melulu interpretasi demokrasi oleh orang lain dan penyerahan tanpa soal amalan-amalan tertentu, misalnya hak untuk memalsu dan memberitahu penipuan, akan mengugat bukan saja negara demokrasi yang masih lemah tetapi juga sistem demokrasi sendiri. Negara-negara ini tidak boleh diterima oleh negara-negara Asean.

Kerajaan mempunyai tanggungjawab untuk melindungi demokrasi dan kebebasan, tetapi juga untuk membawa perubahan sosial dan kemakmuran ekonomi kepada rakyatnya. Manakala kerajaan tidak patut menekan kebenaran, patuh ada kebebasan akhbar dan pengaliran bebas maklumat, kerajaan akan gagal dalam tanggungjawabnya jika ia membenarkan penyalahgunaan kebebasan akhbar sehinggakan penipuan boleh disebarkan dan kestabilan dan kemakmuran ekonomi rakyat digugat.

Dr. Mahathir bukan saja melihat kebebasan akhbar dalam konteks Malaysia saja. Beliau juga melihat dalam konteks negara-negara membangun lain. Beliau melihat bagaimana tidak adilnya media negara maju terhadap negara membangun. Dr. Mahathir sendiri melihat layanan yang diberikan oleh media Barat terhadap pemimpin negara membangun

Dari pengalamannya sendiri Dr. Mahathir mendapati bahawa media Barat tidak pernah menyiarkan ucapannya di Bangsa-Bangsa Bersatu. Begitu juga lawatannya ke Amerika Syarikat. Pada tahun 1983 apabila Dr. Mahathir mengunjungi Presiden Reagan, gambar yang disiarkan oleh sebuah akhbar terkemuka di Amerika ialah Dr. Mahathir berpayung untuk melindungi salji ketika ke Rumah Putih! Gambarnya bertemu Presiden Reagan dan perbincangannya dengan presiden itu tidak sepatah pun disiarkan. Begitu juga dengan ucapan-ucapan beliau di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, di New York tidak pernah disiarkan oleh akhbar Barat, khususnya yang diterbitkan di New York dan Washington.

Pengalaman beginilah yang diterima oleh pemimpin negara membangun. Tetapi sebaliknya, lawatan oleh pemimpin negara Barat mendapat liputan meluas di negara membangun. Bukan itu saja wartawan Barat bebas membuat liputan di negara-negara membangun. Bebas hingga tidak mengenal sempadan. Mereka boleh mencari berita di mana saja. Kata Dr. Mahathir, Negara Dunia Ketiga banyak menanggung daripada "kebebasan untuk mencari, menerima dan menyampaikan semua jenis maklumat dan idea, tanpa mengira sempadan." Manakala sempadan kita dicerobohi berkali-kali, kita tidak mempunyai keupayaan berhubung dengan sempadan negara-negara yang mengawal media dunia.

Semua ini timbul kerana kegiatan kebebasan akhbar begitu *loaded* di pihak negara maju. Semua prinsip Bangsa-Bangsa Bersatu ditulis oleh negara-negara maju sebelum negara-negara membangun dibenarkan masuk sebagai anggota. Beliau berpendapat oleh kerana sekarang ini anggota Bangsa-Bangsa Bersatu sudah bertambah dengan banyaknya, sesetengah prinsip yang *loaded* itu haruslah disemak kembali. Media antarabangsa yang dikawal oleh Barat telah melemahkan (*subverted*) banyak negara membangun sehingga

sesetengahnya digulingkan (Sila lihat Bab 6).

Dr. Mahathir tidak peduli untuk mengatakan bahawa kebebasan akhbar tidak wujud di mana-mana pun. Perkara ini mungkin sukar diterima oleh mereka yang berpegang tegas dengan prinsip kebebasan yang dibawa oleh negara Barat yang tentunya mengatakan bahawa terdapat kebebasan di Barat. Kata Dr. Mahathir, hakikatnya ialah, kebebasan mutlak tidak wujud di mana-mana jua, walaupun di negara-negara yang dianggap paling liberal. Dalam hal ini Dr. Mahathir melihat kebebasan akhbar mempunyai matlamatnya. Katanya, kebebasan harus menjamin keselamatan dan kesejahteraan masyarakat dan negara di dalam konteksnya yang tertentu. Kebebasan adalah untuk kebaikan, dan bukan untuk kemusnahan dan keruntuhan. Dalam konteks komunikasi, kebebasan pada hakikatnya mempunyai erti yang sungguh mendalam di mana kebebasan itu hendaklah dianggap sebagai cara bagi kita mencapai objektif-objektif kebangsaan kita. Kebebasan tanpa tanggungjawab akan kelak menghalang pencapaian objektif dan matlamat kita (Sila lihat Bab 8).

Bagi orang yang melihat undang-undang akhbar dan beberapa undang-undang lain seperti Akta Mesin Cetak dan Penerbitan, Akta Rahsia Rasmi, Akta Keselamatan Dalam Negeri, Akta Hasutan dan sebagainya yang sudah semestinya mengawal akhbar, malah ada pihak diambil tindakan di bawah akta-akta tertentu, saranan Dr. Mahathir bahawa kebebasan akhbar wujud di negara ini mungkin diterima dengan rasa kurang yakin. Kita harus menerima kenyataan itu jika kita menerima bahawa kebebasan dalam apa juga bidang memang mempunyai hadnya, sebagaimana yang ditegaskan oleh Dr. Mahathir. Katanya, seperti mana kita maklum, akhbar kita bebas membuat teguran-teguran yang kritikal dan ini memang dialu-alukan. Walau bagaimanapun

apa yang mengecewakan kita ialah kadangkala terdapat di mana sesebuah akhbar itu, sama ada secara sedar atau tidak, telah termasuk ke dalam perangkap golongan-golongan tertentu dalam menyuarakan kepentingan golongan tersebut. Kerana terlampaui asyik dengan isu-isu yang disuarakan oleh golongan yang tidak mendapat sokongan kuat daripada rakyat itu, akhbar-akhbar atau majalah-majalah tersebut secara tidak langsung telah sedikit sebanyak diperalatkan oleh mereka. Dengan secara tidak langsung juga akhbar atau majalah berkenaan telah hilang kebebasan mereka. Ini adalah satu perkara yang mendukacitakan (Sila lihat Bab 11).

Akhbar yang bertanggungjawab seharusnya boleh menghalusi jiwa masyarakat. Memang untuk bersikap bertanggungjawab bukanlah mudah. Tetapi sebaliknya kita tidak boleh lari atau mengelakkan diri daripada kewajipan ini. Semakin besar dan semakin kukuh kita, maka sewajarnya semakin besar tanggungjawab yang kita pikul. Dan kita tidak harus mengabaikan perkara ini kerana ia merupakan satu amanah yang besar. Pengabaian kepada tanggungjawab terutamanya oleh akhbar-akhbar yang mempunyai pengaruh yang besar dalam membentuk peri-badi masyarakat, mungkin akan membawa akibat yang buruk kepada kita semua.

Peranan akhbar-akhbar kita di dalam negara yang sedang meningkatkan usahanya ke arah mewujudkan sebuah masyarakat yang lebih sejahtera adalah penting. Akhbar-akhbar tidak seharusnya bersikap "berikan sahaja apa yang digemari oleh pembaca". Sikap mengambil mudah dan cuai seperti ini yang lambat laun akan memberi kemudaratan kepada masyarakat kita, haruslah dibanteras sebelum ia melarat. Sebenarnya ini adalah satu penyakit yang amat berbahaya jika dibiarkan tanpa kawalan. Sebaliknya, akhbar-akhbar kita haruslah dapat mengelakkan diri daripada per-

kara-perkara yang akan mendatangkan atau memberi kesan yang negatif kepada masyarakat.

Dr. Mahathir mengambil kesempatan menjelaskan mengenai kebebasan akhbar ketika membentangkan pindaan terhadap Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 di Parlimen. Katanya, kebebasan akhbar bukanlah *absolute*. Dalam hal ini Dr. Mahathir meluaskan takrif kawalan, iaitu siapa yang mengawal akhbar. Tegas beliau, di mana-mana juga akhbar dikawal bukan sahaja oleh kerajaan tetapi juga oleh pengarang dan kakitangan lain dalam akhbar berkenaan, oleh pengiklan dan juga oleh pemilik akhbar. Setiap pihak mempunyai pendirian dan kepentingan tertentu. Kebebasan akhbar adalah kebebasan bagi golongan ini sahaja.

Jika ada di antara golongan ini yang tidak bertanggungjawab atau ingin mengembangkan sesuatu pandangan yang tidak sihat, masyarakat akan menjadi mangsa. Kerajaan bertanggungjawab mengawasi supaya perkara-perkara yang tidak sihat tidak dikembangkan terutama dalam negara majmuk kita ini. Undang-undang seperti ini bukan terdapat di Malaysia sahaja tetapi juga di negara-negara lain. Ia juga terdapat di negara di mana beberapa majalah antarabangsa diterbitkan (Sila lihat Bab 13).

Beliau menjelaskan kenapa akhbar perlu dikawal, iaitu demi kestabilan dan pembangunan negara. Katanya, hakikat yang perlu kita beri perhatian yang serius ialah kestabilan dan pembangunan negara kita yang berbilang kaum ini. Jika untuk kepentingan ini kita perlu mengawal sedikit kebebasan satu golongan yang mengancam kestabilan kita, kita perlulah melakukan pengawalan ini.

Soal kebebasan akhbar tidak saja diucapkan dalam negara saja. Malah, Dr. Mahathir membawa perkara ini ke Bangsa-Bangsa Bersatu. Beliau menegaskan bahawa Malaysia percaya kepada kebebasan akhbar. Dalam kenyataannya kepada

Sesi Plenari ke-48 Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu pada 1 Oktober 1993, Dr. Mahathir menegaskan bahawa kebebasan itu, sebagaimana dengan kebebasan lain dan hak, mestilah diiringi oleh tanggungjawab. Beliau menjangka media Malaysia akan terus bertanggungjawab. Sebaliknya, Kerajaan tidak akan melepaskan keperluan untuk menguatkuasakan tanggungjawab ini. Tetapi bagi akhbar antarabangsa kerajaan hanya boleh berharap dan berdoa mereka akan menyedari kerosakan yang mereka sedang lakukan. Kerajaan tidak akan ganggu mereka. Mereka bebas untuk melaporkan dan menulis apa saja pembohongan. Tetapi kami berharap sekali-sekala mereka juga membuat liputan perkara yang benar juga (Sila lihat Bab 20).

Selain itu beliau juga mempertikaikan pandangan mengenai hak asasi manusia, keadilan dan *fair-play*. Katanya, kita banyak bercakap mengenai hak asasi manusia, keadilan dan *fair-play*, dan sebagainya. Soalan yang mesti ditanya ialah sama ada terdapat keadilan dan *fair-play* apabila hanya orang tertentu boleh mempengaruhi minda masyarakat dunia, dan sama ada hak asasi manusia tidak dinafikan apabila seluruh negara dinafikan hak menyatakan pendapat mereka dan kebebasan untuk memberi pandangan mereka. Adakah kebebasan akhbar hanya merujuk kepada mereka yang mengawal kebebasan akhbar dalam sesebuah negara dan bukan terhadap mereka yang mengawal kebebasan orang ramai untuk menyuarakan pandangan mereka dalam akhbar? Adakah kebebasan akhbar apabila sesetengah negara boleh menyuarakan versi mereka mengenai kebebasan dan yang lainnya tidak boleh?

Perbincangan mengenai kebebasan akhbar bukanlah tertumpu sepenuhnya kepada kebebasan akhbar. Dr. Mahathir sering menyentuh banyak perkara lain yang juga berkaitan dengan akhbar seperti tanggungjawab akhbar, tanggungjawab

akhbar, peranan akhbar dan sebagainya. Tetapi, perkara yang penting yang harus diingat mengenai kebebasan akhbar menurut Dr. Mahathir ialah:

- (a) Dr. Mahathir menolak takrif Barat bahawa kebebasan akhbar bermakna tidak ada kawalan oleh kerajaan. Bagi beliau kawalan harus dilihat bukan saja oleh kerajaan tetapi juga oleh pihak lain. Jika demikian, tidak wujud kebebasan akhbar secara *absolute* di mana-mana juga pun.
- (b) Malaysia mengamalkan kebebasan akhbar walaupun terdapat undang-undang yang mengawal akhbar. Kebebasan akhbar di Malaysia wujud dalam lingkungan undang-undang.
- (c) Di negara-negara yang mengamalkan sistem demokrasi melalui pilihan rakyat, kerajaan yang dipilih oleh rakyat berhak mengadakan kawalan terhadap kebebasan akhbar demi kestabilan dan pembangunan negara.

Model Tanggungjawab Sosial

Selain membincangkan mengenai kebebasan akhbar, Dr. Mahathir juga menyentuh model yang sesuai bagi Malaysia. Dalam hal ini beliau telah membincangkan dengan agak panjang lebar mengenai beberapa teori akhbar sebagaimana yang disarankan oleh sarjana Siebert, Peterson dan Schramm, iaitu teori autoritarian, *Libertarian*, Soviet Komunis dan Tanggungjawab Sosial. Setelah menghuraikan satu persatu teori-teori di atas, Dr. Mahathir memilih teori atau model Tanggungjawab sosial sebagai terbaik, walaupun model ini juga mempunyai kekurangan tertentu. Dr. Mahathir andaikan

ia seperti cara pemerintahan demokrasi, walaupun ia tidak *perfect* (sempurna), ia adalah yang terbaik.

Setelah memahami bahawa kebebasan akhbar secara mutlak tidak wujud di Malaysia, kita agak kaget kenyataan oleh Dr. Mahathir bahawa media mesti diberi kebebasan. Sebenarnya, kekagetan ini timbul jika kita melihat atau mengambil pengucapannya itu secara tersendiri, iaitu tanpa melihat penerangannya yang lebih luas. Misalnya, dalam konteks media mesti diberi kebebasan, Dr. Mahathir maksudkan kebebasan ini hendaklah dilaksanakan dengan tanggungjawab. Mereka harus diberikan kebebasan untuk menyatakan pendapat dengan bebas, sekali pun hak untuk melakukan kesilapan. Tetapi mereka mesti berbuat demikian tanpa prasangka dan tanpa niat buruk. Sebagaimana dalam sebuah masyarakat demokratik, tiada siapapun atau institusi mempunyai hak untuk merosakkan demokrasi, media juga tidak mempunyai hak demikian. Akhbar yang tidak bertanggungjawab adalah satu percanggahan (*negation*) terhadap hak rakyat dalam sebuah masyarakat yang demokratik (Sila lihat Bab 15).

Dr. Mahathir melihat model tanggungjawab sosial akhbar sebagai sesuai bagi negara ini. Ini kerana katanya, keperluan asasnyanya adalah mudah. Individu mempunyai hak. Begitu juga masyarakat. Pihak Autoritarian dan Komunis akan menyatakan dengan bongkak bahawa hak masyarakat patut mendahului hak individu, dan libertarian pula mengambil pandangan yang sama tegas bahawa hak individu mesti mengatasi hak masyarakat. Dr. Mahathir percaya ia adalah soal mengimbangi dua hak dari segi kualiti dan kuantiti.

Dr. Mahathir menyatakan bahawa sebagaimana mereka betul apabila mengatakan bahawa kerajaan tidak mempunyai monopoli terhadap *constructiveness* dan kebijaksanaan, media mesti menghayati bahawa mereka juga tidak mempunyai

monopoli terhadap *constructiveness* dan kebijaksanaan. Sebagaimana kakitangan awam mesti bersedia menerima kritikan, begitu juga media mesti bersedia menerima kritikan. Sebagaimana kerajaan tidak mengatasi undang-undang media juga tidak mengatasi undang-undang. Tidaklah kena jika kakitangan awam tertakluk kepada undang-undang mengenai rahsia negara tetapi atas nama kebebasan orang lain tidak.

Sebagaimana media tidak diperlakukan lebih rendah daripada eksekutif, legislatif dan kehakiman, secara yang sama, eksekutif, legislatif dan kehakiman tidak diperlakukan lebih rendah daripada media. Sebagaimana kerajaan tidak boleh dibenarkan mempunyai kebebasan membuat sesuka hatinya dalam masyarakat, begitu juga media tidak boleh dibenarkan membuat apa saja yang disukainya dalam masyarakat.

Media mesti dibenarkan untuk bersaing dalam pasaran ekonomi dan memupuk hubungan baik dengan pelanggan sasaran mereka, tetapi mereka mesti berbuat demikian dalam lingkungan yang bermaruah dan tanggungjawab. Bercanggah dengan apa yang difikirkan di banyak institusi kewartawanan yang terbaik sekalipun, *deadline* sesebuah berita bukanlah keramat. Kebaikan awam adalah keramat.

Dr. Mahathir kerap dijemput memberi ucapan sempena anugerah wartawan anjuran Institut Akhbar Malaysia, ataupun oleh Kesatuan Wartawan Kebangsaan (National Union of Journalists). Sebagaimana biasa Dr. Mahathir bercakap mengenai kebebasan akhbar dan peranan akhbar serta wartawan. Beliau cuba membezakan antara akhbar bebas dan akhbar yang dikongkong dan kesan daripada kongkongan itu.

Beliau menegaskan bahawa sebagai wartawan beliau yakin mereka menghargai kebebasan media massa yang menjadi satu daripada rukun demokrasi. Kebebasan media merupakan

salah satu aspek yang penting untuk mempertahankan demokrasi. Tanpa kritikan dan teguran daripada media yang bebas, tanpa maklum balas berkenaan dengan pemikiran dan reaksi masyarakat, besar kemungkinan kerajaan dan anggotanya akan tersilap jalan, akan menyeleweng dan akan melakukan perbuatan-perbuatan yang tidak baik. Sebaliknya tanpa maklumat yang disampaikan oleh media yang bebas rakyat pula akan berada dalam kegelapan, tidak mengetahui dan tidak memahami apa yang sedang berlaku di sekeliling mereka. Dengan perkataan lain tanpa media massa yang bebas, masyarakat dan kerajaan akan berada dalam keadaan tidak sedar akan hasil dasar-dasarnya dan tidak dapat menilai kekesanan sesuatu tindakan atau peristiwa. Kita akan meraba-raba dalam kegelapan tanpa mengetahui ke arah mana kita menuju atau ke arah mana kita dibawa.

Keadaan ini beliau bandingkan dengan negara-negara di mana media massa diletakkan terus di bawah kuasa kerajaan. Dengan itu media tidak dapat menilai dengan baik dan dengan adil tindakan-tindakan dan dasar-dasar kerajaan. Semua yang dibuat oleh kerajaan dikatakan baik dan dipuji. Oleh yang demikian apabila kerajaan tersilap jalan maka kerajaan akan sesat tanpa disedari. Negara komunis sesat 70 tahun sebelum mereka mengetahui bahawa mereka sesat. Sepanjang masa, media yang dikongkong oleh kerajaan memuji dasar-dasar dan strategi-strategi komunis sehingga rakyat mereka hilang keupayaan membezakan di antara yang baik dengan yang buruk. Inilah satu daripada kesan kongkongan media massa oleh kerajaan.

Sebaliknya, beliau menyoal apakah kebebasan penuh untuk media massa akan menjamin kesejahteraan masyarakat dan negara?

Dr. Mahathir menjawab soalan itu seperti berikut. Di beberapa negara di mana media bebas sepenuhnya, akhbar-

akhbar dan media elektronik tidak segan-segan menyalahgunakan kebebasan mereka. Media yang bebas tidak memberi kebebasan kepada pihak lain. Sasaran mereka dikejar sehingga ke lubang cacing. Segala-galanya didedahkan sehingga keaiban yang dirasakan oleh subjek adalah lebih daripada semua hukuman yang boleh dikenakan. Gambar-gambar lucu didedahkan dan cerita-cerita lucu disiarkan sehingga kepada kanak-kanak. Bahasa yang kotor tidak lagi disembunyikan. Keganasan dipamer sehingga mempengaruhi budaya masyarakat. Penjenayah dibayar wang yang banyak untuk cerita jenayah mereka yang menggambarkan mereka sebagai hero. Rahsia kerajaan didedah sehingga keselamatan negara terancam. Pemimpin-pemimpin dilaga-lagakan dan cerita-cerita yang tidak benar dicipta dan disiarkan.

Akibat daripada semua ini ialah masyarakat keliru dan ada yang tidak dapat menilai antara yang baik dengan yang buruk. Ada di antara mereka menjadi bingung kerana percaya kepada yang tidak benar. Nafsu dan seks menjadi tumpuan bagi setengah-setengah pihak sehingga mereka dikuasai hanya oleh keperluan memuaskan nafsu. Akhlak hancur dan institusi sosial seperti perkahwinan dan keluarga hilang kedudukan dalam masyarakat. Pendek kata, kebebasan akhbar yang ekstrim membawa kesan yang tidak banyak berbeza daripada kongkongan oleh kerajaan (Sila lihat Bab 14).

Apa yang digambarkan di sini ialah kes-kes yang ekstrim, kongkongan media yang menyeluruh dan kebebasan yang tidak terhad. Jika diakui bahawa kedua-dua contoh ekstrim ini adalah tidak baik dan mempunyai kesan yang buruk kepada masyarakat dan negara, soal yang timbul ialah apakah had sekatan kebebasan dan kongkongan ke atas media massa yang baik untuk masyarakat? Soal ini perlu dijawab melainkan kita mempunyai falsafah kebebasan semata-mata untuk kebebasan dan bukannya kebebasan untuk kebaikan.

Dr. Mahathir menegaskan bahawa Malaysia adalah sebuah negara membangun yang demokratik. Lebih daripada itu Malaysia mempunyai penduduk berbilang kaum dan agama yang sukar diintegrasikan. Jika Malaysia ingin maju maka peranan semua pihak mestilah disesuaikan dengan dasar-dasar dan usaha-usaha membangunkan negara.

Tidak sesiapa pun boleh menafikan peranan penting yang boleh dimainkan oleh media massa dalam pembangunan Malaysia. Jika diakui bahawa kebebasan akhbar menjadi sebahagian daripada demokrasi, tetapi kebebasan secara *absolute* membawa keburukan, kita perlu menentukan apakah yang patut mempengaruhi kerajaan, wartawan dan masyarakat mengenai peranan media massa dalam negara kita ini.

Beliau merasa tidak ada sesiapa pun dalam negara ini yang dengan sengaja mahu menghalang pembangunan dan kemajuan. Masalahnya ialah kadang-kadang terdapat konflik antara kepentingan negara dan kepentingan kumpulan serta kepentingan individu. Oleh kerana ini, kita kadang-kadang tidak jelas tentang pendirian yang perlu diambil oleh masing-masing, walaupun kita percaya kita mengetahui tindakan yang mesti diambil oleh pihak lain.

Sebagai contoh ramai anggota masyarakat yang mengemcam akhbar yang sengaja membesar-besarkan masalah yang kecil umpamanya tentang perkembangan politik. Tetapi di masa yang sama masyarakat lebih suka akhbar-akhbar yang sensasi ini dan menyebabkan penjualannya lebih laris. Di masa yang sama juga pembaca memuji sikap sederhana dan berita yang tepat yang dibuat oleh akhbar-akhbar yang bertanggungjawab tetapi mereka tidak begitu berminat membacanya. Ramai juga daripada anggota masyarakat yang menyoal mengapa kerajaan tidak bertindak.

Kerajaan sekarang ini tidak bebas seperti dahulu di waktu

mana rakyat tidak begitu *sophisticated*. Sekarang rakyat tahu mengguna undang-undang dan kerajaan dengan mudah boleh disekat kerana kesilapan prosedur atau sebab-sebab lain. Lagipula kerajaan tidak mahu dituduh tidak demokratik dan menyekat kebebasan akhbar.

Dilema kita ialah jika kita membenarkan kebebasan yang ekstrim dalam media, kesejahteraan masyarakat akan terancam dan kemajuan negara akan terganggu. Sebaliknya, jika kita mengambil tindakan untuk menyekat, kita akan dituduh sebagai tidak demokratik. Berhadapan dengan dilema ini kita hanya boleh berharap kepada perasaan tanggungjawab wartawan dan patriotisme mereka. Kawalan diri atau *self-discipline* diperlukan walaupun ini akan menjejaskan sedikit kelasan penjualan akhbar masing-masing.

Bagi negara kita, perkara yang utama ialah kestabilan politik atau lebih tepat lagi persepsi rakyat serta orang asing terhadap kestabilan ini. Sebenarnya semenjak negara kita merdeka, selain daripada peristiwa 13 Mei 1969, keadaan politik negara adalah stabil. Sudah tentu ia lebih stabil daripada kebanyakan negara-negara membangun. Adanya usaha merebut jawatan dan kempen-kempen adalah perkara biasa dalam sesebuah negara demokrasi.

Di negara Malaysia kita perlu berusaha ke arah pembangunan yang pesat. Jika kita membuat kajian mengenai sebab-sebab sesetengah negara mudah maju dan sesetengah lagi tidak dapat mencapai kejayaan bahawa pencapaian sesuatu negara bergantung kepada peribadi dan sikap penduduk negara itu. Jika sesuatu bangsa itu rajin, beramah tekin berusaha, maka lambat-laun bangsa itu akan berjaya. Sebaliknya, jika sesuatu bangsa itu malas, tidak beramah dan tidak tekin dalam menjalankan kerja, maka bangsa itu akan gagal dan mundur selama-lamanya.

Menyedari akan hakikat ini maka kita haruslah meng

gunakan segala cara untuk membentuk peribadi yang sesuai dengan kemajuan ini. Oleh kerana media massa adalah satu alat yang penting untuk membentuk fikiran rakyat maka media massa haruslah memberi sumbangan kepada usaha-usaha menyemaikan nilai-nilai yang disebutkan tadi di kalangan penduduk-penduduk negara ini.

Kita berasa dukacita kerana kadang-kadang terdapat akhbar-akhbar yang bukan sahaja tidak memberi perhatian kepada pembinaan sifat-sifat ini tetapi menunjukkan sikap sinis terhadap usaha-usaha kerajaan. Menukar peribadi sesuatu bangsa bukanlah perkara yang mudah, terutama jika ia adalah ke arah kebaikan. Tetapi usaha mesti dibuat juga kerana selagi kita tidak dapat memiliki nilai-nilai yang sesuai untuk kemajuan, kita tidak akan maju.

Musuh kita yang besar sekali ialah diri kita sendiri. Terdapat sikap yang negatif di kalangan kita yang menyebabkan kita selalu memandang rendah terhadap kebolehan kita dan membesar-besarkan kebolehan orang lain. Jika ada sahaja sesuatu usaha, kita terus meramalkan ianya tetap tidak akan berjaya. Jika akhirnya berjaya juga usaha itu, kita akan memperkecilkan kejayaan usaha itu atau mencari kesalahan tetek-bengek. Dengan ini maka sukar bagi rakyat Malaysia mempunyai keyakinan terhadap apa juga yang diusahakan.

Mengikut aliran baru apa yang dipanggil sebagai *investigative reporting*, sesuatu yang dicipta di Barat, segala usaha dijalankan bagi mencari yang salah untuk didedahkan. Memang benar ada kalanya kita perlu mendedahkan sesuatu supaya pembetulan boleh dibuat. Tetapi yang baik dan betul pun perlu didedahkan supaya kita tidak mempunyai *inferiority complex*.

Dalam usaha membangunkan sesebuah negara, kerajaan yang kuat amat diperlukan. Bagi negara yang maju sekalipun, jika kerajaannya lemah maka kemajuan sukar dicapai. Ini

adalah kerana kerajaan bukan sahaja dikehendaki mentadbir tetapi juga dikehendaki menolong pihak swasta dalam kegiatan ekonomi. Dalam hal ini jika pihak swasta dikehendaki meningkatkan perniagaan dan perusahaan, melabur dan mengeksport, kerajaan mesti memberi kerjasama dan bantuan.

Dr. Mahathir melihat media massa bukan sahaja berperanan memberi maklumat tetapi juga bertanggungjawab terhadap kesejahteraan dan pembangunan masyarakat, terutama dalam sebuah negara yang membangun seperti Malaysia. Dalam hubungan ini, pihak akhbar dan kerajaan mempunyai objektif yang boleh dikatakan sama. Malangnya ada pendapat bahawa kredibiliti sesebuah akhbar bergantung kepada sikap *adversary* terhadap kerajaan. Sementara pendapat semasa mentafsirkan kebebasan akhbar adalah kebebasan daripada cengkaman kerajaan, kebebasan juga harus bermakna kebebasan daripada kongkongan pihak yang lain, yang juga mampu memperalatkan akhbar untuk kepentingan mereka. Justeru itu sikap *adversary* terhadap kerajaan tidak sepatutnya menjadi ukuran kredibiliti sesebuah akhbar (Sila lihat Bab 16).

Ini tidaklah bererti yang pihak akhbar tidak boleh mengkritik dan menegur kerajaan. Di dalam negara yang mengamalkan sistem demokrasi seperti Malaysia, kritikan dan teguran terhadap kerajaan amatlah penting untuk menentukan penyalahgunaan kuasa tidak mudah berlaku dan segala dasar dan tindakan kerajaan membawa kebaikan kepada rakyat dan negara. Tetapi menidakkan yang baik hanya kerana kononnya ingin mempertahankan kebebasan dan kredibiliti dan mungkin kerana kepentingan komersil sebenarnya mencabul hak dan kebebasan yang diberikan kepada akhbar.

Oleh kerana akhbar boleh menggunakan kuasa yang boleh membina atau meruntuhkan kerajaan, tidakkah mungkin i

boleh dikorupkan? Jika tidak ada kritikan terhadap kebebasan akhbar dan akhbar dibenarkan bebas tanpa lesen, tidaklah akhbar dikatakan menggunakan kuasa secara mutlak dan tidakkah ia dikorupkan secara mutlak (Sila lihat Bab 18).

Dr. Mahathir mengemukakan soalan-soalan ini kerana sebagai seorang yang mengetuai kerajaan, saya tentunya diberi kuasa. Jika beliau dijangka oleh akhbar untuk memberi kebebasan kepadanya untuk mengkritik dan membidas, dan mungkin menjatuhkan kerajaan yang saya pimpin, tidakkah juga akhbar, yang juga diberikan dengan kuasa yang banyak, menerima kritikan bukan akhbar terhadapnya?

Jika akhbar tidak menyukai kerajaan mempunyai kuasa yang mutlak, jadi dengan nada yang sama akhbar janganlah menggunakan kuasa mutlak dalam membentuk pendapat awam.

Dr. Mahathir menegaskan media massa dan para wartawan, terutamanya dalam negara membangun, mempunyai peranan yang tertentu dan mereka, seperti juga golongan profesional yang lain, memikul beban tanggungjawab yang berat. Apatah lagi apabila media massa ini berfungsi dalam masyarakat yang bukan sahaja sedang pesat membangun, tetapi juga masyarakat majmuk seperti di Malaysia ini. Dalam keadaan yang sedemikian, para wartawan dan media massa mempunyai tanggungjawab yang lebih besar. Mereka juga bertanggungjawab memastikan agar kegiatan mereka tidak bercanggah dan tidak menghalang arus pembangunan negara (Sila lihat Bab 10).

Dalam konteks ini media massa hendaklah sentiasa menentukan bahawa sebarang penulisan, rencana dan laporan yang dibuat hendaklah objektif, *balanced* dan membina untuk mengelakkan daripada berlakunya sebarang kemusykilan di kalangan rakyat. Penulisan-penulisan yang dapat memberi sumbangan ke arah meningkatkan lagi tahap pencapaian

dalam bidang sosial, ekonomi, politik, kemasyarakatan dan lain-lain hendaklah diberi tumpuan dan keutamaan. Walau bagaimanapun, ini tidak bererti bahawa berita dan rencana yang kritikal dan menegur tidak seharusnya diterbitkan.

Kata Dr. Mahathir seperti mana yang termaklum, memang terdapat dalam akhbar-akhbar kita, bukan sahaja teguran tetapi juga pendedahan atau *expose* dari masa ke semasa mengenai sesuatu kelemahan atau penyelewengan yang berlaku. Dr. Mahathir mengulangi sekali lagi, bahawa Kerajaan sedia menerima teguran dan kritikan ini. Malahan kami sentiasa memberi perhatian terhadap kritikan dan *expose* ini. Kami anggapkan *expose* dan teguran ini sebagai satu jenis *feedback* yang perlu dikaji, dan sekiranya didapati benar, kami akan berusaha untuk membetulkan keadaan. Walau bagaimanapun, saya ingin menegaskan bahawa Kerajaan tidak akan menerima tuduhan-tuduhan yang melulu dan yang tidak berasas, yang sengaja dibesar-besarkan untuk menarik minat pembaca atau kemasyhuran pemberita-pemberita tertentu. Sebarang niat buruk seperti ini, sekiranya terdapat, akan ditentang.

Dr. Mahathir juga menegur akhbar dan majalah terutamanya dalam bahasa Malaysia. Banyak daripada akhbar dan majalah ini menyiarkan cerita seram, cerita hantu dan bermacam-macam lagi perkara ganjil dan ghaib. Akibatnya ialah pembaca mereka, dan masyarakat Melayu terutamanya sudah jadi takut kepada bayang-bayang. Mereka nampak hantu di mana-mana sahaja. Ramai daripada murid perempuan sekolah Melayu, terutama yang berasrama sering dilanda histeria, menjerit-jerit dengan ketakutan. Ada kalanya sekolah terpaksa ditutup dan pokok terpaksa ditebang.

Kesan daripada pupukan kepercayaan kepada hantu dan lain-lain makhluk khalayan ialah masyarakat yang hidup dalam ketakutan. Masyarakat yang hidup dalam ketakutan ini

tidak mungkin berjaya, bahkan tidak mungkin mempertahankan diri. Kekalahan orang Melayu dalam peperangan dahulukala berasas kepada kepercayaan bahawa musuh mereka mempunyai kuasa ghaib. Ini menghapuskan kepercayaan kepada kebolehan diri sendiri. Dengan itu maka mudahlah mereka ditewaskan.

Beliau percaya bahawa cerita-cerita seram dan cerita hantu ini amat menarik. Tetapi beliau ingin merayu kepada akhbar dan majalah supaya tidak menggunakan jalan yang mudah ini untuk mendapat pelanggan. Kita akan kesal kemudian hari jikalau kerana hendak menjual surat khabar, kita jadikan orang Melayu bangsa yang kolot yang takut kepada bayang-bayang.

Dr. Mahathir juga merakamkan penghargaan kerajaan kepada media massa atas peranan dan khidmat mereka. Pada keseluruhannya media massa kita telah menjalankan tugas masing-masing dengan penuh tanggungjawab, sensitif akan *environment* di mana mereka bergerak, serta berhati-hati dan cermat dalam laporan-laporan yang dibuat.

Sambil itu Dr. Mahathir membidas sikap beberapa orang wartawan Malaysia. Katanya, sikap dan tanggungjawab akhbar tempatan tidak menyenangkan beberapa wartawan Malaysia *who are in the pay of the foreign press*. Orang ini, terutama yang berasa kecewa kerana tidak mendapat sesuatu bagi diri sendiri di masa berkhidmat dalam negara, tidak jemu dengan memutar-belitkan berita negara sendiri, supaya *they are given a pat on the back by their foreign masters. We watch the antics of these pet poodles with utter contempt and derision* (Sila lihat Bab 10).

Hubungan erat antara kerajaan dengan media massa berti bahawa kedua-dua pihak boleh bekerjasama demi kepentingan dan kebaikan umum. Ia juga adalah bukti, bahawa dalam melaksanakan tugas mereka, pihak akhbar tidak

seharus dan semestinya bersikap konfrontasi dengan Kerajaan. Media massa yang bekerjasama dengan pihak berkuasa tidak akan hilang kredibilitinya. Beliau menyebut demikian oleh kerana ada yang berpendapat, terutama di Barat, bahawa kononnya sebarang kerjasama antara media massa dan pihak berkuasa akan lama-kelamaan mengikis kredibiliti media massa. Di Malaysia kerjasama rapat dan persefahaman antara media massa dan kerajaan telah menghasilkan ikatan yang menguntungkan kedua-dua pihak. Sebagai bukti kita dapat melihat pertumbuhan *readership* atau pembaca akhbar-akhbar Malaysia, terutama akhbar dalam bahasa Malaysia. Sementara di negara-negara membangun yang lain akhbar-akhbar kurus-kurus belaka, di Malaysia akhbar semakin tebal dan semakin tinggi mutu cetakan dan isi kandungannya.

Kerajaan memang sentiasa berusaha untuk membantu pihak media massa dalam tugas-tugasnya. Bukanlah menjadi niat kerajaan untuk menyulitkan kerja wartawan dengan merahsiakan segala urusan kerajaan. Kerajaan sedar bahawa bersikap sedemikian hanya akan menimbulkan khabar-khabar angin yang mungkin membawa kesan yang memudaratkan *public opinion*. Walau bagaimanapun saya ingin menegaskan di sini bahawa kerajaan kadang-kadang tidak dapat memberi maklumat dan keterangan dengan sewenang-wenangnya apabila sahaja diminta oleh para wartawan. Memang ada maklumat dan keterangan yang boleh diberi, dan ini memang sudah pun dilakukan oleh pegawai-pegawai kerajaan yang diberi tanggungjawab untuk berbuat demikian. Tetapi mengenai perkara-perkara yang penting, yang menyentuh umpamanya keselamatan negara, sudah pasti pihak kerajaan tidak dapat memberikan maklumat itu dengan begitu mudah. Perkara-perkara yang penting, yang melibatkan keselamatan negara dan orang ramai, hanya boleh diumumkan setelah ia dikaji dengan teliti dan mendalam dan setelah difikir-kan

bahawa pengumumannya tidak akan mendatangkan apa-apa masalah. Oleh itu beliau berharap para wartawan memahami akan hal ini dan bersabar dan tidak pula cepat menuduh pegawai-pegawai kerajaan tidak mahu bekerja sama (Sila lihat Bab 10).

Kebebasan Akhbar dan Kawalan Media Dunia

Kebebasan akhbar adalah suatu soal yang sering dikaitkan dengan demokrasi. Di antara suara yang nyaring sekali memperjuangkan kebebasan akhbar ini ialah mereka yang menguasai *apparatus* berita dunia. Sejak tamatnya penjajahan dunia secara menakluk wilayah, bekas-bekas imperialis tidak pernah berhenti mencari jalan menjajah dengan cara lain. Dr. Mahathir melihat cara yang paling berkesan mengekalkan imperialisme ialah *world press* (akhbar dunia). Untuk menjadikan *world press* ini berkesan untuk menjajah dunia, kuasa-kuasa Barat memerlukan kebebasan membuat laporan sesuka hati mereka. Dasar ini ditafsirkan sebagai Kebebasan akhbar. Kadang-kadang kita nampak tangan Yahudi dalam kegiatan ini (Sila lihat Bab 4).

Dengan menjadikan apa yang disebut sebagai kebebasan akhbar ini sebagai satu *virtue* yang mesti ada sebelum demokrasi diiktiraf, mereka bukan sahaja bebas memainkan kuasa akhbar tetapi berjaya pula mendapat sokongan dari penduduk negara-negara bekas jajahan takluk mereka. Dengan ini mereka bukan sahaja dapat kebebasan yang mereka perlu untuk kegiatan mereka tetapi mereka boleh menguasai kedudukan dalam negara-negara yang sudah terlepas dari belenggu penjajahan atau yang tidak secocok dengan mereka. Dengan kuasa ini maka kekallah penjajahan mereka sehingga dapat mereka menentu siapa yang akan jadi kerajaan dan siapa tidak. Jika diperhatikan kita akan lihat betapa negara-negara yang dikuasai oleh orang Islam terutamanya menjadi

sasaran mereka. Di negara-negara ini orang Islam yang dikatakan mengamalkan *Islamic fundamentalism* dengan mudahnya diperalatkan oleh akhbar dunia dan orang lain yang berkepentingan.

Dan siapakah yang mengawal media dunia yang berkuasa? Bukan kerajaan-kerajaan nasional ataupun negara-negara membangun. Tidak juga kerajaan negara-negara yang kuat.

Sejumlah kecil orang di Barat mengawal semua media antarabangsa (Sila lihat Bab 20). Sesetengahnya wartawan tetapi yang lainnya bukan. Secara kolektif mereka adalah *Big Brothers*.

Sekarang ini mereka mempunyai senjata yang lebih berkesan dalam bentuk rangkaian TV sejagat. Hari ini mereka menyiarkan berita yang berat sebelah. Besok mereka akan menyiarkan gambar lucah untuk mengkorupkan anak-anak kita dan merosakkan budaya kita. Mereka sudah lakukan ini di Eropah.

Hari ini kita masih lagi mengawal penerimaan kita. Masanya sedang berlaku dengan cepat apabila hanya penyangkut baju diperlukan untuk menerima siaran TV dari seluruh dunia.

Kita tidak ada tempat untuk berundur. Negara-negara kecil sudah pun dituduh tidak demokratik dan menghadkan kebebasan kerana kita tidak membenarkan penerimaan rangkaian TV antarabangsa. Kami berharap ia kerana orang yang menuduh kami benar-benar percaya dalam kebebasan akhbar. Tetapi kami mengesyaki ia adalah kerana mereka memonopoli media dunia dan mereka boleh mendapat untung besar daripada kebebasan mereka tekankan setiap negara patut ada.

Di mesyuarat peringkat menteri di Vienna tahun ini suatu takrif yang lebih meluas tentang Hak Asasi Manusia

dikemukakan. Banyak negara seperti Malaysia ditohmah di Vienna kerana dikatakan enggan menerima kesejagatan hak asasi manusia. Dr. Mahathir berkata Malaysia menerima kesejagatan hak asasi manusia tetapi tidak kepada jenis yang tidak bertanggungjawab yang diperjuangkan oleh Barat. Hak asasi manusia bukanlah suatu lesen untuk berbuat apa saja tanpa memikirkan hak orang lain. Hak majoriti sama sahnyanya dengan hak minoriti atau individual. Sesuatu masyarakat mempunyai hak untuk melindungi dirinya daripada pelaksanaan hak tanpa kawalan oleh individu atau kumpulan minoriti yang di Barat telah menyumbang kepada runtuhnya moraliti dan struktur masyarakat manusia (Sila lihat Bab 20).

Jika hak individu atau minoriti begitu suci (*intiolable*) kata Dr. Mahathir, anda harus membenarkan kebangkitan Nazisme dan kegiatan *racists* ganas mereka di Eropah dan di mana saja. Tetapi adalah jelas sekurang-kurangnya Barat masih memikirkan keganasan adalah salah. Kami juga berharap mereka akan menerima bahawa kebebasan daripada kemiskinan dan cita-cita untuk membangun adalah unsur hak asasi manusia yang penting. Akhir sekali negara-negara seperti Malaysia mesti membantu pengajaran tentang hak asasi manusia daripada orang yang dengan rela membenarkan dan hingga ke satu tahap membantu pembersihan etnik di Bosnia Herzegovina. Sehingga mereka membersihkan diri mereka di situ, semasa cakap-cakap mereka mengenai hak asasi manusia berbunyi kosong.

Senarai kesengsaraan negara membangun dan dunia nampaknya tidak akan berakhir. Sebenarnya senarainya tidaklah lengkap. Perdagangan dan perlindungan, bantuan dan hutang, UNCED dan tekanan ke atas isu alam sekitar, Antartika dan banyak lagi tidak disentuh langsung.

Malaysia mengasahkan tajinya menghadapi dunia dalam

zaman pemerintahan Dr. Mahathir. Dasar luar negara adalah lebih agresif. Malaysia aktif dalam bidang diplomasi, perdagangan untuk menarik pelaburan luar dan membuka peluang perniagaan bagi syarikat-syarikat swasta negara ini. Tindakan ini tergugat jika terdapat tindakan sengaja pihak media untuk menjatuhkan maruah Malaysia, khususnya para pemimpinnya di mata dunia.

Dua perkara berlaku. Yang pertama ialah tindakan akhbar *Asian Wall Street Journal* menulis artikel-artikel yang memburukkan Malaysia apabila ada sesuatu persidangan besar yang membabitkan Malaysia. Dr. Mahathir melihat ini sebagai disengajakan. Yang keduanya ialah tindakan akhbar *The Sunday Times* menyiarkan artikel yang menuduh Dr. Mahathir menerima rasuah untuk meluluskan satu projek aluminium di negara ini. Dalam kes yang pertama Malaysia menggantungkan pengedaran akhbar *Asian Wall Street Journal* dan mengusir dua orang penulisnya dari negara ini. Dalam kes yang kedua Malaysia telah melancarkan dasar *Buy British Last*. Akibat tindakan Mahathir ini, Rupert Murdoch mengambil tindakan memindahkan orang yang bertanggungjawab tentang penyiaran berita dalam *The Sunday Times* London, Andrew Neil ke New York. Akhirnya dia berhenti daripada jawatan di New York itu.

Takrif Berita

Bagi mengakhiri bab ini disertakan sedikit pandangan Dr. Mahathir mengenai beberapa pepatah Inggeris yang berkaitan dengan berita.

*No news is good news
Bad news is good news
Good news is no news.*

(Tiada berita adalah berita baik
berita buruk adalah berita baik
berita baik adalah tiada berita.)

Lazimnya kita mendengar bahawa orang berkata *no news is good news* yang bermakna bahawa jika tidak ada berita tentang sesuatu maka keadaan adalah baik. Jelas Dr. Mahathir, oleh kerana semuanya berjalan dengan baik di Malaysia, tidak ada berita mengenai Malaysia di akhbar-akhbar di media antarabangsa. Malaysia tidak pernah menjadi sasaran pemberita asing kerana semuanya berjalan baik.

Lawan kepada pepatah ini ialah *bad news is good news* iaitu *good* bagi pemberita. Apabila sesuatu yang buruk berlaku maka laporan berkenaannya amat menarik minat pemberita dan juga pembaca. Oleh kerana kadang-kadang tidak ada kejadian buruk maka ada pemberita terutama *foreign correspondents*, yang sengaja mengadakannya. Kadang-kadang laporan tentang kejadian yang baik diputarakan untuk memberi gambaran yang buruk (Sila lihat Bab 4).


Juga pepatah yang menyusul *no news is good news* ialah *good news is no news*. Ini bermakna bahawa berita baik tidak menjadi berita dan kerana itu tidak perlu dilaporkan. Sebab itu kalau kejayaan dicapai dalam satu-satu bidang tidak ada laporan dibuat.

Psikologi laporan berita dan psikologi pelanggan akhbar perlu difaham kerana psikologi ini boleh diperalatkan oleh mereka-mereka yang berkepentingan dan memburukkan keadaan di mana-mana sahaja. Psikologi ini memberi kuasa yang besar kepada mereka yang menguasai mass media. Kuasa ini, seperti kuasa lain mempunyai hikmat yang harus dihormati. Kuasa ini seperti pisau yang tajam boleh juga mengukir sesuatu yang cantik dan mempesona.

Bab ini telah menyorot beberapa pandangan Dr. Mahathir berkaitan dengan kebebasan akhbar dan tanggungjawab akhbar. Pandangan ini bukanlah menyeluruh. Pandangan ini boleh dibaca dengan lebih luas dalam bahagian kedua yang memuatkan pandangan Dr. Mahathir dalam perkara-perkara yang terbabit dan beberapa perkara lain. Pandangan-pandangan ini penting diketahui oleh rakyat Malaysia kerana ia bukan sekadar pandangan biasa, kerana ia adalah pandangan seorang pemimpin dan menjadi teras kepada dasar negara ini.

BAHAGIAN DUA MINDA MAHATHIR





4 Mencari Had Kebebasan Akhbar*

Kebebasan akhbar samalah dengan lain-lain kebebasan – iaitu ia mempunyai hadnya – limitnya. Masalahnya ialah menentukan had ini. Setakat manakah kebebasan ini boleh dibiarkan. Ada yang berkata kerajaanlah yang patut menentukan limit ini tetapi ada pula yang berkata pemberita dan ahli surat khabar adalah orang yang berfikiran waras – dan merekalah yang akan tentukannya. Ada yang lain yang berkata orang asing patut mengadilkan dan ada yang berkata pihak-pihak yang terlibat yang patut rundingkan.

Perkembangan mass-media sebagai satu industri di zaman moden ini adalah sesuatu yang menakjubkan. Jika dahulu rakyat bergantung kepada *town crier* dan berita angin untuk mengetahui tentang sesuatu kejadian dan ini pun setelah kejadian itu berlaku sekian lama, tetapi sekarang kita diberi laporan dari seluruh dunia dan dari angkasa lepas dalam jangka masa yang *instantaneous*. Dengan perkataan lain kita

bukan sahaja diberi laporan tentang apa yang sudah berlaku tetapi apa yang sedang berlaku. Tidak mustahil di zaman ini kita melihat sesuatu pembunuhan di waktu peristiwa itu berlaku dengan terang-terang, melihat pembunuh dan yang dibunuh dan semua aksi yang sedang berlaku, tetapi tanpa mampu membuat apa-apa menghalang kejadian tersebut.

Ulasan berita dan rencana pula diluahkan oleh para jurnalis dan penulis dengan kuantiti yang begitu banyak dan kerap sehingga tidak mungkin sesiapa pun dapat mengikuti semua ulasan yang penting yang diadakan. Tidak ada sesuatu yang berlaku yang tidak diulas dengan terperinci dan latar belakang yang mendalam. Yang lebih penting lagi ialah ulasan-ulasan ini dibuat dari berbagai-bagai sudut; dari kiri dan kanan, dan dari tengah dan separuh kiri dan separuh kanan dan berbagai sudut yang lain. Akibatnya ialah pertentangan se-cara langsung dan tidak langsung antara ulasan-ulasan ini.

Bagi orang biasa perkembangan moden dalam *mass-media* merupakan satu *explosion* yang merejamkan mereka dengan serpihan butiran maklumat yang tidak dapat mereka hadam dan kerap kali mengancam kesiuman mereka. Dalam keadaan mereka tidak dapat menyerap semua butiran maklumat dan serangan berita yang datang bertalu-talu mereka terpaksa menerima tapisan yang dibuat oleh orang yang berkepentingan.

Di Semenanjung Malaysia, bagi tahun 1979, 50 peratus daripada orang dewasa membaca akhbar, sementara 80 peratus pula mendengar radio dan 87 peratus menonton TV. Dari angka-angka ini kita boleh bayangkan betapa ramai penduduk Malaysia yang boleh dipengaruhi dan dibentuk cara pemikirannya oleh ketiga-tiga media ini sahaja, tidak termasuk lain-lain media seperti penulisan dan perhubungan awam. Jika ini semua dimasukkan kira tentulah lebih ramai lagi penduduk yang boleh dipengaruhi. Peluang bagi mereka

yang berkepentingan tentulah banyak dalam keadaan ini. Kerajaan dengan radio dan TV tetap menggondol sebahagian besar dari peluang ini. Tetapi oleh kerana sentimen *anti-establishment* yang sudah disemaikan, kesan usaha kerajaan mudah dapat dipatahkan. Walaupun apa yang dilaporkan melalui media kerajaan adalah *factual* tetapi ia tidak dihiraukan sangat. Sebaliknya apa yang dilaporkan dan diulas oleh pihak asing lebih mudah diterima.

Psikologi pembaca adalah seperkara yang ganjil di zaman moden ini. Psikologi ini boleh dicerminkan dengan pepatah, *No news is good news* yang bermakna bahawa jika tidak ada berita tentang sesuatu maka keadaan adalah baik. Buat beberapa lama Malaysia tidak pernah menjadi sasaran pemberita asing kerana semuanya berjalan baik. Lawan kepada pepatah ini ialah *bad news is good news* iaitu *good* bagi pemberita. Apabila sesuatu yang buruk berlaku maka laporan berkenaannya amat menarik minat pemberita dan juga pembaca. Oleh kerana kadang-kadang tidak ada kejadian buruk maka ada pemberita terutama *foreign correspondents*, yang sengaja mengadakannya. Kadang-kadang laporan tentang kejadian yang baik diputarakan untuk memberi gambaran yang buruk.

Juga pepatah yang menyusul *no news is good news* ialah *good news is no news*. Ini bermakna bahawa berita baik tidak menjadi berita dan kerana itu tidak perlu dilaporkan. Sebab itu kalau kejayaan dicapai dalam satu-satu bidang tidak ada laporan dibuat.

Psikologi laporan berita dan psikologi pelanggan akhbar perlu difaham kerana psikologi ini boleh diperalatkan oleh mereka-mereka yang berkepentingan dan memburukkan keadaan di mana-mana sahaja. Psikologi ini memberi kuasa yang besar kepada mereka yang menguasai *mass-media*. Kuasa ini, seperti kuasa lain mempunyai hikmat yang harus

dihormati. Kuasa ini seperti pisau yang tajam boleh juga mengukir sesuatu yang cantik dan mempesona.

Penggunaan kuasa *mass-media* sekarang ini memerlukan satu kajian yang mendalam, terutama dalam sebuah negara membangun seperti Malaysia. Kita bukan sahaja terdedah kepada berita dan rencana yang berpengaruh di dalam negeri tetapi berita dan rencana berkenaan dengan kita disampaikan juga kepada pembaca di luar negeri. Dalam dunia yang sudah menjadi sempit di mana tidak lagi boleh sesebuah negara atau kumpulan mengasingkan diri, laporan berkenaan dengan negara kita kepada dunia mempunyai kesan yang amat berat. Dan biasanya laporan dan ulasan yang dibuat ini tidak objektif dan tepat tetapi mirip kepada tujuan-tujuan tertentu mereka yang membuat laporan atau ulasan ini.

Soal *freedom of the press* adalah suatu soal yang sering dikaitkan dengan demokrasi. Di antara suara yang nyaring sekali memperjuangkan *freedom of the press* ini ialah mereka yang menguasai *apparatus* berita dunia. Sejak tamatnya penjajahan dunia secara menakluk wilayah, bekas-bekas imperialis tidak pernah berhenti mencari jalan menjajah dengan cara lain. Di antara cara-cara lain yang berkesan mengekalkan imperialisme ialah *world press*. Untuk menjadikan *world press* ini berkesan untuk menjajah dunia, kuasa-kuasa Barat memerlukan kebebasan membuat laporan sesuka hati mereka. Dasar ini ditafsirkan sebagai *freedom of the press*. Kadang-kadang kita nampak tangan Yahudi dalam kegiatan ini.

Dengan menjadikan apa yang disebut sebagai *freedom of the press* ini sebagai satu *virtue* yang mesti ada sebelum demokrasi diiktiraf, mereka bukan sahaja bebas memainkan kuasa *press* tetapi berjaya pula mendapat sokongan dari penduduk negara-negara bekas jajahan takluk mereka. Dengan ini mereka bukan sahaja dapat kebebasan yang me-

reka perlu untuk kegiatan mereka tetapi mereka boleh menguasai kedudukan dalam negara-negara yang sudah terlepas dari belenggu penjajahan atau yang tidak secocok dengan mereka. Dengan kuasa ini maka kekallah penjajahan mereka sehingga dapat mereka menentu siapa yang akan jadi kerajaan dan siapa tidak. Jika diperhatikan kita akan lihat betapa negara-negara yang dikuasai oleh orang-orang Islam terutamanya menjadi sasaran mereka. Di negara-negara ini orang Islam yang kononnya mengamalkan *Islamic fundamentalism* dengan mudahnya diperalatkan oleh akhbar dunia dan orang lain yang berkepentingan.

Selain dari maksud politik antarabangsa kita dapati sebahagian dari kejadian yang buruk di dalam dunia ini berasal dari kebebasan yang begitu dijunjung tinggi oleh *world press* dan dipraktik oleh mereka.

Untuk menjelaskan apa yang dimaksudkan oleh saya, ingin saya sebut dua peristiwa sebagai contoh. Apabila sebuah kapal terbang Lufthansa di*hijack* dan kemudian diselamatkan di Afrika oleh satu pasukan gerak cepat kerajaan Jerman Barat, sebuah majalah terkenal telah melapor dengan terperinci dan lukisan yang lengkap bagaimana penyelamatan ini dijalankan. Dengan itu maka semua *terrorist* dan *hijackers* akan tahu cara-cara untuk mengelak dari usaha penyelamatan kemudian hari. Apakah perlunya semua dunia tahu bagaimana penyelamatan ini dilakukan? Tidakkah majalah ini tahu tentang bahaya yang lebih yang akan dihadapi oleh mangsa *hijack* kemudian hari? Semua ini tidak dihiraukan. Yang penting ialah menonjol kebolehan *investigative reporting* mereka.

Tiga hari yang lepas pula seluruh dunia telah melihat empat gambar yang menunjuk bagaimana seorang pemberita dibunuh oleh seorang penganas Perancis. Gambar ini dikirim kepada akhbar Perancis oleh pembunuh itu sendiri.

Akhbar Perancis itu juga melaporkan bahawa adalah satu penyakit pembunuh itu bahawa ia suka publisiti. Dengan disebarnya gambar itu seluruh dunia maka tercapailah cita-cita pembunuh itu. Tidak salahlah pengganas ini atau yang lain jika mereka mengganas lagi kerana ini akan memberi publisiti kepada mereka. Sekali lagi kebebasan surat khabar disalahgunakan tanpa sedikit pun memikirkan kepentingan orang awam.

Kebebasan akhbar samalah dengan lain-lain kebebasan – iaitu ia mempunyai hadnya – limitnya. Masalahnya ialah menentukan had ini. Setakat manakah kebebasan ini boleh dibiarkan. Ada yang berkata Kerajaanlah yang patut menentukan limit ini tetapi ada pula yang berkata pemberita dan ahli surat khabar adalah orang yang berfikiran waras – dan merekalah yang akan tentukannya. Ada yang lain yang berkata orang asing patut mengadilkan dan ada yang berkata pihak-pihak yang terlibat yang patut rundingkan.

Yang nyata ialah kita tidak ada cara yang betul-betul berkesan. Kita masih meraba-raba. Sementara itu penyalahgunaan kebebasan surat khabar diteruskan dengan kesan yang buruk bagi orang awam dan negara yang baru membangun.

Dalam persidangan ini saya berharap peserta-peserta akan memberi sedikit masa untuk memikirkan dan membincang perkara ini. Kita perlu mengetahui jalan dan cara yang lebih selamat. Mungkin tuan-tuan dan puan-puan akan menjumpainya.

- * Petikan ucapan Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, ketika itu Timbalan Perdana Menteri semasa merasmikan Persidangan Komunikasi anjuran bersama Persatuan Penulis Nasional Malaysia (PENAM) dengan Dewan Bahasa dan Pustaka, di Hotel Federal pada 22 September, 1979. Persidangan ini dihadiri oleh wakil hampir semua bidang komunikasi moden termasuk penulis, jurnalis, jurumedia elektronik, pakar perhubungan dan juga ahli pengiklan dari Malaysia, Brunei, dan Indonesia.

5 Peranan Akhbar Dalam Demokrasi*

Jelas sekali akhbar mempunyai peranan untuk dimainkan dalam sesuatu demokrasi tetapi peranan itu tidaklah sebegitu kritikal sebagaimana yang digambar dalam akhbar. Di tangan yang salah ia boleh menjadi senjata untuk merosakkan demokrasi. Sejak akhir-akhir ini, ini merupakan yang lazim dan bukan lagi exception.

Dalam menjunjung kebebasan akhbar peranan po-tensi ini mesti diingati, selagi akhbar sedar mengenai dirinya sebagai satu potensi ancaman kepada demokrasi dan secara baik menghadkan perlaksanaan haknya, ia patut dibenarkan berfungsi tanpa gangguan kerajaan. Tetapi apabila akhbar dengan jelas menyalahgunakan haknya dengan mengapi-apikan rakyat tanpa perlu, dalam keadaan itu kerajaan demokrasi patut mempunyai hak untuk mengawalinya.

Satu daripada institusi demokrasi yang paling diagung-agungkan ialah akhbar yang bebas (*free press*). Begitu pentingnya akhbar yang bebas dalam demokrasi Barat hinggakan

ia dianggap sebagai kuasa keempat selepas *Lords Spiritual*, *Lords Temporal* dan *The Commons*.

Ia pernah dirujuk sebagai Estet Keempat. Pada tahun-tahun mutakhir, kuasanya semakin bertambah hinggakan lain-lain pusat kuasa menjadi hampir lebih rendah daripadanya.

Sebabnya kekuasaan akhbar dalam sesebuah demokrasi moden adalah jelas. Akhbar adalah agensi paling berkesan untuk menentukan pendapat *public*, dan pendapat *public* menentukan bukan saja dasar dan nilai sesebuah negara tetapi juga nasib para pemimpin sesebuah masyarakat demokratik di semua peringkat. Akibatnya akhbar boleh dan membentuk atau menghancurkan dasar dan pemimpin.

Pada amnya peranan akhbar dalam menentukan amalan demokrasi yang baik dan dengan demikian mengekalkan demokrasi itu sendiri bukan saja betul tetapi juga benar-benar tidak boleh dikesampingkan. Ia sebenarnya suatu cara komunikasi antara sebuah kerajaan demokrasi dan rakyatnya.

Melaluinya bukan saja rakyat sentiasa dimaklumkan mengenai apa yang kerajaan dan para pemimpinnya sedang lakukan, tetapi juga para pemimpin akan mengetahui tentang sikap, keperluan dan masalah rakyat.

Hasilnya ialah respons daripada kedua-dua belah pihak yang akan mengurangkan konflik antara dan di kalangan mereka walaupun tidak memupuk hubungan mesra dan usaha bersama untuk mengatasi masalah. Oleh yang demikian sebuah kerajaan demokratik yang bertanggungjawab mestilah menganggap akhbar yang bebas sebagai suatu aset yang memudahkan sebuah kerajaan yang baik.

Tetapi pada hakikatnya, akhbar biasanya tidak memainkan peranan ini. Akhbar bukanlah sebuah institusi yang tidak hidup yang mengikut secara mekanikal keunggulan demokrasi. Akhbar dibentuk dan dikendalikan oleh orang

yang bergerak bukan saja oleh keunggulan yang tinggi tetapi juga oleh perasaan dan keperluan yang hina.

Oleh itu, ia terdedah kepada kelemahan dan kekurangan yang terdapat kepada orang ini. Sekalipun mereka tidak berpihak, keobjektifan mereka masih lagi dipengaruhi oleh nilai dan interpretasi peribadi mereka. Tidak ada apa yang boleh menjamin nilai-nilai ini lebih tinggi daripada yang lain.

Lagipun, para wartawan menjadi wartawan bukanlah kerana satu pilihan khas diasaskan kepada kebolehan mereka untuk menghakimi dengan betul dan tidak mengikut perasaan. Mereka menjadi wartawan kerana keperluan mereka untuk bekerja dan kebolehan mereka untuk menulis dan menarik minat pembaca. Keunggulan (*righteousness*) mereka biasanya hanyalah satu gimik yang mereka gunakan untuk kepentingan kerja mereka – bukan kerana demokrasi.

Untuk menghayati perkara ini, adalah perlu terlebih dahulu untuk memahami had dan kekangan yang terdapat dalam media itu sendiri. Akhbar tidak boleh melaporkan segala yang berlaku atau apa yang dikatakan oleh setiap orang yang relevan kepada kehidupan demokrasi sesebuah masyarakat.

Kekurangan ini pada asasnya adalah berbentuk fizikal. Dengan kemahuan terbaik sekalipun di dunia ini ia masih tidak mungkin untuk mencetak semua yang perlu dicetak. Sudah semestinya ia dipilih.

Ini memberikan para wartawan di semua peringkat dari pengarah urusan dan editor kepada subeditor dan pemberita, kuasa tertentu untuk memanipulasi berita. Sekadar melaporkan dan apa yang dilakukan dan apa yang dikatakan oleh individu yang dipilih, para wartawan boleh membentuk fikiran rakyat jelata dengan begitu cara yang boleh menjejaskan perjalanan demokrasi itu sendiri dan juga nasib individu tersebut dan yang lainnya.

Lebih jauh daripada itu terdapat juga keupayaan untuk memanipulasi berita untuk mencapai apa saja kesan yang dikehendaki oleh akhbar. Berita boleh dibesarkan atau dicecilkan, dikeluarkan atau dimasukkan, ditulis dari sudut tertentu (*slant*) atau diwarnai, disalah petik dan seribu satu perkara dilakukan kepada berita untuk mencapai apa saja kesan akhbar tertentu atau apa yang dikehendaki oleh wartawan itu.

Misalnya, jika satu kumpulan wartawan tertentu ataupun seorang wartawan individu bekerja dalam sebuah akhbar bahawa perlu wujud arah yang lebih sosialisitik dalam hal-hwal negara, ia boleh mempengaruhi pencapaian perjuangan yang dipilihnya dengan hanya mengemukakan berita yang memberi gambaran baik tentang sosialisme, dan membuang berita yang mendedahkan kelemahan sosialisme.

Keupayaan individu ini secara sendiri untuk mempengaruhi kejadian adalah jauh lebih besar daripada hak individunya sebagai seorang anggota sebuah masyarakat demokratik. Padahal ia bukan dipilih khas kerana kualiti demokratik yang lebih ataupun dipilih ke jawatannya sebagaimana para pemimpin sebuah negara demokrasi.

Mungkin boleh diujah bahawa sebagai wartawan beliau patut mempunyai hak ini. Bagaimana lagi boleh akhbar bertindak sebagai suatu sistem komunikasi jika seseorang wartawan tidak boleh menggunakan media dengan cara ini? Tetapi dengan melaporkan hanya apa yang disukainya wartawan ini berdiskriminasi terhadap sesetengah individu atau kumpulan dan masyarakat.

Bagi mereka yang didiskriminasikan, kebebasan akhbar tidak wujud. Mereka dinafikan hak bersuara yang sama sebagaimana yang dinafikan oleh akhbar yang dikawal kerajaan. Soalnya ialah apakah hak yang ada pada wartawan ini untuk menafikan hak demokrasi kepada sesetengah

orang pada masa yang sama meningkatkan hak orang lain.

Jika demokrasi bermaksud hak yang sama, apakah sikap demokrasi terhadap orang yang tidak pun dipilih tetapi secara sengaja menjadikan hak lain rakyat tidak sama. Perlulah sentiasa diingat seseorang wartawan tidaklah lebih berkeupayaan daripada orang lain untuk menghakimi dengan betul. Beliau hanyalah seorang rakyat, yang secara tidak sengaja atau sengaja, mendapati dirinya dalam kedudukan yang berkuasa.

Peranan semasa yang dimainkan oleh akhbar dan industri percetakan di Amerika Syarikat sangatlah ketara. Oleh kerana akhbar adalah perniagaan besar, keupayaan kewangannya tidaklah kurang daripada perniagaan besar di Amerika Syarikat. Dengan wang yang banyak yang ada padanya akhbar boleh secara literalnya membeli maklumat. Rahsia kerajaan, perniagaan kecil dan besar dan individu tidak boleh dilindungi daripada akhbar. Mereka akan membayar wang yang banyak kepada individu untuk mendapatkan maklumat.

Mereka boleh mengenyepikan rahsia tanpa hukuman dan menolak norma masyarakat. Dengan wang mereka boleh menggajikan peguam terbaik untuk membela mereka di mahkamah. Dan trendnya bagi mahkamah untuk condong kepada akhbar, kerana mahkamah juga takutkan akhbar.

Oleh kerana undang-undang tidak menghalang perbincangan perkara-perkara yang *subjudice* di Amerika Syarikat, pendapat semua orang yang berkaitan dengan perbicaraan itu boleh dipengaruhi. Sekalipun juri boleh dipencilkan, peguam, pendakwa, saksi, hakim dan ramai lagi pegawai mahkamah terdedah kepada propaganda akhbar yang boleh menjejaskan pemikiran dan pendapat mereka.

Oleh yang demikian jika sesuatu kes dibawa terhadap akhbar di mahkamah undang-undang, akhbar mempunyai

cara untuk mempengaruhi perjalanan keadilan melalui laporan dan artikel yang diterbitkannya.

Bolehlah diujahkan bahawa sebarang kumpulan boleh mempunyai akhbarnya sendiri untuk mempromosikan perjuangannya. Oleh yang demikian komunis akan mempunyai akhbarnya sendiri, pihak sosialis dan orang yang lain memiliki akhbarnya sendiri. Tetapi kos mengendalikan sesebuah akhbar sekarang ini begitu besar hinggalah ia bukanlah satu hak yang boleh dilaksanakan dengan berkesan oleh semua orang. Hanya kumpulan yang cukup kaya boleh mendapat kebebasan ini. Yang miskin, sekalipun mereka berupaya mempunyai sebuah akhbar, tidak boleh untuk mencapai dan mempengaruhi sejumlah besar orang ramai.

Kemudian terdapat satu lagi masalah jika setiap kumpulan mempunyai akhbarnya sendiri dan sudah tentunya membaca hanya beritanya. Dengan demikian keupayaannya untuk menghakimi dan menilai mengenai sesuatu perkara tidaklah sempurna. Pada hakikatnya, kesan daripada sosialis membaca berita sosialis tidaklah berbeza daripada seluruh negara dibenarkan hanya membaca *handout* berita kerajaan.

Saripati demokrasi ialah celusan (*access*) kepada semua jenis maklumat untuk digunakan oleh rakyat sebagai asas untuk membuat pertimbangan.

Mungkin dengan adanya secara bebas berbagai-bagai akhbar memihak (*partisan newspapers*) akan membolehkan orang ramai mempunyai celusan kepada semua pandangan dan dengan demikian membentuk fikiran mereka secara tidak memihak. Tetapi ini tidak mungkin bagi majoriti rakyat. Bukan saja tidak mungkin untuk membeli semua akhbar tetapi banyaknya maklumat yang terbit daripada akhbar adalah di luar keupayaan setiap orang untuk menyerap, lebih-lebih lagi menganalisis dan mencapai satu set pendapat.

Untuk mengatasi masalah ini, majalah diterbitkan yang menghadamkan berita dan mengeluarkan dalam bentuk padat. Tetapi sekali lagi majalah ini boleh dan mempunyai kecondongan tertentu. Kesannya masih suatu artikel yang berat sebelah kepada perjuangan tertentu yang dipupuk oleh editor dan pemberita majalah.

Adalah jelas tidak mungkin secara fizikal bagi media untuk tidak berat sebelah atau untuk membiarkan rakyat membuat penghakiman mereka sendiri. Media sudah semestinya mengganggu dengan hak rakyat untuk berfikir dan memilih apa saja. Pada asasnya akhbar adalah sebuah medium periklanan dan kesan periklanan kepada minda orang ramai sudah diketahui umum.

Kekuatan kewangan akhbar tidak datang daripada sokongan pembaca. Pada hakikatnya, tidak kira bagaimana ramainya pembacanya, ia hanya boleh menyokong sebahagian kecil kos pengendalian sesebuah akhbar moden. Kejayaan sesebuah akhbar banyak bergantung kepada penggunaannya sebagai sebuah medium periklanan. Lebih banyak ruang periklanan dijual lebih berdaya majalah akhbar itu. Lebih banyak pendapatan yang diperolehi, lebih kukuhlah kedudukan kewangannya. Dan, tentunya, lebih kukuh mereka dari segi kewangan, lebihlah kuasa yang boleh digunakan.

Oleh yang demikian adalah perusahaan komersil dengan keupayaan yang sama untuk memungut kekayaan sebagaimana perusahaan komersil yang lain. *Multi-national industrial corporation* yang didakwa oleh akhbar boleh mempengaruhi dan juga mengkorupkan dunia tidaklah sebegitu berkuasa seperti akhbar. *Corporation multi-national* tidak boleh menjejaskan pendapat massa dunia tetapi akhbar dan majalah boleh berbuat demikian.

Dalam sebuah dunia yang begitu prihatin kepada pendapat individu, nasional dan antarabangsa, kuasa akhbar sebagai

sebuah organisasi komersial adalah benar-benar mengerunkan. Ia bukan saja menjejaskan kekayaan individu, kumpulan atau negara tetapi ia boleh menyemarakkan dan mengekalkan peperangan.

Pada hakikatnya, sebahagian besar akhbar dunia hidup subur di atas peperangan dan tragedi. Teknik pemberitaannya dibuat begitu cara hinggakan ia dapat mengekalkan minat pembaca atau penonton untuk jangka panjang. Kebanyakan masanya pemberita bekerja dalam *sleazy bar* sambil meminum banyak alkohol dan bercakap dengan orang yang mereka pilih.

Tetapi jumlah "berita" yang dapat mereka hasilkan adalah terlalu banyak. Lawatan satu hari ke sebuah negara yang mempunyai berjuta penduduk dapat menghasilkan laporan yang menggegarkan dunia. Kesan laporan tersebut kepada nasib sebuah negara berbeza daripada merosotnya jumlah pelancong kepada pembatalan keputusan pelaburan bernilai berjuta-juta ringgit atau satu anjakan dalam pola perdagangan dan perimbangan.

Dari segi politik ia bukan saja mewujudkan ketidakpuasan di kalangan rakyat negara berkenaan, tetapi mungkin menyebabkan terputusnya hubungan diplomatik dan perang.

Pemberita majalah dan akhbar antarabangsa ini adalah orang istimewa. Mereka bersentuh bahu dengan orang yang paling berkuasa di mana-mana. Dalam kebanyakan keadaan, mereka ditakuti. Raja dan Presiden dan juga para pemimpin parti pembangkang cuba mendapatkan sokongan mereka. Mereka mempunyai celusan (*access*) kepada pelbagai maklumat dan khabar angin dan mereka boleh mewujudkan berita jika tiada.

Akhbar benar-benar satu kuasa yang boleh berdiri sendiri terhadap lain-lain kuasa dalam kehidupan nasional dan antarabangsa.

Kuasa dikatakan boleh korup. Akhbar tidaklah terkecuali. Ia boleh korup, sebagaimana yang ditunjukkan apabila ia membayar sejumlah besar wang untuk mendapatkan maklumat yang sensasi dan eksklusif. Ia boleh dikorupkan apabila ia menerima wang untuk mempromosikan suatu perjuangan tertentu dan menjatuhkan kumpulan lain.

Peranan kedua menjadi jelas apabila minyak menjadi tumpuan politik antarabangsa. Dunia Barat dan syarikat-syarikat minyak khususnya, mempunyai kepentingan dalam memprojekkan suatu gambaran industri minyak dalam cara yang boleh meneruskan dominasi industri mereka. Untuk sekian lama, hakikat yang Barat dan syarikat minyak mengeksploit negara-negara pengeluar minyak tidak pernah dilaporkan oleh akhbar antarabangsa yang dikawal oleh Barat.

Pihak Arab terpaksa berusaha dengan begitu gigih sekali mewujudkan suatu kes bagi mendapatkan bahagian yang adil daripada industri minyak di negara-negara mereka sendiri.

Nasib Mossadeg dan Iran dalam tahun-tahun 1950-an boleh berlaku kepada negara-negara Arab jika akhbar dunia terus berjaya dalam kempen mereka untuk menggambarkan Arab sebagai *brigand* yang tidak berprinsip. Jika tidak kerana Perang bulan Oktober 1973 yang membawa negara-negara Arab bersatu, negara-negara Arab akan terus menjadi negara miskin hingga ke hari ini.

Sekalipun demikian kempen akhbar untuk memburukkan Arab dan selari dengan itu agama mereka, Islam, diteruskan oleh akhbar antarabangsa dan para penyokong mereka.

Malaysia juga menghadapi liputan akhbar yang *hostile* apabila ia mempunyai perbezaan pendapat dengan syarikat-syarikat minyak. Menyedari bahawa Malaysia bergantung kepada pelaburan asing untuk mewujudkan peluang pe-

kerjaan dan merangsangkan pertumbuhan ekonomi, akhbar membenarkan dirinya digunakan oleh syarikat minyak untuk menghalang usaha Malaysia untuk mengindustrialisasi.

Dengan demikian syarikat minyak dapat menggunakan tekanan terhadap kerajaan Malaysia untuk menukar syarat-syarat kontrak pengeluaran minyak. Hanya selepas syarikat minyak mendapatkan syarat yang dipersetujui oleh mereka kempen akhbar terhadap Malaysia berhenti.

Pada saya, bukan saja syarikat minyak yang menggunakan akhbar. Organisasi lain, sesetengahnya mempunyai kepentingan yang bercanggah, juga menggunakan akhbar.

Pada sebarang masa terdapat percanggahan kepentingan antara Timur dan Barat atau antara negara maju dan negara membangun. Oleh kerana akhbar dunia pada amnya didominasi oleh Barat, negara-negara membangun digunakan oleh akhbar untuk mewajarkan dan mengukuhkan pendirian negara maju. Tidak ada apa yang dilakukan oleh negara membangun digambarkan sebagai betul.

Krisis kecil sekalipun yang dihadapi oleh negara membangun dibesarkan untuk mewujudkan satu gambaran ketidakstabilan. Sebarang ketidakpuasan dalam sesebuah negara membangun diperjuang dan disokong oleh akhbar Barat supaya ketidakpuasan akan bertambah dan menjadikan negara tersebut tidak stabil.

Digalak dan disokong oleh akhbar Barat, hinggalah sedikit saja bantahan kepada kerajaan diapikan dan merebak menjadikan satu pergerakan ganas untuk menumbangkan kerajaan. Katakan pihak pembangkang menjadi kerajaan dengan apa carapun, akhbar Barat akan mencari kesalahan dengannya. Tidak lama kemudian satu kumpulan pembangkang lain akan dipupuk untuk menjatuhkan kerajaan. Dengan demikian ketidakstabilan akan berterusan dan akhbar Barat akan berkembang dan maju.

Adalah benar ada individu dalam akhbar yang nampaknya mengekalkan kejujuran yang tegas. Tetapi adalah tidak mungkin bagi sebuah akhbar dengan begitu ramai pemberita, penyunting, editor dan pengarah urusan dan pemilik untuk menentukan setiap laporan yang keluar dalam kolumnya tepat dan tidak berat sebelah.

Dalam proses mendapatkan berita untuk dicetak, perasaan subjektif dan kepercayaan sesetengah individu menyerap masuk. Hasilnya ialah berita yang berat sebelah dan memihak yang menghalang pembaca daripada membuat pertimbangan mereka sendiri.

Seperti juga kerajaan autoritarian, akhbar juga mempunyai kuasa untuk melindungi dirinya daripada diserang oleh institusi demokrasi atau oleh mangsanya.

Berita yang meletakkan akhbar dalam keadaan buruk boleh diketepikan. Jika ada pun akhbar membenar kritikan terhadap dirinya diterbitkan jawapan akhbar terhadap kritikan itu segera menyusul.

Atau apabila akhbar diancam akan diambil tindakan libel melainkan ia membetulkan laporannya yang salah, ia akan berbuat demikian dalam ruang yang terencil akhbar, walaupun dapat membersihkan dirinya secara undang-undang, tetapi ia tidak seluruhnya menolak laporan awal. Kata-kata akhir tentang apa saja ialah sentiasa dengan akhbar.

Akhbar ialah satu alat demokrasi, menentukan laporan yang adil yang membolehkan para pemimpin mengetahui kehendak rakyat, dan rakyat mengetahui apa yang dilakukan oleh para pemimpin mereka. Oleh yang demikian ia bukanlah institusi agung yang cuba ditonjolkan oleh sesetengah pentafsir demokrasi. Ia juga mudah dimanipulasi dan dikorupsi sebagaimana lain institusi demokrasi. Di tangan orang yang tidak bertanggungjawab ia boleh menggugat dan memusnahkan demokrasi.

Oleh yang demikian akhbar sendiri bukanlah suatu jaminan tentang perjalanan demokrasi yang betul. Pada hakikatnya ia lebih berkemungkinan untuk menggugat demokrasi daripada mengukuhkannya.

Yang penting ialah banyak negara yang dulunya agak demokratik sekarang ini menjadi anarki atau autoritarian kerana akhbar memberi sumbangan menjatuhkan kerajaan demokratik yang boleh diterima yang berkuasa sebelum itu.

Adalah tidak penting yang akhbar menyerang kerajaan tidak demokratik yang mengambil alih selepas itu. Kerajaan yang lebih autoritarian tidak mengendahkan akhbar dunia dan mengawal akhbarnya sendiri. Tentunya, dalam prosesnya, rakyat akan terpaksa membayar harga yang mahal.

Sesuatu sistem atau sesuatu institusi tidak berkhidmat kepada tujuan ia direka bentuk sekadar kerana ia direka bentuk demikian. Dalam sesebuah demokrasi hakikat bahawa semua sistem dan institusi direka bentuk untuk berkhidmat kepada keunggulan demokrasi tidak bermakna semuanya akan berkhidmat kepada keunggulan ini.

Sistem dan institusi bergantung banyak kepada orang yang bekerja atau memberikan khidmat untuk menentukan fungsinya berjalan lancar. Jika orang yang melaksanakannya berdedikasi kepada keunggulan yang mereka sepatutnya memberi khidmat dan tahu menggunakan keunggulan ini dalam kerja mereka, sudah semestinya sistem dan institusi akan memenuhi tujuan ia direka bentuk.

Tetapi jika orang ini memilih untuk memanipulasi sistem dan institusi untuk tujuan lain, struktur sistem dan institusi secara sendiri tidak akan dapat menghalang penyalahgunaan seperti itu.

Akhbar bebas dalam sesebuah demokrasi direka bentuk untuk bertindak sebagai satu daripada periksa dan imbalan (*check and balance*) yang menentukan kemenangan demokrasi

yang sebenar. Di tangan ahli demokrat yang jujur dan tulen akhbar akan melaksanakan fungsi ini. Tetapi biasanya akhbar dikendalikan oleh orang yang mempunyai sama kelemahan dengan orang kebanyakan lain.

Mereka tidak dipilih melalui undi popular, dan mereka juga tidak menghadapi ancaman hilang kedudukan secara berkala jika mereka tidak memenuhi keperluan rakyat sebagaimana para pemimpin sesebuah demokrasi. Oleh yang demikian, tidak perlu bagi mereka memenuhi kemahuan majoriti, yang menjadi asas sesebuah demokrasi.

Sebaliknya, orang akhbar dipilih kerana mereka dapat memajukan akhbar. Pencapaian objektif ini tidak bergantung kepada pemupukan demokrasi. Sememangnya, objektifnya memerlukan stail dan teknik yang berbeza dengan yang boleh memupuk demokrasi. Misalnya, untuk menarik minat pembaca, berita harus sensasi. Kejadian biasa yang menunjukkan perjalanan demokrasi yang sihat hendaklah sensasi atau bernilai berita. Jika akhbar bertujuan untuk berkhidmat kepada demokrasi ia mesti melaporkan berita yang hambar (*dull news*). Tetapi atas pilihannya ia tidak mahu berbuat demikian.

Percanggahan kepentingan nampaknya seperti tidak dapat diselesaikan. Hanya satu cara untuk menyelesaikan ini iaitu dengan menilai semula peranan dan hak akhbar. Akhbar yang bertanggungjawab mesti dianggap sebagai satu aset kepada demokrasi, akhbar yang tidak bertanggungjawab, yang mencari sensasi dan berat sebelah mesti diisytiharkan sebagai antidemokratik. Kerajaan berperwakilan yang dipilih secara popular mesti mempunyai hak untuk mengawal akhbar yang tidak bertanggungjawab untuk mengekalkan demokrasi.

Ini tidaklah sebegitu tidak demokratik sebagaimana bunyinya. Sebuah kerajaan terdiri daripada wakil rakyat

yang dipilih tidak begitu bebas untuk menyalahgunakan autoritinya terhadap akhbar yang tidak bertanggungjawab. Ini kerana wakil rakyat tidaklah kekal tetapi terpaksa menghadapi pemilihan oleh rakyat secara berkala untuk mendapatkan mandat untuk memerintah. Jika rakyat tidak suka cara kerajaan menangani akhbar mereka boleh memilih untuk tidak memilih mereka semula. Kerasnya kerajaan mengawal akhbar boleh menjadi satu isu pilihan raya.

Dengan cara ini rakyat boleh menentukan tahap kebebasan yang diberikan kepada akhbar. Inilah satu-satunya cara kerana alternatifnya ialah bagi rakyat memilih pemilik dan editor setiap akhbar dan majalah di dalam dan di luar negara. Jelas sekali cara yang akhir ini tidak boleh dilakukan.

Saranan yang kerajaan dipilih rakyat patut mengawal akhbar dalam cara demokratik mungkin berbunyi tidak demokratik melainkan diingat kembali hujah awal bahawa akhbar bebas yang boleh merosakkan demokrasi.

Akhbar yang tidak bertanggungjawab adalah satu *negation* (langkah ke belakang) kepada hak rakyat dalam sesuatu masyarakat demokratik.

Jika akhbar gagal memahami ini ia patut diberitahu oleh rakyat melalui wakil rakyat yang dipilih.

Keadaan ini adalah sama dengan perlaksanaan kebebasan bersuara dalam sebuah demokrasi. Hakikat bahawa fitnah dan mengapiakan supaya orang merusuh menentang undang-undang keamanan bukan merupakan suatu hak tidak menjadikan demokrasi kurang bermakna. Terdapat had yang jelas kepada semua kebebasan dalam sesebuah demokrasi. Kebebasan akhbar patut juga mempunyai had berpatutan yang boleh dikuatkuasakan.

Penapisan akhbar secara sukarela yang diamalkan oleh sesetengah negara berjalan buat seketika tetapi jelas gagal apabila berhadapan dengan cabaran yang pelbagai. Hari ini

tidak ada penapisan secara sukarela di mana-mana yang boleh dicakapkan. Satu-satunya alternatif yang berjalan ialah penapisan oleh kerajaan sebagaimana yang ditakrifkan oleh undang-undang.

Masalahnya, ialah untuk menentukan parameter undang-undang. Tidak ada peraturan yang tegas atau piawai yang diterima sejagat yang didapati. Sesebuah negara yang berperang mesti memerlukan penapisan yang kuat. Apakah tahap penapisan itu adalah berwenangan ke satu tahap.

Tetapi sesebuah negara yang tidak dalam keadaan berperang berada dalam keadaan yang lebih sukar khususnya yang berkaitan dengan tahap penapisan.

Sesetengah negara boleh menjadi begitu liberal. Namun demikian keadaan yang berbeza memerlukan tahap liberalisme yang berbeza. Lain-lain negara, mungkin berkedudukan lemah dan berhadapan dengan konflik dalaman atau kemerosotan ekonomi atau kekacauan (*upheavals*) memerlukan sikap yang tidak begitu liberal.

Sekali lagi, oleh kerana tahap jelas tidak boleh ditakrifkan, penentuan tahap kebebasan akhbar semestinya berwenangan. Sekali lagi adalah jelas hanya Parlimen boleh menentukan apakah tahapnya dan bagaimana undang-undang itu hendak diformulasikan. Setiap orang boleh menyatakan pendapatnya sebelum undang-undang diluluskan. Wartawan, parti-parti pembangkang, pelajar, pengurus dan lain-lain boleh memberikan pendapat mereka. Tetapi Parlimen mesti mempunyai kata akhir.

Dan sebaik saja undang-undang diluluskan, interpretasinya hendaklah dilepaskan terutamanya kepada kerajaan dan mahkamah jika sesuatu pertelingkahan berlaku.

Jika undang-undang itu benar-benar menekan, satu-satunya cara untuk menukarnya ialah dengan menukar kerajaan.

Tetapi perlulah diingati walaupun pihak pembangkang mungkin menyokong penyemakan undang-undang, sikap mereka berubah sebaik saja mereka menjadi kerajaan. Ini malang sekali tetapi ia adalah hakikat hidup.

Jelas sekali akhbar mempunyai peranan untuk dimainkan dalam sesuatu demokrasi tetapi peranan itu tidaklah sebegitu kritikal sebagaimana yang digambar dalam akhbar. Di tangan yang salah ia boleh menjadi senjata untuk merosakkan demokrasi. Sejak akhir-akhir ini, ini merupakan yang lazim dan bukan lagi *exception*.

Dalam menjunjung kebebasan akhbar peranan potensi ini mesti diingati, selagi akhbar sedar mengenai dirinya sebagai satu potensi ancaman kepada demokrasi dan secara baik menghadkan perlaksanaan haknya, ia patut dibenarkan berfungsi tanpa gangguan kerajaan. Tetapi apabila akhbar dengan jelas menyalahgunakan haknya dengan mengapi-apikan rakyat tanpa perlu, dalam keadaan itu kerajaan demokrasi patut mempunyai hak untuk mengawalinya.

Jika kawalan ini disalahgunakan oleh kerajaan sendiri, penghakiman dan tindakan mestilah dibiarkan kepada rakyat melalui pelaksanaan hak mereka untuk mengundi. Jika kerajaan bersikap *dictatorial* dan memanipulasi atau menolak (*negate*) hak rakyat untuk mengundi, dengan demikian akhbar bebas tidak perlu lagi kerana demokrasi sudah tidak ada lagi. Kita hanya berprihatin dengan akhbar bebas dan bagaimana ia perlu memainkan peranannya.

Kebebasan akhbar, sebagaimana dengan kebebasan yang dikaitkan dengan demokrasi, ialah suatu kebebasan yang membawa beban tanggungjawab. Kegagalan untuk menghayati ini bermakna kegagalan untuk memahami apa itu demokrasi.

- * Ini adalah terjemahan daripada artikel oleh Timbalan Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dalam *The New Straits Times* pada 9 Julai 1981. Tajuk asal artikel ini ialah *Freedom of the Press: Fact and Fallacy*.

6 Dunia Ketiga Dilayan Buruk oleh Media Barat¹

Negara Dunia Ketiga banyak menanggung daripada "kebebasan untuk mencari, menerima dan menyampaikan semua jenis maklumat dan idea, tanpa mengira sempadan." Manakala sempadan kita dicerobohi berkali-kali, kita tidak mempunyai keupayaan berhubung dengan sempadan negara-negara yang mengawal media dunia. Media antarabangsa yang dikawal oleh Barat telah melemahkan (subverted) banyak negara membangun sehingga sesetengahnya digulingkan. Walau apa pun kerajaan yang mengambil alih, ia akan menjadi subjek kutukan antarabangsa oleh media antarabangsa.

Jika boleh saya mengingatkan kembali, inilah kali kedua perhimpunan besar peringkat serantau terdiri daripada personel utama media dan yang berkaitan media yang diadakan di negara ini dalam masa tiga tahun yang lalu. Yang pertamanya ialah *Intergovernmental Conference on Communication Policies in Asia and Oceania* atau ASIOCOM yang diadakan dalam bulan Februari, 1979.

Saya sengaja menyebut ASIOCOM bukan saja kerana ia

berkaitan dengan perjumpaan ini tetapi juga kerana pada persidangan itulah OANA dengan rasminya menawarkan untuk memperuntukkan *framework* organisasi untuk program pertukaran berita di kalangan negara-negara Asia, suatu konsep yang dicetuskan dalam satu perjumpaan pakar yang ditaja oleh Unesco di Colombo pada tahun 1976. Walaupun ia sekarang sudah lima tahun idea itu dicetuskan dan sudah hampir tiga tahun ia diberi persetujuan rasmi dalam bentuk deklarasi dan sokongan yang diterima di ASIOCOM, kita masih menunggu konsep itu diterjemahkan menjadi realiti. Bagaimanapun, mengingat berbagai-bagai dasar yang diikuti oleh berbagai-bagai agensi berita yang terdapat di Asia, saya bersimpati dengan anda semua yang terpaksa menghadapi berbagai-bagai masalah sebelum mengambil tindakan yang substantif mengenai perkara itu.

Peranan media massa dalam pembangunan negara sebagaimana yang kita sedari, menjadi tema asas berbagai-bagai forum untuk beberapa tahun. Ia merupakan topik penyelidikan yang digemari di kalangan ahli sains sosial. Berbagai-bagai agensi Bangsa-Bangsa Bersatu, termasuk juga Unesco, dari semasa ke semasa telah mengarahkan perhatian kepada bidang kajian ini.

Sebagai pakar dalam bidang ini, anda semua cukup mengenali dengan subjek ini. Oleh yang demikian, bukanlah menjadi tujuan saya untuk menyentuhnya dengan panjang lebar. Satu perkara khusus yang saya ingin tekankan tentang apa yang saya anggap sebagai kurangnya rasa tanggungjawab sosial di pihak personel media. Kekurangan prihatin atau tidak adanya tanggungjawab di pihak sesetengah wartawan juga menyebabkan anda semua berkumpul di sini hari ini.

Kami di Malaysia cukup prihatin dengan kejadian salah lapor yang kerap berlaku, sama ada disengajakan atau tidak,

mengenai hal-ehwal Malaysia dalam akhbar asing, terutamanya akhbar Barat. Kami mendapat publisiti pahit yang tidak dikehendaki selepas rusuhan kaum pada 13 Mei 1969 di mana pembaca asing disuapkan dengan pandangan yang tidak tepat (*distorted*) mengenai kejadian yang berlaku ketika itu. Sememangnya ramalan buruk dibuat yang membayangkan bahawa dunia sudah boleh melupakan Malaysia. Bagaimanapun, Malaysia bukan saja mengatasi masalahnya, tetapi ia menjadi lebih kuat, lebih bersatu dan lebih makmur daripada keadaan sebelumnya.

Walau bagaimanapun, tahun-tahun berikutan daripada kejadian malang itu menampakkan Malaysia sekali-sekala menjadi mangsa imaginasi ganas dan berfikiran sensasi setengah wartawan yang tidak bertanggungjawab, setengahnya tidak pernah melawat Malaysia. Sejak akhir-akhir ini, hasil daripada usaha sah Malaysia untuk cuba mendapatkan kawalan terhadap sumber-sumbernya sendiri, kita dihadapkan dengan berbagai-bagai laporan yang bertujuan untuk menakutkan pelabur asing daripada negara ini. Bercakap secara literalnya, kita tidak berdaya menghadapi kempen sebegini.

Bagi anda yang baru saja tiba di negara ini anda mungkin nampak bahawa Malaysia bukanlah sebuah negara yang paling moden. Di dalam ibu negaranya, Kuala Lumpur, dan di luar bandar, ada orang yang tinggal dalam pondok buruk. Namun, saya yakin anda akan nampak bahawa kita tidak tinggal di atas pokok. Bayangkan terperanjat kecil kita apabila sebuah buku diedar meluas di seluruh dunia di kalangan kanak-kanak dan orang dewasa yang memperihalkan dan diilustrasikan bagaimana orang Malaysia tinggal di atas pokok untuk melarikan diri dari binatang buas.

Orang yang rakyat Malaysia ingin melarikan diri ialah dari penerbit-penerbit seperti ini. Saya pasti jika media

seluruhnya peka dan mengambil berat terhadap kebenaran, atau sekurang-kurangnya sebesar seni sekalipun komoditi tersebut, perkara seperti ini tidak akan berlaku.

Anda sendiri tentu pernah menemui sampah seperti itu. Bagaimana kita mengatasi masalah ini? Jawapannya sebahagian besarnya terletak kepada diri kita. Kita tidak patut membenarkan orang lain memonopoli maklumat mengenai diri kita. Kita patut meluaskan usaha kita memaklumkan kepada dunia apa yang benar mengenai diri kita dan apa yang fiksi. Orang Asia tidak patut jatuh ke dalam pola sensasi dan umpukan kebenaran tanpa had yang menjadi ciri akhbar Barat. Kita patut memberitahu sesuatu perkara sebagaimana sebenarnya. Lama-kelamaan dunia akan mempelajari bahawa kita boleh dipercayai dan kredibiliti kita akan memastikan kita akan diterima.

Satu trend yang harus disokong ialah laporan penyiasatan. Malangnya, hanya satu garisan nipis mengasingkan antara laporan penyiasatan daripada *muck-raking* (laporan yang memburuk-burukkan). Dunia sudah semestinya mempunyai rahsia yang tidak patut didedahkan jika hubungan antara negara patut kekal baik. Jika semua pemikiran mengenai kawan diketahui oleh mereka, mereka tidak akan kekal kawan. Jadi, laporan penyiasatan adalah baik, tetapi kita tidak harus benarkan laporan sedemikian membawa kepada laporan *muck-raking*.

Sebagaimana sekarang, kita di negara-negara Dunia Ketiga telah begitu lama dilayan begitu buruk oleh agensi-agensi Barat yang begitu berkuasa tetapi juga pemberian ruang yang tidak mencukupi yang diberikan kepada kita oleh surat khabar Barat berbanding dengan apa yang media kita berikan kepada mereka. Pola pengaliran berita yang tidak seimbang, sebagaimana yang biasa anda sebutkan, kita di negara ini amat prihatin tentangnya. Walau apa pun sebabnya

bagi keadaan itu pada masa ini adalah jelas masalah tidak seimbang antara negara maju dan membangun tidak boleh lagi diterima oleh kita di Dunia Ketiga.

Pada peringkat ini saya ingin menceritakan pengalaman terbaru saya dengan mereka yang mengendalikan (*govern*) etika media. Baru-baru ini sebuah artikel mengenai kebebasan akhbar yang saya tulis diterbitkan dalam sebuah akhbar tempatan.² Tiga hari lalu saya menerima suatu telegram daripada International Press Institute (IPI) yang membawa bayangan ancaman kepada imej negara ini. Namun telegram yang sama menunjukkan bahawa anggota Bangsa-Bangsa Bersatu telah menerima hak asasi manusia yang meliputi "*freedom ... to impart ideas of all kinds...*" Apa yang saya lakukan ialah mengemukakan idea saya melalui media, satu kegiatan satu daripada hak asasi yang saya juga berhak sebagaimana orang lain. Adalah ganjil sebuah institut yang bertujuan melindungi hak saya patut cuba menafikannya. Namun demikian apabila salah lapor yang disengajakan dan agitasi dijalankan melalui akhbar, tiada komen pun didengar.

Saya sedar organisasi antarabangsa seperti ini adalah cukup berkuasa. Kita mempunyai beberapa pengalaman dengan organisasi sedemikian sebelum ini dan agak teruk juga kita kena. Tetapi atas nama kebebasan akhbar itu sendiri, kita tidak boleh dipaksa tunduk oleh ancaman kepada imej negara ini.

Negara Dunia Ketiga banyak menanggung daripada "kebebasan untuk mencari, menerima dan menyampaikan semua jenis maklumat dan idea, tanpa mengira sempadan." Manakala sempadan kita dicerobohi berkali-kali, kita tidak mempunyai keupayaan berhubung dengan sempadan negara-negara yang mengawal media dunia. Oleh kerana kegiatan kebebasan akhbar begitu *loaded* di pihak negara maju kita telah cuba berusaha untuk mewujudkan suatu tatacara baru

maklumat dan komunikasi dunia. Unesco amat menyedari keadaan ini. Semua prinsip Bangsa-Bangsa Bersatu ditulis oleh negara-negara maju sebelum negara-negara membangun dibenarkan masuk sebagai anggota. Oleh kerana sekarang ini anggota Bangsa-Bangsa Bersatu sudah bertambah dengan banyaknya, sesetengah prinsip yang *loaded* itu haruslah disemak kembali. Media antarabangsa yang dikawal oleh Barat telah melemahkan (*subverted*) banyak negara membangun sehingga sesetengahnya digulingkan. Yang menyedihkan ialah kerajaan yang mengambilalih biasanya tidaklah sebegitu demokratik berbanding dengan kerajaan sebelumnya. Walau apa pun kerajaan yang mengambil alih, ia akan menjadi subjek kutukan antarabangsa oleh media antarabangsa.

Walaupun bukan tujuan saya untuk mengganggu perbincangan anda, saya dengan tegas merasa bahawa sudah tiba masanya konsep pertukaran berita Asia diterjemahkan menjadi realiti sebagai langkah pertama ke arah mewujudkan suatu Tatacara Baru Maklumat dan Komunikasi Dunia (*New World Information and Communication Order*).

Dalam hubungan ini, saya gembira mendengar bahawa cadangan itu akan menjadi satu daripada subjek utama untuk perbincangan dalam perhimpunan ini. Ini saja sudah menjadikan Perhimpunan Agung OANA lebih penting daripada perhimpunan-perhimpunan anda sebelum ini. Saya gembira mendengar bahawa organisasi ini telah berusaha dengan aktif perkara ini dengan harapan sebuah projek pertukaran berita yang berdaya maju boleh dilancarkan secepat mungkin. Organisasi ini sendiri telah mengambil langkah untuk meminda statutenya untuk membolehkan agensi berita bukan Asia turut serta untuk membolehkan penyertaan yang lebih dalam projek yang dicadangkan itu. Saya juga diberitahu bahawa berbagai-bagai mesyuarat susulan telah dijalankan oleh jawatankuasa pakar sejak persidangan ASIOCOM itu.

Apa yang nampak kepada saya ialah apa yang diperlukan ialah tekad yang lebih besar diperlukan untuk menjadikan projek ini berjaya.

Hakikat bahawa 23 buah agensi berita termasuk daripada negara bukan anggota OANA menghadiri perhimpunan ini adalah suatu manifestasi yang jelas seriusnya tujuan anda ini. Dari segi keperluan teknikal, saya difahamkan terdapat keperluan yang besar supaya pelbagai pihak berkuasa telekomunikasi dapat mengurangkan kadar tarif mereka untuk membolehkan program pertukaran berita yang lebih berdaya maju di kalangan agensi berita tidak mencari keuntungan di rantau ini. Adalah menjadi harapan saya gesaan yang berulang ini diberi perhatian untuk faedah kita bersama.

Di pihak kita di Malaysia, kadar ini telah dikurangkan dengan banyaknya. Walaupun pengurangan yang banyak ini bermakna kehilangan hasil yang besar kepada kita, saya tidak kira jika ia demi kepentingan jangka panjang rantau ini dan rakyatnya. Dengan harapan yang sama inilah saya berharap langkah yang diambil oleh kita ini akan diikuti oleh negara-negara lain di rantau ini. Kita percaya bahawa rangkaian pertukaran berita yang cekap di seluruh Asia dan Pasifik bukan saja akan memudahkan pengaliran berita antara dan dengan negara membangun di rantau ini tetapi juga daripada rantau ke dunia luar sambil mengingatkan berbagai-bagai peraturan pertukaran dua hala dan pelbagai hala yang sudah-pun beroperasi oleh agensi-agensi tertentu.

Adalah menjadi harapan saya masanya tidak terlalu lama untuk kita melihat imej Asia dilukis oleh orang Asia sendiri dan bukan oleh orang luar yang tidak sensitif kepada keperluan dan aspirasi kita dan juga tidak bersimpatatik kepada perjuangan kita. Suatu pengedaran yang adil dan saksama di dalam rantau dan di luarnya tidak dapat tidak boleh menolong memupuk persefahaman serantau dan dalam jangka

panjang menolong meningkatkan lagi kerjasama di kalangan negara-negara di rantau ini.

- 1 Terjemahan ucapan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad di perasmian Perhimpunan Agung ke-35 Pertubuhan Agensi Berita Asia – *Organisation of Asian News Agencies* (OANA) di Hotel Federal, Kuala Lumpur pada 3 November 1981. Dr. Mahathir telah melancarkan rangkaian berita Asia-Pasifik News Net-work (ANN). Para peserta dari 23 buah negara Asia-Pasifik hadir dalam perhimpunan ini yang ditaja oleh Unesco.
- 2 Artikel ini disiarkan dalam *The New Straits Times* pada 9 Julai 1981. Sila lihat terjemahannya (Bab 4 dalam buku ini).

7 Akhbar dan Perubahan Sikap*

Kelemahan yang terdapat di kalangan rakyat sekarang ini boleh diatasi. Apa yang diperlukan ialah perubahan sikap, perubahan ke arah mewujudkan rakyat yang lebih rajin dan lurus, yang boleh berdikari, yang sanggup mempertahankan maruah. Untuk mencapai matlamat ini segala alat pelajaran dan pengetahuan adalah penting. Dan di antaranya ialah akhbar dan wartawan.

Semenjak saya memasuki gelanggang politik, saya mempunyai banyak sebab untuk berterima kasih kepada para wartawan. Walaupun ada beberapa kerat yang tidak begitu bersimpati dengan saya, tetapi umumnya, *treatment* yang saya dapati dari akhbar dan lain-lain media tidaklah mengecewakan, bahkan memberangsang dan memberi semangat kepada saya. Dan ini pula bukan semenjak menjadi Menteri, serta Perdana Menteri, tetapi semenjak dari masa saya masih menjadi *backbencher* pada pertengahan tahun enam puluhan. Saya terhutang budi kepada wartawan sekalian. Sebab itulah saya tidak dapat mengikut nasihat supaya tidak selalu kerap berjumpa dengan wartawan kerana

saya terlalu mudah *shoot my mouth* atau latah. *Excuse* saya ialah latah pun kadang-kadang membawa keuntungan. Lihatlah kesan terhadap *we will shoot the refugees* – sungguhpun *wrongly reported*, dunia terpaksa memberi perhatian yang serius kepada masalah *boat people* dan membuka pintu untuk mereka.

Tetapi saudara/saudari, *the affairs of state* tidak boleh diuruskan dengan latah sepanjang masa. Kita harus ada rancangan dan pengurusan yang menitikberatkan matlamat yang tertentu. Dalam pengurusan ini, bukan sahaja kerajaan yang perlu memainkan peranan, tetapi semua rakyat dalam semua bidang perlu memainkan peranannya masing-masing. Buruh yang mencuci longkang dan memotong rumput mempunyai peranan seperti jugalah menteri dan pegawai tinggi. Memang tanggungjawab berbeza-beza, tetapi mandur tanpa buruh dan anak buah tidak akan dapat menjayakan apa-apa. Dalam konteks pembangunan negara, menteri dan Perdana Menteri adalah mandur sahaja. Semua rakyat adalah kakitangan negara. Masing-masing mempunyai tugas dan harus menjalankan tugas dengan sempurna. Dan di antara kakitangan negara ialah wartawan-wartawan.

Di sini izinkan saya memberi sedikit pandangan sebagai mandur pertama tentang peranan wartawan dan media massa. Tidak siapa boleh menyoal bahawa wartawan dan media massa merupakan satu kuasa dalam negara. Akhbar biasa disebut sebagai *The Fourth Estate* – demikianlah kedudukan akhbar dalam penentuan nasib sesebuah negara.

Kuasa bermaksud bertanggungjawab. Kuasa tanpa tanggungjawab bermakna anarki ataupun *dictatorship*. Siapa yang memiliki kuasa tidak penting. Tanpa sikap bertanggungjawab oleh pihak yang berkuasa, anarki dan *dictatorship* tetap akan wujud.

Sebaliknya, kuasa amatlah penting untuk kesejahteraan

dan kebahagiaan masyarakat. Tanpa kuasa, sekali lagi akan muncul keadaan yang anarki. Oleh kerana ini kita tidak rasa iri hati kerana wartawan dan media-massa berkuasa. Sebaliknya pihak kerajaan ingin merayu kepada wartawan-wartawan supaya menggunakan kuasa yang ada pada mereka untuk membantu pembangunan negara yang kita cintai ini.

Kerajaan tidak mempunyai lain niat melainkan untuk menjadikan negara ini negara yang aman dan makmur dengan membawa kebahagiaan kepada semua penduduk. Wakil-wakil yang hari ini membentuk kerajaan tidak berniat untuk memperkayakan diri melalui kuasa yang diberi kepada mereka. Tujuan dan matlamat kerajaan ialah semata-mata mengabdikan diri kepada negara dan penduduknya.

Malangnya kerajaan, walaupun begitu luas kuasanya, walau bagaimana jujur sekalipun, tidak dapat dengan sendirinya membangunkan negara kita ini. Untuk pembangunan negara, tiap-tiap seorang rakyat hendaklah memainkan peranan masing-masing dengan rajin dan jujur. Di sinilah terdapat kelemahan. Ramai dari rakyat sudah menyerap nilai-nilai dan sudah dikuasai oleh *dole mentality* – iaitu sikap di mana kerajaan mesti *subsidise* segala kekurangan. Penyerapan ini bermula semenjak zaman penjajah lagi dan telah meningkat kerana sistem demokrasi memberi kuasa memilih kerajaan kepada rakyat. Jika perniagaan rugi, kerajaan mesti ada ganti rugi, jika harga jualan jatuh, kerajaan mesti beri subsidi, jika harga barang naik atau inflasi berlaku, kerajaan mesti tambahkan gaji dan kurangkan cukai. Oleh kerana kepercayaan bahawa segala malapetaka yang menimpa diri harus diatasi oleh kerajaan maka *resilience* atau ketahanan rakyat sudah pun lumpuh. Kerajaan yang memerintah rakyat yang lemah tidak mungkin menjadi kerajaan yang kuat. Kerajaan yang lemah yang memerintah rakyat yang lemah tidak mungkin mewujudkan negara yang kukuh dan kuat.

Kelemahan yang terdapat di kalangan rakyat sekarang ini boleh diatasi. Apa yang diperlukan ialah perubahan sikap, perubahan ke arah mewujudkan rakyat yang lebih rajin dan lurus, yang boleh berdikari, yang sanggup mempertahankan maruah. Untuk mencapai matlamat ini segala alat pelajaran dan pengetahuan adalah penting. Dan di antaranya ialah akhbar dan wartawan.

Saya yakin saudara/saudari bukan sahaja menganggap diri sebagai wartawan tetapi lebih dari itu – sebagai rakyat Malaysia yang bertanggungjawab. Saya juga yakin saudara-saudari ingin melihat negara ini, dan rakyatnya maju dan hidup bahagia. Memandang bahawa yang penting ialah sikap rakyat, maka tentulah saudara/saudari akan memainkan peranan yang positif dalam usaha menjadikan rakyat Malaysia rakyat yang rajin, jujur dan berdikari.

Cara mana sikap ini dapat dibentuk oleh akhbar dan media lain ialah perkara yang saudara/saudari lebih mengetahui. Pepatah *The pen is mightier than the sword* bermakna lebih banyak boleh dibuat oleh pena daripada pedang. Sebagai patriot, sebagai golongan yang bertanggungjawab, saya yakin, pena saudara/saudari akan ditajam dan digunakan untuk membentuk peribadi yang dikehendaki. Bukan sahaja kerajaan akan menganggap saudara/saudari sebagai rakan seperjuangan tetapi rakyat akan berterima kasih akhirnya walaupun mereka tidak akan begitu terhibur dengan tulisan wartawan yang tidak berminat dengan perkara-perkara yang *sensational*, dengan skandal seks dan cerita-cerita dongeng.

Dalam banyak perkara, saya adalah *old-fashion*. Saya masih bercakap berkenaan *patriotisme*, berkenaan bekerja kuat, mengutamakan kepentingan umum dan lain-lain. Di zaman ini *patriotisme* dianggap kolot. Ramai dari anak Malaysia tidak segan-segan memburukkan nama negara sendiri di luar negeri supaya dapat tepukan belakang dari orang Barat

khususnya. Ramai yang menganggap kerajinan bekerja sebagai pengabdian kerana ini adalah fesyen di negara asing. Ramai yang mengutamakan individu lebih daripada masyarakat sebagai tanda kebebasan. Walaupun dianggap kolot, saya masih percaya kepada nilai-nilai lama – kerana ada bukti-bukti yang jelas bahawa nilai-nilai lama ini membawa kebaikan kepada pengamalannya.

Di kalangan wartawan juga tentulah ada yang moden dan ada yang *old fashion*. Saya ingin merayu kepada yang moden supaya memikir semula tentang nilai-nilai baru yang diserap dari Barat ini. Kita adalah negara membangun. Kita perlu memperkukuhkan negara kita. Dalam negara kita pula terdapat masalah kaum dan *inequity*. Jika negara yang kaya-raya boleh jadi kucar-kacir dan lemah kerana nilai-nilai moden ini, apatah lagi negara membangun seperti Malaysia. Apakah kita akan terlalu rugi jika kita dikatakan tidak moden. Apakah sanjungan tinggi orang asing terhadap kita lebih utama dari kejayaan dan ketahanan negara dan bangsa kita. Bagi saya jawapannya mudah. Adalah lebih baik negara dan bangsa kita menjadi kuat dan bahagia dari segala puji-pujian dan tepukan belakang dari orang lain. Wartawan Malaysia hendaklah berusaha supaya nilai-nilai asing yang negatif dikikis, bukan sahaja dari diri sendiri tetapi dari semua rakyat.

Kerajaan telah memikir semula dan hasil kajian ini ialah *Look East Policy* kita. *Look East* tidak bermakna kita akan membeli barang semuanya dari negara-negara Timur. Yang kita sanjung tinggi dan kita alu-alukan ialah nilai hidup yang dimiliki oleh beberapa bangsa Timur. Sebenarnya nilai-nilai ini adalah *universal* yang diakui semua – tetapi sementara kita pandai bercakap tentang nilai-nilai kita yang baik, kita tidak pula begitu mengamalkannya. Jadi *Look East* ini ialah untuk mempelajari cara mengamal nilai-nilai yang sudah pun kita percayai dalam segala urusan kita.

Sekali lagi wartawan dan media massa mempunyai peranan yang penting. Memang benar kita tidak boleh serap semua nilai-nilai Jepun dan Korea. Memang benar ada amalan orang Timur yang tidak perlu dan tidak baik untuk ditiru. Tetapi tentulah semua wartawan tahu bahawa maksud kerajaan ialah menyemai dan memupuk nilai yang baik sahaja. Tidak ada niat untuk meniru patriotisme bangsa lain sehingga sanggup harakiri, tetapi apakah taat setia kepada negara, kepada perusahaan yang memberi peluang kepada kita, satu keburukan? *Look East* bukan bermakna meniru secara buta-tuli, tetapi memilih yang baik dan menolak yang buruk. Inilah yang perlu dijelaskan oleh akhbar dan wartawan – bukan kerana hendak sokong kerajaan tetapi kerana bertanggungjawab, kerana sayang kepada negara sendiri, kerana ingin maju dan bahagia. Semua ini adalah sentimen yang agak *old-fashion*, tetapi nilai dan sikap yang baik tidak patut dikebelakangkan semata-mata kerana *it is no longer the in-thing*.

Malam ini ialah malam untuk para wartawan. Malam ini bukan malam untuk syarahan atau *unsolicited advice* dari Perdana Menteri. Apa yang telah saya perkatikan bukanlah sebagai nasihat Perdana tetapi adalah semata-mata rayuan dari seorang rakyat kepada saudara-saudari sebagai rakyat negara ini. Kita tinggal di negara ini, kita berlandung di negara ini. Tentulah wajar kita bersikap bertanggungjawab dan mencintai negara ini.

Malam ini kita meraikan juga tokoh-tokoh wartawan yang telah menang Anugerah Akhbar Malaysia 1981. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada mereka. Saya harap dan saya yakin mereka akan memainkan peranan, bukan sahaja sebagai wartawan, tetapi sebagai rakyat negara yang kita cintai ini.

- * Ucapan Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad di Upacara Penyampaian Anugerah Akhbar Malaysia di Hotel Hilton, Kuala Lumpur pada hari Ahad, 28 November 1982.

8 Mencapai Wawasan Negara Melalui Komunikasi*

Ciri-ciri asas yang perlu dipupuk melalui dasar dan sistem komunikasi negara harus diberi perhatian. Di antara ciri-ciri asas yang boleh menggerakkan masyarakat kita ke arah aspirasi dan vision masa hadapan masyarakat dan negara kita ialah an informed society, kreatif dan inovatif, bertanggungjawab dan responsif.

Tempoh sesuku abad kita merdeka telah memberi peluang kepada kita untuk meletakkan beberapa asas penting ke arah menjamin kewibawaan dan keutuhan negara kita. Faktor-faktor sejarah, politik dan sosioekonomi, masalah-masalah dan cabaran, serta aspirasi-aspirasi kita telah membolehkan kita menggambar dan mengukir satu *vision* tentang masyarakat dan masa depan negara yang akan kita tempa. Hasrat dan cita-cita kita ialah untuk mewujudkan satu bangsa Malaysia moden yang bermaruah, dengan keperibadian dan nilai hidup yang tinggi, maju, makmur, sejahtera, harmoni dan bersatu padu. Negara Malaysia yang ingin kita wujudkan ialah negara Malaysia yang maju, utuh, berkewibawaan,

stabil dan mempunyai ketahanan. Dengan hasrat dan cita-cita ini, sudah tentulah menjadi tanggung-jawab kita untuk mengukuh, serta menggubal dasar-dasar yang sesuai, bagi memandu kita ke arah memenuhi aspirasi dan *vision* kita ini.

Komunikasi merupakan satu aktiviti dan alat yang penting di dalam kehidupan sesuatu masyarakat dan negara, lebih-lebih lagi dalam konteks proses *nation-building* seperti di negara kita. Sebagai sistem perhubungan dan interaksi dua hala, komunikasi membantu proses sosialisasi dan pendidikan, pembentukan nilai dan cara hidup serta kebudayaan, pencanaian dan penyatuan aspirasi dan penggerakan ke arah memenuhi hasrat dan cita-cita kita. Dalam sesebuah negara membangun, di mana dasar-dasar dan strategi-strategi tertentu telah digubal bagi membawa perubahan yang menyeluruh, kejayaan dasar-dasar dan strategi-strategi ini amat bergantung kepada kemampuan dasar dan sistem komunikasi. Komunikasi bukan satu perkhidmatan secara kebetulan, atau *incidental* sahaja, tetapi merupakan elemen yang *integral* dalam keseluruhan proses pembangunan. Oleh itu, pembentukan satu dasar komunikasi negara yang menyeluruh merupakan satu imperatif.

Tentulah soal mewujudkan satu dasar komunikasi negara boleh menimbulkan berbagai-bagai reaksi di kalangan pihak-pihak tertentu, khususnya di kalangan mereka yang khayal dengan konsep kebebasan kebaratan, dan prinsip *right to communicate*, dan melihatnya di dalam suatu *vacuum* tanpa memberi pertimbangan kepada hakikat konteks-konteks tertentu. Tetapi, hakikatnya ialah, kebebasan mutlak tidak wujud di mana-mana jua, walaupun di negara-negara yang dianggap paling liberal. Kebebasan harus menjamin keselamatan dan kesejahteraan masyarakat dan negara dalam konteksnya yang tertentu. Kebebasan adalah untuk kebaikan, dan bukan untuk kemusnahan dan keruntuhan. Dalam

konteks komunikasi, kebebasan pada hakikatnya mempunyai erti yang sungguh mendalam di mana kebebasan itu hendaklah dianggap sebagai cara bagi kita mencapai objektif-objektif kebangsaan kita. Kebebasan tanpa tanggungjawab akan kelak menghalang pencapaian objektif dan matlamat kita.

Dalam usaha kita untuk membimbing masyarakat bagi mencapai objektif dan matlamat negara, kita tidak boleh membenarkan kepentingan sesuatu golongan tertentu, atau kepentingan peribadi yang mutlak mengatasi kepentingan umum dan kepentingan negara, kerana ini kelak akan mengakibatkan anarki yang akhirnya akan memusnahkan kebebasan. Dengan itu, dalam usaha kita menggubal sesuatu dasar negara, kita hendaklah menentukan bahawa dasar itu diasaskan kepada kepentingan dan realiti negara kita. Kita juga hendaklah memberi perhatian supaya dasar itu diasaskan selaras dengan matlamat negara kita, iaitu sebuah negara yang membangun yang mengamalkan demokrasi dan bebas. Oleh yang demikian, dalam penggubalan dasar komunikasi negara, kita tidak harus terikat dengan mana-mana model, kita harus mempunyai model kita sendiri dengan latar belakang negara dan realiti setempat dan semasa, dengan segala kebaikan yang kita cita-citakan.

Sebagai suatu proses yang kompleks, yang mempunyai banyak sumber, pengaliran dan sasaran, sesuatu dasar komunikasi yang menyeluruh hanya dapat merangkumi aspek-aspek penting sahaja sebagai rangkanya. Walau bagaimanapun, pentingnya diwujudkan satu dasar komunikasi negara tidak dapat dinafikan, lebih-lebih lagi dalam konteks negara kita, di mana kita bukan sahaja mempunyai hasrat yang besar untuk menjayakan cita-cita mewujudkan sebuah negara yang makmur, sejahtera, terjamin dan bermaruah, tetapi memandangkan bahawa kita

mempunyai berbagai-bagai masalah, yang mana tanpa kawalan-kawalan tertentu, masalah-masalah ini boleh dieksploitasikan dan mendatangkan bencana dan kehancuran kepada kita sendiri.

Pembentukan satu dasar yang menyeluruh, seperti dasar komunikasi negara, walaupun rumit dan memerlukan kefahaman mengenai berbagai-bagai sudut penting, dan juga memerlukan data yang lengkap, tidak mungkin dapat diwujudkan jika kita mahukan suatu keadaan yang ideal. Apabila kita menerokai alam dasar, kita telah meletakkan diri kita di dalam dunia subjektif, di mana kelengkapan dan kesempurnaan data dan pengetahuan adalah mustahil. Biasanya sesuatu dasar adalah hasil daripada apa yang dikatakan *limited productivity of knowledge*, atau daya pengeluaran ilmu pengetahuan yang terhad. Saya difahamkan bahawa Simposium (Pembentukan Dasar Komunikasi Negara) ini akan disertai oleh mereka yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam hal-hal komunikasi – wakil-wakil media massa seperti akhbar, radio, televisyen, buku, filem, agensi berita, bidang-bidang pengiklanan, perhubungan awam, pemasaran, telekomunikasi, industri pemerosesan data, perpustakaan dan ahli-ahli akademik dalam bidang komunikasi dan penerangan. Penglibatan yang luas ini, saya percaya, dapat membantu Simposium ini meneliti berbagai-bagai aspek yang perlu diberi perhatian sebagai asas dasar komunikasi negara.

Kita mempunyai asas falsafah negara dalam bentuk perlembagaan dan rukunegara, dan kita mempunyai beberapa dasar penting yang mengisi falsafah ini dan bagi membawa kenyataan kepada aspirasi kita. Dasar Ekonomi Baru bertujuan untuk membasmi kemiskinan dan mewujudkan perseimbangan ekonomi antara kaum. Begitu juga dengan dasar-dasar lain, yang meliputi aspek-aspek bahasa, pelajaran dan

pembentukan identiti kebangsaan. Kerana pertaliannya yang begitu erat dengan pembangunan dan *nation-building*, dasar komunikasi haruslah selaras dengan, dan bagi maksud memberi erti kepada dasar-dasar lain yang wujud untuk menggerakkan masyarakat dan negara bagi pencapaian matlamat-matlamat tertentu. Contohnya, jika salah satu matlamat dasar pelajaran adalah untuk menghapuskan buta huruf, maka dasar komunikasi hendaklah membolehkan sistem komunikasi digerakkan untuk menyediakan persekitaran pendidikan *non-formal* untuk membantu dalam pembasmian buta huruf, dan peningkatan fungsi ETV, dan penyesuaian program-program pendidikan melalui media massa. Jika dasar ekonomi memberi penekanan terhadap pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat, maka dasar komunikasi harus membolehkan masyarakat memahami dan melibatkan diri secara positif ke arah pencapaian matlamat-matlamat dasar ini.

Kita sedang berada dalam era perkembangan teknologi komunikasi moden. Teknologi komunikasi, dengan perkembangannya yang pesat dari segi *hardware* dan *software*, akan mengubah tamadun manusia. Perkembangan ini, walaupun mempunyai manfaatnya, sebagaimana dengan banyak perkara-perkara lain juga, ia boleh menimbulkan implikasi tertentu, khususnya kepada negara-negara membangun. Perkembangan teknologi ini, selain daripada akan mewujudkan ketidakperseimbangan, akan membolehkan *domination* pihak yang menguasai teknologi ini ke atas pihak yang lemah dari segi teknologi ini. Bagi kita, ia boleh menggugat hasrat dan cita-cita kita untuk mengukuhkan falsafah dan cara hidup kita sendiri. Nilai-nilai yang ingin kita pupuk akan menjadi sukar untuk dilaksanakan. Implikasi yang besar ialah mereka yang mengawal maklumat, yang secara tidak langsung juga memegang kuasa, mungkin menggunakan

teknologi komunikasi semata-mata untuk kebaikan atau kepentingan sendiri tanpa menghiraukan kepentingan orang lain. Berhubung dengan teknologi komunikasi, pada 23 Jun 1983 lalu, Presiden Amerika telah membuka sebuah pusat komunikasi satelit pertama di dunia, bertempat di New York. Pusat ini dikatakan boleh menghubungi semua satelit domestik dan juga beberapa satelit antarabangsa dengan menggunakan *disk antenna*. Melalui saluran kabel *fibre optik* yang menggunakan kuasa laser, berbagai-bagai gedung perniagaan dan perindustrian di Amerika Syarikat boleh mendapati maklumat dengan kelajuan yang tidak dapat diduga sebelum ini. Tentulah kemampuan maklumat seperti ini amat menakjubkan, tetapi di sebaliknya pula, ia juga membimbangkan.

Implikasi kemajuan pesat dalam bidang komunikasi ini ialah bahawa ia mewajibkan kita membuat perancangan yang lebih rapi mengenai pelaburan sumber negara dalam bidang ini, dan keutamaan yang harus diberi kepada kemajuan infrastruktur komunikasi. Penyediaan infrastruktur asas seperti kemudahan elektrik, telefon, perkhidmatan pos yang moden perlu dipercepatkan supaya barangan komunikasi dapat dimiliki oleh sebilangan rakyat yang ramai dan tidak sahaja mereka yang tinggal di bandar dan berkemampuan sahaja. Rakyat pula perlulah dilatih untuk menggunakan alat-alat komunikasi baru ini bagi membantu meningkatkan lagi daya pengeluaran mereka. Oleh kerana sebuah dasar memerlukan instrumen perundangan yang berkesan untuk mengawal perlaksanaannya, persoalan sama ada instrumen perundangan yang ada berkemampuan untuk menyelesaikan setiap masalah yang akan berbangkit dari perkembangan komunikasi tersebut, perlu juga diberi perhatian.

Zaman satelit, komputer dan elektronik merupakan satu

cabaran kepada kita. Kita berada dalam zaman revolusi komunikasi dan matlamat. Setiap negara maju berlumba-lumba untuk menguasai maklumat yang ada dalam segala bidang dengan apa cara jua. Kerana itu, negara kita hendaklah memesatkan pembangunan media yang wujud sekarang dan juga kemudahan serta latihan bagi mengendalikan sistem komunikasi dan maklumat yang baru. Sehingga kini, kita masih amat bergantung kepada negara-negara maju untuk peralatan dan juga *software* komunikasi. Malaysia perlulah berusaha untuk mencapai kemampuan mengendalikan sistem komunikasinya sendiri. Setakat ini, walaupun usaha-usaha permulaan telah dibuat, kita jauh ketinggalan.

Sebagaimana kita maklum, perbincangan mengenai *New World Information Order* telah menarik perhatian dunia selama hampir dua abad, dan walaupun soal *self-reliance* ini sentiasa dilaungkan, tetapi malangnya, pencapaiannya tidak seberapa. Pengaliran sehalu masih terus wujud. Masanya telah tiba untuk memperkuat agensi berita nasional untuk tugas pemberitaan dalam dan luar negeri. Kerjasama serantau perlu diperkukuhkan dalam usaha mengurangkan ketidakseimbangan pengaliran maklumat dari negara maju ke negara membangun, dan bahan-bahan penyiaran, sama ada dokumentari, mahupun hiburan, perlu diusahakan sendiri tanpa bergantung kepada sumber luar. Langkah-langkah ini adalah perlu, kerana sistem komunikasi dan penerangan tempatan yang lembap dan lemah, akan mengakibatkan penerapan unsur-unsur yang tidak diingini. Di samping itu, kita juga perlu melibatkan diri dalam rangkaian kerjasama serantau, dan dengan negara-negara membangun untuk meningkatkan kecekapan yang memuaskan sambil mengadakan pertukaran bersama bagi memelihara identiti dan kepentingan serantau ini. Amatlah tidak adil bagi agensi-agensi negara maju dapat menyebar dan memperoleh

keuntungan dari sebaran berita, tetapi agensi-agensi dari negara seperti Malaysia tidak dapat langganan dari media di negara maju. Amatlah tidak adil terdapatnya pengaliran wang dari yang miskin kepada yang kaya.

Kemampuan membuat dan menggunakan bahan dan peralatan komunikasi sendiri bermakna bahawa tenaga manusia perlu dilatih untuk menyediakan negara ke arah ini. Jenis-jenis tenaga mahir yang diperlukan, termasuklah mereka yang dapat mengeluarkan dan menggunakan bahan-bahan komunikasi, yang mengumpul dan menyebarkan maklumat, dan mereka yang terlibat dalam operasi peralatan komunikasi tersebut. Apa yang dapat diramalkan ialah jenis-jenis pekerjaan dalam bidang ini akan menjadi lebih khusus, atau *specialised*, dan sebarang kekurangan dalam latihan dan kepakaran akan mengakibatkan kegagalan dalam mencapai objektif *self-reliance* yang saya sebutkan itu.

Ciri-ciri asas yang perlu dipupuk melalui dasar dan sistem komunikasi negara harus diberi perhatian. Di antara ciri-ciri asas yang boleh menggerakkan masyarakat kita ke arah aspirasi dan *vision* masa hadapan masyarakat dan negara kita ialah an *informed society*, kreatif dan inovatif, bertanggungjawab dan responsif. Pembentukan orientasi ini perlu bermula semasa di alam kanak-kanak dan di bangku sekolah lagi di mana kanak-kanak hendaklah diberi peluang, dalam persekitaran yang sesuai, untuk membentuk daya cipta mereka sendiri melalui proses pembelajaran yang tidak terhad kepada penghafalan fakta, maklumat dan konsep semata-mata, tetapi diresapkan dengan kebolehan berfikir, menganalisis dan mencipta. Kanak-kanak dibimbing untuk membuat ciptaan baru dengan menggunakan alat-alat elektrik dan elektronik, dan dengan itu fahaman konsep dan daya kreatif dan aplikasinya akan wujud. Sistem yang menekankan penghafalan fakta tanpa kebolehan berfikir, menganalisis

dan mencipta akan mewujudkan masyarakat yang pasif, yang tidak dinamis.

Dalam menekankan keperluan membina kemampuan pengendalian sistem komunikasi negara, media *interpersonal* tidak harus dikesampingkan. Kita tidak harus lupa tentang peranan media tradisional dan *interpersonal*, walhal masyarakat kita mempunyai prinsip-prinsip hidup bermasyarakat; bergotong-royong, bermasyawarah, hormat-menghormati dan keserasuan bersama telah menjadi amalan kita, dan semangat ini perlu sentiasa dipupuk sebagai saluran komunikasi yang penting. Terutama sekali dalam proses perubahan masyarakat (*social change*), dari komuniti tradisional kepada komuniti moden, adalah perlu dipupuk sikap yang bersesuaian dengan perubahan yang ingin dihasilkan, dan di sinilah letaknya peranan media *interpersonal*.

Sebagai sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi, kesemua media komunikasi mempunyai, antara lain, fungsi untuk menyampaikan mesej dan maklumat kerajaan kepada rakyat dengan jelas, supaya tidak timbul salah faham dan salah tafsiran. Salah faham mengenai mesej-mesej kerajaan akan berlaku apabila media komunikasi mengabaikan tanggungjawab sosial negara dan rakyat. Ini bermakna media-media tersebut akan cuba memberi interpretasi ke atas isu dan masalah-masalah negara dari kaca mata mereka semata-mata, yang berasaskan nilai-nilai mereka sendiri atau nilai kebaratan yang mungkin tidak sejajar dengan nilai-nilai kebangsaan. Mereka sanggup mengabaikan tanggungjawab mereka demi mendapatkan keuntungan atau mendapat nama. Akibat dari pengabaian tanggungjawab sosial, media-media tersebut akan mencetuskan penyalahgunaan hak kebebasan dan ini mungkin menimbulkan huru-hara di dalam negara. Di sinilah letaknya apa yang boleh kita ertikan sebagai *contextual professionalism*.

Ini tidaklah bermakna bahawa peranan media-media tersebut hanyalah setakat menyebarkan penerangan, mesej dan menimbulkan kesedaran untuk melibatkan penyertaan rakyat dalam projek-projek pembangunan kerajaan sahaja. Perlu ditegaskan di sini, bahawa media komunikasi mestilah juga memainkan peranan sebagai jentera untuk menyalurkan maklum balas, mengenal pasti keperluan dan keutamaan pembangunan, serta untuk mengesan dan menilai prestasi matlamat pembangunan keseluruhannya. Tetapi, maklum balas ini tidaklah seharusnya dijadikan alat untuk menggugat prinsip-prinsip asas yang telah diterima. Apa yang kita perlukan ialah maklum balas yang kritikal, tetapi sihat dan membina, yang akan dapat membimbing kerajaan sebagai pemegang amanah rakyat, dalam usaha-usahanya bagi menjamin pencapaian matlamat dan objektif negara.

Memandangkan usaha-usaha ke arah mewujudkan dasar komunikasi negara melibatkan banyak isu, mungkin simposium ini tidak boleh dianggap sebagai forum yang tunggal. Mungkin perlu juga diadakan bengkel-bengkel kecil untuk membincangkan masalah-masalah pokok secara terperinci, dari segi perlaksanaan dan implikasinya, dan berbagai-bagai aspek dari segi penyesuaian sistem komunikasi dengan asas-asas dasar yang dicadangkan.

Usaha-usaha mewujudkan satu dasar komunikasi negara yang boleh memperkukuhkan asas-asas bangsa dan negara kita, dan yang dapat membantu kita memenuhi hasrat dan aspirasi kita adalah amat relevan bagi kita. Saya harap simposium ini dapat melahirkan satu rangka panduan yang boleh dijadikan asas pembentukan dasar ini. Dalam hal ini, pendekatan kita harus berjejak di dunia nyata. Pewujudan satu dasar yang ideal dan lengkap mungkin mustahil. Yang penting ialah kita mengadakan rangkanya dahulu, dan dari

pengalaman serta perlaksanaannya, kita perkemaskannya pula daripada masa ke semasa.

Adalah menjadi harapan saya bahawa simposium ini akan membawa kita selangkah lebih dekat kepada hasrat kerajaan untuk menggubal satu dasar komunikasi negara. Saya berharap perbincangan tuan-tuan dan puan-puan akan memberi faedah dan manfaat kepada kita semua.

-
- * Ucapan Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad di Majlis Perasmian Simposium ke Arah Dasar Komunikasi Negara di Dewan APDC, Jalan Duta, Kuala Lumpur pada hari Sabtu, 6 Ogos, 1983.

9 Integrasi Nasional Melalui Komunikasi*

Wujudnya siaran televisyen yang meliputi seluruh negara kita adalah dalam konteks perkembangan dan kemajuan ini. Sungguhpun lautan luas memisahkan Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak, kemajuan teknologi yang mencipta satelit telah boleh kita jadikan jambatan yang menghubungkan kita semua. Dengan adanya siaran rangkaian kedua, maka bertambahlah peluang menerima penerangan, pengetahuan dan hiburan bagi saudara-saudara di Sabah dan Sarawak, sama seperti yang diperoleh oleh saudara-saudara kita di Semenanjung.

Sebentar lagi rakyat Malaysia di Sabah dan Sarawak akan dapat secara langsung mengikuti siaran Rangkaian Kedua Televisyen Malaysia. Dengan sampainya siaran Rangkaian Kedua ini ke Sabah dan Sarawak, kita telah berjaya membina dan menggunakan satu lagi jambatan yang akan mengeratkan hubungan silaturahim di antara rakyat negara kita.

Televisyen mula wujud di negara kita 20 tahun yang lalu, mula-mulanya di Semenanjung. Pada tahun 1971, siaran

televisyen diluaskan ke Sabah, dan diluaskan lagi bagi meliputi seluruh negara dalam tahun 1978, apabila Rangkaian Pertama diperluaskan ke Sarawak. Kebanyakan negara yang sedang membangun lazimnya mengendali satu rangkaian siaran televisyen, kadang kala di kawasan-kawasan tertentu sahaja, tetapi dalam masa yang singkat, kita di Malaysia telah berjaya mengadakan siaran televisyen yang meliputi seluruh negara melalui dua rangkaian. Ini adalah satu perkembangan dan kemajuan yang boleh kita banggakan.

Perkembangan dan kemajuan teknologi amat mengagumkan. Bukan lagi menjadi perkara ajaib bagi manusia berada di angkasa lepas dan balik ke dunia. Dunia secara beransur-ansur sudah menjadi kecil. Perjalanan yang pantas dari satu tempat ke satu tempat yang dipisah oleh benua, gunung-ganang dan lautan yang luas sudah tidak menjadi masalah. Manusia boleh berhubung di antara satu dengan lain, walau beribu batu jauhnya sekalipun, boleh dibuat dalam sekelip mata. Inilah perkembangan dan kemajuan yang nyata yang dibawa oleh teknologi elektronik.

Wujudnya siaran televisyen yang meliputi seluruh negara kita adalah dalam konteks perkembangan dan kemajuan ini. Sungguhpun lautan luas memisahkan Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak, kemajuan teknologi yang mencipta satelit telah boleh kita jadikan jambatan yang menghubungkan kita semua. Dengan adanya siaran rangkaian kedua, maka bertambahlah peluang menerima penerangan, pengetahuan dan hiburan bagi saudara-saudara di Sabah dan Sarawak, sama seperti yang diperolehi oleh saudara-saudara kita di Semenanjung.

Untuk mewujudkan siaran rangkaian kedua ke seluruh negara, kita telah mendirikan tujuh lagi stesen pemancar di Sabah dan tujuh lagi di Sarawak. Kita juga menggunakan kemudahan satelit, selain dari mendirikan stesen satelit bumi,

untuk menjamin kejayaan siaran. Lebih kurang 46 juta ringgit daripadanya ialah untuk mendirikan pemancar televisyen dan segala kelengkapan yang diperlukan oleh RTM. Sebelas juta ringgit digunakan untuk mendirikan alat penyambung gelombang mikro, atau *microwave link*, dan alat-alat yang berkenaan, supaya pancaran siaran sampai dari satu tempat ke satu tempat. Lebih kurang RM 9 juta pula dibelanjakan untuk mendirikan stesen satelit bumi.

Walaupun perbelanjaan begitu adalah besar, kerajaan menganggap ianya adalah satu pelaburan yang tidak dapat dinilai untuk menjamin perpaduan kebangsaan dan perhubungan rapat masyarakat majmuk di Malaysia. Proses integrasi ataupun perpaduan kebangsaan sudahpun meliputi semua bidang seperti sukat dan timbang yang menggunakan sistem metrik, waktu standard, dan sekarang, siaran televisyen.

Oleh kerana dunia ini semakin kecil dan perhubungan manusia semakin pantas, bagi negara Malaysia yang tidak begitu luas kawasannya, waktu yang sama itu memudahkan media elektronik kita berkhidmat kepada negara.

Dengan wujudnya siaran rangkaian kedua ke seluruh negara, yang nyata ialah penduduk-penduduk di Sabah dan Sarawak sekarang mempunyai lebih dari satu rangkaian televisyen untuk dipilih. Dengan demikian banyaklah lagi pengetahuan yang dapat ditimba. Pandangan sudah tentu semakin luas, kawasan pedalaman sudah tidak lagi terpencil dari ibu negara serta, perkembangan semasa dapat dilihat dan diikuti secara spontan di mana-mana sahaja di negara ini. Dengan adanya peluang menyaksikan lebih banyak rancangan di peti televisyen, adalah diharapkan supaya contoh-contoh yang sesuai akan dijadikan teladan untuk memperbaiki cara hidup kita dari segi rohaniah dan jasmani. Rancangan-rancangan dengan penerangan adalah asas bagi melepaskan rakyat daripada pandangan yang sempit dan pemikiran yang

cetek. Dengan tersebarnya siaran televisyen ke seluruh negara adalah diharapkan ianya akan merupakan sebagai *catalyst* (pemangkin) untuk membawa kemajuan kepada kawasan-kawasan yang jauh dan terpencil.

Sambil menyaksikan perkara-perkara baru dan kemajuan semasa yang mengagumkan yang mungkin mengubah sikap dan pandangan, janganlah kita lalai akan betapa besar nilaiseni, budaya dan tradisi yang kita warisi turun-menurun. Tiada gunanya kita berbangga dengan kemajuan dan perkembangan warisan kita. Melalui televisyen juga dapatlah kita melihat dan menikmati seni dan tradisi yang begitu banyak di negara kita. Jambatan yang baru dibina ini bukan sahaja menghubungkan saudara di merata tempat di tanah air kita, tetapi juga menjadi penghubung untuk memupuk tradisi silam supaya tidak luput dimakan zaman, supaya dapat dijadikan kemegahan kita semua. Tradisi budaya kita yang kaya inilah yang mewujudkan identiti bangsa dan negara kita.

Akhirnya, saya ucapkan selamat menonton Rangkaian Kedua Televisyen Malaysia kepada semua penduduk negeri Sarawak dan Sabah.

.....

* Ucapan Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad bersempena dengan Permulaan Rangkaian Kedua Televisyen Malaysia ke Sabah dan Sarawak pada hari Rabu, 31 Ogos, 1983.

10 **Kerjasama antara Kerajaan dan Media Massa***

Hubungan erat antara kerajaan dengan media massa bererti bahawa kedua-dua pihak boleh bekerjasama demi kepentingan dan kebaikan umum. Ia juga adalah bukti, bahawa dalam melaksanakan tugas mereka, pihak akhbar tidak seharusnya dan semestinya bersikap konfrontasi dengan kerajaan. Media massa yang bekerjasama dengan pihak berkuasa tidak akan hilang kredibilitinya. Saya menyebut demikian oleh kerana ada yang berpendapat, terutama di Barat, bahawa kononnya sebarang kerjasama antara media massa dan pihak berkuasa akan lama-kelamaan mengikis kredibiliti media massa.

Media massa dan para wartawan, terutamanya dalam negara membangun, mempunyai peranan yang tertentu dan mereka, seperti juga golongan profesional yang lain, memikul beban tanggungjawab yang berat. Apatah lagi apabila media massa ini berfungsi dalam masyarakat yang bukan sahaja sedang pesat membangun, tetapi juga masyarakat majmuk seperti di Malaysia ini. Dalam keadaan yang sedemikian, para wartawan

dan media massa mempunyai tanggungjawab yang lebih besar. Mereka juga bertanggungjawab memastikan agar kegiatan mereka tidak bercanggah dan tidak menghalang arus pembangunan negara.

Dalam konteks ini media massa hendaklah sentiasa menentukan bahawa sebarang penulisan, rencana dan laporan yang dibuat hendaklah objektif, *balanced* dan membina untuk mengelakkan daripada berlakunya sebarang kemusykilan di kalangan rakyat. Penulisan-penulisan yang dapat memberi sumbangan ke arah meningkatkan lagi tahap pencapaian dalam bidang sosial, ekonomi, politik, kemasyarakatan dan lain-lain hendaklah diberi tumpuan dan keutamaan. Walau bagaimanapun, ini tidak bererti bahawa berita dan rencana yang kritikal dan menegur tidak seharusnya diterbitkan. Seperti mana yang saudara saudari maklum, memang terdapat dalam akhbar-akhbar kita, bukan sahaja teguran tetapi juga pendedahan atau *expose* dari semasa ke semasa mengenai sesuatu kelemahan atau penyelewengan yang berlaku. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengulangi sekali lagi, bahawa kerajaan sedia menerima teguran dan kritikan ini. Malahan kami sentiasa memberi perhatian terhadap kritikan dan *expose* ini. Kami anggapkan *expose* dan teguran ini sebagai satu jenis *feedback* yang perlu dikaji, dan sekiranya didapati benar, kami akan berusaha untuk membetulkan keadaan. Walau bagaimanapun, saya ingin menegaskan bahawa kerajaan tidak akan menerima tuduhan-tuduhan yang melulu dan yang tidak berasas, yang sengaja dibesarkan untuk menarik minat pembaca atau kemasyhuran pemberita-pemberita tertentu. Sebarang niat buruk seperti ini, sekiranya terdapat, akan ditentang.

Di sini izinkan saya membuat sedikit teguran terutama kepada akhbar dan majalah dalam bahasa Malaysia. Banyak dari akhbar dan majalah ini menyiarkan cerita seram, cerita

hantu dan bermacam-macam lagi perkara ganjil dan ghaib. Akibatnya ialah pembaca mereka, dan masyarakat Melayu terutamanya sudah jadi takut kepada bayang-bayang. Mereka nampak hantu di mana-mana sahaja. Ramai dari murid perempuan sekolah Melayu, terutama yang berasrama sering dilanda histeria, menjerit-jerit dengan ketakutan. Ada kalanya sekolah terpaksa ditutup dan pokok terpaksa ditebang.

Kesan dari pupukan kepercayaan kepada hantu dan lain-lain makhluk khayalan ialah masyarakat yang hidup dalam ketakutan. Masyarakat yang hidup dalam ketakutan ini tidak mungkin berjaya, bahkan tidak mungkin mempertahankan diri. Kekalahan orang Melayu dalam peperangan dahulu kala berasas kepada kepercayaan bahawa musuh mereka mempunyai kuasa ghaib. Ini menghapuskan kepercayaan kepada kebolehan diri sendiri. Dengan itu maka mudahlah mereka ditewaskan.

Saya percaya bahawa cerita-cerita seram dan cerita hantu ini amat menarik. Tetapi saya ingin merayu kepada akhbar dan majalah supaya tidak menggunakan jalan yang mudah ini untuk mendapat pelanggan. Kita akan kesal kemudian hari jikalau kerana hendak menjual surat khabar, kita jadikan orang Melayu bangsa yang kolot yang takut kepada bayang-bayang.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan kerajaan kepada media massa kita atas peranan dan khidmat mereka. Pada keseluruhannya media massa kita telah menjalankan tugas masing-masing dengan penuh tanggungjawab, sensitif akan *environment* di mana mereka bergerak, serta berhati-hati dan cermat dalam laporan-laporan yang dibuat.

Akhir-akhir ini pula pihak media massa kita telah sekali lagi membuktikan tanggungjawab mereka. Sebagai contoh, akhbar-akhbar dan para wartawan telah berhati-hati apabila

membuat laporan mengenai pindaan perlembagaan. Mereka telah menunjukkan kedewasaan dan kematangan mereka dalam membuat laporan mengenai perkara ini. Walaupun terdapat pihak-pihak tertentu yang mempunyai bermacam cerita yang *juicy*, yang mengghairahkan dan yang sengaja disebarkan dengan tujuan untuk mendapat tempat di dalam akhbar, tetapi akhbar-akhbar kita tidak rela memakan umpan ini. Ini adalah bukti yang jelas tentang profesionalisme para wartawan kita. Mereka tidak rela menjadi alat kepada golongan yang mempunyai tujuan-tujuan tertentu yang bertentangan dengan kehendak ramai. Walaupun cerita-cerita seumpama ini sedap dibaca dan sudah tentu akan melariskan jualan akhbar, tetapi akhbar-akhbar kita tidak mudah dipengaruhi. Media massa kita benar-benar sedar akan tanggungjawab utama mereka kepada masyarakat dan negara. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada saudara saudari sekalian.

Tidak berapa lama dahulu saya telah menulis satu rencana yang disiarkan dalam akhbar *The New Straits Times* berkenaan dengan pandangan saya terhadap akhbar dan pemberita. Tulisan saya itu agak kritikal sedikit terhadap *press* dan peranan *pressmen*. Saya sebutkan rencana ini kerana dalam *Time magazine* keluaran minggu lepas terdapat satu rencana mengenai pandangan orang Amerika terhadap akhbar dan pemberita mereka. Orang Amerika nampaknya baru sedar bahawa laporan yang mereka terima dari pemberita mereka adalah tidak tepat, tidak *factual* tetapi sebaliknya mencerminkan pendirian politik pemberita. Mereka juga sedar akan *ambition* pemberita-pemberita yang ingin mendapat nama sehingga tidak sama sekali mepedulikan tekanan jiwa yang mereka lakukan dengan pendedahan terhadap masalah dan penderitaan sasaran laporan mereka.

Inilah *extract* dari rencana majalah *Time* itu;

"The most fundamental of these question is: Can you believe what you read or see? The credibility of all journalists was damaged in 1981 when Washington Post Reporter Janet Cooke was forced to return a Pulitzer Prize after admitting that she had invented the title character of "Jimmy's World", a portrait of an eight-year-old heroin addict. A month later, New York Daily News Columnist Michael Daly admitted that he had made up the name of a British soldier who, he reported, had shot a juvenile in Belfast.... The rash of fraud infected the New York Times when its Sunday magazine published a report from Cambodia by Freelancer Christopher Jones. In fact, Jones had written the story while at this home in Spain and for part of it had plagiarized a 1930 novel by Andre Malraux - La Voie Royale."

Inilah jenis laporan yang dibuat oleh pemberita dan akhbar terkemuka di Amerika. Sudah tentu apabila mereka melaporkan tentang negara kita, fitnah mereka tidak ada had sama sekali. Tidak ada yang terlalu buruk untuk dilaporkan tentang kita. Sebarang kebaikan tidak ada tempat dalam halaman akhbar mereka.

Sebaliknya pemberita dan akhbar kita tidak demikian. Walaupun ada yang tertarik dengan cara-cara pemberita asing umumnya kita masih bersikap bertanggungjawab.

Sikap dan tanggungjawab akhbar tempatan tidak menyenangkan beberapa wartawan Malaysia *who are in the pay of the foreign press*. Orang-orang ini, terutama yang berasa kecewa kerana tidak mendapat sesuatu bagi diri sendiri di masa berkhidmat dalam negara, tidak jemu dengan memutarbelitkan berita negara sendiri, supaya *they are given a pat on the back by their foreign masters. We watch the antics of these pet poodles with utter contempt and derision.*

Hubungan erat antara kerajaan dengan media massa berti bahuwa kedua-dua pihak boleh bekerjasama demi kepentingan dan kebaikan umum. Ia juga adalah bukti, ba-

hawa dalam melaksanakan tugas mereka, pihak akhbar tidak seharusnya dan semestinya bersikap konfrontasi dengan kerajaan. Media massa yang bekerjasama dengan pihak berkuasa tidak akan hilang kredibilitinya. Saya menyebut demikian oleh kerana ada yang berpendapat, terutama di Barat, bahawa kononnya sebarang kerjasama antara media massa dan pihak berkuasa akan lama-kelamaan mengikis kredibiliti media massa. Di Malaysia kerjasama rapat dan persefahaman antara media massa dan kerajaan telah menghasilkan ikatan yang meng-untungkan kedua-dua pihak. Sebagai bukti kita dapat melihat pertumbuhan *readership* atau pembaca akhbar-akhbar Malaysia, terutama akhbar dalam bahasa Malaysia. Sementara di negara-negara membangun yang lain akhbar-akhbar kurus-kurus belaka, di Malaysia akhbar semakin tebal dan semakin tinggi mutu cetakan dan isi kandungannya.

Kita di Malaysia telah beberapa kali dapat mengatasi masalah yang kita hadapi dengan jayanya. Setiap kali kita menghadapi masalah yang besar, golongan-golongan asing termasuk beberapa akhbar dan majalah di Barat, meramalkan Malaysia akan hancur. Tetapi kita bukan sahaja dapat mengatasi masalah-masalah itu, bahkan dapat mengambil dan mengatur langkah-langkah yang tertentu bagi mengurangkan kemungkinan berlakunya semula perkara seumpama itu. Dalam hal ini kerajaan yakin bahawa melalui rundingan kita akan dapat mencapai penyelesaian kepada perkara yang kita hadapi sekarang ini demi kepentingan rakyat dan negara. Isu yang lebih besar daripada ini telah dapat kita atasi di masa-masa yang lepas. Maka tidak ada sebab mengapa soal ini tidak boleh pula diatasi. Insya-Allah, kita akan dapat mencari penyelesaian yang membawa manfaat kepada kita semua.

Kerajaan memang sentiasa berusaha untuk membantu pihak media massa dalam tugas-tugasnya. Bukanlah men-

jadi niat kerajaan untuk menyulitkan kerja saudara saudari dengan merahsiakan segala urusan kerajaan. Kerajaan sedar bahawa bersikap sedemikian hanya akan menimbulkan khabar-khabar angin yang mungkin membawa kesan yang memudaratkan *public opinion*. Walau bagaimanapun saya ingin menegaskan di sini bahawa kerajaan kadang-kadang tidak dapat memberi maklumat dan keterangan dengan sewenang-wenangnya apabila sahaja diminta oleh para wartawan. Memang ada maklumat dan keterangan yang boleh diberi, dan ini memang sudah pun dilakukan oleh pegawai-pegawai kerajaan yang diberi tanggungjawab untuk berbuat demikian. Tetapi mengenai perkara-perkara yang penting, yang menyentuh umpamanya keselamatan negara, sudah pasti pihak kerajaan tidak dapat memberikan maklumat itu dengan begitu mudah. Perkara-perkara yang penting, yang melibatkan keselamatan negara dan orang ramai, hanya boleh diumumkan setelah ianya dikaji dengan teliti dan mendalam dan setelah difikirkan bahawa pengumumannya tidak akan mendatangkan apa-apa masalah. Oleh itu saya berharap saudara saudari sekalian memahami akan hal ini dan bersabar dan tidak pula cepat menuduh pegawai-pegawai Kerajaan tidak mahu bekerjasama.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk melahirkan sedikit pendapat saya mengenai rencana-rencana luar negeri yang selalu disiarkan dalam akhbar-akhbar tempatan. Seperti mana kita maklum kebanyakan daripada rencana-rencana ini, adalah yang diterima dari agensi-agensi berita dan akhbar-akhbar asing terutamanya dari negara-negara Barat. Sebagai contoh kita membaca mengenai nasib orang Palestin, politik antarabangsa, perkembangan di negara-negara membangun dan lain-lain yang ditulis oleh wartawan-wartawan Barat. Memang benar ada di antara mereka ini yang bersimpati dengan perjuangan rakyat Palestin dan

negara-negara yang membangun, dan rencana-rencana mereka inilah yang selalunya disiarkan oleh akhbar-akhbar kita. Mungkin akhbar-akhbar kita memetik rencana-rencana tersebut oleh kerana agensi-agensi berita dan akhbar-akhbar Barat ini mempunyai wartawan-wartawan atau wakil-wakil mereka yang bertugas di hampir seluruh pelosok dunia, dan oleh itu mereka mengeluarkan lebih banyak lagi rencana jika di-bandingkan dengan agensi-agensi berita dan akhbar-akhbar negara-negara membangun. Saya rasa ini tidak harus menjadi alasan bagi akhbar-akhbar Malaysia untuk bergantung kepada mereka dalam mendapatkan rencana-rencana seperti mana yang saya sebutkan tadi.

Akhbar-akhbar kita, saya fikir, sepatutnyalah berusaha untuk membuat rencana-rencana seperti yang ditulis oleh wartawan-wartawan asing ini. Memang ini sudah dilakukan, tetapi belum begitu banyak lagi. Saya berpendapat bahawa perkembangan mengenai hubungan Utara-Selatan, perjuangan rakyat Palestin, perkembangan ekonomi dan politik dunia dan sebagainya, seharusnya dapat ditulis oleh wartawan-wartawan kita, dari kaca mata dan perspektif kita sendiri. Saya percaya ramai di antara saudara saudari yang mempunyai kebolehan, bukan sahaja untuk menghasilkan penulisan-penulisan seumpama ini, bahkan juga yang lebih bermutu. Mungkin apa yang perlu sekarang ini ialah kepercayaan yang lebih kepada diri sendiri, kesungguhan dan kesanggupan untuk mengubah sedikit corak bekerja daripada yang biasa dibuat. Dewasa ini, apabila Malaysia sedang berusaha dengan bersungguh-sungguh, supaya dalam beberapa aspek kita tidak terlalu bergantung kepada sesuatu pihak atau punca, adalah diharapkan bidang kewartawanan juga tidak terlalu bergantung kepada punca-punca tradisional mereka bagi mendapatkan bahan-bahan berita dan rencana. Sebaliknya akhbar-akhbar yang terkenal dan maju

di Malaysia, hendaklah menghantar *foreign correspondent* mereka ke tempat-tempat yang menjadi tumpuan berita sekarang. Janganlah tunggu hingga Perdana Menteri membuat lawatan, barulah diadakan liputan.

- * Ucapan Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad di Majlis Penyampaian Hadiah Kewartawanan Malaysia, di Hotel Hilton, Kuala Lumpur pada 12 Disember 1983.

11 Elakkan Memberi Apa Saja yang Digemari oleh Pembaca

Akhbar-akhbar tidak seharusnya bersikap 'berikan sahaja apa yang digemari oleh pembaca'. Sikap mengambil mudah dan cuai seperti ini yang lambat-lau akan memberi kemudahan kepada masyarakat, haruslah dibanteras sebelum ianya melarat.

Seperkara yang menarik perhatian saya ialah bagi kali pertama "Hadiah Khidmat Bakti Masyarakat" diadakan pada tahun ini. Bahawa akhbar-akhbar di Malaysia, sambil menjual akhbar dan majalah, juga berlumba-lumba untuk berbakti kepada masyarakat adalah satu petanda baik.

Namun demikian saya ingin menarik perhatian kepada beberapa perkembangan dalam dunia akhbar. Peranan akhbar dalam masyarakat dewasa ini sudah pun berubah. Akhbar tidak sahaja membuat laporan mengenai peristiwa-peristiwa yang berlaku, tetapi adalah alat yang paling berkesan dalam membentuk fikiran masyarakat. Demikianlah berkesannya peranan akhbar sehingga ada presiden dan kerajaan yang jatuh kerana pendedahan dan rencana dalam akhbar. Dengan perkataan lain, akhbar sudah menjadi satu daripada kuasa

terpenting dalam masyarakat, kuasa yang boleh menegak sesuatu pemerintahan atau menjatuhkannya. Sudah tentu lain-lain sasaran lebih mudah ditentukan nasibnya oleh akhbar.

Dari satu sudut, kuasa ini amat baik dan berguna. Segala keburukan dan kecuaiian yang terdapat dalam masyarakat dapat didedahkan dan pembetulan dibuat. Tetapi kuasa, seperti kata pepatah Inggeris, membawa kepada rasuah, dan kuasa yang tidak terhad membawa rasuah yang juga tidak terhad. Demikian juga dengan kuasa yang ada pada akhbar sekarang ini.

Di Eropah pembunuh ditawarkan beribu pound sterling untuk mendapat ceritanya. Di Amerika cerita rekaan disiarkan sebagai *fact* untuk menarik minat pembaca. Cerita lucu dan seks dilaporkan tanpa segan-segan. Rahsia negara didedah sehingga musuh dapat mengetahui semua kelemahan. Sesiapa yang berkuasa dijadikan sasaran berita skandal sehingga ianya jatuh. Dan penggantinya juga akan mengalami nasib yang sama.

Aliran ini sudah sampai ke Malaysia. Berita yang benar kerap kali tidak dihiraukan. Jika ada mesyuarat atau lawatan atau pameran atau apa-apa jua peristiwa, yang diberi perhatian bukan peristiwa itu tetapi soal-soal lain yang menjadi minat akhbar. Soalan dibuat dalam berbagai-bagai bentuk dan bertalu-talu untuk menjadikan sesuatu perkara itu sebagai isu yang hangat. Selepas menyoal seseorang, maka disoal pula orang lain yang diketahui mempunyai pandangan yang bertentangan – untuk memberi pandangan terhadap pendapat sasaran pertama. Maka dengan itu akan terjadilah satu kontroversi – yang dipuja dan dihembus oleh akhbar sehingga panas berapi.

Bahawa akibatnya ialah ketegangan dan kegelisahan dalam masyarakat sehingga terjejas ekonomi, kestabilan politik dan

perpaduan, tidak sama sekali dipedulikan. Yang penting ialah akhbar yang kononnya ingin melapor yang benar.

Satu lagi perkara yang ingin saya sebutkan ialah tentang pemberita kita yang tidak segan-segan menjadi tali barut kepada akhbar-akhbar di luar negeri. Mereka ini apabila menulis dalam akhbar tempatan, lain bunyinya. Tetapi untuk akhbar luar negeri, mereka mencerca dan menghina negara sendiri, mencaci pemimpin dan Raja-raja dan sanggup menjatuhkan maruah negara mereka sendiri. Nama mereka sendiri tidak disiarkan tetapi mereka tentulah dipuji oleh wartawan asing. Sebenarnya mereka sudah menjadi alat kepada bangsa-bangsa yang tidak senang melihat kejayaan Malaysia. Saya amat kesal adanya manusia jenis ini di kalangan pemberita kita.

Saya memberanikan diri untuk membuat teguran ini walaupun imej saya boleh dirosakkan oleh akhbar. Malaysia belum menjadi negara yang maju dan kuat; yang kebal dan yang tidak boleh dihancurkan. Kita masih lemah. Biarlah amalan masyarakat yang kukuh dan kuat di negara Barat tinggal di Barat. Kita perlu berhati-hati. Jika tidak, mungkin kita akan kekal dengan kelemahan kita tanpa sedikit pun mengecap kejayaan. Dan kita akan terus diperhamba dan dihinakan.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak penganjur kerana mengadakan pertandingan ini yang antara lain akan dapat meningkatkan lagi mutu profesionalisme serta penulisan di kalangan wartawan. Saya difahamkan bahawa pertandingan ini mendapat sambutan baik daripada para wartawan dan ini sangatlah menggalakkan. Walau bagaimanapun, saya ingin melahirkan sedikit pendapat saya mengenai hadiah-hadiah kewartawanan yang telah diadakan sejak beberapa waktu.

Dengan kejayaan Dasar Pelajaran Kebangsaan, bilangan

terbesar rakyat Malaysia yang hampir kesemuanya dari golongan generasi muda memahami dan fasih dalam bahasa Malaysia. Oleh yang demikian, akhbar dalam bahasa Malaysia adalah akhbar yang dibaca oleh sebilangan besar masyarakat Malaysia. Di samping itu pula, akhbar-akhbar dan majalah-majalah yang diterbitkan dalam bahasa-bahasa lain me-nyiarkan berita-berita yang menyentuh masyarakat keseluruhannya atau dalam lain-lain perkataan berita-berita nasional atau regional dan tidak semestinya mengenai golongan-golongan atau kumpulan-kumpulan yang tertentu sahaja. Laporan-laporan di dalam akhbar-akhbar kita selain daripada peristiwa di luar negeri, adalah berita-berita mengenai masyarakat dan negara kita Malaysia dan ia ditulis, saya harap, dari kaca mata rakyat Malaysia sendiri. Maka sudah tentulah skop, semangat dan keikhlasannya adalah mengikut jiwa rakyat Malaysia, walaupun ianya ditulis dalam berbagai-bagai bahasa.

Memandangkan kepada hal ini, saya berpendapat ada baiknya jika kita memberi penghargaan kepada tulisan-tulisan yang secocok dengan semangat pembangunan dan perpaduan negara kita, walaupun tulisan ini dibuat dalam bahasa yang lain daripada bahasa kebangsaan. Oleh itu, saya syorkan supaya hadiah-hadiah diadakan, selain daripada yang sedia ada, bagi memberi penghargaan kepada isi kandungan yang menarik tetapi membina.

Kebebasan akhbar memang terdapat di negara kita. Tetapi kebebasan dalam apa jua bidang memang ada hadnya. Seperti mana kita maklum, akhbar kita bebas membuat teguran-teguran yang kritikal dan ini memang dialu-alukan. Walau bagaimanapun apa yang mengecewakan kita ialah kadangkala terdapat di mana sesebuah akhbar itu, sama ada secara sedar atau tidak, telah termasuk ke dalam perangkap golongan-golongan tertentu dalam menyuarakan kepentingan

golongan tersebut. Kerana terlampau asyik dengan isu-isu yang disuarakan oleh golongan yang tidak mendapat sokongan kuat daripada rakyat itu, akhbar-akhbar atau majalah-majalah tersebut secara tidak langsung telah sedikit sebanyak diperalatkan oleh mereka. Dengan secara tidak langsung juga akhbar atau majalah berkenaan telah hilang kebebasan mereka. Ini adalah satu perkara yang mendukacitakan.

Akhbar yang bertanggungjawab seharusnya boleh menghalusi jiwa masyarakat. Memang untuk bersikap bertanggungjawab bukanlah mudah. Tetapi sebaliknya kita tidak boleh lari atau mengelakkan diri daripada kewajipan ini. Semakin besar dan semakin kukuh kita, maka sewajarnya semakin besar tanggungjawab yang kita pikul. Dan kita tidak harus mengabaikan perkara ini kerana ia merupakan satu amanah yang besar. Pengabaian kepada tanggungjawab terutamanya oleh akhbar-akhbar yang mempunyai pengaruh yang besar dalam membentuk peri-badi masyarakat, mungkin akan membawa akibat yang buruk kepada kita semua.

Peranan akhbar-akhbar kita di dalam negara yang sedang meningkatkan usahanya ke arah mewujudkan sebuah masyarakat yang lebih sejahtera adalah penting. Akhbar-akhbar tidak seharusnya bersikap "berikan sahaja apa yang digemari oleh pembaca". Sikap mengambil mudah dan cuai seperti ini yang lambat-laun akan memberi kemudahan kepada masyarakat kita, haruslah dibanteras sebelum ianya melarat. Sebenarnya ini adalah satu penyakit yang amat berbahaya jika dibiarkan tanpa kawalan. Sebaliknya, akhbar-akhbar kita haruslah dapat mengelakkan diri daripada perkara-perkara yang akan mendatangkan atau memberi kesan yang negatif kepada masyarakat.

Saya juga tertarik hati dengan penubuhan Organisasi Pengarang-pengarang Akhbar baru-baru ini dan persetujuan

yang telah dicapai mengenai kod etika kewartawanan. Saya difahamkan bahawa di antara tujuan-tujuannya ialah untuk meningkatkan mutu kewibawaan dan menerima aduan-aduan terhadap sesebuah akhbar atau wartawan, selain daripada menegakkan kebebasan akhbar. Bahawa kebebasan akhbar terjamin di negara kita telah pun terbukti, antaranya dengan terbitnya sekian banyak akhbar dan majalah dalam pelbagai bahasa. Bahawa Organisasi Pengarang-pengarang Akhbar ini ditubuhkan oleh mereka sendiri, menjadi satu lagi bukti kebebasan akhbar di negara kita.

-
- * Ucapan Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad di Majlis Penyampaian Hadiah Kewartawanan anjuran Institut Akhbar Malaysia di Hotel Subang View, Subang Jaya, Selangor pada hari Jumaat, 9 November 1984.

12 Semua Media di Dunia Dikawal*

Sebenarnya semua media dikongkong oleh pihak-pihak tertentu. Kebanyakan daripada media antarabangsa yang terkenal, umpamanya, dikuasai oleh orang Yahudi yang sekarang menjadi warganegara banyak negara Barat.

Kita baru sahaja selesai mengadakan pilihan raya umum dan seperti biasa di Malaysia terdapat kerusi-kerusi yang dimenangi oleh parti pembangkang. Dan seperti biasa juga bermacam-macam pendapat daripada berbagai-bagai pihak telah dilahirkan melalui ucapan, kenyataan, manifesto dan lain-lain saluran. Sudah tentu akhbar tidak dapat menyiarkan semua yang diucap dan diisytiharkan. Suka atau tidak suka, akhbar terpaksa memilih bahan-bahan yang hendak disiarkan dan yang hendak diketepikan. Walaupun di Malaysia terdapat beberapa akhbar yang memilih untuk mengecam kerajaan, ini tidak diambil kira. Bagi mereka yang tidak senang hati dengan negara ini, mereka lebih suka menarik perhatian kepada berita-berita yang menyokong kerajaan sahaja – seolah-olah akhbar tidak akan menjadi akhbar jika ianya sentiasa menyokong kerajaan. Dan mereka mendakwa

bahawa kerajaan mengongkong **akhbar di Malaysia**. Dan penulis dari Malaysia yang hendak **bermuka-muka** dengan orang ini pun turut serta mengecam **kerajaan negara** sendiri. Amatlah memalukan kerana masih ada **orang Malaysia** yang mempunyai *inferiority complex* dan **percaya orang putih** semua betul dan bangsa sendiri perlu **mendapat pengiktirafan** daripada mereka.

Sebenarnya semua media dikongkong oleh pihak-pihak tertentu. Kebanyakan daripada media antarabangsa yang terkenal, umpamanya, dikuasai oleh orang Yahudi yang sekarang menjadi warganegara banyak negara Barat. Mereka menjadi pemilik atau memegang jawatan penting termasuk menjadi pengarang dan wartawan. Akibatnya ialah akhbar-akhbar ini tidak bebas tetapi terpaksa tunduk kepada kepentingan zionis. Jelaslah bahawa akhbar asing ini lebih tertekan oleh kuasa Zionis daripada akhbar Malaysia dikuasai oleh kerajaan. Begitu juga akhbar-akhbar lain, jika tidak dikuasai oleh pemilik, dikuasai pula oleh para pengarah, atau para pengarang atau oleh para wartawan sendiri. Ada juga yang dikuasai oleh syarikat yang menyiarkan iklan. Dengan itu akhbar sedikit sebanyak terpaksa mencerminkan pendapat orang yang berkuasa ini. Mungkin wartawan atau pengarang berpendapat bahawa kalau mereka menguasai akhbar maka akhbar itu bebas. Tetapi pengarang dan wartawan juga mempunyai *bias*. Bagi masyarakat yang terpaksa bergantung kepada akhbar untuk laporan dan ulasan, kebebasan mereka membuat penilaian sendiri terganggu. Bagi mereka, akhbar berkenaan adalah dikongkong oleh orang lain dan mereka tidak berhak atau tidak mempunyai kuasa. Kalaupun mereka menulis surat kepada akhbar berkenaan, sama ada surat mereka disiarkan atau tidak, bukan hak mereka tetapi hak orang yang menguasai akhbar.

Akhbar *The New York Times* mempunyai slogan *All the news*

that's fit to print. Soal yang timbul ialah apakah yang tidak disiarkan dalam akhbar itu adalah *unfit to print*. Siapakah yang menentukan apa yang *fit* dan apa yang *unfit*. Benarkah orang ini layak membuat keputusan. Jika ia yang menentukan kelayakan berita yang akan disiarkan, tidakkah ini bermakna ia *control The New York Times*. Apakah haknya orang yang seperti ini bercakap berkenaan dengan kuasa pihak-pihak lain terhadap mana-mana media sedangkan ia atau mereka mengongkong akhbar berkenaan.

Maksud saya ialah akhbar tidak pernah bebas walaupun di Amerika Syarikat, dari mana datangnya ramai wartawan yang mengkritik kerajaan Malaysia kerana kononnya mengongkong akhbar. Yang penting bukanlah akhbar bebas atau tidak, tetapi apakah alat yang begini berkesan digunakan untuk kebaikan. Jika kebaikan akan dicapai dengan menjatuhkan kerajaan, maka akhbar patutlah menyumbang ke arah matlamat ini. Tetapi sebelum menyertai usaha menjatuhkan kerajaan yang ada, soal yang perlu dijawab ialah apakah kerajaan yang akan menggantinya akan menjadi lebih baik? Berapa kalikah dalam sejarah dunia yang kita dapati kerajaan revolusioner yang mengganti adalah lebih buruk dan kejam daripada kerajaan yang dijatuhkan?

Justeru itu, kita harus berhati-hati. Jika kita belum boleh yakin bahawa kerajaan yang akan mengganti adalah lebih baik, eloklah kita tidak dengan sengaja memburukkan atau menghalang usaha kerajaan yang sedia ada. Akhbar dengan pengaruhnya boleh membuat kritik yang membina. Lebih banyak keuntungan akan diperolehi dari usaha ini daripada sengaja bersikap sinis dan membuat kritik kerana suka mengkritik. Di waktu ini, setelah selesai pilihan raya, kerajaan perlu tumpukan segala tenaga, fikiran dan wang ringgit yang terhad kepada mengatasi beberapa masalah yang besar. Jika setiap usaha yang dibuat oleh kerajaan diganggu oleh

kritik yang tidak membina, atau sengaja disalahtafsirkan, maka kita tidak akan mencapai kejayaan. Akhirnya rakyat dan negara juga yang akan menerima kesan buruknya.

Ini bukanlah rayuan daripada saya. Ini juga bukan ugutan. Ini adalah pendapat peribadi saya, lahir daripada kesedihan melihat beberapa akhbar dalam negara ini yang terbawa-bawa dengan aliran Barat tentang *freedom of the press* sehingga tidak lagi peduli akan kesan buruk terhadap negara sendiri.

Masyarakat Malaysia semakin lama semakin berminat dengan akhbar dan lain-lain media. Pengedaran hampir semua akhbar telah meningkat dengan pesatnya semenjak merdeka. Ini juga adalah hasil kestabilan dan perkembangan ekonomi. Sudah tentu semakin besar pengedaran dan semakin ramai pembaca, semakin menyeluruhlah pengaruh media ini. Pengaruh merupakan alat yang amat penting dalam demokrasi. Apa yang terjadi kepada sesuatu bangsa atau sesuatu negara boleh ditentukan oleh pengaruh.

Memandangkan bahawa akhbar begitu berpengaruh maka amatlah penting akhbar dikuasai oleh orang yang bertanggungjawab. Di sini bertanggungjawab bermaksud bertanggungjawab terhadap negara. Di sinilah duduknya kebijaksanaan seseorang yang berkuasa ke atas akhbar. Mungkin pendedahan perlu dibuat tentang penyelewengan kerajaan demi kepentingan negara. Tetapi kebenaran perkara yang hendak didedahkan perlu ditentukan terlebih dahulu terutama jika pendedahan itu boleh memburukkan keadaan dalam negeri.

Baru-baru ini sebuah akhbar telah melaporkan tentang kemungkinan seorang yang berpangkat tinggi dalam negara akan bersara. Asas laporan ini ialah berita angin kononnya Perdana Menteri akan bersara pada 28 Ogos ini. Berita seperti ini menimbulkan ketegangan serta kegelisahan dalam masyarakat dan mempunyai kesan buruk kepada suasana

perniagaan. Perbuatan melapor berita angin seperti ini merupakan sabotaj ekonomi kepada negara yang sedang menghadapi kemelesetan ekonomi. Perbuatan ini adalah perbuatan yang tidak bertanggungjawab. Ia menunjukkan bahawa orang yang berkuasa dalam akhbar ini tidak layak dianugerah kuasa yang begitu kuat.

Satu daripada tema yang sering diperkatakan akhir-akhir ini oleh sebahagian daripada masyarakat kita ialah *deregulation*. Kerajaan digesa supaya tidak mengenakan bermacam-macam peraturan yang mengganggu kebebasan rakyat. Sebenarnya kerajaan tidak ingin *regulate* masyarakat kerana lebih banyak *regulation*, lebih berat beban kerajaan. Malangnya ramai daripada mereka yang sepatutnya lurus dan bertanggungjawab didapati tidak lurus dan tidak bertanggungjawab. Mereka menyalahgunakan apa juga kuasa yang ada pada mereka. Sebab itu duit bank-bank dan koperasi-koperasi, syer syarikat, permit perniagaan dan lain-lain lagi diselewengkan dengan begitu mudah dan kerap. Kerana mereka ini, orang lain turut menjadi mangsa. Saya percaya kalau kita amalkan *deregulation* secara meluas di negara ini, huru-hara akan berlaku. Sebab itu kalau ada sedikit sebanyak peraturan-peraturan termasuklah dalam bidang surat khabar, adalah lebih baik jika kita terima dan sesuaikan diri dengannya.

Negara kita mempunyai potensi untuk menjadi negara maju, setaraf dengan negara maju lain. Tetapi negara kita juga mempunyai potensi untuk hancur. Sama ada potensi untuk maju atau potensi untuk hancur menguasai negara kita adalah pilihan kita sendiri. Saya yakin tidak ada seorang pun daripada kita yang ingin melihat negara kita ini hancur. Malangnya sementara kita tidak ingin kehancuran, kita tidak memperhitungkan kesan-kesan perbuatan kita.

Di sinilah perlu kita fikirkan akan peranan yang dimainkan oleh akhbar. Sebagai alat yang begitu berpengaruh, apakah

akhbar akan memilih untuk membina negara ini atau hanya memikirkan tentang cara yang termudah untuk meningkatkan pengedaran?

Maju mundurnya sesuatu bangsa atau negara tidak disebabkan oleh kerajaan yang memerintah sahaja. Semua pihak memainkan peranan. Dan akhbar di zaman moden ini sudah tentu menjadi pemain yang utama.

- * Ucapan Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad di Majlis Penyampaian Hadiah Kewartawanan Anjuran Institut Akhbar Malaysia di Hotel Hilton, Kuala Lumpur pada 20 Ogos, 1986.

13 Kebebasan Akhbar Bukanlah Mutlak*

Kebebasan akhbar bukanlah absolute. Di mana-mana juga akhbar dicontrol bukan sahaja oleh kerajaan tetapi juga oleh pengarang dan kakitangan lain dalam akhbar berkenaan, oleh pengiklan dan juga oleh pemilik akhbar. Setiap pihak mempunyai pendirian dan kepentingan tertentu. Kebebasan akhbar adalah kebebasan bagi golongan ini sahaja. Jika ada di antara golongan ini yang tidak bertanggungjawab atau ingin mengembangkan sesuatu pandangan yang tidak sihat, masyarakat akan menjadi mangsa. Kerajaan bertanggungjawab mengawasi supaya perkara-perkara yang tidak sihat tidak dikembangkan terutama dalam negara majmuk kita ini. Undang-undang seperti ini bukan terdapat di Malaysia sahaja tetapi juga di negara-negara lain. Ia juga terdapat di negara di mana beberapa majalah antarabangsa diterbitkan.

Saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 dibaca bagi kali yang kedua.

Rang Undang-undang yang dibentangkan untuk pertimbangan Dewan yang mulia ini bertujuan meminda dan mengemaskinikan beberapa peruntukan di dalam Akta Mesin Cetak dan Penerbitan, 1984 supaya menjadi lebih berkesan untuk mencapai matlamat akta tersebut iaitu bagi mengawal selia penggunaan mesin cetak dan penerbitan demi menjaga ketenteraman awam dan kepentingan negara. Bagi maksud mengadakan kawalan dan seliaan ke atas mesin cetak dan penerbitan, akta tersebut menetapkan tindakan-tindakan yang menjadi kesalahan dan memberi kuasa kepada menteri untuk melulus, membatalkan atau menggantung sesuatu lesen atau permit atas alasan-alasan dan sebab-sebab tertentu.

Akta itu juga membolehkan pihak berkuasa mengambil tindakan tertentu bagi mengawal pencetakan, pengimportan, penjualan, pengedaran dan pemilikan hasil penerbitan yang tidak diingini. Peruntukan-peruntukan dalam akta itu adalah bertujuan mencegah pemilik mesin cetak dan penerbit akhbar dan majalah daripada melakukan perkara-perkara yang boleh menjejaskan ketenteraman awam dan kepentingan keselamatan negara.

Pada amnya peruntukan dalam akta itu telah dapat mencapai tujuannya. Walau bagaimanapun dari pengalaman pihak yang melaksanakan akta ini dan perkembangan semasa maka kerajaan berpendapat adalah supaya beberapa seksyen dalam akta itu dipinda seperti yang terkandung di dalam rang undang-undang di hadapan kita.

Izinkan saya menyentuh fasal-fasal dalam Rang Undang-undang ini satu persatu.

Fasal 2

Fasal 2 dalam Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Seksyen 3 dengan menggugurkan perkataan "atau diperbaharui" dalam subseksyen (5) seksyen itu. Tujuan pindaan

ini adalah untuk mengatasi kekeliruan yang timbul sekarang dengan penggunaan rangkaian kata "atau diperbaharui". Pindaan ini menghapuskan konsep pembaharuan lesen dan dengan pindaan ini maka ianya menjelaskan bahawa tempoh sah laku sesuatu permit ialah tempoh yang dinyatakan dalam permit itu. Seseorang pemegang permit hendaklah memohon permit baharu apabila tamat tempoh sah laku permitnya.

Fasal 3

Fasal 3 menggantikan subseksyen (1) kepada Seksyen 7, dengan satu subseksyen baru. Tujuan pindaan ini adalah untuk menambah satu lagi sebab yang boleh digunakan oleh menteri untuk melarang percetakan, penjualan, pengimportan, pengedaran atau pemilikan sesebuah penerbitan. Di bawah peruntukan sekarang menteri boleh berbuat demikian jika beliau berpuas hati bahawa kandungan sesuatu penerbitan memudaratkan ketenteraman awam, moral, keselamatan, kepentingan awam atau negara atau yang berlawanan dengan undang-undang. Dengan pindaan baru ini menteri boleh melarang sesuatu penerbitan jika penerbitan itu mengandungi perkara-perkara yang mungkin menggemparkan fikiran orang ramai.

Subseksyen (1) yang baru ini juga memberi kuasa kepada menteri untuk melarang hasil-hasil penerbitan masa hadapan penerbit yang berkenaan.

Fasal 4

Fasal 4 mewujudkan tiga seksyen baru iaitu Seksyen 8A, 8B dan 8C.

Seksyen 8A menjadikan perbuatan menyiarkan berita yang tidak benar dengan niat jahat sebagai satu kesalahan di bawah

akta ini. Di bawah peruntukan baru ini seseorang pencetak, penerbit dan pengarang penerbitan yang berkenaan serta penulis laporan atau makalah berkenaan boleh didakwa dan jika disabit boleh dijatuhkan hukuman penjara tidak melebihi 3 tahun atau denda tidak melebihi RM20,000 atau kedua-dua sekali.

Di masa-masa ke belakangan ini terdapat banyak laporan-laporan yang tidak benar tersiar dalam akhbar-akhbar dan majalah-majalah baik yang diterbitkan dalam negeri mahupun dari luar negeri. Nampaknya pihak akhbar dan majalah yang terlibat tidak menghiraukan kesan siaran berita yang tidak benar ke atas pihak atau golongan yang menjadi mangsa tindakan mereka atau kesan buruk ke atas keselamatan dan ekonomi negara. Peruntukan baru ini adalah bertujuan menggalakkan pihak akhbar bersikap lebih bertanggungjawab.

Saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa pendakwaan bagi kesalahan di bawah Seksyen 8A ini hanya boleh dibuat dengan kelulusan pendakwaraya.

Dua peruntukan baru iatu 8B dan 8C yang diwujudkan memberi kuasa kepada mahkamah untuk menahan dan menggantung mana-mana penerbitan dalam keadaan-keadaan tertentu. Di bawah Seksyen 8B, mahkamah atas permohonan pendakwaraya boleh memerintahkan pengharaman sesuatu penerbitan selama tempoh tidak melebihi enam bulan jika orang yang terlibat dengan penerbitan itu telah disabitkan atas apa-apa kesalahan berkenaan dengan apa-apa jua yang disiarkan dalam penerbitan itu. Seksyen 8C pula memberi kuasa kepada mahkamah atas permohonan Pendakwaraya menggantung sesuatu penerbitan sementara menanti keputusan muktamad sesuatu rayuan terhadap kes kesalahan berkenaan dengan apa-apa jua yang disiarkan dalam penerbitan yang berkenaan.

Fasal 5

Fasal 5 menggantikan subseksyen (1) kepada Seksyen 9 dengan satu subseksyen yang baru. Di bawah subseksyen (1) baru ini kuasa menolak pengimportan atau menahan penghantar-serahan atau mengembalikan kepada pengirim mana-mana penerbitan yang tidak diingini atas sebab-sebab yang ternyata dalam subseksyen tersebut adalah diberi kepada menteri. Di bawah peruntukan lama kuasa itu diberi kepada pegawai kanan berkuasa. Tujuan pindaan ini adalah untuk meletak-kan kuasa untuk menahan kemasukan sesuatu penerbitan di tangan menteri.

Walau bagaimanapun bagi membolehkan penerbitan-penerbitan yang tidak diingini ditahan untuk dikaji dan dikemukakan bagi keputusan menteri, satu Seksyen 9A baru telah diwujudkan mengikut Fasal 6. Seksyen baru 9A ini memberi kuasa kepada seseorang pegawai kanan berkuasa untuk menahan penghantar serahan sesuatu hasil penerbitan yang tidak diingini sementara menunggu keputusan menteri.

Fasal 9

Fasal 9 mewujudkan dua seksyen baru iaitu Seksyen 13A dan 13B mengenai keputusan menteri. Seksyen 13A memper-untukkan bahawa keputusan menteri menolak permohonan, membatalkan atau menggantung sesuatu lesen atau permit adalah muktamad dan tidak boleh disoal dalam mana-mana mahkamah. Seksyen 13B menjelaskan bahawa peluang untuk didengar tidak akan diberi kepada sesiapa pun berkenaan dengan permohonannya mendapatkan lesen atau permit atau berhubung dengan pembatalan atau penggantungan lesen atau permit yang dikeluarkan kepadanya di bawah akta ini. Dengan wujudnya Seksyen 13B ini maka peruntukan memberi peluang untuk didengar di dalam Seksyen 13 perlu

digugurkan. Pindaan sewajarnya dibuat kepada Seksyen 13 melalui Fasal 8.

Kuasa muktamad ini diberi kepada menteri kerana kerap kali maklumat yang diberi kepadanya jika didedahkan kepada orang ramai akan menyebabkan kesan buruk kepada keselamatan dan kepentingan negara. Jika kes-kes seperti ini dibicarakan secara terbuka tidak dapat tidak mahkamah akan menjadi gelanggang politik. Jika menteri menyalahgunakan kuasa yang diberikan kepadanya, rakyat akan menentukan tindakan terhadapnya melalui saluran demokrasi yang diamalkan dalam negara kita ini.

Pindaan-pindaan yang dibuat ini adalah kerana pentingnya kuasa-kuasa kerajaan dijelaskan dalam undang-undang bertulis. Pindaan ini menjadi lebih perlu kerana kecenderungan setengah-setengah pihak menggunakan undang-undang yang tidak bertulis untuk menghalang fungsi kerajaan. Adalah sukar bagi kerajaan untuk menerima undang-undang yang tidak bertulis oleh kerana kerajaantidak mungkin tahu apa yang boleh dibuat oleh kerajaan dan apa yang tidak boleh. Dalam keadaan kabur atau tidak jelas ini pemerintahan menjadi kelam-kabut. Sesiapa sahaja boleh mencabar kerajaan dan menghalang tindakan yang dianggap sah oleh kerajaan.

Hormat-menghormati antara pihak-pihak dalam masyarakat adalah asas kestabilan negara kita. Jika kita tidak menghormati orang lain, sudah tentu orang lain tidak akan menghormati kita. Tidak ada sesiapa dalam masyarakat kita yang lebih utama daripada yang lain. Ahli-ahli politik dan kerajaan tidak lebih utama daripada orang awam. Jika mereka tidak menghormati pihak lain mereka juga tidak akan dihormati. Demikian juga dengan pihak-pihak lain dalam masyarakat.

Kerajaan memerintah dan mengambil tindakan melalui peruntukan undang-undang yang bertulis. Ini menjamin

kerajaan tidak bertindak sesuka hati dan di luar batasan. Undang-undang bertulis jelas menyatakan apa yang boleh dibuat dan apa yang tidak boleh dibuat. Dengan perkataan lain kerajaan, seperti juga rakyat, tertakluk kepada undang-undang.

Mungkin undang-undang yang digubal dan diluluskan oleh Parlimen tidak begitu tepat. Tetapi ini tidak mudah berlaku dalam sistem demokrasi seperti di Malaysia kerana kelulusan sesuatu undang-undang perlu melalui suatu proses yang telah ditentukan mengikut undang-undang tertinggi kita, iaitu Perlembagaan negara.

Sesuatu draf undang-undang disemak dengan teliti oleh penggubal-penggubal undang-undang di Jabatan Peguam Negara. Mereka ini mengambil kira bukan sahaja prinsip-prinsip yang diterima umum untuk undang-undang tetapi berpanduan juga kepada tradisi dan undang-undang lama kita. Undang-undang yang digubal tertakluk kepada undang-undang asas kita – iaitu Perlembagaan. Draft yang dibuat dikaji juga oleh kementerian atau agensi-agensi Kerajaan yang lain yang terlibat dan akan tertakluk kepada undang-undang itu.

Selepas itu draf undang-undang dibentangkan kepada Jemaah Menteri. Jemaah Menteri dianggotai juga oleh beberapa orang yang mempunyai latar belakang undang-undang dan orang-orang yang berpengalaman dalam pentadbiran. Mereka juga telah dipilih oleh rakyat dan dapat melihat sesuatu dari sudut rakyat. Kerap kali berlaku hukuman yang berat diringkaskan kerana mengambil kira perasaan dan pandangan rakyat.

Melainkan undang-undang yang tidak kontroversial, biasanya draf undang-undang dipinda oleh kabinet dan dihantar balik kepada Jabatan Peguam Negara untuk dipinda supaya lebih sesuai dengan keperluan rakyat dan negara.

Selepas diluluskan oleh Jemaah Menteri rang undang-undang itu dikemukakan dalam Dewan Rakyat untuk disemak dan dibahas. Di Dewan Rakyat pihak parti-parti pembangkang berpeluang membuat kritikan dan memberi pandangan-pandangan mereka bersama dengan penyokong-penyokong kerajaan. Bukanlah satu perkara yang mustahil bagi pihak kerajaan menerima pandangan-pandangan ahli-ahli Dewan Rakyat, sama ada dari parti pembangkang atau parti kerajaan dan membuat pindaan mengikut pandangan-pandangan itu. Bahkan ada kalanya yang pihak kerajaan menarik balik rang undang-undang yang dicadangkan.

Sesudah Dewan Rakyat meluluskan undang-undang atau pindaan yang dikemukakan oleh kerajaan, ia dibentang pula dalam Dewan Negara. Dewan Negara boleh memberi pandangan menyokong atau mengkritik, menghantar balik ke Dewan Rakyat, atau melewati-lewatkan rang undang-undang yang dipertimbangkan olehnya. Biasa berlaku di mana Dewan Negara membuat kritikan yang tajam terhadap undang-undang yang disyorkan oleh kerajaan.

Apabila akhirnya diluluskan oleh Dewan Negara, rang undang-undang tersebut dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Per-tuan Agong untuk tandatangan baginda. Di sini sekali lagi baginda boleh menolak dan tidak menandatangani rang undang-undang berkenaan dan menghantarkannya balik ke Dewan Rakyat di mana Dewan Rakyat perlu menimbang semula rang undang-undang itu dengan mengambil kira sebab-musabab baginda menandatangani undang-undang berkenaan.

Jika Dewan Rakyat berpegang terus kepada rang undang-undang asal atau membuat pindaan, dan sesudah diluluskan oleh Dewan Negara, ia perlu dipersembahkan semula kepada baginda untuk ditandatangani. Jika tandatangan Duli Yang

Maha Mulia diberi barulah rang undang-undang berkenaan menjadi undang-undang. Jika baginda enggan menandatangani rang undang-undang yang telah disemak semula itu, jangka masa 30 hari mestilah genap sebelum ia boleh menjadi undang-undang tanpa tandatangan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Demikianlah proses membuat undang-undang di negara kita yang demokratik ini. Prosesnya tidak mudah. Undang-undang tidak boleh dibuat dengan sewenang-wenangnya, dengan sesuka hati satu atau dua orang, atau dengan sesuka hati wakil-wakil rakyat yang dipilih. Tidak mudah bagi kerajaan membuat undang-undang. Tapisan demi tapisan, kajian demi kajian terpaksa dilakukan sebelum sesuatu rang undang-undang diterima sebagai undang-undang negara yang sah. Kerap kali rang undang-undang atau pindaan mengambil beberapa bulan atau tahun sebelum diluluskan.

Jika undang-undang yang digubal dan disahkan dengan begitu payah diketepikan dengan begitu sahaja, apakah gunanya kita membuat undang-undang? Apa gunanya kita bersusah payah memilih *legislators* iaitu pembuat undang-undang? Apa gunanya kita mengadakan Dewan Rakyat dan Dewan Negara? Apa gunanya kita bermesyuarat, berbincang, bertukar fikiran seperti yang ditegaskan dalam doa Dewan-dewan ini?

Tetapi ada pihak yang berkata bahawa tujuan sesuatu undang-undang dibuat oleh Dewan Rakyat tidak ada kena-mengena dengan penguatkuasaan undang-undang. Pihak yang mentafsir undang-undang tidak perlu sama sekali menimbangkan sebab-sebabnya undang-undang digubal. Kata pakar undang-undang ini, yang perlu ialah pentafsir undang-undang mentafsirkan perkataan-perkataan yang terdapat dalam undang-undang. Perkataan itu adalah lebih penting daripada niat, walaupun jelas ada tujuan-tujuan

tertentu yang mendorong pembentukan undang-undang itu.

Malangnya apabila perkataan yang digunakan begitu jelas sehingga tidak mungkin disalah tafsir, pentafsir menggantikan undang-undang ini dengan undang-undang tidak bertulis yang begitu umum sehingga boleh ditafsirkan mengikut sesuka hati pentafsir dalam kes-kes tertentu. Kadang-kadang tafsiran yang bertentangan digunakan dalam satu kes, berbanding dengan satu kes yang lain. Maka dengan itu pihak kerajaan tidak akan mengetahui sama ada kerajaan bertindak mengikut undang-undang atau tidak. Apa sahaja keputusan kerajaan boleh dicabar oleh sesiapa sahaja dan ditolak dengan sewenang-wenangnya.

Undang-undang tidak bertulis yang dimaksudkan ialah *English Common Law*, *natural justice*, *judicial review* dan sebagainya.

Apakah dianya *English Common Law*? Mengikut Profesor R.H. Hickling, seorang pensyarah undang-undang yang mahir dengan undang-undang di Malaysia, *English Common Law* berasal dari adat resam dan falsafah orang British. Ia tidak sama dengan asas undang-undang di negara-negara Eropah yang lain di mana *Civil Law* digunakan. Sudah tentu ia tidak secocok dengan hukum-hukum adat orang-orang Melayu atau lain-lain kaum di Malaysia.

Dalam konsep British, yang berasaskan kepada pertANDINGAN sukan yang digemari oleh mereka, dalam setiap masalah ada dua pihak iaitu pihak yang mendakwa dan pihak yang didakwa. Untuk menyelesaikan pertikaian antara mereka ini diperlukan seorang pengadil dan keputusan pengadil adalah muktamad dan tidak boleh disoal atau dicabar.

Sekali dipandang cara ini amat sesuai untuk menyelesaikan sebarang pertikaian. Tetapi apa akan terjadi jika pengadil

tersalah atau jelas ia berat sebelah? Dalam sukan, rayuan boleh dibuat kepada badan lain seperti *board* yang dianggotai bukan semata-mata oleh pengadil-pengadil tetapi juga oleh beberapa pihak lain. Kemungkinan berat sebelah berlaku dikurangkan dengan cara ini.

Yang menjadi masalah ialah dalam undang-undang yang tidak bertulis orang yang didakwa tidak mungkin tahu apa yang ada dalam pemikiran pengadil. Jika pengadil membuat rujukan kepada kes-kes terdahulu di Britain atau lain-lain negara, yang didakwa tidak mungkin tahu yang mana satu kes yang akan menjadi punca rujukan. Asas-asas kes-kes yang terdahulu tidak selalunya sama. Dengan demikian maka pihak yang perlu bertindak, terutama Kerajaan dalam menjalankan tugas-tugasnya, tidak mungkin tahu apakah asas yang akan mempengaruhi pihak pengadil. Mungkin kerajaan British tahu tetapi kerajaan seperti di Malaysia tidak tahu akan selok-belok Undang-undang Adat British atau *English Common Law* ini. Amat sukar bagi sesuatu kerajaan menjalankan tugasnya jika ia tidak tahu di bawah undang-undang apa yang ia bertindak – tidak tahu ia bersalah atau tidak. Semuanya bergantung kepada pengadil berkenaan – lain pengadil mungkin lain pula tafsiran yang dibuat bagi undang-undang yang tidak bertulis ini.

Profesor Hickling dalam bukunya *Malaysian Law* telah berkata bahawa mendewa-dewakan *English Common Law* ini akan menjadikan kita gila. Seperti kata beliau, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, "... *but whatever system is to be adopted should grow out of and be in harmony with the nature of the people it is designed to serve, for otherwise it will work to injustice. For too long the virtues of the common law have been praised, especially by those English and American lawyers who see in 'Our Lady the Common Law' a figure of romance so powerful, as to convert the common law itself almost into a religion. That way, madness lies*".

Demikian juga dengan undang-undang lain yang tidak bertulis, *natural justice* atau keadilan asasi boleh ditafsir dengan bermacam-macam tafsiran mengikut budi bicara pengadil yang terlibat. Di zaman dahulu di Britain seorang yang mencuri kambing boleh dihukum gantung. Sekarang pembunuh pun tidak boleh dihukum mati. Jika hendak difikir secara logik yang natural, yang betul-betul *natural justice* ialah *an eye for an eye, a tooth for a tooth*.

Kita tahu pada satu masa dahulu hubungan seks sejenis dianggap salah di Britain. Tetapi sekarang *sodomy* tidak salah jika kedua-dua pihak bersetuju. Mungkin ini dianggap *natural* sekarang. Mungkin juga dengan *Common Law Wife* yang telah menghasilkan kesedudukan di Britain sebagai perkara *natural* yang diterima oleh masyarakat. Tetapi pemikiran yang sebegini tidak dianggap *natural* di Malaysia. Dengan itu kita sepatutnya tidak menggunakan konsep *natural justice* British ini. Ianya tidak *natural* bagi kita. Lebih baik kita pegang kepada undang-undang bertulis kita.

Judicial review pula memberi kuasa yang tidak terhad kepada pentafsir undang-undang sehingga mereka boleh meniadakan pelaksanaan atau penguatkuasaan apa sahaja undang-undang. Tiada sesiapa yang boleh meneka apakah hasil *review* oleh seorang pengadil kerana ia bergantung kepada budibicara orang berkenaan. Dengan diputuskan bahawa siapa sahaja boleh mendakwa kerajaan, maka kerajaan tidak lagi boleh memutuskan apa-apa dengan tepat. Setiap keputusan boleh dicabar dan mungkin ditolak. Dengan ini kerajaan tidak lagi menjadi *executive*. Pihak lain sudah mengambil alih tugas ini.

Undang-undang ini dipinda kerana kerajaan yang mewakili rakyat berpendapat amatlah bahaya jika pentadbiran negara ditafsirkan mengikut budi bicara dua tiga orang sahaja. Walau bagaimana bijak sekalipun orang ini, sebagai

manusia biasa mereka mempunyai perasaan yang boleh mempengaruhi fikiran dan pendirian mereka. Bukanlah satu perkara yang mustahil bahawa tafsiran dibuat bukan secara terkecuali tetapi kerana nilai dan kepercayaan tertentu yang ada pada dan mempengaruhi pihak pentafsir tersebut.

Di dalam bukunya *The Politics of the Judiciary* seorang penulis British yang bernama J.A.G. Griffith dari London School of Economics and Political Science telah berkata, dengan izin, "*Every practising barrister knows before which judges he would prefer not to appear in a political case because he believes ... that certain judges are much more likely than others to be biased against certain groups...*". Ini jelas membuktikan bahawa bukan pertimbangan yang wajar yang menentukan keputusan pengadil tertentu tetapi sifat yang ada pada mereka. Jika undang-undang digubal dan ditafsir oleh pentafsir undang-undang, kemungkinan pertimbangan yang mirip kepada pendirian pentafsir berkenaan akan bertambah. Apabila undang-undang yang tidak bertulis digunakan maka sebenarnya pengadil membentuk undang-undangnya sendiri dan ia tentulah akan bias kepada undang-undangnya.

Dalam demokrasi, kita membahagikan tugas kepada tiga pihak, iaitu pihak penggubal undang-undang atau *legislators*, pihak pelaksana undang-undang dan dasar atau *executive*, dan pihak pengadil atau *judiciary*. Sepatutnya pihak-pihak ini melakukan *checks and balance* supaya tiada sesiapa pun dapat melampaui batasannya. Jika penggubal undang-undang juga menjadi pelaksana dan pengadil maka *check and balance* dalam demokrasi tidak akan dapat diamalkan. Perkara ini sudah pun berlaku di Malaysia. Oleh itu kerajaan berhajat untuk *codify*, iaitu menentukan melalui undang-undang khusus berkenaan dengan kuasa dan tugas masing-masing bagi ketiga-tiga pihak ini supaya dapat mereka melakukan tugas *checks and balance* dengan sempurna.

Sementara itu kerajaan berhajat untuk membuat undang-undang yang tidak boleh disalah tafsir oleh sesiapa. Inilah pindaan yang dibuat sekarang terhadap Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984. Dengan pindaan ini pengeluar dan pengimport bahan cetak akan tahu dengan jelas apa yang baik bagi negara kita dan mereka dapat mengawal diri mereka. Kebebasan akhbar bukanlah *absolute*. Di mana-mana juga akhbar *dicontrol* bukan sahaja oleh kerajaan tetapi juga oleh pengarang dan kakitangan lain dalam akhbar berkenaan, oleh pengiklan dan juga oleh pemilik akhbar. Setiap pihak mempunyai pendirian dan kepentingan tertentu. Kebebasan akhbar adalah kebebasan bagi golongan ini sahaja. Jika ada di antara golongan ini yang tidak bertanggungjawab atau ingin mengembangkan sesuatu pandangan yang tidak sihat, masyarakat akan menjadi mangsa. Kerajaan bertanggungjawab mengawasi supaya perkara-perkara yang tidak sihat tidak dikembangkan terutama dalam negara majmuk kita ini. Undang-undang seperti ini bukan terdapat di Malaysia sahaja tetapi juga di negara-negara lain. Ia juga terdapat di negara di mana beberapa majalah antarabangsa diterbitkan.

Hakikat yang perlu kita beri perhatian yang serius ialah kestabilan dan pembangunan negara kita yang berbilang kaum ini. Jika untuk kepentingan ini kita perlu mengawal sedikit kebebasan satu golongan yang mengancam kestabilan kita, kita perlulah melakukan pengawalan ini.

Inilah sahaja yang mendorong kerajaan membuat beberapa pindaan kepada Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 yang telah saya jelaskan.

* Ucapan Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad Membentangkan Rang Undang-undang Bernama Suatu Akta Untuk Meminda Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 di Dewan Rakyat, pada Hari Khamis 3 Disember, 1987.

14 Kebebasan untuk Kebaikan atau Kebebasan untuk Kebebasan?*

Malaysia adalah sebuah negara membangun yang demokratik. Lebih daripada itu Malaysia mempunyai penduduk berbilang kaum dan agama yang sukar diintegrasikan. Jika Malaysia ingin maju maka peranan semua pihak mestilah disesuaikan dengan dasar-dasar dan usaha-usaha membangunkan negara.

Sebagai wartawan saya yakin tuan-tuan dan puan-puan menghargai kebebasan media massa yang menjadi satu daripada rukun demokrasi. Kebebasan media merupakan salah satu aspek yang penting untuk mempertahankan demokrasi. Tanpa kritikan dan teguran daripada media yang bebas, tanpa maklum balas berkenaan dengan pemikiran dan reaksi masyarakat, besar kemungkinan kerajaan dan anggotanya akan tersilap jalan, akan menyeleweng dan akan melakukan perbuatan-perbuatan yang tidak baik. Sebaliknya tanpa maklumat yang disampaikan oleh media yang bebas rakyat pula akan berada dalam kegelapan, tidak mengetahui dan tidak memahami apa yang sedang berlaku di sekeliling

mereka. Dengan perkataan lain tanpa media massa yang bebas, masyarakat dan kerajaan akan berada dalam keadaan tidak sedar akan hasil dasar-dasarnya dan tidak dapat menilai kekesanan sesuatu tindakan atau peristiwa. Kita akan merabab dalam kegelapan tanpa mengetahui ke arah mana kita menuju atau ke arah mana kita dibawa.

Ada negara-negara di mana media massa diletakkan terus di bawah kuasa kerajaan. Dengan itu media tidak dapat menilai dengan baik dan dengan adil tindakan-tindakan dan dasar-dasar kerajaan. Semua yang dibuat oleh kerajaan dikatakan baik dan dipuji. Oleh yang demikian apabila kerajaan tersilap jalan maka kerajaan akan sesat tanpa disedari. Negara komunis sesat 70 tahun sebelum mereka mengetahui bahawa mereka sesat. Sepanjang masa, media yang dikongkong oleh kerajaan memuji dasar-dasar dan strategi-strategi komunis sehingga rakyat mereka hilang keupayaan membezakan di antara yang baik dengan yang buruk.

Goebbels, Menteri Propaganda Nazi Jerman, biasa berkata sesuatu yang tidak benar, jika berulang kali dikatakan benar, akhirnya akan diterima sebagai benar oleh masyarakat. Demikian dengan negara komunis. Oleh kerana kegagalan sistem ekonomi komunis dikatakan juga satu kejayaan, akhirnya semua pihak percaya bahawa sistem komunis berjaya. Apabila sudah sampai ke tahap ini kebenaran sukar hendak diperkata dan diutarakan kerana ia akan dianggap tidak benar dan akan ditentang keras. Hanya pemimpin yang gagah dan berani sahaja yang akan sanggup memperkatakan yang benar, iaitu sistem ekonomi komunis gagal dan perlu digantikan dengan sistem yang dahulu dikatakan oleh pihak komunis tidak baik. Demikian *glasnost* dan *perestroika* anjuran Gorbachev.

Iniilah satu daripada kesan kongkongan media massa oleh kerajaan. Tetapi apakah kebebasan penuh untuk media

massa akan menjamin kesejahteraan masyarakat dan negara? Di beberapa negara di mana media bebas sepenuhnya, akhbar-akhbar dan media elektronik tidak segan-segan menyalahgunakan kebebasan mereka. Media yang bebas tidak memberi kebebasan kepada pihak lain. Sasaran mereka dikejar sehingga kelubang cacing. Segala-galanya didedahkan sehingga keaiban yang dirasai oleh subjek adalah lebih daripada semua hukuman yang boleh dikenakan. Gambar-gambar lucu didedahkan dan cerita-cerita lucu disiarkan sehingga kepada kanak-kanak. Bahasa yang kotor tidak lagi disembunyikan. Keganasan dipamer sehingga mempengaruhi budaya masyarakat. Penjenayah dibayar wang yang banyak untuk cerita jenayah mereka yang menggambarkan mereka sebagai hero. Rahsia kerajaan didedah sehingga keselamatan negara terancam. Pemimpin-pemimpin dilaga-lagakan dan cerita-cerita yang tidak benar dicipta dan disiarkan.

Akibat daripada semua ini ialah masyarakat keliru dan ada yang tidak dapat menilai antara yang baik dengan yang buruk. Ada di antara mereka menjadi bingung kerana percaya kepada yang tidak benar. Nafsu dan seks menjadi tumpuan bagi setengah-setengah pihak sehingga mereka dikuasai hanya oleh keperluan memuaskan nafsu. Akhlak hancur dan institusi sosial seperti perkahwinan dan keluarga hilang kedudukan dalam masyarakat. Pendek kata, kebebasan akhbar yang ekstrim membawa kesan yang tidak banyak berbeza daripada kongkongan oleh kerajaan.

Apa yang digambarkan di sini ialah kes-kes yang ekstrim, kongkongan media yang menyeluruh dan kebebasan yang tidak terhad. Jika diakui bahawa kedua-dua contoh ekstrim ini adalah tidak baik dan mempunyai kesan yang buruk kepada masyarakat dan negara, soal yang timbul ialah apakah had sekatan kebebasan dan kongkongan ke atas media massa yang baik untuk masyarakat? Soal ini perlu dijawab melainkan kita mempunyai falsafah kebebasan semata-mata

untuk kebebasan dan bukannya kebebasan untuk kebaikan.

Malaysia adalah sebuah negara membangun yang demokratik. Lebih daripada itu Malaysia mempunyai penduduk berbilang kaum dan agama yang sukar diintegrasikan. Jika Malaysia ingin maju maka peranan semua pihak mestilah disesuaikan dengan dasar-dasar dan usaha-usaha membangunkan negara.

Tidak sesiapa pun boleh menafikan peranan penting yang boleh dimainkan oleh media massa dalam pembangunan Malaysia. Jika diakui bahawa kebebasan akhbar menjadi sebahagian daripada demokrasi, tetapi kebebasan secara *absolute* membawa keburukan, kita perlu menentukan apakah yang patut mempengaruhi kerajaan, wartawan dan masyarakat mengenai peranan media massa dalam negara kita ini.

Saya rasa tidak ada sesiapa pun dalam negara ini yang dengan sengaja mahu menghalang pembangunan dan kemajuan. Masalahnya ialah kadang-kadang terdapat konflik antara kepentingan negara dan kepentingan kumpulan serta kepentingan individu. Oleh kerana ini, kita kadang-kadang tidak jelas tentang pendirian yang perlu diambil oleh masing-masing, walaupun kita percaya kita mengetahui tindakan yang mesti diambil oleh pihak lain.

Sebagai contoh ramai anggota masyarakat yang mengecam akhbar yang sengaja membesar-besarkan masalah yang kecil umpamanya tentang perkembangan politik. Tetapi di masa yang sama masyarakat lebih suka akhbar-akhbar yang *sensational* ini dan menyebabkan penjualannya lebih laris. Di masa yang sama juga pembaca memuji sikap sederhana dan berita yang tepat yang dibuat oleh akhbar-akhbar yang bertanggungjawab tetapi mereka tidak begitu berminat membacanya. Ramai juga daripada anggota masyarakat yang menyoal mengapa kerajaan tidak bertindak.

Kerajaan sekarang ini tidak bebas seperti dahulu di waktu

mana rakyat tidak begitu *sofistikated*. Sekarang rakyat tahu mengguna undang-undang dan kerajaan dengan mudah boleh disekat kerana kesilapan prosedur atau sebab-sebab lain. Lagi pula kerajaan tidak mahu dituduh tidak demokratik dan menyekat kebebasan akhbar.

Dilema kita ialah jika kita membenarkan kebebasan yang ekstrim dalam media, kesejahteraan masyarakat akan terancam dan kemajuan negara akan terganggu. Sebaliknya, jika kita mengambil tindakan untuk menyekat, kita akan dituduh sebagai tidak demokratik. Berhadapan dengan dilema ini kita hanya boleh berharap kepada perasaan tanggungjawab wartawan dan patriotisme mereka. Kawalan diri atau *self-discipline* diperlukan walaupun ini akan menjejaskan sedikit kelarisan penjualan akhbar masing-masing.

Bagi negara kita, perkara yang utama ialah kestabilan politik atau lebih tepat lagi persepsi rakyat serta orang asing terhadap kestabilan ini. Sebenarnya semenjak negara kita merdeka, selain daripada peristiwa 13 Mei 1969, keadaan politik negara adalah stabil. Sudah tentu ia lebih stabil daripada kebanyakan negara-negara membangun. Adanya usaha merebut jawatan dan kempen-kempen adalah perkara biasa dalam sesebuah demokrasi.

Tetapi kegiatan-kegiatan ini boleh mencemar gambaran stabiliti kerana tekanan laporan dan bahasa yang digunakan. Seseorang yang membuat kritikan biasa boleh menimbulkan kemarahan yang lebih oleh pihak sasaran jika pengkritik dilaporkan sebagai telah membuat 'tamparan hebat' terhadap seseorang. Kadangkala keadaan tenang boleh menjadi ribut hanya dengan bertanya kepada satu pihak dan kemudian menyampaikan jawapannya kepada pihak yang menentang untuk mendapatkan reaksi.

Pihak akhbar mencipta berbagai-bagai jenis hak di bawah kebebasan media dalam demokrasi. Sekarang ini ada yang

bercakap berkenaan dengan hak mengetahui atau *the right to know*. Dalam pengurusan sesuatu organisasi, rahsia diperlukan. Umpamanya semasa rundingan, semua pihak perlu menyembunyikan apakah yang boleh dipersetujui oleh mereka, supaya dapat konsesi yang lebih menguntungkan. Sama ada perundingan ini adalah antara syarikat atau pertubuhan atau negara, masing-masing akan cuba mendapatkan sesuatu keputusan yang lebih menguntungkan.

Media massa pula ingin mendedahkan kesemuanya secepat mungkin sebelum pun rundingan diadakan. Dengan terdedahnya pendirian terakhir mana-mana pihak, maka *flexibility* dalam rundingan akan hilang. Mungkin juga jika pihak yang satu lagi tidak bersetuju dengan pendirian sebenar pihak pertama, maka rundingan tidak akan diadakan sama sekali. Dengan itu sesuatu usaha akan gagal sebelum pun ia bermula.

Sebaliknya jika tidak berlaku pendedahan dan rundingan diadakan, mungkin juga pihak-pihak yang terlibat akan bertolak-ansur setelah mendengar hujah-hujah masing-masing dan rundingan akan terhasil. Tetapi media massa kerap kali tidak mempedulikan sesuatu usaha yang baik. Kepentingan *scoop* lebih diutamakan, kerana kebebasan dan hak mengetahui.

Di negara Malaysia kita perlu berusaha ke arah pembangunan yang pesat. Jika kita membuat kajian mengenai sebab-sebab sesetengah negara mudah maju dan sesetengah lagi tidak dapat mencapai kejayaan bahawa pencapaian sesuatu negara bergantung kepada peribadi dan sikap penduduk negara itu. Jika sesuatu bangsa itu rajin, beramah, tekun berusaha, maka lambat-laun bangsa itu akan berjaya. Sebaliknya, jika sesuatu bangsa itu malas, tidak beramah dan tidak tekun dalam menjalankan kerja, maka bangsa itu akan gagal dan mundur selama-lamanya.

Menyedari akan hakikat ini maka kita haruslah meng-

gunakan segala cara untuk membentuk peribadi yang sesuai dengan kemajuan ini. Oleh kerana media massa adalah satu alat yang penting untuk membentuk fikiran rakyat maka media massa haruslah memberi sumbangan kepada usaha-usaha menyemaikan nilai-nilai yang disebutkan tadi di kalangan penduduk-penduduk negara ini.

Kita berasa dukacita kerana kadang-kadang terdapat akhbar-akhbar yang bukan sahaja tidak memberi perhatian kepada pembinaan sifat-sifat ini tetapi menunjukkan sikap sinis terhadap usaha-usaha kerajaan. Menukar peribadi sesuatu bangsa bukanlah perkara yang mudah, terutama jika ianya adalah ke arah kebaikan. Tetapi usaha mesti dibuat juga kerana selagi kita tidak dapat memiliki nilai-nilai yang sesuai untuk kemajuan, kita tidak akan maju.

Musuh kita yang besar sekali ialah diri kita sendiri. Terdapat sikap yang negatif di kalangan kita yang menyebabkan kita selalu memandang rendah terhadap kebolehan kita dan membesar-besarkan kebolehan orang lain. Jika ada sahaja sesuatu usaha, kita terus meramalkan ianya tetap tidak akan berjaya. Jika akhirnya berjaya juga usaha itu, kita akan memperkecilkan kejayaan usaha itu atau mencari kesalahan tetek-bengek. Dengan ini maka sukar bagi rakyat Malaysia mempunyai keyakinan terhadap apa juga yang diusahakan.

Mengikut aliran baru apa yang dipanggil sebagai *investigative reporting*, sesuatu yang dicipta di Barat, segala usaha dijalankan bagi mencari yang salah untuk didedahkan. Memang benar ada kalanya kita perlu mendedahkan sesuatu supaya pembetulan boleh dibuat. Tetapi yang baik dan betul pun perlu didedahkan supaya kita tidak mempunyai *inferiority complex*.

Dalam usaha membangunkan sesebuah negara, kerajaan yang kuat amat diperlukan. Bagi negara yang maju sekali-pun, jika kerajaannya lemah maka kemajuan sukar dicapai.

Ini adalah kerana kerajaan bukan sahaja dikehendaki mentadbir tetapi juga dikehendaki menolong pihak swasta dalam kegiatan ekonomi. Dalam hal ini jika pihak swasta dikehendaki meningkatkan perniagaan dan perusahaan, melabur dan mengeksport, kerajaan mesti memberi kerjasama dan bantuan.

Sebagai contoh sekarang ini kita ingin menarik lebih ramai pelancong ke negara kita. Industri pelancongan bukan sahaja membawa aliran mata wang asing ke dalam negeri tetapi juga dengan pertumbuhan industri perhotelan dan industri-industri sampingan, peluang-peluang pekerjaan akan bertambah. Rakyat yang ramai menganggur akan mendapat peluang-peluang pekerjaan.

Kerajaan dikehendaki membelanjakan wang untuk mengadakan pegawai-pegawai dan aktiviti-aktiviti promosi dan lain-lain. Jika kerajaan lemah dan tidak tentu sama ada akan mendapat sokongan yang cukup atau tidak, usaha menolong pihak swasta akan mendapat prioriti yang rendah. Dengan itupihak swasta dan ekonomi negara akan terjejas.

Kita lihat perkara ini berlaku dalam sebuah negara maju di mana ketua kerajaan terdiri daripada satu parti dan dewan-dewan undangannya dikuasai oleh lawan. Kesannya ialah pemerintahan yang tidak berkesan dan ekonomi meleset. Rakyat pula tidak bersemangat untuk menjayakan apa-apa usaha.

Keadaan di Malaysia tidaklah seperti ini. Tetapi tumpuan yang terlalu sangat kepada politik boleh membawa kesan seperti ini. Sebagai negara membangun kesan kerajaan yang lemah lebih buruk lagi. Untuk memperbaiki keadaan ekonomi, sosial dan politik, mana-mana kerajaan mestilah berani mengambil tindakan yang tidak popular. Kerajaan yang lemah akan hanya menghabiskan masa dan tenaga untuk mencari populariti.

Semua pihak di dalam dan di luar negara sekarang mengiktiraf kejayaan Malaysia memulihkan ekonominya. Kejayaan ini dicapai kerana kerajaan mampu mengambil tindakan-tindakan yang berkesan walaupun tidak popular seperti mengurangkan perbelanjaan kerajaan, mengurangkan import, membantu eksport, membuka peluang perniagaan dengan mengurangkan syarat-syarat yang terlalu ketat dan lain-lain lagi. Tetapi usaha-usaha kerajaan ini menjadi lebih sulit kerana ada pihak-pihak yang tidak faham dan pandangan mereka kadang-kadang mendapat publisiti yang luas.

Sementara kita tidak patut disaji dengan masalah politik semata-mata dalam akhbar, pengetahuan mengenai politik perlu dipertingkatkan, terutama berkenaan dengan sistem demokrasi yang kita amalkan. Ramai yang berpendapat bahawa demokrasi akan membawa kebahagiaan kepada negara jika ia diamalkan sepenuhnya. Apa yang kurang difahami ialah demokrasi juga boleh meruntuhkan negara jika tidak diamalkan dengan bijak dan bertanggungjawab.

Di Malaysia kita bernasib baik kerana terdapat sebuah parti politik nasional yang mampu bertanding di seluruh negara. Dengan itu kemungkinan sebuah parti mendapat majoriti yang cukup untuk membentuk kerajaan memang nyata. Oleh kerana demokrasi memberi hak kepada sesiapa sahaja menubuhkan parti dan bertanding, bahkan individu juga boleh bertanding, di beberapa negara berpuluh-puluh parti politik ditubuhkan dan beribu-ribu calon bertanding. Akibatnya tidak ada satu parti pun yang memperoleh majoriti. Dalam keadaan ini kerajaan campuran terpaksa dibentuk yang tidak mempunyai dasar atau ideologi yang sama. Jika mana-mana parti menarik diri, maka akan jatuhlah kerajaan.

Demikian juga jika sistem dua parti diadakan. Apabila kedua-dua parti memenangi hampir sama bilangan kerusi, kerajaan yang ditubuhkan oleh parti yang mendapat ke-

menangan yang lebih sedikit, tidak mampu memerintah dengan tegas kerana takut jatuh.

Di setengah-setengah negara pula sistem *proportionate representation* digunakan, iaitu bilangan wakil rakyat dari sesuatu parti diasaskan kepada peratusan undi yang diperolehi. Akibatnya banyak parti bertanding dan ada kalanya tidak ada parti yang mempunyai majoriti yang cukup. Kerajaan yang didirikan terpaksa berbentuk kerajaan campuran, yang seperti biasa amat lemah.

Kepercayaan kepada sistem demokrasi memang baik tetapi tanpa pengetahuan tentang kegunaannya, demokrasi tidak dapat menjamin kesejahteraan negara. Pihak akhbar harus memainkan peranan untuk meningkatkan pengetahuan mengenai demokrasi, kekuatan dan kelemahannya. Dengan ini maka kita akan lebih selamat.

Tujuan saya membangkitkan perkara-perkara tersebut di majlis ini bukanlah kerana saya bercita-cita untuk menghapuskan kebebasan media massa atau menghapuskan demokrasi. Ada pihak yang mudah membuat tuduhan seperti ini apabila sahaja saya menyebut mengenai sesuatu. Demokrasi berjaya diamalkan di negara ini. Kebebasan akhbar wujud di negara kita. Tetapi kita harus sedar tentang berbagai-bagai kemungkinan. Dengan adanya kesedaran ini, saya percaya kita akan lebih bertanggungjawab untuk menegakkan demokrasi di Malaysia.

* Ucapan Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamad di Majlis Malam Wartawan Malaysia 1988 anjuran Institut Akhbar Malaysia di Pusat Dagangan Dunia Putra Kuala Lumpur pada hari Sabtu 19 November 1988.

15 Tanggungjawab Sosial Model Akhbar yang Terbaik*

Media mesti diberi kebebasan. Tetapi kebebasan ini hendaklah dilaksanakan dengan tanggungjawab. Mereka harus diberikan kebebasan untuk menyatakan pendapat dengan bebas, sekalipun hak untuk melakukan kesilapan. Tetapi mereka mesti berbuat demikian tanpa prasangka dan tanpa niat buruk. Sebagaimana dalam sebuah masyarakat demokratik, tiada siapa pun atau institusi mempunyai hak untuk merosakkan demokrasi, media juga tidak mempunyai hak demikian. Akhbar yang tidak bertanggungjawab adalah satu percanggahan (negation) terhadap hak rakyat dalam sebuah masyarakat yang demokratik. Jika akhbar gagal untuk memahami ini, ia patut dibuat supaya faham oleh rakyat melalui wakil mereka yang dipilih.

Pada mulanya, terdapat manusia individu, tinggal dalam keadaan terpencil yang sungguh istimewa, melakukan apa yang disukainya, berkelakuan ikut suka hati, tidak diganggu oleh sebarang peraturan, atau sebarang kod kelakuan. Pada hakikatnya, sejak awal lagi tidak wujud manusia individu

ini, yang dilahirkan bebas, tinggal tanpa diganggu dalam keadaan terpencil yang sungguh istimewa. Sejak awal zaman manusia tinggal secara berkumpulan – mulanya, keluarganya, kemudian kampung, kemudian daerah, kemudian negara – kerana ia secara naluri bersikap suka bergaul dan kerana ia suka keselamatan dan perkhidmatan dan nilai yang hanya boleh diperoleh dengan tinggal dalam satu kumpulan.

Tetapi tinggal dalam kumpulan yang sehabis asas sekalipun menimbulkan satu rentetan masalah. Jelas sekali, anggota individu tidak boleh membuat apa saja yang boleh menyebabkan kesusahan atau ketidakselesaan kepada anggota individu lain. Oleh yang demikian suatu kod terpaksa dimajukan dan dipaksakan dengan persetujuan bersama. Sebarang kod, sebarang peraturan, sebarang undang-undang sudah semestinya menghalang kebebasan individu dalam sesuatu kumpulan atau masyarakat. Lebih maju masyarakat itu, lebih rasmlah atau lebih kompleks kodnya. Oleh yang demikian, adat, tradisi, undang-undang, peraturan, falsafah diinstitusikan dalam setiap masyarakat manusia.

Tetapi timbul masalah penguatkuasaan. Sekalipun terdapat persetujuan secara musyawarah pada umumnya mengenai kod kelakuan, tidak dapat dielakkan terdapat mereka yang melanggar kod ini. Jelas sekali jika jumlah yang melanggar kod ini meluas, kestabilan dan integriti masyarakat dan kedudukan anggota lain dalam masyarakat akan terancam.

Timbul keperluan sesuatu kuasa penguatkuasaan, dengan lain perkataan, pemberian kuasa kepada seorang individu atau kumpulan individu, untuk bertindak terhadap mereka yang melanggar kod ini. Autoriti bermakna kuasa, dan kuasa menkorupkan, sebagaimana yang akan dilihat kemudian.

Media, sebagaimana individu atau kumpulan individu, adalah pelakon di dalam suatu masyarakat manusia.

Bagaimanapun, dalam dunia moden, begitu berkuasanya media hinggalah mereka biasa dipanggil sebagai Estet Keempat. Dalam banyak negara, mereka menjadi kuasa (*force*) yang cukup berkuasa dalam masyarakat, begitu berkuasa, pada hakikatnya, raja dan presiden tunduk kepada mereka. Apakah tempat yang sepatutnya bagi media yang cukup berkuasa dalam masyarakat manusia? Bagaimana patut mereka beroperasi? Apakah hubungan yang patut wujud antara mereka dengan masyarakat yang lain dan kepada struktur kerajaan dalam masyarakat?

Apa yang dianggap sah, betul (*proper*) dan bermoral berbeza dari satu sistem ke satu sistem yang lain, negara ke negara dan tentunya, dari masa ke masa. Pengamal-pengamal media sendiri sekalipun tidak bersetuju mengenai perkara-perkara ini pada sebarang masa yang diberi. Adalah jelas bahawa dalam beberapa ratus tahun yang lalu terdapat empat falsafah asas, model atau tradisi berkaitan dengan konsep akhbar, peranan dan kebebasan. Yang pertama bolehlah dipanggil model autoritarian, yang kedua model komunis, ketiga model *libertarian* dan yang keempat model tanggungjawab sosial.

Setiap tradisi mempunyai set andaian dan hujah tertentu mengenai manusia, dan cara media patut berfungsi di dalam masyarakat. Tidak satu pun yang seluruhnya tanpa kebaikan, sekalipun model komunis. Tetapi tidak satupun tanpa kelemahan logik atau *relevance* atau kesahan sekalipun model *libertarian* hinggalah banyak sungguh negara dunia ketiga, kerana tidak dapat memecahkan belenggu neokolonialism dan psikologikal dan intelektual, kadang-kadang bercita-cita terhadapnya dengan begitu bersemangat hingga terbeliak mata.

Pandangan saya mudah saja. Pertama sekali, terpulanglah kepada setiap negara untuk memilih baginya sistem yang

sesuai untuk diterima guna atau tradisi yang betul untuk diikuti. Jika demokrasi atau komunis tidak boleh ditanam dengan jayanya melainkan tanahnya betul dan iklimnya sesuai, begitu juga model media tertentu. Gesaan dan syarahan daripada yang alim dan berkuasa tidak akan berhenti. Tetapi tiap masyarakat mesti mempunyai kekuatan kepercayaannya.

Keduanya, sistem yang betul dan berpatutan mesti bergantung kepada keadaan objektif sesebuah masyarakat, aspirasinya dan tahap pembangunannya. Ia berbeza dengan masa dan tempat. Saya tidak mempunyai penilaian yang negatif mengenai kawalan terhadap kebebasan akhbar di Britain dan Amerika Syarikat melalui pengenalan penapisan dalam masa Perang Dunia I dan II – walaupun saya percaya bahawa adalah penting untuk mengingatkan sesetengah penyokong yang kuat tetapi buta hati mengenai apa yang mereka lakukan apabila sesuatu yang perlu harus dilakukan.

Jika manusia, bagaimana baik sekalipun, akhirnya dan diturunkan ke tahap keadaannya, begitu juga media massa. Tentulah jelas kepada pereka doktrin “jelas dan wujud bahaya” (*clear and present danger*) terdapat banyak masyarakat hari ini yang di bawah tekanan kuat, yang berfungsi di bawah satu keadaan jelas dan bahaya sekarang yang tidak mempunyai pilihan tetapi melakukan apa yang patut dilakukan. Dalam banyak negara-negara ini tidak terdapat kedunguan mengenai apa yang unggul dalam keadaan yang unggul. Untuk menyaran selain daripada itu bukan saja menjadikan satu kesalahan kerana bersikap bodoh sombong.

Janganlah saya disalah faham. Saya bukanlah apologis bagi tekanan yang tidak perlu, bagi kuku besi, bagi *authoritarianism* dan bagi penyalahgunaan kuasa kerajaan. Saya seorang yang kuat percaya kepada kebebasan yang paling bebas selaras dengan kepentingan penting masyarakat. Tetapi

tidak ada kebaikan moral mengenakan secara selesa mereka yang dikenakan dengan mengambil sikap aku lebih baik dari anda.

Selepas meluahkan semua ini, dan dengan penuh kesedaran mengenai kekurangan dan bahaya, biarlah saya nyatakan bagi kebanyakan negara bagi kebanyakan masa pilihan yang cukup bermoral ialah model tanggungjawab sosial. Sebagaimana demokrasi bukanlah suatu sistem yang *perfect* bagi pemerintahan manusia, yang merupakan bentuk yang paling baik yang pernah direka manusia untuk pemerintahannya, doktrin tanggungjawab sosial, dengan seluruh ketidak *perfectnya* ialah bentuk yang terbaik yang pernah direka untuk memandu amalan kebebasan akhbar. Yang lain-lain adalah lebih buruk.

Model Authoritarian dan Komunis

Biarlah saya mulakan dengan model yang paling mudah untuk dimusnahkan. Dari segi sejarahnya model authoritarian adalah yang paling lama. Untuk beberapa kurun dalam sejauh manusia, ia dianggap sebagai sah, bermoral dan betul sepenuhnya. *Tenet* asas ialah bahawa media adalah hamba kerajaan. Noktah.

Plato tidak ada reservasi. Dalam *The Republic*, dia mencadangkan secara halus bahawa semua seniman, ahli falsafah, penyair yang melanggar peraturan ketat yang dikenakan oleh mereka yang berkuasa patut "dihantar ke sebuah bandar raya yang lain". Socrates menekankan terhadap hak individunya untuk menyimpang tetapi menghayati perlunya kepatuhan kepada autoriti untuk menguatkuasakan undang-undang. Penyelesaiannya ialah menerima hukuman. Hukuman tersebut ialah hukuman mati.

Di bawah model authoritarian, media patut menyokong dasar kerajaan supaya kerajaan dapat mencapai objektifnya.

Dalam sejarah Barat, kebanyakan media dibenarkan kekal di tangan sektor swasta. Tetapi media terpaksa dikawal. Melalui pemberian lesen atau *patent*, melalui penapisan terus oleh kerajaan, melalui pendakwaan di mahkamah, melalui kawalan bahan mentah dan melalui cukai khas atas keuntungan media. Dengan peredaran masa, cara-cara lain telah ditambah, penyertaan negara dalam pemilikan media, pemilihan editor oleh negara (pemerintah) dan termasuk juga wartawan, pelesenan pengamal media dan, sudah tentunya, siaran akhbar rasmi yang diedit teliti. Para wartawan dibayar gaji sulit. Para editor sama ada diancam untuk diambil tindakan atau digoda dengan ganjaran-ganjaran tertentu.

Tidak seperti model komunis, media biasanya tidak diperlukan mematuhi sepenuhnya kepada prinsip dan dasar kerajaan yang memerintah. Biasanya tidak ada kritikan sudah mencukupi. Ratu England, Elizabeth I membenarkan dan kadangkala menggalakkan perbincangan yang luas, selagi haknya untuk membuat keputusan terakhir dikenal pasti sepenuhnya.

Terdapat banyak persamaan antara Model Komunis dan Model Autoritarian. Yang pertama, yang paling meluas daripada sudut pandangan banyaknya penduduk yang dicapainya, dan yang kedua, sistem yang paling meluas dari segi jumlah negara yang mengamalkannya. Kedua-dua model autoritarian dan komunis percaya bahawa media massa adalah hamba negara. Kedua-duanya menekankan bahawa kebijaksanaan adalah monopoli mereka yang berkuasa.

Bagaimanapun, model komunis memerlukan media massa menjadi lebih aktif, alat positif untuk digunakan oleh kerajaan atau parti untuk mencapai matlamat sosial. Sistem komunis memerlukan lebih daripada hanya bukan halangan dan lebih kritikan dan pertolongan sekali-sekala daripada

pengamal media. Media mesti sentiasa menjadi propagandis yang aktif, *agitator* dan penganjur pendapat awam – setiap hari dalam setahun dalam setiap inci lajur. Keduanya, model komunis memerlukan monopoli negara terhadap semua bentuk komunikasi massa.

Di bawah model komunis, oleh kerana hanya terdapat satu kebenaran – kebenaran sebagaimana yang ditakrifkan oleh parti media mesti bekerja kuat membentuk pendapat untuk menjamin kesatuan persepsi dan fikiran. Wujudnya satu pandangan, “pandangan yang betul” ialah suatu keunggulan. Kandungan yang berbagai-bagai mungkin menarik dan menghibur tetapi bukanlah tugas media menjadi menarik dan menghiburkan. Pandangan yang berbagai-bagai bukan saja tidak perlu tetapi tidak bermoral. Keduanya, adalah menjadi tugas media massa menjadi alat penyampaian dan bukan maklumat semata-mata.

Berita bukanlah peristiwa yang terbaru di bawah model komunis, ia hanya satu cara untuk menganalisis proses sosial kini. Oleh kerana editor ialah seorang ahli propaganda, *agitator* dan penganjur pemikiran awam, beliau mesti memilih peristiwa semasa untuk diterbitkan, dipandu hanya oleh keperluan untuk mengilustrasi dan mengukuhkan proses sosial yang beliau cuba ajar pembacanya. Komunikasi massa adalah urusan yang serius dan tidak ada tempat untuk cerita *human interest* melainkan ia penting kepada sesuatu pengajaran tertentu.

Masalah dengan Model Autoritarian dan Komunis

Kelemahan tradisi autoritarian dan komunis adalah terlalu jelas untuk memerlukan kritikan yang panjang lebar. Pada hakikatnya negara dan kerajaannya, masyarakat dan para pemimpinnya adalah dua entiti yang berasingan. Berkhidmat

untuk masyarakat dan negara mungkin memerlukan media tidak memberi khidmat kepada mereka yang berkuasa.

Oleh kerana di negara-negara autoritarian dan komunis penyalahgunaan autoriti dan kuasa berkemungkinan paling besar, ironisnya pada asasnya di negara-negara autoritarian dan komunislah moraliti menghendaki media menjadi sebagai suatu kawalan, bahawa media berada dalam suatu bentuk berseteruan. Peranan media sebagai pengawas paling diperlukan di negara yang mengamalkan sistem komunis dan autoritarian di mana, tentunya, ia paling kurang ada toleransi.

Semua kebijaksanaan tidak datang daripada satu sumber, begitu juga kebenaran tidak dari satu minda, walaupun satu minda kolektif, yang dibentuk daripada sejumlah besar gergasi intelektual. Jika sesuatu tidak hendak diterbitkan, disiarkan melalui radio atau televisyen melainkan ia telah diluluskan oleh mereka yang di dalam authoriti, kuasa mesti menjadi penentu kebenaran.

Tak dapat tidak masyarakat akan terjejas daripada pemikiran yang satu dan kandungan yang seragam, bukan saja daripada kebosanan. Jika sesuatu masyarakat – sama ada ia keluarga, kampung, sebuah negara-bangsa atau satu kumpulan negara – hendak menjadi dinamik dan bukan menjadi lesu (*decay*), membangun dan bukan beku, mesti ada tahap minimum kepelbagaian maklumat dan perbahasan.

Model Libertarian

Jika model atau tradisi autoritarian dan komunis dianggap tidak sesuai dari segi etika dan bercanggah dengan keperluan dan pembangunan masyarakat, adakah model libertarian yang membina dari segi moral merupakan yang terbaik, dari segi teori dan juga dari segi amalan?

Model *libertarian* mengandaikan manusia sebagai makhluk yang rasional, bahawa individual ialah raja dan masyarakat

adalah di bawahnya. Hak dan pencapaian individu adalah matlamat akhir manusia, masyarakat dan negara. Teori *libertarian* menyatakan bahawa manusia ialah makhluk yang paling rasional yang mempunyai kemahuan yang tidak boleh dipuaskan bagi mendapat kebenaran; satu-satunya cara yang kebenaran boleh dicapai ialah melalui persaingan pendapat secara bebas di pasaran idea secara terbuka.

Untuk berlaku adil, ahli teori *libertarian* mengakui bahawa dalam situasi semuanya bebas (*free-for-all*), banyak maklumat yang sampai kepada orang ramai adalah palsu dan sesetengahnya memang dibuat demikian. Orang akan memberitahu dan menyebarkan pembohongan dan juga kebenaran. Bagaimanapun, terpulanglah kepada orang ramai, dan bukan negara, untuk menentukan apa yang benar dan apa yang palsu. Orang ramai, oleh kerana mereka merupakan makhluk rasional, mestilah berupaya menghazam dan membuang, dan dalam analisis akhir mencapai destinasi yang dipanggilkan kebenaran.

John Stuart Mill membuat suatu kes yang kuat bagi pernyataan pendapat yang paling bebas. Pertama sekali, beliau menghujah, jika sesuatu pendapat dilenyapkan, kita tidak akan tahu jika kita sebenarnya melenyapkan kebenaran. Keduaanya, suatu pendapat yang salah boleh mengandungi sebahagian daripada kebenaran yang perlu untuk mencari seluruh kebenaran. Ketiganya, sekalipun pandangan yang lazimnya dipegang sudah pun merupakan seluruh kebenaran, orang ramai cenderung untuk memegangnya, bukan atas alasan yang rasional, tetapi atas asas yang prejudis – melainkan ia dipaksa untuk membelanya dari diserang oleh yang tidak benar. Keempat, melainkan kebijaksanaan konvensional diserang dari semasa ke semasa, ia hilang daya dan kesannya terhadap tingkah laku dan perwatakan.

Satu keperluan asasi model *libertarian* ialah media mesti

betul-betul bebas daripada kawalan atau gangguan kerajaan. Satu lagi ialah idea bahawa adalah menjadi tugas akhbar untuk menghalang kerajaan daripada melampaui sempadannya. Menurut kata-kata bekas Presiden Amerika Syarikat Thomas Jefferson, ia mesti memberikan suatu kawalan terhadap kerajaan yang tidak boleh diberikan oleh institusi lain. Oleh yang demikian ia mestilah menjadi suatu institusi politik dan suatu pelakon politik, secara sendirinya – tetapi yang mesti menganggap kerajaan sebagai seteru, pada asasnya suatu kuasa jahat, yang akan melakukan kejahatan melainkan terdapat pengawas yang bertindak bagi pihak orang ramai. Malangnya atau sebaliknya, ahli *libertarian* tidak menyatakan siapa yang patut mengawas pengawas, selain menyebut ia mesti bukanlah kerajaan yang mengawasnya.

Pengawasan media sebagai kawalan terhadap kerajaan di luar undang-undang (*extra-legal*), seruan untuk hubungan yang berseteru terhadap authoriti boleh difahami di pihak *libertarian* di zaman *authoritarianism*. Untuk beberapa kurun liberalisme terpaksa berjuang terhadap *authoritarianism*. Kerajaan yang tertubuh ialah musuhnya yang paling ketat. Adakah ia sentiasa begitu hari ini?

Masalah dengan Model Akhbar *Libertarian*

Ada banyak yang tidak kena dengan model *libertarian*. Pertama sekali ia mesti cukup jelas bahawa manusia adalah juga suatu makhluk yang tidak rasional dan juga makhluk yang rasional. Ia mungkin nampak macam mengajar tetapi ia benar; adalah sukar untuk membezakan antara yang benar dan tidak benar bagi manusia biasa. Orang yang bijak juga biasanya secara konsisten terpedaya. Idea yang mengatakan manusia menghabiskan kebanyakan masa mereka, sebahagian besar masa mereka atau sebahagian daripada masa

mereka dalam usaha mencari kebenaran adalah tidak benar dan bodoh. Tanya diri anda sendiri berapa ramai daripada anggota masyarakat British yang cukup terdidik yang mencari kebenaran, membeli *News of the World* dan *The People on Sunday* berbanding dengan mereka yang membeli akhbar berpengedaran kecil iaitu *Sunday Times* atau *Observer*. Berapa ramai rakyat British yang dahagakan kebenaran membeli *The Sun* dan berapa ramai yang membeli *The Guardian*?

Kedua, adakah betul yang kebenaran, seluruhnya kebenaran dan tiada yang lain melainkan kebenaran, sentiasa diberitahu, pada setiap masa? Setiap masyarakat yang diketahui oleh manusia dalam setiap era manusia telah membezakan antara penipuan dan penipuan 'sunat'. Sejarah penuh dengan contoh di mana adalah wajar untuk tidak memberitahu kebenaran, seluruhnya benar dan tidak apa-apa melainkan yang benar.

Ketiga, model *libertarian* dalam menganjurkan dengan tegasnya peranan seteru mungkin wajar dalam kes sesuatu kerajaan autoritarian atau komunis atau kerajaan yang jahat. Adakah sebegitu penting dalam kes sesuatu kerajaan demokrasi, sebuah kerajaan *libertarian*, sebuah kerajaan yang baik? Andaian asas bahawa kerajaan mesti sentiasa korup dan jahat juga tidak masuk akal dan bodoh.

Keempat, jika dianggap bahawa kuasa berkecenderungan untuk mengkorupkan dan kuasa mutlak berkecenderungan untuk mengkorupkan secara mutlak. Dengan formula sihir apa yang media sendiri, dengan kuasa yang sungguh besar, dikecualikan daripada kecenderungan itu? Adakah kuasa satu-satunya sebab untuk melakukan korupsi. Kebebasan juga boleh mengkorup dan kebebasan mutlak boleh mengkorupkan secara mutlak.

Kelima, andaian *libertarian* mengenai pasar bebas idea di mana terdapat pelbagai suara, di mana setiap individu

mempunyai peluang untuk menyuarakan pendapatnya, boleh wujud hanya pada teori saja. Dari segi amalannya, katakan di Barat, sejak bila terdapat suara yang pelbagai yang semuanya menyatakan perkara yang sama mengenai orang Arab. Gambaran herotan kebenaran satu arah tidaklah begitu elok.

Tidak ada suatu tempoh pun dalam sejarah dan tidak ada di negara mana keunggulan ini dilaksanakan. Sesetengah orang mempunyai keupayaan yang lebih untuk menyatakan pandangan mereka berbanding yang lain. Berapa banyak akhbar telah memberi ruang kepada pandangan orang bodoh dan lemah fikiran? Berapa ramai komunis atau kapitalis yang *exploitative* menjadi staf akhbar utama dunia? Secara bandingan berapa ramai anggota awam yang mempunyai celusan (*access*) kepada komunikasi massa? Pada hakikatnya presiden dan perdana menteri sekalipun dinafikan hak mereka untuk membela diri mereka dengan sindiran (*insinuation*) oleh penerbitan berpengedaran besar.

Soalan yang perlu ditanya ialah: adakah kebebasan akhbar biasanya tidak lebih daripada hak manusia, editor, beberapa orang, para penyunting dan wartawan, untuk menyatakan pandangan dan prejudisnya? Sejak bila editor sebuah majalah mingguan *mid-western* (di Amerika Syarikat) mempunyai suara yang sama dengan seorang editor Amerika yang mengendalikan sebuah majalah nasional. Berapa banyak bandar raya di Amerika boleh berbangga ia mempunyai lebih daripada sebuah akhbar?

Penumpuan media sekalipun di Amerika Syarikat, tempat berlabuh model libertarian, telah menumpukan kuasa di tangan beberapa orang yang terpilih. Adalah jelas ahli teori *libertarian* tidak pernah menghadapi secara berhadapan masalah kekayaan kewangan dan sokongan ekonomi media massa dan hakikat majoriti senyap. Bagi mereka yang suaranya tidak mungkin akan didengar, kebebasan akhbar tidak

wujud. Mereka dinafikan hak bersuara yang sama sebagaimana yang dinafikan oleh akhbar yang dikawal kerajaan.

Keenam, model *libertarian* diasaskan kepada andaian keanak-anakan bahawa media pada amnya, jika tidak sentiasa, akan mematuhi amalan beretika dan ingin mencapai kebaikan awam. William Peter Hamilton, yang pernah menjadi penerbit akhbar *Wall Street Journal* yang berkuasa, pernah berkata, "Sebuah surat khabar adalah sebuah *enterprise* swasta yang tidak berhutang apa-apa kepada pihak awam, yang tidak memberinya *francais*. Oleh yang demikian ia tidak terjejas dengan minat awam. Ia adalah milik tuan punyanya, yang menjual suatu hasil keluaran atas risikonya sendiri."

Tidak ramai penerbit yang terhormat hari ini akan menyatakannya secara terbuka atau bermaksudkan sedemikian. Tetapi terdapat ramai pemilik dan pengamal media yang tanggungjawabnya kepada kebaikan awam adalah, paling kurangnya, agak terhad. Bagaimana lagi boleh kita jelaskan industri filem *libertarian* di Barat? Berapa banyak filem yang menyumbang kepada kebaikan sosial yang dibuat di Barat hari ini berbanding dengan jumlah yang menumpukan kepada filem lucah dan ganas?

Berapa banyak akhbar dan stesen TV yang mencari kebenaran akan mencetak atau menyiarkan di udara serpihan maklumat dengan pengetahuan bahawa mereka tidak mempunyai fakta, lebih teruknya semua faktanya, sekadar untuk mengalahkan pesaing mereka? Dan untuk apa? Untuk kebaikan individu, manusia dan masyarakat?

Akhbar bukanlah sebuah institusi yang diwujudkan di syurga, yang mempunyai fadilat semula jadi. Ia bukanlah suatu kerajaan unik yang berfadilat. Ia dibentuk dan dijalankan oleh manusia, seperti juga orang lain, bukan saja oleh keunggulan yang tinggi, tetapi juga keperluan dan perasaan yang rendah.

Keupayaan wartawan untuk mempengaruhi perjalanan peristiwa adalah terlalu besar berbanding dengan haknya sebagai seorang warganegara sebuah masyarakat demokratik. Dia bukan dipilih khas kerana kelebihan moral ataupun dipilih ke jawatannya. Akhbar yang bebas adalah sama cenderung kepada korupsi sebagaimana juga dengan institusi lain dalam demokrasi. Oleh yang demikian adakah ia satu-satunya institusi dalam sebuah demokrasi yang tidak harus dikawal sepenuhnya?

Banyak lagi yang boleh diperkatakan. Tetapi biar saya tamatkan dengan menyebut satu kelemahan asas yang terakhir mengenai model *libertarian*: andainya mengenai kestabilan masyarakat. Bagi suatu masyarakat yang imbangannya menggerunkan seperti di hujung pisau cukur atau perkataan salah atau malah suatu perkara betul sekali-pun boleh membawa kepada porak-peranda, adalah menjadi suatu ketidakbertanggungjawab jenayah untuk membenarkan satu perkataan itu dituturkan. Tidakkah mengejutkan di Amerika Syarikat sendiri doktrin "jelas dan wujud bahaya" (*clear and present danger*) dirumuskan.

Sebagai perbandingan hanya beberapa buah negara di dunia hari ini yang merupakan negara yang cukup stabil di mana kebebasan sepenuhnya boleh diberikan. Sekalipun dalam negara yang cukup stabil seperti itu lesen kebebasan sedemikian tidak dibenarkan. Tidak ada, dan tidak pernah ada, apa yang dikatakan kebebasan mutlak. Pada pendapat saya, tidak kira keadaan atau masa, model yang terbaik ialah model tanggungjawab sosial.

Model Tanggungjawab Sosial Akhbar

Keperluan asasnya adalah mudah. Individu mempunyai hak. Begitu juga masyarakat. Pihak autoritarian dan komunis akan menyatakan dengan bongkak bahawa hak masyarakat

patut mendahului hak individu, dan *libertarian* pula mengambil pandangan yang sama tegas bahawa hak individu mesti mengatasi hak masyarakat. Saya percaya ia adalah soal mengimbangi dua hak dari segi kualiti dan kuantiti.

Siapakah yang akan memutuskan tentang imbalan antara dua hak itu? Dalam sesebuah negara yang menganuti kerajaan demokrasi yang dipilih rakyat, ia adalah menjadi tugas kerajaan yang dipilih oleh rakyat.

Dibawah sistem tanggungjawab sosial, media mempunyai peranan penting untuk dimainkan dan mesti dibenarkan ruang yang besar untuk memainkan peranan ini, termasuk untuk mengkritik autoriti. Sebagaimana yang saya tulis dalam bulan Julai 1981:

Pada amnya, peranan akhbar dalam menentukan amalan demokrasi yang baik, dan dengan demikian mengekalkan (*sustain*) demokrasi itu sendiri, bukan saja betul tetapi juga benar-benar *indispensable*. Sebenarnya ia adalah satu cara komunikasi antara sebuah kerajaan demokrasi dan rakyatnya. Melalui ini, bukan saja orang akan sentiasa dimaklumi semua perkara apa yang kerajaan dan para pemimpinnya sedang lakukan, tetapi para pemimpin juga akan mengetahui mengenai sikap, keperluan dan masalah rakyat. Sebuah kerajaan demokrasi yang bertanggungjawab mesti menganggap akhbar bebas sebagai suatu aset yang memudahkan (*facilitate*) sebuah kerajaan yang baik.

Tidak ada pilihan lain mengenainya. Media mesti diberi kebebasan. Tetapi kebebasan ini hendaklah dilaksanakan dengan tanggungjawab. Mereka harus diberikan kebebasan untuk menyatakan pendapat dengan bebas, sekalipun hak untuk melakukan kesilapan. Tetapi mereka mesti berbuat demikian tanpa prasangka dan tanpa niat buruk. Sebagai-

mana dalam sebuah masyarakat demokratik, tiada siapa pun atau institusi mempunyai hak untuk merosakkan demokrasi, media juga tidak mempunyai hak demikian. Akhbar yang tidak bertanggungjawab adalah satu percanggahan (*negation*) terhadap hak rakyat dalam sebuah masyarakat yang demokratik. Jika akhbar gagal untuk memahami ini, ia patut dibuat supaya faham oleh rakyat melalui wakil mereka yang dipilih.

Selagi akhbar menyedari dirinya sebagai suatu potensi ancaman kepada demokrasi dan menghadkan secara baik perlaksanaan haknya itu, ia patut dibenarkan untuk berfungsi tanpa gangguan kerajaan. Tetapi apabila akhbar dengan jelas menyalahgunakan haknya itu, kerajaan demokrasi bertanggungjawab membetulkannya.

Dalam mewakili pandangan terpilih yang tidak dapat dielakkan daripada berbagai-bagai kumpulan orang dan dalam menekankan pandangan mereka sendiri dalam usaha mencapai tanggapan mereka tentang kebaikan awam, pada masa-masa mereka terlibat dalam memperjuangkan kebaikan awam, media mesti bertindak dengan rendah diri sebagaimana yang mereka minta daripada mereka yang berkuasa.

Sebagaimana mereka betul apabila mengatakan bahawa kerajaan tidak mempunyai monopoli terhadap *constructiveness* dan kebijaksanaan, media mesti menghayati bahawa mereka juga tidak mempunyai monopoli terhadap *constructiveness* dan kebijaksanaan. Sebagaimana kakitangan awam mesti bersedia menerima kritikan, begitu juga media mesti bersedia menerima kritikan. Sebagaimana kerajaan tidak mengatasi undang-undang media juga tidak mengatasi undang-undang. Tidaklah kena jika kakitangan awam tertakluk kepada undang-undang mengenai rahsia negara tetapi atas nama kebebasan orang lain tidak.

Sebagaimana media tidak diperlakukan lebih rendah

daripada eksekutif, *legislature* dan kehakiman, secara yang sama, eksekutif, *legislature* dan kehakiman tidak diperlakukan lebih rendah daripada media. Sebagaimana kerajaan tidak boleh dibenarkan mempunyai kebebasan membuat sesuka hatinya dalam masyarakat, begitu juga media tidak boleh dibenarkan membuat apa saja yang disukainya dalam masyarakat.

Media mesti dibenarkan untuk bersaing dalam pasaran ekonomi dan memupuk hubungan baik dengan pelanggan sasaran mereka, tetapi mereka mesti berbuat demikian dalam lingkungan yang bermaruah dan tanggungjawab. Bercanggah dengan apa yang difikirkan di banyak institusi kewartawanan yang terbaik sekalipun, *deadline* sesebuah berita bukanlah keramat. Kebaikan awam adalah keramat. Pada pandangan saya, dan saya nyatakan ini tanpa sebarang *reservation* atau permohonan maaf, kebaikan awam adalah sentiasa keramat.

Manusia menyertai manusia lain dalam satu kumpulan untuk tujuannya sendiri, untuk memenuhi keperluannya sendiri. Beliau memperoleh keselamatan dari segi jumlah tetapi beliau hilang sebahagian daripada kebebasan individunya. Beliau bersedia melakukan ini apabila dalam kedudukan yang primitif, beliau diancam dengan berbagai-bagai bahaya. Tetapi manusia moden tidak mempunyai pengalaman mengenai bahaya pengasingan individu. Oleh yang demikian, beliau cenderung untuk melihat sekatan terhadap kebebasan individunya sebagai satu gangguan dan beliau memberontak terhadapnya. Beliau telah lupa bahawa terdapat harga yang perlu dibayar untuk mendapat semua perkara yang masyarakat memperuntukkan kepadanya. Kekurangan faham dan menghayati had kebebasan individu dalam masyarakat yang menyebabkan ketidakstabilan masyarakat manusia di banyak tempat di dunia ini.

Terdapat keperluan untuk mendidik mengenai struktur dan tanggungjawab (*obligation*) masyarakat, terutama sekarang, apabila pertumbuhan masyarakat manusia begitu cepat dan kompleks. Media perlu mendidik dan mereka sendiri dididik dengan masyarakat lain, khususnya kerana sebaran mereka luas dan kuasa mereka begitu besar.

- * Terjemahan ucapan Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad ketika merasmikan *World Press Convention* pada 1 September 1989 di Kuala Lumpur.

16 Perseteruan (*Adversary*) Bukan Ukuran Kredibiliti Akhbar*

*Pendapat semasa mentafsirkan kebebasan akhbar adalah kebebasan daripada cengkaman kerajaan, kebebasan juga harus bermakna kebebasan daripada kongkongan pihak yang lain, yang juga mampu memperalatkan akhbar untuk kepentingan mereka. Justeru itu sikap *adversary* terhadap kerajaan tidak sepatutnya menjadi ukuran kredibiliti sesebuah akhbar.*

Media massa bukan sahaja berperanan memberi maklumat tetapi juga bertanggungjawab terhadap kesejahteraan dan pembangunan masyarakat, terutama dalam sebuah negara yang membangun seperti Malaysia. Dalam hubungan ini, di negara kita pihak akhbar dan kerajaan mempunyai objektif yang boleh dikatakan sama. Malangnya, ada pendapat yang mengatakan bahawa kredibiliti sesebuah akhbar bergantung kepada sikap *adversary* terhadap kerajaan. Sementara pendapat semasa mentafsirkan kebebasan akhbar adalah kebebasan daripada cengkaman kerajaan, kebebasan juga harus bermakna

kebebasan daripada kongkongan pihak yang lain, yang juga mampu memperalatkan akhbar untuk kepentingan mereka. Justeru itu sikap *adversary* terhadap kerajaan tidak sepatutnya menjadi ukuran kredibiliti sesebuah akhbar.

Ini tidaklah bererti yang pihak akhbar tidak boleh mengkritik dan menegur kerajaan. Di dalam negara yang mengamalkan sistem demokrasi seperti Malaysia, kritikan dan teguran terhadap kerajaan amatlah penting untuk menentukan penyalahgunaan kuasa tidak mudah berlaku dan segala dasar dan tindakan kerajaan membawa kebaikan kepada rakyat dan negara. Tetapi menidakkan yang baik hanya kerana kononnya ingin mempertahankan kebebasan dan kredibiliti dan mungkin kerana kepentingan komersil, sebenarnya mencabul hak dan kebebasan yang diberikan kepada akhbar.

Pembaharuan-pembaharuan dalam hampir semua bidang. Di antaranya ialah pembaharuan dalam bidang teknologi maklumat. Kita sekarang ini dibanjiri dengan laporan-laporan dan maklumat-maklumat daripada dalam dan luar negeri. Dengan itu tanggungjawab akhbar bukan lagi hanya menyampaikan laporan dan maklumat tetapi juga perlu memilih di antara bahan-bahan berita yang banyak itu. Apabila akhbar memilih, secara tidak langsung akhbar menjadi *editor* atau penapis. Seperti mana juga pihak akhbar tidak suka kepada tapisan rasmi, begitu juga akan ada pihak lain yang tidak suka akan tapisan yang dibuat oleh akhbar.

Sebagai contoh perkembangan yang berlaku di negara antarabangsa, seperti pergolakan politik di negara-negara Eropah Timur, sudah tentu menambahkan lagi perasaan ingin tahu di kalangan masyarakat. Boleh dikatakan hampir setiap hari akhbar-akhbar kita menyiarkan berita-berita mengenai pergolakan politik, ekonomi dan sosial antarabangsa. Juga disiarkan ialah rencana-rencana atau *features* mengenai

berbagai-bagai tema. Akan tetapi kebanyakan bahan-bahan ini diperoleh daripada agensi-agensi berita antarabangsa atau akhbar-akhbar Barat. Hanya kadang kala sahaja rencana-rencana ditulis oleh wartawan-wartawan daripada negara-negara membangun. Bagi akhbar-akhbar di Malaysia, mereka tidak mempunyai ramai wartawan yang bertugas di luar negeri.

Dengan ini berita-berita dan rencana-rencana yang kita baca adalah melalui kaca mata dan pandangan orang asing yang mempunyai nilai-nilai dan pendekatan-pendekatan yang tidak semestinya sama dengan kita. Dengan disogok oleh berita-berita daripada punca-punca asing, maka ada kemungkinan lama-kelamaan nilai, sikap dan pendirian kita akan terjejas. Secara tidak langsung, sedikit sebanyak kita mengikut pemikiran cara Barat yang sudah tentu mengutamakan kepentingan mereka. Sementara kita berjaya menghapuskan penjajahan fizikal dengan kemerdekaan yang kita capai, tetapi kerana penguasaan media oleh Barat, pemikiran kita masih dijajah. Memang benar, adalah sukar bagi media massa kita untuk mendapatkan maklumat-maklumat ini sendiri. Tetapi masanya sudah tiba bagi kita menempatkan wartawan-wartawan kita sendiri di beberapa buah negara. Untuk mencapai tujuan ini, mungkin akhbar-akhbar di Malaysia dapat mengadakan satu bentuk kerjasama.

Saya sedar dan faham bahawa oleh kerana *constraint* kewangan dan kakitangan, dan daripada aspek *practicality*, akhbar-akhbar tempatan, seperti juga kebanyakan akhbar-akhbar di seluruh dunia, akan terus bergantung kepada agensi-agensi berita antarabangsa untuk berita-berita mereka. Saya juga ingin menegaskan bukanlah maksud saya bahawa bahan-bahan berita asing tidak boleh digunakan sama sekali. Hanya yang saya harap ialah lebih ramai lagi wartawan Malaysia

dapat menulis mengenai isu-isu antarabangsa dengan cara yang tidak orthodox dan berlainan daripada kaca mata barat tetapi masih mempunyai logik dan pemikiran yang bernas dan tersendiri.

Saya percaya tugas seseorang pengarang dan wartawan di dalam sebuah masyarakat majmuk bukanlah mudah, terutama sekali sekiranya ia berhadapan dengan isu-isu kaum dan agama. Perkara-perkara seumpama ini, boleh menyinggung perasaan dan sensitiviti. Ini lebih-lebih lagi sekiranya sesuatu isu itu sengaja dibesar-besarkan. Ini tidaklah bermakna yang pihak akhbar tidak boleh langsung melaporkan hal-hal yang melibatkan ras dan agama. Akan tetapi setiap wartawan perlulah bersikap jujur dan adil sekiranya membuat laporan mengenai perkara-perkara ini. Para wartawan perlu menimbangkan sama ada penerbitan sesuatu bahan berita itu akan memberi manfaat kepada masyarakat ataupun sebaliknya.

Kejadian yang kecil di satu tempat dalam satu konteks tidak menjadi kontroversial dan sensitif jika dihadkan kepada tempat itu sahaja. Tetapi akhbar adalah penyebar berita sehingga ke seluruh negara. Apabila sesuatu yang kecil disebar luas, ia menjadi besar. Untuk menjadikan peristiwa kecil itu lebih *sensational*, ia diwarnakan pula dengan kata-kata dan susunan ayat dan kadang-kadang diputar dan dibelitkan. Dengan itu sesuatu yang pada mulanya masalah kecil menjadi isu besar.

Hak mengetahui atau *the right to know* dicipta dan dipuja oleh orang yang berkepentingan, orang yang mahu menjadikan tugas mereka begitu *essential*. Tetapi hakikatnya ialah banyak yang berlaku dalam dunia ini yang kita tidak mungkin mengetahuinya. Sayugia diingatkan bahawa kita tidak akan mati kalau kita tidak mengetahui sesuatu hal itu. Justeru itu janganlah terlalu fanatik tentang soal *the right to know* ini. Ada

kalanya adalah lebih baik jika sesuatu berita itu tidak disebar. Oleh kerana kita tidak mungkin menyebarkan semua berita, kita terpaksa memilih. Apa salahnya jika kita memilih berita yang membina daripada yang hanya boleh membawa keburukan walaupun kononnya berita yang buruk lebih menarik daripada berita yang baik. Kita sering mengecam peniaga yang hanya mengutamakan keuntungan dan tidak menghiraukan kepentingan masyarakat. Apakah dengan kita mengutamakan larisnya penjualan akhbar kita, kita tidak sama tamak dengan peniaga yang hanya mengutamakan keuntungan?

* Ucapan Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad di Majlis Penyampaian Hadiah Kewartawanan Malaysia anjuran Institut Akhbar Malaysia di Hotel Hilton, Petaling Jaya pada 22 Februari, 1990.

17 Akhbar Malaysia Bebas Untuk Menyokong dan Mengkritik Kerajaan*

Akhbar-akhbar di Malaysia adalah bebas. Bebas bukan bermakna hanya untuk mengkritik dan mengecam kerajaan tetapi juga bebas untuk menyokong kerajaan. Ada pendapat mengatakan bahawa jika akhbar menyokong kerajaan, itu adalah tanda bahawa akhbar itu tidak bebas. Sebaliknya jika akhbar itu menentang kerajaan, ia dianggap sebagai bebas walaupun ia menentang kerana takut kepada pihak-pihak tertentu di luar kerajaan, atau takut ia tidak popular dan akhbarnya tidak laris dijual. Sebenarnya akhbar seperti ini juga tidak bebas.

Kita bersyukur kerana negara kita aman dan stabil. Ini telah membolehkan kita menumpukan perhatian serta usaha untuk membangunkan negara supaya taraf hidup rakyat terus meningkat. Kita berbangga dengan tahap pembangunan serta pertumbuhan ekonomi di negara kita semenjak kita mencapai kemerdekaan hampir 33 tahun yang lalu. Tidak siapa boleh menafikan bahawa berbanding dengan zaman

penjajah, kemajuan yang dicapai oleh Malaysia semenjak merdeka amatlah pesat. Sebaliknya banyak negara yang tidak berupaya membangun, bahkan menjadi lebih mundur selepas mencapai kemerdekaan.

Kita bernasib baik kerana kita tidak dikongkong oleh ideologi tertentu apabila kita mencapai kemerdekaan. Sebaliknya kita adalah pragmatis dan sanggup membuat apa yang baik untuk menjayakan negara kita. Kita telah mengamalkan sistem ekonomi pasaran atau *market economy* kerana ia membolehkan pihak swasta memainkan peranan yang berkesan dalam membangunkan ekonomi negara. Di samping itu juga, kita menggunakan perusahaan dan agensi milik negara serta *central planning* untuk menentukan kita tidak terlalu dikuasai oleh pemodal-pemodal. Tetapi apabila sampai masa yang kita yakin rakyat, terutamanya bumi-putera, sudah mampu memiliki saham dalam perusahaan-perusahaan gergasi dan agihan dapat dibuat secara adil dan saksama, maka kita swastakan perusahaan-perusahaan monopoli kerajaan. Kejayaan strategi ini adalah nyata. Hasilnya ialah kita mendapat khidmat yang lebih baik, mereka yang mendapat saham dan sanggup menyimpannya menikmati keuntungan, nilai saham meningkat dan kerajaan mendapat hasil daripada jualan dan daripada cukai yang bertambah dengan tidak payah membiayai modal dan pengurusan perusahaan-perusahaan ini.

Kita harus ingat jika Kerajaan Malaysia yang merdeka tersilap jalan dan memilih sistem sosialis, seperti yang dibuat oleh banyak negara yang mencapai kemerdekaan selepas Perang Dunia Kedua, hari ini mungkin kita di paras yang sama dengan mereka, iaitu dengan ekonomi yang merosot, rakyat yang miskin dan sistem kerajaan satu parti yang dikongkong oleh orang tertentu sahaja.

Kita bernasib baik kerana ini tidak berlaku kepada kita.

Sehinggalah Soviet Russia menolak sistem ekonomi yang dirancang dan dikontrol oleh pemerintah, masih ada pihak yang berpegang kepada ideologi komunis dan sosialis sebagai satu 'agama' yang tidak boleh dikritik. Tetapi setelah Soviet Russia menolak teori sosialis, komunisme dan sosialisme tidak menjadi 'agama' lagi. Di Malaysia, pengikut-pengikut ideologi ini sekarang menerima sistem yang kita pilih, walaupun mereka tidak sanggup mengakui bahawa kerajaan yang memilih sistem ini dari awal lagi adalah bijak. Sudah tentu mereka tidak akan menyokong kerajaan. Mereka masih cuba menegakkan benang yang basah.

Seperti saya sebutkan tadi, Malaysia mengamalkan pragmatisme. Kita memilih yang baik daripada apa juga sistem atau ideologi dan kita menolak yang tidak baik. Kita tidak mengikatkan diri kepada apa juga ideologi ataupun tafsiran ideologi. Bahaya mengikatkan diri kepada sesuatu ideologi ialah apabila sesuatu dibuat atas nama ideologi itu, maka, baik atau buruk, kita terpaksa menerimanya. Sebahagian daripada kegagalan sistem komunis atau sosialis ialah kerana bermacam-macam penyalahgunaan kuasa malahan jenayah dilakukan atas nama ideologi-ideologi tersebut. Dan jenayah seperti ini boleh juga berlaku dalam apa juga ideologi dan sistem, termasuk sistem liberal demokrasi. Keadaan anarki yang terdapat di beberapa buah negara yang demokratik adalah disebabkan pegangan kepada tafsiran tertentu mengenai demokrasi sehingga kerajaan menjadi lumpuh dan tidak terdaya untuk membendung keganasan. Apakah gunanya demokrasi jika rakyat menjadi miskin, hidup dalam ketakutan, dibunuh tanpa sebab dan lebih suka berhijrah ke negara lain. Apakah gunanya demokrasi jika ia hanya membawa keburukan dan menghindar kebaikan.

Kita di Malaysia memilih Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan. Jika dikaji, demokrasi diamalkan

dengan berbagai-bagai cara. Ada demokrasi secara Raja Berperlembagaan atau *Constitutional Monarchy*. Ada demokrasi di mana ketua negara dipilih tetapi tidak mempunyai kuasa eksekutif. Ada demokrasi yang mana ketua negara atau Presidennya menjadi ketua eksekutif. Ada juga sistem demokrasi di mana menteri-menteri dipilih oleh rakyat dan ada pula yang dipilih daripada kawan-kawan Presiden yang bukan wakil rakyat dan juga cara-cara lain. Semuanya adalah demokrasi. Malangnya pada pendapat sesetengah pihak di Malaysia, jika sesuatu itu dibuat atau diamalkan oleh Barat maka itu tetap demokratik, tetapi kalau diterokai oleh kita sendiri maka itu tidak demokratik. Mentaliti hamba atau *slavish mentality* atau *colonial mentality* ini amatlah sukar dikikiskan daripada orang seperti ini. *Inferiority complex* masih menguasai mereka. Dengan itu apa sahaja tuduhan yang dilemparkan oleh Barat terhadap kita tentang demokrasi kita, akan disambut sebagai satu kebenaran dan mesti disokong. Walaupun negara sudah merdeka, mentaliti mereka ini masih belum bebas dan merdeka.

Kita menerima prinsip-prinsip demokrasi tetapi amalannya mestilah sesuai dengan keadaan dalam negara kita di mana penduduknya terdiri daripada berbagai-bagai kaum, bahasa, agama, kebudayaan dan mereka terpisah kerana kegiatan ekonomi dan pencapaian mereka. Tahap pembangunan negara kita tidak sama dengan negara-negara maju berada di tahap kita, mereka juga tidak mengamalkan sistem dan nilai yang mereka amalkan sekarang. Jika ada perbezaan antara amalan demokrasi kita dengan demokrasi negara Barat, janganlah anggap bahawa kita tidak demokratik.

Akhbar-akhbar di Malaysia adalah bebas. Bebas bukan bermakna hanya untuk mengkritik dan mengecam kerajaan tetapi juga bebas untuk menyokong kerajaan. Ada pendapat bahawa jika akhbar menyokong kerajaan, itu adalah tanda

bahawa akhbar itu tidak bebas. Sebaliknya jika akhbar itu menentang kerajaan, ia dianggap sebagai bebas walaupun ia menentang kerana takut kepada pihak-pihak tertentu di luar kerajaan, atau takut ia tidak popular dan akhbarnya tidak laris dijual. Sebenarnya akhbar seperti ini juga tidak bebas.

Di negara-negara demokratik di Barat, terdapat akhbar-akhbar yang prokerajaan dan akhbar-akhbar yang anti-kerajaan atau seperti di *United Kingdom pro-Labour* dan *pro-Conservative*. Apabila parti *Conservative* menjadi Kerajaan di *United Kingdom*, walaupun terdapat akhbar-akhbar yang *pro-Conservative*, tetapi tidak ada tuduhan bahawa tidak ada kebebasan akhbar atau tidak ada *press freedom* di *United Kingdom*. Demikian juga jika Parti Buruh berkuasa, walaupun ada akhbar-akhbar yang pro-Buruh, tidak akan ada tuduhan yang media di Britain dikuasai oleh kerajaan. Tetapi oleh kerana ada tiga atau empat akhbar di Malaysia yang tidak mengecam kerajaan secara melulu, maka kerajaan Malaysia dituduh tidak mendukung kebebasan akhbar atau *press freedom*.

Disamping itu, di Malaysia terdapat banyak akhbar yang anti kerajaan. Berita-berita yang dibuat oleh akhbar-akhbar yang antikerajaan ini amatlah buruk dan merupakan sindiran. Akhbar-akhbar ini juga melaporkan pembbohongan-pembbohongan secara lantang. Tetapi akhbar-akhbar ini masih kekal. Adanya akhbar-akhbar seperti ini di Malaysia pun tidak menghalang orang tertentu menuduh bahawa akhbar-akhbar di Malaysia tidak bebas. Pendek kata, jika negara Barat apa pun mereka buat adalah tidak salah. Tetapi, jika Malaysia dan negara-negara membangun yang lain buat perkara yang sama, mereka adalah salah.

Pemberita-pemberita dan pihak-pihak asing cuma membaca beberapa akhbar Inggeris yang menyokong kerajaan

dan mendakwa bahawa tidak ada kebebasan akhbar di Malaysia. Pihak-pihak tertentu di Malaysia pun menyahut "benar, memang tidak ada kebebasan akhbar di Malaysia". Sekali lagi *colonial mentality* jelas kelihatan. Mereka cuma menjadi *echo*, atau menjadi burung tiung yang pandai ber-kata-kata tetapi tidak mampu melahirkan fikiran sendiri. Mereka ini sanggup menerima apa sahaja yang diperkata-kan oleh orang asing. Dan apabila orang asing ini menafikan sesuatu, mereka pun juga turut sama menafikannya. Tidak-kah mereka ini mempunyai maruah?

Demikianlah terkongkongnya fikiran mereka ini sehingga apabila pihak asing mengesyorkan supaya GSP kita ditarik balik, mereka turut mendesak bersama. Penjajahan mental adalah lebih berkesan daripada penjajahan fizikal.

Hakikat yang sebenarnya ialah kebebasan akhbar tidak wujud di mana-mana, baik di negara liberal demokrat atau di negara diktator. Di negara liberal demokrat, berita dan rencana dalam media massa dikuasai oleh orang tertentu yang berkuasa dalam media berkenaan. Mungkin orang ini ialah tuan punya, atau pengarang atau syarikat-syarikat yang membeli ruang iklan. Yang penting ialah mereka boleh menapis atau *censor* kebenaran dan membuat laporan yang mereka suka.

Mereka ini mempunyai kepentingan tertentu termasuklah kepentingan politik. Sebelum Perdana Menteri Thailand membuat lawatan ke Amerika Syarikat, satu laporan yang amat memburukkan Thailand telah ditayangkan oleh sebuah stesen TV yang terbesar di Amerika. Memang ada perkara-perkara yang buruk yang berlaku di Thailand. Di Amerika Syarikat juga banyak perkara yang buruk berlaku. Tetapi tentulah bukan secara kebetulan yang gambar itu ditayangkan sebelum lawatan Perdana Menteri Thailand. Tujuan menayangkan filem itu ialah untuk melemahkan Perdana

Menteri Thailand dalam apa juga rundingannya dengan Amerika Syarikat.

Demikian juga tiap kali saya berada di New York untuk berucap di *United Nations*, cerita-cerita yang buruk berkenaan dengan Malaysia disiarkan oleh *The Wall Street Journal* dan *The Asian Wall Street Journal*. Sebaliknya tidak sepele pun daripada ucapan saya dilaporkan dalam akhbar *The Wall Street Journal* atau mana-mana akhbar besar Amerika Syarikat. Mungkin-kah apa yang saya perkatikan tidak *fit to print* atau apakah pihak akhbar di New York mengenakan *censorship* terhadap saya kerana ucapan saya mendedahkan kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh negara-negara maju dan penindasan mereka terhadap negara-negara membangun? Sebagai bandingan, jika pembesar dari negara mereka datang ke Malaysia segala apa yang mereka perkatikan disiarkan dengan panjang lebar oleh akhbar-akhbar di Malaysia. Siapakah yang mengamalkan kebebasan akhbar, mereka atau kita?

Apakah tidak ada langsung kebaikan yang berlaku di Malaysia? Apakah Malaysia begitu buruk? Apakah semua negara membangun begitu buruk?

Beberapa ketua negara dan kerajaan serta pegawai-pegawai semasa CHOGM dan G 15 telah menyatakan mereka mendapati Malaysia tidak seperti yang mereka baca dalam laporan-laporan agensi-agensi berita Barat. Mereka dapati Malaysia maju, aman dan canggih atau *sophisticated*. Jika mereka diberi laporan yang salah mengenai negara kita, tidakkah mungkin berita-berita yang kita baca mengenai negara mereka juga salah?

Salahkah jikalau kita membuat tuduhan bahawa akhbar-akhbar di negara-negara liberal demokrat juga tidak bebas untuk melapor yang benar atau *the truth*? Mereka dikuasai oleh orang yang berkepentingan yang tidak membenarkan kebenaran dilaporkan. Jika akhbar-akhbar mereka tidak bebas,

mengapakah mereka bercakap berkenaan dengan *freedom of the press*? Mengapakah mereka membuat tuduhan terhadap orang lain? Mengapakah terdapat di negara kita orang yang asyik menuduh negara sendiri tetapi membisu seribu bahasa apabila perkara yang sama atau yang lebih buruk dilakukan oleh negara liberal demokrat?

Ahli-ahli NUJ adalah bebas. Sudah tentu bukan semua yang hadir malam ini menyokong kerajaan. Ramai juga yang antikerajaan dan akan terus antikerajaan. Kerajaan menerima hakikat ini. Tetapi sebagai NUJ, saudara saudari harus mempunyai sekurang-kurangnya perasaan patriotisme terhadap negara kita Malaysia. Janganlah kerana tidak suka kepada kerajaan maka kita sanggup memburuk-burukkan negara dan bangsa kita sendiri serta menjadi alat kepada akhbar-akhbar asing. Janganlah kita sanggup membuat laporan-laporan yang tidak berasas hanya kerana akhbar-akhbar asing tidak suka apa-apa yang positif yang terdapat di negara-negara di mana mereka tidak lagi menjadi tuan. Janganlah kita sanggup menjual maruah bangsa kerana wang ringgit.

Berpeganglah kepada kebenaran. Sekali lagi secara ikhlas tanyalah kepada diri sendiri, berapa banyakkah negara membangun yang berjaya seperti Malaysia? Apakah tidak ada langsung kebaikan di negara kita ini? Secara langsung, membenarkan diri kita dipengaruhi oleh perasaan benci kepada kerajaan atau kerana wang ringgit akan meniadakan kebebasan akhbar. Akhbar yang dikongkong oleh matlamat-matlamat tertentu dan pihak-pihak tertentu sehingga tidak lagi berpegang kepada kebenaran, tidaklah bebas. Janganlah ingat kerajaan sahaja yang boleh menjejaskan kebebasan akhbar. Pemilik, pengarah, pengarang, kepentingan kewangan, dorongan populariti – semua ini boleh menjejaskan kebebasan akhbar.

Akhbar dianggap sebagai *The Fourth Estate* oleh negara-negara demokratik Barat, iaitu selepas *clergy, nobility and commons that wields political power*. Kata pepatah Inggeris, *Power corrupts and absolute power corrupts absolutely*. Jika ada sedikit sebanyak sekatan terhadap kebebasan akhbar, umpamanya berkenaan dengan hasutan ke arah *violence* atau sekatan-sekatan terhadap laporan-laporan lucah, sebabnya ialah kerana sesiapa juga tidak boleh diberikan *power* yang *absolute* untuk mengelak daripada *corruption* yang *absolute*. Hanya kerana *constraint* ini tidak bermakna bahawa tidak ada kebebasan akhbar di Malaysia. Pemimpin-pemimpin kerajaan di negara ini tidak mempunyai kuasa yang *absolute*. Rakyat boleh menggantikan kerajaan dan mahkamah juga boleh membatalkan keputusan kerajaan. Oleh itu, akhbar-akhbar di Malaysia mestilah menerima sekatan-sekatan tertentu terhadap mereka. Ia bukanlah bertujuan menidakkan kebebasan akhbar tetapi adalah untuk menjaga kepentingan negara.

* Ucapan Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad di Majlis Makan Malam Kesatuan Kebangsaan Wartawan Malaysia (NUJ) di Hotel Hilton, Petaling Jaya Jumaat 15 Jun 1990.

18 Peranan Akhbar Cina*

Jika akhbar tidak menyukai kerajaan mem-punyai kuasa yang mutlak, jadi dengan nada yang sama akhbar janganlah menggunakan kuasa mutlak dalam membentuk pendapat awam.

Pertama sekali, saya ingin mengalu-alukan kedatangan tuan-tuan ke Malaysia, sebuah negara yang benar-benar pelbagai bangsa di mana bahasa-bahasa dan budaya setiap bangsa dikekalkan walaupun bahasa rasmi dan budayanya berasaskan pribumi. Tidak banyak negara yang didiami oleh bangsa yang berbeza dapat mengekalkan identiti bahasa dan budaya mereka.

Dalam kebanyakan negara, kewarganegaraan memerlukan identifikasi budaya dan bahasa secara total dengan rakyat *definitive* negara berkenaan. Seorang Cina Australia atau Cina Amerika atau Cina Kanada adalah lebih bersifat Australia atau Amerika atau Kanada berbanding dengan Cina Malaysia atau rakyat Malaysia keturunan Cina sebagai rakyat Malaysia. Sudah tentunya seorang Cina di Thailand, Indonesia atau Filipina lebih dikenal pasti dengan rakyat pribumi di situ

berbanding dengan seorang Cina Malaysia dengan Melayu atau penduduk pribumi lain di Malaysia.

Tetapi Malaysia adalah sebuah negara yang toleran dan pemuliharaan budaya akar rakyat tidak menyebabkan pemisahan (*schism*) yang dilihat dalam banyak negara pelbagai kaum. Kecuali satu saja pergaduhan kaum pada tahun 1969, berbagai-bagai kaum di Malaysia hidup dalam keadaan yang agak harmoni. Mungkin hipokrit untuk mengatakan bahawa hubungan kaum di Malaysia adalah unggul. Tetapi secara bandingan kita adalah lebih dapat hidup bersama dibandingkan dengan banyak masyarakat pelbagai kaum di Timur atau Selatan atau Barat. Yang pasti ialah kita tidak mempunyai pertelingkahan keganasan yang berterusan yang berlaku di setengah-setengah negara di mana penduduknya terdiri dari pelbagai kaum.

Apa yang lebih menarik perhatian ialah walaupun komposisi rakyatnya pelbagai kaum dan diandaikan berkecenderungan ke arah konflik ganas, Malaysia cukup stabil dari segi politik dan sangat maju dari segi ekonomi seluruh 33 tahun kemerdekaannya. Pada masa ini ekonominya sedang berkembang.

Satu daripada manifestasi toleransi kaum di Malaysia ialah adanya akhbar dalam bahasa pelbagai kaum yang tinggal di sini. Banyak akhbar dan majalah Cina diterbitkan di negara ini yang mempunyai ramai pembaca, kerana penduduk Cina merupakan 35% daripada penduduk negara ini (yang berjumlah 17.5 juta ketika itu).

Jumlah besar akhbar mungkin bermakna suatu dasar yang liberal terhadap akhbar. Tetapi ia juga menyebabkan persaingan yang sengit antara mereka. Persaingan dikatakan sihat dan selaras dengan sebuah negara yang menganuti ekonomi pasaran.

Tidak dapat dinafikan bahawa pena boleh mempengaruhi

pemikiran seseorang. Ia boleh mempengaruhi untuk tujuan baik dan jahat. Di tangan seorang penulis atau wartawan yang berketrampilan, ia boleh menolong membina atau merosakkan.

Dalam zaman apabila penulisan seseorang boleh mencapai beratus-ratus juta orang di seluruh dunia, adalah menakutkan untuk berfikir apa yang boleh berlaku jika penulis bertujuan jahat. Sebaliknya, jika tujuannya baik, berapa banyakkah faedahnya diperoleh dunia.

Di kebanyakan negara di dunia ini penanganan senjata adalah dikawal dan dihadkan. Agensi-agensi yang memerlukan senjata adalah dikawal dan dihadkan. Agensi-agensi yang memerlukan senjata adalah dilatih dan didisiplin dalam penggunaannya dan dikawal selia secara ketat. Polis dan pasukan bersenjata mahir dalam penggunaan senjata tetapi mereka bekerja di bawah peraturan yang tegas.

Pada hakikatnya, mereka biasanya diletakkan di bawah autoriti sivil yang tidak pun memegang senjata. Dalam dunia hari ini, kerajaan oleh orang yang memegang senjata tidak digemari. Kita semua tahu sebabnya.

Dan sekarang ini kita berhadapan dengan satu lagi: Kuasa korup, dan kuasa mutlak korup semutlaknya.

Oleh kerana akhbar boleh menggunakan kuasa yang boleh membina atau meruntuhkan kerajaan, tidakkah mungkin ia boleh dikorupkan? Jika tidak ada kritikan terhadap kebebasan akhbar dan akhbar dibenarkan kebebasan tanpa dilesenkan, tidakkah akhbar dikatakan menggunakan kuasa secara mutlak dan tidakkah ia dikorupkan secara mutlak?

Saya kemukakan soalan-soalan ini kerana sebagai seorang yang mengetuai kerajaan, saya tentunya diberi kuasa. Jika saya dijangka oleh akhbar untuk memberi kebebasan kepadanya untuk mengkritik dan membidas, dan mungkin

menjatuhkan kerajaan yang saya pimpin, tidakkah boleh akhbar, yang juga diberikan kuasa yang besar, menerima kritikan bukan akhbar terhadapnya?

Jika akhbar tidak menyukai kerajaan mempunyai kuasa yang mutlak, jadi dengan nada yang sama akhbar janganlah menggunakan kuasa mutlak dalam membentuk pendapat awam.

Akhbar di Malaysia adalah bebas. Tetapi ini kerana kerajaan tidak mempunyai cara untuk membuat akhbar bersetuju dengan apa yang kerajaan katakan. Tetapi hakikat yang akhbar boleh mengatakan yang akhbar tidak bebas, bermakna akhbar itu bebas. Jika tidak, ia akan hanya melantunkan balik apa yang kerajaan katakan. Oleh yang demikian secara paradoksnya akhbar itu bebas apabila ia mengatakan ia tidak bebas, dan ia tidak bebas apabila ia mengatakan ia bebas.

Saya ingin meninggalkan fikiran-fikiran ini kepada anda.

Akhbar Cina di Asia Tenggara, memberi khidmat kepada komuniti minoriti yang cukup berpengaruh di negara-negara berkenaan. Sebagaimana yang dinyatakan, dalam banyak negara di Asia Tenggara dan Asia Timur terdapat sejumlah besar minoriti Cina. Mereka memainkan peranan penting. Di Malaysia mereka telah membangkitkan gerakan militan yang berlanjutan hingga 42 tahun. Sebaliknya mereka juga banyak menyumbangkan ke arah kemakmuran ekonomi Malaysia. Oleh yang demikian sikap mereka adalah cukup penting. Hingga ke satu tahap akhbar Cina di Malaysia memberi sumbangan membentuk sikap ini.

Oleh yang demikian konvensi ini adalah sangat menarik kepada kita. Kita merasa anda boleh memberi sumbangan yang banyak terhadap kestabilan dan kemakmuran kita. Kita tahu anda adalah sebuah kumpulan yang bertanggungjawab dan persidangan anda akan menolong akhbar Cina mengenal

pasti peranan yang akan dimainkan dalam masyarakat yang berlainan yang ia merupakan sebahagian daripadanya.

- * Terjemahan ucapan Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad di Konvenyen Surat Khabar Cina di Kuala Lumpur pada 10 Disember 1990.

19 **Penipuan Atas Nama Kebebasan Akhbar***

Dalam Perang Dunia Kedua, Dr. Goebbels menyempurnakan seni separuh kebenaran... Kita tidak mempunyai seorang Dr. Goebbels di mana-mana pun sekarang. Tetapi apabila masyarakat dunia menerima bahawa kebebasan akhbar memberi hak untuk memaksa dan membentuk penipuan, kita sebenarnya mem-benarkan sekurang-kurangnya sebahagian daripada amalan Dr. Goebbles.

Kejadian nampaknya bergerak dengan begitu pantas hari ini di seluruh pelosok dunia di Eropah Timur, di benua-benua Amerika, di Afrika, dan di Asia, dan sudah tentunya di kawasan kejiranan kita sendiri. Kejadian-kejadian ini sudah pastinya akan memberi kesan kepada arus sejarah – untuk kebaikan atau untuk keburukan. Dengan kemajuan dalam semua bidang komunikasi dunia sekarang ini telah menjadi sebuah perkampungan global dan akibatnya pemikiran atau perkataan atau perlakuan sampai ke telinga dan mata setiap orang sekerap ia berlaku.

Kita duduk dalam rumah dan melihat perang moden di-kendalikan pada ketika ia berlangsung secara *realtime*. Dan negara tidak dapat lagi melindungi daripada rakyatnya tentang apa-apa yang berlaku di bahagian-bahagian lain dunia. Satu daripada hasil besar yang paling menakjubkan ialah pendedahan kegagalan ideologi komunis yang menyebabkan ia ditinggalkan di Rusia dan Eropah Timur.

Tidak dapat dinafikan bahawa kemajuan dalam teknologi komunikasi telah membawa banyak faedah kepada masyarakat manusia. Skop kesedaran mereka tentang dunia yang mereka tinggal menjadi semakin luas. Tempat-tempat jauh dengan nama-nama yang ganjil tidak lagi kelihatan jauh atau ganjil. Pengetahuan yang mengambil seluruh kehidupan untuk diperolehi pada masa lalu kini boleh dipelajari dalam masa satu jam. Terdapat lebih ketelusan dalam hal-hwal manusia dan negara. Jarak tidak lagi memisah, kerana dengan hanya menekan beberapa butang boleh membawa orang ke dalam jarak bercakap antara satu sama lain.

Selari dengan semua perkembangan ini terdapat ledakan dalam industri media, terutamanya media elektronik. Jumlah maklumat yang disebarkan tidak mampu diterima oleh sebarang individu atau masyarakat atau negara. Terlalu banyak berita yang layak dicetak atau untuk disiarkan. Oleh itu berita perlu dipotong kepada potongan kecil yang boleh dihadap, ditafsir, disaring, ditapis, dianalisis, dipilih oleh orang di dalam perniagaan maklumat, sama ada kerajaan atau bukan kerajaan.

Apa yang dilakukan oleh orang ini tidak dapat dinafikan adalah penting. Tanpa penyampaian yang sempurna, berita boleh mengelirukan dan tidak boleh dihadap. Oleh yang demikian sesetengah orang mesti meringkaskan dan menyaring apa yang orang ramai patut baca dan apa yang mereka

tidak patut baca. Dan orang ini, sama ada mereka daripada kerajaan atau daripada organisasi bukan kerajaan, mesti mempunyai kuasa agak besar. Dan kuasa, kata orang, mengkorupkan.

Kebebasan akhbar sekarang ini diterima sebagai suatu bahagian yang penting dalam demokrasi. Adalah agak betul penyebaran berita oleh akhbar tidak patut ditekan. Kerajaan telah dapat menguasai (*subjugate*) rakyatnya dengan menafikan berita. Untuk membenarkan kerajaan mengawal akhbar adalah sama dengan pemerintahan totalitarian. Oleh yang demikian sebarang kerajaan yang mengganggu dengan penyebaran berita hendaklah dianggap sebagai tidak demokratik. Seorang yang jumud dalam sebuah dunia yang sekarang ini menerima demokrasi sebagai suatu *article of faith*.

Menyedari bagaimana berkuasanya pengaruh maklumat terhadap minda dan tindakan manusia, dan menyedari juga bahawa adalah tidak mungkin untuk mengedar semua berita sebagaimana ia berlaku dan begitu juga tidak mungkin bagi rakyat untuk menyerap semua berita yang diedarkan, tidak dapat dielakkan yang orang yang terlibat dalam industri maklumat patut memilih sesetengah kejadian untuk dilaporkan dan untuk membuang yang lain.

Sebagai tambahan, sekarang ini diterima yang persembahan berita juga merupakan hak bagi mereka dalam industri maklumat bukan kerajaan. Sekarang ini kita dapati penceritaan sejarah oleh orang yang berlainan dan negara berlainan berbeza dengan besarnya. Dalam sejarah selalunya negara yang satu lagi yang salah. Negara sendiri selalunya betul. Dan seluruh generasi membesar untuk membenci negara-negara lain kerana apa yang ditulis oleh buku sejarah yang mereka tuliskan. Perkara yang sama boleh berlaku dalam laporan harian oleh akhbar. Suatu pandangan yang

terpesong mengenai sesuatu peristiwa boleh disebarkan kerana orang dalam akhbar sebagaimana sejarawan nasional, mempunyai pandangan tertentu.

Tetapi, akhir-akhir ini, telah diterima bahawa penipuan (*lies*) boleh direka atas nama kebebasan akhbar. Dengan senjata yang terus bertambah kuasanya di tangan akhbar, adalah sepenuhnya mungkin bagi akhbar bukan saja untuk mewujudkan pandangan dan pendapat yang seluruhnya salah, tetapi sebenarnya menjejaskan kestabilan dan begitu juga ekonomi negara. Dan kejadian telah menunjukkan bahawa pelindung dan pengamal kebebasan akhbar tidaklah segan silu untuk menggunakan lesen yang tidak terhad ini. Cara baru dan yang lebih mendedahkan terus direka supaya penipuan (*lies*) boleh diterima sebagai kebenaran.

Dalam masa Perang Dunia Kedua, Dr. Goebbels dari Jerman di bawah pemerintahan Nazi, menyempurnakan seni separuh kebenaran sebagai suatu cara untuk mengukuhkan sokongan di kalangan rakyat Jerman, pertama sekali kepada parti Nazi dan kemudian kepada cita-cita perluasan wilayah Jermanya. Hari ini, kita memikirkan bagaimana orang Jerman yang berbudaya tinggi dan berperikemanusiaan boleh melakukan peristiwa ngeri Belsen dan Auschwitz, mengganas dan membunuh Yahudi dan kemudian mengagung-agungkan keganasan mereka. Jawapannya terletak kepada keberkesanan jentera propaganda Dr. Goebbels. Orang Jerman yang paling lemah lembut pun boleh dijadikan seekor haiwan jika diberi maklumat terpilih sebagaimana yang dilakukan oleh jentera propaganda Dr. Goebbels.

Kita tidak mempunyai seorang Dr. Goebbels di manamana pun sekarang. Tetapi apabila masyarakat dunia menerima bahawa kebebasan akhbar memberi hak untuk memaksa dan membentuk penipuan, kita sebenarnya membenarkan sekurang-kurangnya sebahagian daripada amalan

Dr. Goebbels. Hasilnya bukanlah haiwan ganas yang bermaharajalela seperti Nazi Jerman tetapi tentulah ada orang yang begitu berprasangka sehinggakan tidak dapat lihat apa saja yang betul mengenai orang lain. Satu lagi kesan dunia yang sedang mengecil dan berita serta-merta ialah evolusi suatu akhbar dunia. Bahasa adalah suatu faktor yang cukup penting dalam akhbar dunia. Jelas sekali suatu surat khabar yang disebar keseluruh pelosok dunia, katakan dalam bahasa Mongolia, jika rakyat Mongolia mempunyai wang untuk melakukannya, tidak akan mempunyai banyak impak ke atas pendapat awam di dunia. Untuk menjadikannya berkesan, bahasanya mestilah yang difahami oleh sejumlah besar orang di dunia ini. Dan bahasanya ialah bahasa Inggeris. Oleh yang demikian, tidaklah memeranjatkan bahawa negara-negara berbahasa Inggeris pada amnya mengawal akhbar dunia. Negara-negara yang tidak bercakap Inggeris yang juga miskin tidak boleh menulis kepada akhbar dunia untuk memberi pandangan mereka atau versi tentang apa saja berita yang dilaporkan mengenai mereka.

Sebagai akibatnya, negara miskin yang tidak menggunakan bahasa Inggeris merasa terdedah dan tidak ada perlindungan. Jika kebebasan akhbar hendak menjadi bermakna, setiap orang patut boleh mengemukakan cerita di pihaknya. Apa yang kita lihat ialah suatu perlakuan sebelah pihak kebebasan itu. Mereka yang tidak mempunyai celusan kepada akhbar dunia tidak mempunyai kebebasan.

Kita banyak bercakap mengenai hak asasi manusia, keadilan dan *fair-play*, dan sebagainya. Soalan yang mesti ditanya ialah sama ada terdapat keadilan dan *fair-play* apabila hanya orang tertentu boleh mempengaruhi minda masyarakat dunia, dan sama ada hak asasi manusia tidak dinafikan apabila seluruh negara dinafikan hak menyatakan pendapat mereka dan kebebasan untuk memberi pandangan

mereka. Adakah kebebasan akhbar hanya merujuk kepada mereka yang mengawal kebebasan akhbar dalam sesebuah negara dan bukan terhadap mereka yang mengawal kebebasan orang ramai untuk menyuarakan pandangan mereka dalam akhbar? Adakah ada kebebasan akhbar apabila sesetengah negara boleh menyuarakan versi mereka mengenai kebebasan dan yang lainnya tidak boleh?

Beberapa tahun lalu terdapat suatu usaha oleh negara miskin untuk mereformasi tatacara maklumat antarabangsa. Lazimnya, ada simpati untuk yang miskin, tetapi tidak ada simpati ditunjukkan kepada usaha negara miskin untuk memperoleh celusan kepada media antarabangsa dan kepada liputan berita yang adil. Satu daripada agensi Bangsa-Bangsa Bersatu diancam untuk dipotong sumber kewangannya jika ia melayan rayuan daripada negara miskin. Dan dengan begitu tergesa-gesa tatacara baru maklumat dunia dilontar keluar. Hak untuk memalsu, untuk menceritakan penipuan, dan melakukan liputan yang terpilih dan terpesong mengenai negara miskin terus kekal.

Negara Asean adalah satu kumpulan negara membangun yang berhasrat untuk mencapai kemajuan yang secepat mungkin ke arah tahap negara maju. Walaupun secara perbandingan negara-negara Asean telah agak berjaya, sebagai negara membangun negara-negara ini mempunyai semua kelemahan berkaitan dengan status demikian. Untuk membangun negara-negara ini memerlukan halangan yang paling kurang.

Satu daripada prasyarat yang paling penting bagi negara-negara ini ialah kestabilan politik. Prasyarat ini hanya boleh dicapai jika rakyat mengetahui apa yang berlaku (*well-informed*), bertanggungjawab, dan sedar mengenai hasil daripada tindakan mereka.

Demokrasi memberi rakyat hak dan kebebasan bertindak.

Tetapi hak dan kebebasan bukanlah entiti bebas lepas. Ia mesti diiringi oleh suatu perasaan tanggungjawab. Oleh yang demikian bagi sebuah demokrasi untuk berjaya rakyat mesti menghayati bukan saja hak mereka tetapi juga tanggungjawab mereka. Ini hanya boleh dicapai melalui suatu proses pendidikan formal dan tidak formal berkaitan demokrasi, sebagaimana yang kita semua tahu adalah suatu konsep asing.

Dalam bidang pendidikan tidak formal Kementerian Penerangan, agensi dan jabatan kerajaan mempunyai peranan yang besar untuk dimainkan. Adalah menjadi tugas kerajaan memberi bimbingan tanpa menukar sesebuah demokrasi menjadi sebuah demokrasi terpimpin. Garis antara sekadar membimbing dan menjadi demokrasi terpimpin adalah sukar untuk digaris. Terlalu sedikit bimbingan mungkin menyebabkan ketidakbertanggungjawaban, terlalu banyak boleh melemahkan (*negate*) demokrasi.

Sebaliknya rakyat mesti mengetahui adalah untuk kepentingan mereka untuk bertanggungjawab dalam melaksanakan kebebasan demokrasi. Mereka mesti mengetahui tidak ada monopoli oleh sesiapa dalam menafsir dan melaksanakan demokrasi. Mereka mesti mengetahui yang demokrasi bermaksud untuk berkhidmat kepada rakyat. Perlaksanaan hak demokrasi sehingga rakyat berterusan mengalami ketidakstabilan, tidak selamat, perkembangan ekonomi yang rendah atau negatif nampaknya akan melemahkan objektif menjadi demokratik. Sebaliknya, dalam semua hal, bukanlah demokrasi yang patut disalahkan tetapi kegagalan untuk memahaminya, atau lebih buruk lagi, memutarbelitkan demokrasi oleh orang yang berkepentingan.

Mereka yang memahami cara perjalanan demokrasi dan hadnya dapat memperoleh faedah maksimum daripada sistem itu. Penerimaan secara melulu interpretasi demokrasi

oleh orang lain dan penyerahan tanpa soal amalan-amalan tertentu, misalnya hak untuk memalsu dan memberitahu penipuan, akan menggugat bukan saja negara demokrasi yang masih lemah tetapi juga sistem demokrasi sendiri. Negara-negara ini tidak boleh diterima oleh negara-negara Asean.

Kerajaan mempunyai tanggungjawab untuk melindungi demokrasi dan kebebasan, tetapi juga untuk membawa perubahan sosial dan kemakmuran ekonomi kepada rakyatnya. Manakala kerajaan tidak patut menekan kebenaran, manakala patut ada kebebasan akhbar dan pengaliran bebas maklumat, kerajaan akan gagal dalam tanggungjawabnya jika ia benarkan penyalahgunaan kebebasan akhbar sehingga penipuan boleh disebarkan dan kestabilan dan kemakmuran ekonomi rakyat digugat.

Menteri-menteri Asean yang bertanggungjawab terhadap penerangan menghadapi tugas yang amat berat. Mereka terpaksa bertanggungjawab kepada bukan saja pengaliran bebas maklumat tetapi juga menentukan kestabilan negara mereka. Akan ada banyak peristiwa apabila kedua-duanya tidak serasi, apabila tanggungjawab untuk pembangunan negara mereka nampak bercanggah dengan kepercayaan dalam kebebasan demokrasi. Tidaklah mudah, misalnya, untuk mengharamkan sesebuah surat khabar atau mengusir seseorang wartawan. Anda tidak lakukan perkara-perkara seperti itu tanpa dibelasah oleh kuasa keempat dan mereka yang memikirkan diri mereka lebih baik daripada kita.

Oleh yang demikian toleransi mestilah digunakan hingga ke maksimum. Tetapi toleransi tidak perlu apabila ada bukti penipuan yang disengajakan yang menggugat negara.

Mesyuarat ini akan membolehkan menteri-menteri Asean bertukar-tukar pengalaman untuk membincangkan cara terbaik media boleh digunakan untuk tiap-tiap negara Asean.

Adalah diharapkan menteri yang bertanggungjawab bagi penerangan akan dapat bekerjasama dengan baik. Adalah penting untuk mengingatkan bahawa kestabilan sebuah negara Asean akan menjejaskan sebuah negara lain dan rantau ini.

- * Terjemahan ucapan Dato' Seri Dr. Mahathir di Perasmian Persidangan Kedua Menteri-menteri Asean Bertanggungjawab Bagi Penerangan, Kuala Lumpur, 1 April 1991.

20 *Big Brothers Mengawal Media Antarabangsa**

Orang yang mengawal media mengawal fikiran kita, dan mungkin juga mengawal dunia. Dan siapakah yang mengawal media dunia yang berkuasa? Sejumlah kecil orang di Barat mengawal semua media antarabangsa. Sesetengahnya wartawan tetapi yang lainnya bukan. Secara kolektif mereka adalah Big Brothers.

Malaysia adalah sebuah negara membangun dunia ketiga. Kami patut, menurut stereotaip Barat mengenai negara dunia ketiga, merupakan sebuah negara yang tidak stabil, tidak cekap dari segi pentadbiran dan ekonominya.

Tetapi kami tidaklah sedemikian. Kami sebenarnya membuat kemajuan. Kami agak stabil walaupun terdapat bom jangka pelbagai kaum yang kami warisi daripada sejarah kolonial kami. Kami agak cekap dalam mengendalikan hal-ehwal kami. Begitulah kemajuan kami dan kami sebenarnya bercadang membina bangunan-bangunan yang sepatutnya merupakan hak orang yang lebih baik daripada kami.

Dan kami berani menyatakan pendapat kami.

Ini adalah dosa yang tidak boleh diampunkan dan kami sentiasa diingat kami tidak patut bercita-cita terlalu tinggi. Kami diberitahu bahawa kejayaan kami adalah sementara, bahawa tahun hadapan kami akan menjadi negara dunia ketiga sebagaimana yang mereka jangkaan. Sudah semestinya tahun sudah dan tahun-tahun sebelumnya kami diberitahu perkara yang sama. Tetapi setakat ini kami tidak mengakurnya. Bagaimanapun, dengan rendah hati kami sedar bahawa tidak ada yang kekal. Pihak yang tidak menyetujui kami mungkin juga terbukti benar.

Bahawa kami berjaya dan kami tidak memerlukan sangat bantuan pembangunan mereka nampaknya tidaklah sesuatu yang harus dipuji. Namun, apabila prestasi negara-negara membangun lain tidak baik mereka dibidas dan diberitahu supaya melakukan lebih baik, jika tidak mereka tidak akan mendapat lagi bantuan ataupun pinjaman.

Tetapi kami akan terus berusaha. Kami sebenarnya tidak perlu risau sangat apa yang mereka katakan tentang kami. Malangnya kata-kata negatif ini membuat kehidupan lebih sukar bagi kami.

Kami perlu pelaburan asing. Untuk mendapatnya kami perlu reputasi dari segi kestabilan, kecekapan dan yang boleh diharapkan (*predictability*). Tetapi apabila para pelabur diberitahu berulang kali bahawa kami hanya menunggu masa untuk meletup dalam keganasan kaum, dan sebagainya, mereka berkemungkinan akan melabur di tempat lain. Sudah semestinya apa yang dikatakan mengenai kami adalah tidak benar. Tetapi orang ini nampaknya mempercayai diktum, iaitu sesuatu pembbohongan itu jika diulang berkali-kali akan dipercayai.

Kami amat mengambil berat tentang kehidupan rakyat kami. Kami mahu membangun untuk memberi mereka taraf hidup yang berpatutan. Tetapi kami tidak boleh dipaksa

tunduk hingga tidak dapat menyatakan pikiran kami. Jika negara berkuasa melakukan kesalahan, kami akan menyuarakan tentangan kami sekalipun mereka mengatakan kami terlalu mengesyaki, bahawa kami rasa kami terlalu penting, dan sebagainya. Kami boleh diperkecilkan tetapi kami akan terus bercakap yang benar.

Di Bangsa-Bangsa Bersatu di sini kami akan katakan apa yang kami rasa kami patut katakan. Sudah semestinya media Barat "bebas" yang terkawal tidak akan menerbitkannya. Tetapi beberapa orang di sini akan mendengar kami. Walau apa pun apa yang kami capai itu yang penting kepada kami. Kami boleh lakukan tanpa persetujuan pihak Barat.

Empat atau lima tahun lalu dunia merayakan kehancuran "Empayar Kejahatan" yang dijangka berlaku. Pada ketika itu Soviet Union masih utuh, tetapi semua tanda-tandanya menunjukkan ia telah menyerah kalah; bahawa ia telah menyesuaikan dirinya dengan seteru utamanya, negara-negara Barat yang digelar Dunia Bebas, dan bahawa Perang Dingin sudah mula berakhir.

Keamanan pecah di seluruh dunia dan banyak cakap-cakap mengenai "dividen keamanan". Perlumbaan senjata akan berakhir, akan wujud perletakan senjata nuklear, dan sebagaimana kata pepatah, senapang akan ditukar menjadi tenggala, sebuah dunia baru akan lahir; saksama, adil dan makmur. Tidak ada tekanan *oppression*, tidak ada ketakutan (*terror*) dan tidak ada kemiskinan atau kelaparan.

Semua orang akan memeluk demokrasi dan ekonomi pasaran, berpindah dari pemerintah *authoritarian* dan ekonomi komand (*command economy*) tanpa sebarang kesulitan. Dan seorang polis sejagat (*global*) akan memastikan setiap negara akan patuh atau hadapi akibatnya "dividen keamanan" tidak ada akhirnya.

Adalah silap untuk mengatakan bahawa tidak ada lang-

sung "dividen keamanan" – Perang Iran-Iraq, penaklukan Afghanistan oleh Soviet Union, perang di Kemboja, sesetengah perang di Amerika Tengah, dan sekarang konfrontasi ganas rakyat Palestin-Israel, dan apartheid di Afrika Selatan, ini dapat diselesaikan, separuh atau sepenuhnya. Tetapi dunia tidak menjadi lebih selamat atau lebih baik bagi sejumlah besar manusia.

Soviet Union tidak menjadi pengamal demokratik perdagangan bebas, bekerja dengan orang baik untuk dunia yang lebih baik. Ia berpecah menjadi beberapa republik, dan Rusia telah menjadi berbahaya sekali dari segi kestabilannya dan tidak mudah diperintah. Pemimpin besar yang membawa reformasi Perestroika dan Glasnost telah disingkirkan dan dihina dan beliau digantikan oleh seorang lain yang nampaknya tidak pun lebih baik.

Empayar jahat sudah tidak ada. Tetapi harga dari segi nyawa manusia dan penggantian (*displacement*) orang adalah tinggi. Dan harganya masih terus dibayar.

Di Georgia, Moldavia, Armenia, Azerbaijan, Tajikistan, banyak kemusnahan dan banyak pembunuhan telah berlaku dan masih terus berlaku. Struktur ekonomi lama telah dimusnahkan, tetapi struktur yang baru jauh sekali terbina. Kekacauan, kekacauan berdarah, wujud di banyak tempat.

Jauh sekali daripada mencapai keamanan sejagat dunia sekarang ini ditunjukkan keganasan yang tiada tolok bandingnya oleh Serb di Bosnia-Herzegovina. Dalam banyak negara Eropah fasisme sekali lagi menjengul kepala huduhnya. Rumah-rumah dibakar dan orang dibakar hingga mati. Dan para pengundi sebenarnya menyetujuinya.

Dalam masa Perang Dingin protagonis sentiasa mencuba untuk membangkitkan (*provoke*) penentangan terhadap kerajaan negara-negara yang mereka tentangi. Mereka akan memberi bantuan kewangan dan bahan dan dengan janji.

Mereka akan lindungi pemberontak ini atau memberi mereka suaka.

Dengan runtuhnya blok komunis, rakyat di situ mengharapkan pertolongan apabila mereka menjatuhkan kerajaan komunis mereka dan mewujudkan masyarakat pasaran bebas yang demokratik atau mereka mengusahakan kemerdekaan bagi negara mereka. Dalam sesetengah hal mereka dapati jangkauan mereka wajar. Slovenes dan Croats mendapat sokongan penuh Eropah dan dapat membentuk negara-negara baru. Tetapi rakyat Kurd Iraq dan Bosnia mengetahui apa yang mereka fikir salah. Adalah secara tidak sengaja kedua-duanya masyarakat Islam.

Kes yang paling tragik ialah mengenai Bosnia-Herzegovina. Jenayah orang Islam ialah mereka mengharapkan sebuah negara *heterogenous* bukan Islam dari segi agama. Mereka diserang dengan ganasnya oleh Serb yang dengan secara terbuka mengistiharkan bahawa mereka melakukan ini untuk memastikan Eropah kekal Kristian. Mereka tidak dihalang oleh Eropah.

Keganasan yang dilakukan oleh Serb tidak dapat dibayangkan. Dalam satu kes, yang menyebabkan para pegawai sebuah negara besar Barat meletakkan jawatan kerana kepasifan kerajaannya.

Seorang kanak-kanak berumur 6 tahun dirogol berulang kali di hadapan emaknya yang bukan saja terpaksa melihat tetapi dihalang daripada memberi sebarang bantuan sehingga kanak-kanak kecil itu meninggal dunia selepas dua hari di tempat lapang.

Ini bukanlah satu insiden yang terpencil. Berpuluh-puluh ribu wanita Islam, tua dan muda dan gadis kecil dirogol, dikasari dan dibunuh oleh Serb dan sekarang ini oleh Croat.

Beratus-ratus ribu Muslim telah terbunuh dan sedang

mati dan kira-kira dua juta telah dipaksa meninggalkan bandar dan kampung mereka yang terbakar.

Dan apa yang dilakukan oleh juara kebebasan dan demokrasi? Mereka sebenarnya menghalang mangsa daripada mempertahankan diri mereka. Sebaliknya mereka cuba memaksa mangsa menerima pemecahan dan penyerahan wilayah mereka yang sudah dibersihkan dari segi etnik oleh Serb dan Croat. Begitulah agaknya hadiah yang harus diberikan kepada perogol dan pembunuh? Hanya yang paling mudah percaya masih terus percaya bahawa pejuang kebebasan dan demokrasi yang berapi-api akan menyerah tengkuik mereka untuk kebebasan dan demokrasi orang lain.

Malaysia ingin merakamkan kepuasan hatinya terhadap penerimaan anggota tentera Malaysia untuk berkhidmat dalam pasukan Bangsa-Bangsa Bersatu di Bosnia-Herzegovina. Bagaimanapun, kami kecewa negara-negara Muslim tertentu dinafikan peluang untuk menyertai dalam Unprofor. Nampaknya ketidakpercayaan terhadap Muslim adalah agak meluas.

Malaysia bersedia berkhidmat di bawah siapa saja yang dilantik oleh Bangsa-bangsa Bersatu di Bosnia-Herzegovina. Kami berharap tentera kami akan diberi segala sokongan. Kami tidak akan memprotes jika Bangsa-bangsa Bersatu memutuskan untuk meningkatkan tekanan ke atas Serb, termasuk menggunakan serangan ketenteraan asalkan perediaan yang cukup dibuat.

Apabila dicampurkan "dividen keamanan" terbit daripada berakhirnya Perang Dingin tidaklah begitu besar. Jika ada pun, di sebelah debit adalah lebih besar berbanding dengan sebelah kredit. Contoh yang paling ketara ialah memungkirkan bantuan pembangunan kepada negara-negara membangun yang amat diperlukan.

Apabila membuat penyata kira-kira daripada berakhirnya Perang Dingin seseorang tidak dapat tidak akan menonjolkan dua item penting di sebelah kredit. Perjanjian keamanan PLO-Israel yang ditandatangani baru-baru ini dan antara orang kulit hitam dan kulit putih di Afrika Selatan mestilah dianggap sebagai kejayaan terbesar selepas period Perang Dingin. Haruslah diterima masih banyak yang perlu dirundingi sebelum keadilan boleh diberikan kepada semua pihak dan sebelum keamanan menjadi kekal. Tetapi halangan yang paling getir sudah diatasi.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua pihak yang terlibat kerana pertimbangan yang baik dan keberanian mereka. Pelampau di kedua-dua belah pihak tidak akan gembira. Akan ada banyak lagi keganasan. Tetapi saya yakin mereka yang berjuang untuk keamanan dan pertimbangan yang baik akan sama berani dalam keamanan sebagaimana mereka dalam perang.

Saya ingin menyampaikan tahniah ini kepada orang baik di Ireland Utara. Adalah satu keberanian untuk tidak menyerah kalah sekalipun satu inci. Tetapi ia memerlukan keberanian sejati untuk bertolak ansur.

Seseorang mungkin bertanya kenapa apabila berhadapan publisiti yang meluas tentang kegagalan perundingan keamanan yang ditaja oleh Amerika Syarikat antara PLO dan Israel, tiba-tiba terdapat persetujuan? Jawapannya terdapat dalam kenyataan akhbar. Pertimbangan yang baik tidak boleh lahir apabila media meminta kenyataan dibuat oleh setiap orang sebelum dan selepas setiap sesi perundingan. Pihak perunding dipaksa membuat kenyataan umum, untuk menunjukkan bagaimana kuatnya mereka dan bagaimana mereka tidak akan berganjak walau seinci pun. Selepas membuat pendirian ini mereka tidak akan dapat menerima lagi pertimbangan yang baik.

Dalam perbincangan damai di Norway tidak ada akhbar. Dan pertimbangan yang baik telah berjaya. Terdapat prinsip demokratik yang besar tentang keperluan untuk mengetahui. Adakah kita semua perlu mengetahui setiap butir mengenai setiap perundingan? Adakah setiap penduduk Israel atau Arab di Semenanjung Gaza atau sebarang Tom, Dick dan Harry di seluruh pelosok dunia perlu mengetahui segala-gala mengenai perundingan? Perlukah rakyat Palestin terus dibunuh dan hilang perumahan kerana setiap orang perlu mengetahui apakah yang dikatakan oleh siapa?

Keperluan untuk telusan, hak kepada maklumat ialah suatu rekaan oleh mereka yang ingin memperolehi keuntungan daripada industri maklumat. Kita patut mengetahui tentang kebinatangan Serb di Bosnia supaya kita dapat bertindak balas. Tetapi pengetahuan ini pada amnya dinafikan kepada kita. Sebaliknya, kita ditunjukkan barisan perundingan kepada persidangan damai saban hari. Bolehkah orang kebanyakan membuat sesuatu yang berguna kerana beliau telah melihatnya dalam laporan harian di TV?

Kita hidup dalam zaman maklumat. Ledakan maklumat dalam bidang teknologi maklumat sudah dan akan terus berlaku.

Hari ini kita boleh duduk di rumah dan melihat dan mendengar mengenai sesuatu peperangan sebagaimana ia sedang berjalan, menyaksikan dengan mata dan telinga sesuatu pertandingan ratu cantik ketika ia sedang dihakimi dan melihat pijat di bawah sebuah mikroskop ketika ia sedang berenang, melalui kelir tv. Kita melihat semua ini sebagaimana ia berlaku, di mana ia berlaku tanpa lewat satu saat.

Kita boleh melihat pembunuhan ketika ia sedang dilakukan, penuh dengan butir yang menggerunkan. Dan kita boleh terperanjat dengannya. Tetapi kita juga dapat melihat Michael Jackson melakukan 'perjalanan bulan'nya ketika pembunuhan

beramai-ramai dan penyembelihan beramai-ramai dari jenis yang paling ganas dilakukan pada ketika yang sama.

Apa yang kita lihat dan dengar dan saksikan, ialah media memutuskan apa yang kita patut lihat dan dengar dan saksi. Jika media mahu kita terperanjat dengan pembunuhan beramai-ramai, ia boleh menyiarkan butir-butir terperinci mengenai pembunuhan beramai-ramai. Tetapi jika ia memilih untuk menyiarkan Michael Jackson pada masa pembunuhan beramai-ramai sedang berlaku, kita akan menghentak kaki penuh gembira.

Jelas sekali orang yang memutuskan apa yang patut kita lihat dan dengar memegang kuasa yang besar. Mereka boleh membuat kita menari di jalan-jalan atau mereka boleh membuat kita merusuh di jalan-jalan dan colok di tangan, membakar, mencuri dan membunuh.

Bolehkah kita sangsikan orang seperti ini mempunyai kuasa?

Jangan berlaku silap. Orang yang mengawal media mengawal fikiran kita, dan mungkin juga mengawal dunia. Mereka boleh menaikkan seseorang menjadi Presiden atau menjatuhkannya. Dan mereka sudah lakukan. Negara boleh dipencilkan atau diterima walaupun terdapat pelanggaran hak asasi manusia, bergantung bagaimana media mengemukakannya.

Dan siapakah yang mengawal media dunia yang berkuasa? Bukan kerajaan-kerajaan nasional ataupun negara-negara membangun. Tidak juga kerajaan negara-negara yang kuat. Sejumlah kecil orang di Barat mengawal semua media antarabangsa. Sesetengahnya wartawan tetapi yang lainnya bukan. Secara kolektif mereka adalah *Big Brothers*.

Sekarang ini mereka mempunyai senjata yang lebih berkesan dalam bentuk rangkaian TV sejagat. Hari ini mereka menyiarkan berita yang berat sebelah. Besok mereka akan

menyiarkan gambar lucah untuk mengkorupkan anak-anak kita dan merosakkan budaya kita. Mereka sudah lakukan ini di Eropah.

Hari ini kita masih lagi boleh mengawal penerimaan penyiaran kita. Masanya sedang berlaku dengan cepat apabila hanya penyangkut baju diperlukan untuk menerima siaran TV dari seluruh dunia.

Kita tidak ada tempat untuk berundur. Negara-negara kecil sudah pun dituduh tidak demokratik dan menghadkan kebebasan kerana kita tidak membenarkan penerimaan rangkaian TV antarabangsa. Kami berharap ia adalah kerana orang yang menuduh kami benar-benar mempercayai dalam kebebasan akhbar. Tetapi kami mengesyaki ia adalah kerana mereka memonopoli media dunia dan mereka boleh mendapat untung besar daripada kebebasan mereka tekankan setiap negara patut ada.

Malaysia percaya dalam kebebasan akhbar. Tetapi kebebasan itu, sebagaimana dengan kebebasan lain dan hak, mestilah diiringi oleh tanggungjawab. Kami akan terus menjangka media Malaysia bertanggungjawab. Kami tidak akan melepaskan keperluan untuk menguatkuasakan tanggungjawab ini. Tetapi bagi akhbar antarabangsa kami hanya boleh berharap dan berdoa mereka akan menyedari kerosakan yang mereka sedang lakukan. Kami tidak akan ganggu mereka. Mereka bebas untuk melaporkan dan menulis apa saja pembbohongan. Tetapi kami berharap sekali-sekala mereka juga membuat liputan perkara yang benar juga.

Kita selalu sangat mendengar perlunya menstruktur Bangsa-Bangsa Bersatu. Kita perlukannya kerana dunia sudah berubah. Ia bukan lagi dunia sebaik selepas Perang Dunia Kedua yang kita ada hari ini.

Manusia yang menjerumus dunia ke dalam perang yang menggerunkan sekarang ini merupakan manusia baik, mem-

beritahu dunia bagaimana menjadi berperikemanusiaan. Penakluk kejam satu ketika lalu adalah penyelamat yang baik membahagi-bahagikan bantuan kepada yang memerlukan. Tidak adakah sentiasa tidak ada ruang untuk orang yang berubah?

Kita bercakap tentang demokrasi sebagai satu-satunya sistem kerajaan yang dapat diterima. Ia begitu baik hingga kita tidak sabar menunggu proses demokrasi supaya diterima oleh setiap negara. Ia mesti dipaksa ke atas setiap orang sama ada ia dialu-alukan atau tidak. Namun apabila ia tiba kepada Bangsa-Bangsa Bersatu kita menolak demokrasi. Dan aspek yang paling tidak demokratik dalam Bangsa-Bangsa Bersatu ialah kuasa veto Lima Anggota Tetap. Kami boleh menerima sesetengah pemberat untuk mereka, tetapi bagi setiap mereka, secara sendiri, menjadi lebih berkuasa daripada seluruh anggota Bangsa-Bangsa Bersatu tidaklah dapat diterima, bukan dahulu, bukan sekarang dan bukan untuk masa depan. Buat masa ini bolehlah ada beberapa anggota tetap. Tetapi kuasa veto haruslah dihapuskan. Satu formula mestilah dicari bagi anggota tetap yang baru untuk menduduki majlis keselamatan. Apa pun kelayakan yang lain, ia mesti termasuk minat yang tulen dan jujur dalam kebajikan antarabangsa.

Di mesyuarat peringkat menteri di Vienna tahun ini suatu takrif yang lebih meluas tentang hak asasi manusia dikemukakan. Banyak negara seperti Malaysia ditohmah di Vienna kerana dikatakan enggan menerima kesejagatan hak asasi manusia. Kami menerima kesejagatan hak asasi manusia tetapi tidak kepada jenis yang tidak bertanggungjawab yang diperjuangkan oleh Barat. Hak asasi manusia bukanlah suatu lesen untuk berbuat apa saja tanpa memikirkan hak orang lain. Hak majoriti sama sahnyanya dengan hak minoriti atau individu. Sesuatu masyarakat mempunyai hak untuk

melindungi dirinya daripada pelaksanaan hak tanpa kawalan oleh individu atau satu kumpulan minoriti yang di Barat telah menyumbang kepada runtuhnya moraliti dan struktur masyarakat manusia.

Jika hak individu atau minoriti begitu suci (*inviolable*) anda harus membenarkan kebangkitan Nazisme dan kegiatan *racists* ganas mereka di Eropah dan di mana saja. Tetapi adalah jelas sekurang-kurangnya Barat masih memikir keganasan *racist* adalah salah. Kami juga berharap mereka akan menerima bahawa kebebasan daripada kemiskinan dan cita-cita untuk membangun adalah unsur hak asasi manusia yang penting. Akhir sekali negara-negara seperti Malaysia mesti membantu pengajaran tentang hak asasi manusia daripada orang yang dengan rela membenarkan dan hingga ke satu tahap membantu pembersihan etnik di Bosnia-Herzegovina. Sehingga mereka membersihkan diri mereka di situ, semasa cakap-cakap mereka mengenai hak asasi manusia berbunyi kosong.

Senarai kesengsaraan negara membangun dan dunia nampaknya tidak akan berakhir. Sebenarnya senarainya tidaklah lengkap. Perdagangan dan perlindungan, bantuan dan hutang, UNCED dan tekanan ke atas isu alam sekitar, Antartika dan banyak lagi tidak disentuh langsung.

Dunia dalam tempoh selepas Perang Dingin bukanlah tempat yang terlalu tidak baik. Tetapi bagi negara-negara membangun, termasuk Malaysia, tidak banyak yang boleh dibanggakan.

Satu kenyataan di Perhimpunan Bangsa-Bangsa Bersatu tidak akan menukar dunia. Tetapi sebenarnya tidak ada tempat lain kesengsaraan dunia ketiga boleh didedahkan. Tidak mendedehkannya sama seperti menggalak keangkuhan kebesaran di pihak mereka yang paling bertanggungjawab dan pada masa yang sama memaksa kebaikan mereka dan

mengajar orang lain. Sekalipun faedahnya kecil sekali, kebenaran mestilah diberitahu sekali-sekali.

- * Terjemahan kenyataan Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad di Sesi Pleno ke-48 Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu pada 1 Oktober 1993.

Bibliografi

- Abdul Razak 1985. "An Overview of conceptual Framework", dlm. *Press Laws and Systems in Asean States*. Jakarta: Confederation of Asean Journalists, hlm. 1 – 10.
- Achal Mehra, 1989. *Press Systems in Asean States*. Singapura: AMIC.
- Ahmad Rejal Arbee 1990. "Malaysia" dlm. Hamelink, Cees J. & Achal Mehra *Communication Development and Human rights in Asia*. Singapura: AMIC.
- Das K. 1987. *Malay Dominance?* Kuala Lumpur: K. Das Ink.
- Dewan Budaya Mei 1994. "Agenda: Akhbar, Negara dan Rakyat."
- F.S. Siebert, Peterson T, Schramm, W. 1956. *Four Theories of the Press*. Chicago: University of Illinois.
- J. C. Merrill 1989. *The Imperative of Freedom: A Philosophy of Journalistic Autonomy*. New York: Hastings House Publishers.
- Mohamed Suffian 1989. *An Introduction to the Legal System of Malaysia* (ed. ke-2), Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.

New Straits Times 1995. "Workers' W. Strike Led to Separation". 15 Julai.

Utusan Malaysia. 1972. "51% Saham Perusahaan Akhbar Perlu Dimiliki Rakyat Sendiri Harun". 5 Mac.

Utusan Malaysia 1972. "Akhbar-akhbar Digesa ambil Pekerja Berbagai Kaum". 6 Mac.

W.A. Haggen 1981. *World News Prism*. Ames: The Iowa State University Press. Martin, L.J. & Chaudhary, A.G. 1983. *Comparative mass media systems*. New York: Longmans.

W.P. Davidson 1982. *Mass Media Systems and Effects*. New York: CBS College Publishing.

Indeks

- | | | | |
|--|-----------------|------------------------------------|--------------|
| 13 Mei 1969 | 158 | Aziz Ahmad | 12 |
| Abdul Kadir Jasin | 24 | <i>Berita Harian</i> | 26 |
| Ahmad Rejal Arbee | 28 | Bernama | 28 |
| Akta Hasutan | 25, 40 | Bosnia-Herzegovina | 59, 213, 221 |
| Akta Kawalan Penerbitan Yang Diimport 1958 | 13 | <i>Buy British Last</i> | 60 |
| Akta Keselamatan Dalam Negeri | 25, 40 | Dasar Komunikasi Negara | 107 |
| Akta Mesin Cetak 1948 | 6, 13 | Dasar Pembangunan Negara | 23 |
| Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 | 3, 6, 7, 14, 24 | Dr. Goebbels | 204 |
| Akta Rahsia Rasmi | 25, 40 | <i>Dull News</i> | 84 |
| Aliran | 7, 14, 30 | <i>Far Eastern Economic Review</i> | 13 |
| ANN | 96 | | |
| Anugerah Akhbar | 103 | | |
| <i>Asian Wall Street Journal</i> | 60 | | |
| ASIOCOM | 89, 90, 94 | | |

- Hak Asasi Manusia 58
Harakah 29, 30
Halim 12
Harun Idris 27
- Institut Akhbar Malaysia 46,
163, 186
International Press Institute
93
Investigative Reporting 51
- Jawi Peranakan* 20, 21
- Kebebasan Akhbar 34, 43, 65,
72, 140, 201, 208
Kesatuan Wartawan Kebang-
saan 27, 46
- Lembaga Melayu 20
Look East 101
Look East Policy 101
- Mahamood 12
Management Buy Out (MBO)
29
- Nanyang Siang Pau 28
- Nazisme 59, 221
New Straits Times 13, 20, 27,
35, 88, 96
New Straits Times Press
Berhad 8
*New World Information and
Communication Order* 94
New World Information Order
110
News of The World 174
- OANA 90, 94, 95, 96
Ordinan Mesin Cetak 1948 6
- PENA 34, 71
Perang Iran-Iraq 213
Pergau 15
Pilihan Raya Umum 1990 16
Prince of Wales Island Gazette 3
Printing Press Ordinance 4
- R.H. Hickling 149
Rupert Murdoch 12, 60
- Said Zahari 26
Sin Chew Jit Poh 12
Singapore Chronicle 20

- Sunday Times* 174
 Takrif Berita 60
 Tanggungjawab sosial 22, 44, 164, 177
 Teori Soviet-Komunis 22
The Asian Wall Street Journal 12, 13
The New York Times 135
The Rocket 29
The Star 12
The Straits Times 20
The Sunday Times 15, 60
The Wall Street Journal 193
Time Magazine 122
 Tunku Abdul Rahman Putra 23
 Unesco 90
 Utusan Melayu (M) Berhad 8
Utusan Melayu 20, 25, 29
Watan 12
 Wawasan 2020 23
 Yahudi 57

Penulis



Prof. Madya Dr. Mohd. Safar Hasim ialah pensyarah di Jabatan Komunikasi, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Jurusannya adalah Kewartawanan dan Komunikasi Antarabangsa. Beliau berkelulusan B.A. Hons (Komunikasi Massa), Universiti Sains Malaysia (USM) dalam tahun 1977, M.A. (Mass Communication) University of Minnesota, Amerika Syarikat 1984 dan Doktor Falsafah, UKM, 1993.

Beliau pernah bertugas sebagai wartawan dengan agensi berita nasional Malaysia, Bernama selama 12 tahun. Dalam bidang penyelidikan, beliau memberi tumpuan kepada sejarah akhbar khususnya undang-undang yang berkaitan dengan akhbar. Antarakarya beliau ialah *Pengaliran Berita Antarabangsa di Malaysia, Pilihan Raya Umum: Satu Perspektif Komunikasi Politik 1993* (bersama Syed Arabi Iddid) dan *Perkembangan Sistem Akhbar di Malaysia Sejak 1806*.

